

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 10

Selasa

3 Mac 2009

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
- *Y.B. Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar)* (Halaman 26)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 48)

23 Februari 2009

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri **Datuk Seri Utama** Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
4. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Syed Hamid Albar, S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
5. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
7. ” Menteri Pelajaran, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Semporna) – UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
9. “ Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (Tasek Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. ” Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
16. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) –PBB
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
20. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

21. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
22. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
23. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
24. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
25. ” Menteri Penerangan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
26. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
27. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
28. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Amirsham A. Aziz – *Senator*
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
8. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
12. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
14. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) – MCA

16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
17. “ Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
18. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
21. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
24. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato’ Wan Ahmad Farid bin Dato’ Wan Salleh – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
29. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
30. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
35. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
36. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Maznah Mazlan – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan T. Murugiah – *Senator*

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Tuan Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato’ Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Prof. Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
7. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB

8. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
9. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
10. “ Tuan Ahmad Maslan (Pontian) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. Yang Berhormat Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) – UMNO
14. “ Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
19. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
20. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
21. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
22. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
24. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. “ Tuan Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
26. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
27. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
28. “ **Dato’** Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
29. “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
30. “ Dato Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
31. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. “ Dato Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
36. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
37. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
38. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
39. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
40. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
41. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
42. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrudin Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
44. Yang Berhormat Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
45. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO

46. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
47. “ Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
48. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
49. “ Dato’ Sri Muhd. Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
50. “ Dato’ Mukhriz bin Tun Mahathir (Jerlun) – UMNO
51. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
52. “ Puan Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis) – PBB
53. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO
54. “ Dato’ Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. “ Tuan Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. “ Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
58. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
59. “ Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
60. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
63. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
64. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
65. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
66. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
67. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
68. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
70. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
71. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
72. “ Datuk Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
73. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
74. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Datuk Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang (Batu)

9. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ **Dato’** Johari bin Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
19. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
20. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
21. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
22. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
23. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
24. “ Tuan S. Manikavasagam (Kapar)
25. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
26. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
27. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
28. “ Dato’ Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
29. “ Dato’ Dr. Zainal Abidin bin Ahmad, D.P.M.S. (Hulu Selangor)
30. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
31. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)

17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. “ **Dato’** Haji Mahfuz bin Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. “ **Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut (Kuala Terengganu)**
11. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Nasharudin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Haji Roslan Shaharum (Bukit Gantang)
19. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)

2. “ Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
3. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepangar) – SAPP

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Ganesan a/l Nanthan

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri

Siti Azalia binti Ahmad Tarmazi

Sukmawati binti Abdul Rahman

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariah binti Mohd. Isa

Nordiyana binti Kamal Ariff

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 3 Mac 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh mana ciri-ciri sekolah menengah harian perlu dinaik taraf menyamai sekolah berasrama penuh bagi membolehkan lebih ramai pelajar mengikut pembelajaran yang lebih bermutu di peringkat menengah.

Menteri Pelajaran [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, pendidikan berkualiti untuk semua merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang mengembangkan sepenuhnya potensi institusi pendidikan sehingga membolehkan guru dan murid mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia. Kementerian Pelajaran sedar dan prihatin kepada keperluan mewujudkan sekolah-sekolah khas bagi menampung murid-murid yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PMR memandangkan ramai murid ini tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh.

Sebahagian daripada usaha kementerian untuk mencapai hasrat tersebut, kementerian telah mewujudkan kluster kecemerlangan institusi pendidikan yang melibatkan semua kategori sekolah termasuk sekolah menengah harian. Sehingga kini 23 buah sekolah menengah harian telah dipilih sebagai sekolah kluster kecemerlangan. Semua sekolah dalam kluster tersebut telah pun dikenal pasti sebagai sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya sendiri yang berupaya melahirkan murid yang holistik dalam aspek akademik dan juga kokurikulum.

Sekolah-sekolah ini juga mempunyai bidang kebitaraan, *niche areas* dengan izin, yang menggambarkan watak sekolah. Pewujudan sekolah kluster dalam sistem pendidikan di Malaysia juga bermatlamat membangunkan sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kelompok yang sama dan juga sekolah lain di luar kelompok serta menjadi *showcase* di peringkat antarabangsa.

Selain pendekatan di atas, pembastarian sekolah dalam bidang ICT dan juga perkakas-perkakas ICT bermatlamat dalam usaha kita menaik taraf sekolah harian setanding dengan

sekolah-sekolah bestari yang lain. Semua sekolah dibekalkan dengan kemudahan makmal komputer serta peralatan ICT dengan tujuan kita dapat merapatkan jurang ICT serta memberi peluang sama rata kepada murid sekolah menengah harian untuk mempelajari dan menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kementerian juga sedang mengadakan Kelas Rancangan Khas (KRK) sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara bagi menempatkan murid-murid cemerlang akademik. Antara objektif KRK adalah untuk merealisasikan budaya cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum, kerohanian, keunggulan sahsiah serta keterampilan kepimpinan secara lebih berfokus. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya rasa jawapan berkenaan cukup jelas dan saya sendiri mengalu-alukan langkah yang cukup proaktif, malahan akan memberi ruang yang luas sebenarnya kepada para pelajar yang cemerlang di peringkat UPSR tetapi tidak mendapat tempat di sekolah berasrama penuh. Saya rasa kini ada banyak program rancangan khas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalnya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: ..Untuk pelajar-pelajar UPSR yang mendapat 5A di sekolah menengah. Soalan saya ialah ada berapa sekolah yang mempunyai program seumpama di seluruh negara. Adakah program seumpama ini akan menjadi asas penting kepada langkah proaktif kerajaan untuk menaik taraf sekolah harian menyamai sekolah berasrama penuh agar modal insan yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah ini memenuhi kehendak falsafah pendidikan kebangsaan yang menekankan kepada empat keterampilan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana kini banyak masalah sosial yang timbul kesan daripada pertembungan dengan budaya luar. Mohon jawapan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya di SBP tempat yang sedia ada untuk mereka yang memohon cuma 6,000. Daripada 54 sekolah berasrama penuh ini kita dapat menyediakan hanya 6,000 tempat untuk pelajar-pelajar yang cemerlang tetapi di UPSR 2008 yang mendapat 5A, yang cemerlang, jumlahnya 48,106. Ini jelas menunjukkan bahawa sesungguhnya jumlah mereka yang kita hendak tempatkan di SBP-SBP tidak mencukupi.

Tiga pendekatan yang saya sebutkan tadi iaitu berhubung kait dengan sekolah kluster, sekolah pendekatan pembestarian dan juga sekolah-sekolah dan kelas khas yang kita harap dapat menampung jumlah mereka yang tidak dapat masuk di sekolah-sekolah SBP ini akan dapat kita teruskan. Untuk sekolah kluster sahaja menjelang tahun 2010 kita harap sebanyak 300 buah sekolah telah pun kita kenal pasti dan menyediakan prasarana yang mencukupi.

Pembestarian setakat ini bagi sekolah-sekolah bestari telah pun dikenal pasti sebanyak 88 buah sekolah. Lebih banyak lagi sekolah yang sedang kita rintis supaya ia masuk dalam

kelompok sekolah bestari ini. Mengenai soalan sekolah khas atau kelas-kelas khas tadi, saya tidak mempunyai jumlah sekolah-sekolah yang diminta. Saya akan jawapannya secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekolah tambahan saya ada dua aspek iaitu aspek prasarana dan juga pengisian.

■ 1010

Saya ingin tahu dari segi prasarana ini apa yang telah dibuat untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan kepada sekolah-sekolah harian ini kerana kita ada menerima semacam kompelin daripada guru-guru tentang purata pelajar di dalam sebuah bilik darjah, katanya ada yang sampai 40 orang. Suasana yang tidak kondusif untuk kita melahirkan pelajar-pelajar yang dapat belajar dalam suasana yang ceria dan sebagainya.

Aspek kedua soalan saya ialah berkaitan dengan pengisian. Mutakhir ini semakin banyak kita lihat kes-kes buli. Yang terakhir dalam laporan media hari ini ialah di Kuantan. Kes yang berlaku di Sarawak pun masih belum selesai dibuat siasatan, berlaku pula di Kuantan dan tidak pelik akan berlaku lagi kes yang serupa itu. Apa tindakan kerajaan untuk menghadapi ataupun menangani isu yang semakin serius ini kerana kita lihat ianya memberikan imej yang cukup buruk kepada kaedah sistem pendidikan kita dan juga pembentukan masa depan anak-anak kita di sekolah. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat dari Bachok. Pertamanya saya hendak mengingatkan semua di dalam Dewan yang mulia ini, jumlah pelajar yang berada di bawah jagaan Kementerian Pelajaran melebihi 5 juta pelajar dan bukan semuanya merupakan buli ataupun terlibat dengan kes tidak berdisiplin. Isu kita berhubung kait dengan disiplin pelajar dan guru juga merupakan satu perkara yang perlu kita terus tangannya dan tidak ada noktah dan tidak ada penyelesaian yang muktamad.

Dalam hal ini satu jawatankuasa khas yang saya wujudkan dua tahun dahulu melihat khusus kepada isu ini sedang dan telah pun diinstitusikan di dalam kementerian kita supaya bila wujud kes-kes seperti ini, ianya dapat disiasat, dikaji, diteliti kerana semua orang tahu bahawa saya dalam hal kes-kes disiplin ini tidak kompromi langsung, tetapi ianya harus disiasat secara adil supaya tidak ada mana-mana pihak yang dianiayai dalam siasatan yang dibuat untuk kes-kes tertentu.

Berhubung kait dengan prasarana sekolah pula, seperti Yang Berhormat tahu PIPP kita mempunyai dua pendekatan. Satu, pendekatan ialah untuk melonjakkan sekolah-sekolah yang sudah pun cemerlang kepada tahap yang lebih tinggi seperti sekolah kluster, sekolah bestari dan sekolah khas tadi, tetapi pada masa yang sama usaha kita untuk menyamaratakan padang dan akses pendidikan kepada semua merupakan pendekatan yang paling utama kerana dalam kita hendak melonjakkan beberapa sekolah yang sudah pun cemerlang, sekolah-sekolah yang tidak mempunyai air, api, kemudahan asas dan perlu dinaik taraf, saya harap dapat kita selesaikan

sebanyak mungkin menjelang tahun 2010 iaitu akhirnya tempoh PIPP kita. Itulah harapan saya tetapi kekangan kita hari ini ialah kesan daripada krisis ekonomi dunia sedikit sebanyak tempiasnya akan juga dirasai oleh kita dan itu akan perlu diambil kira dalam kita memberi keutamaan atau *reprioritize*, dengan izin, pendekatan kita di bawah PIPP, insya-Allah.

2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan projek RM4.3 bilion Jambatan Kedua Pulau Pinang apakah kedudukan pemberian tender pakej kedua (superstruktur) dan ketiga (lebu raya darat), siapa dapat, sebab kelambatan, adakah kos berkurangan dengan penurunan harga minyak, adakah tender terbuka, bilakah tarikh persiapan dan adakah ia terjejas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan. Tuan Yang di-Pertua, pakej kedua (superstruktur) telah dianugerahkan kepada UEM Builders Berhad tertakluk kepada persetujuan akhir antara syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSM) dengan syarikat tersebut yang dijangka dapat dimuktamadkan seawal-awalnya pada bulan Mac 2009 berhubung harga kos pembinaan infrastruktur berkenaan.

Sementara itu bagi pakej ketiga, lebu raya darat, pelaksanaan projek akan ditender secara terbuka, dijangka dapat ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berminat pada pertengahan tahun 2010 dan kini JKSM sedang dalam persiapan untuk menyediakan dokumen tender. Ketika ini, terdapat sedikit kelewatan kepada jadual pelaksanaan projek ini disebabkan syarikat kontraktor masih belum dapat memasuki kawasan tapak di kawasan Batu Kawan. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memuktamadkan rundingan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan lima penternak kerang yang terjejas berhubung dengan bayaran pampasan.

Seterusnya JKSM akan membuat bayaran yang berkaitan dan penternak-penternak kerang yang terjejas bolehlah mengosongkan tapak kawasan tersebut bagi membolehkan syarikat kontraktor memasuki kawasan kerja pada awal bulan Mac 2009. Walau bagaimanapun, kelewatan kepada jadual kerja tersebut tidak membimbangkan dan dijangka tidak menjejaskan tempoh siap projek Jambatan Kedua Pulau Pinang iaitu dalam pertengahan tahun 2012.

Kos pembinaan bagi projek ini secara keseluruhan masih tidak berubah walaupun dengan penurunan harga minyak disebabkan kos kontrak telah dihadkan, *capped*, sebanyak RM4.3 bilion tertakluk kepada *variation of price*, dengan izin, bagi beberapa item tertentu. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang masalah yang disebutkan tadi bahawa ada masalah tetapi semua masalah ini telah dimuktamadkan dengan kerajaan negeri kerana sejauh pengetahuan saya, kerana saya telah memberikan arahan kepada semua ahli Exco dan juga semua pegawai kerajaan negeri untuk memberikan keutamaan utama ke atas projek ini. Saya agak tertarik juga tentang kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa ada

sedikit masalah. Saya ingin nyatakan di sini tidak ada sebarang laporan yang saya terima kerana saya terima laporan berkala daripada pegawai saya tentang apa-apa masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerana jawapan tadi saya tidak tahu sama ada terima dengan betul oleh pegawai-pegawai Yang Berhormat. Sekiranya ada apa-apa masalah, saya harap pihak menteri boleh berhubung terus dengan saya ataupun dengan mana-mana pegawai saya kerana ini ialah satu projek penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bagi *telephone number*lah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, ya, saya rasa tidak ada masalah kerana ini adalah satu projek penting yang kita harap disegerakan. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana di sini, saya hendak tahu sama ada *loan package*, pinjaman sebanyak USD800 yang telah diberikan oleh import eksport bank daripada negeri China. Ini telah diselaraskan kerana semua perjanjian sungguhpun telah ditandatangani tetapi sehingga kini pihak Kementerian Kewangan masih belum menyempurnakannya dan ini menyebabkan kesulitan untuk melepaskan wang supaya kerja ini boleh berjalan dengan lebih lancar.

Pada masa yang sama, kerana kita lihat pakej pertama telah berjalan lancar, apakah masalah kelewatan kerana saya percaya bukan dari pihak kerajaan negeri. Apakah masalah kelewatan dan bolehkah ia disegerakan dengan membolehkan kerja-kerja baik daripada pihak UEM ataupun pakej ketiga disegerakan kerana kalau kita lihat dari struktur...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah, tidak apa, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini sudah macam berucap, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bukan, bukan berucap oleh kerana...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Janganlah berucap. Semalam sudahlah tidak datang.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...adakah Yang Berhormat sedar kalau kita lihat dari segi struktur, kalau hendak buat dari vertikal, ini susah tetapi hendak buat dari segi horizontal, ini boleh disegerakan. Sekian.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk soalan pertama itu, kita akan mengadakan hubungan yang rapat untuk memastikan bahawa jambatan ini dapat dipersiapkan dengan kemas dan betul. Niat kita sama, ikhlas juga kerana kita nampak Pulau Pinang sebagai satu hab yang penting untuk *a northern corridor*, dengan izin, kerana prasarannya. Maka sudah tentunya kita akan mengambil keprihatinan terhadap projek ini. Saya akan menghubungi Yang Berhormat sekiranya perlu untuk menerangkan perkara-perkara berkaitan.

Berkaitan dengan China Harbor Engineering Construction yang dikatakan tadi, *awardnya* telah pun dikeluarkan dan dimuktamadkan pada November 2008. Itu adalah pakej pertama untuk *main span and substructure*. Untuk pakej kedua, superstruktur, perundingan sedang dijalankan dengan UUM, tertakluk kepada persetujuan akhir berhubung dengan harga tawaran yang mungkin akan dimuktamadkan dalam beberapa bulan ini, seperti yang saya katakan Mac tadi.

■1020

Pakej ketiganya, lebuhraya darat akan ditender secara terbuka pada pertengahan tahun 2010. Itulah maklumat yang saya boleh bagi. Kita pastikan bahawa projek ini berjaya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa mendengar keputusan daripada kerajaan untuk meneruskan projek pakej kedua merupakan projek mega RM4.3 bilion. Kalau wang ini diagih-agihkan dengan rakyat di luar bandar yang miskin, [*Tepuk*] alangkah bahagiannya mereka.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Zaman meleset ini, mahu mega apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita sekarang ekonomi dunia meleset. Tempias ekonomi menyebabkan negara kita mungkin mufliis tetapi kita teruskan projek yang semua ini. Ada pepatah Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Akan tetapi rakyat di luar bandar di Kinabatangan, di Sarawak, di Bintulu yang berterima kasih kepada kerajaan meminta jalan RM2 juta, RM3 juta payah dapat! [*Tepuk*] [*Dewan riu*] Apa keperluan sangat jambatan ini? Saya mencadangkan kerajaan, kalau boleh *review* keputusan ini.

Seorang Ahli: Batalkan!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Batalkan projek seumpama ini! Kita tidak perlu projek mega!

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tak payah jerit-jeritlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita perlu projek pembangunan untuk rakyat di luar bandar!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jadi, pembangkanglah. [*Ketawa*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kinabatangan tidak jauhlah.

Tuan S.K. Devamany: Boleh saya jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat jawab.

Tuan S.K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. [*Dewan riu*] Akan tetapi, Yang Berhormat Kinabatangan perlu tahu bahawa pembiayaan projek ini dijanakan daripada pihak swasta.

Viability projek ini cukup besar dan tempiasnya akan terkena kepada ratusan dan ribuan subkontraktor dan pekerja. Kerajaan tetap prihatin kepada rakyat. Melalui stimulus pakej satu dan kedua dan pelbagai projek-projek lain, sudah tentunya rakyat tetap terbela. Itu kerajaan!

Keprihatinan rakyat menjadi agenda utama dalam *social safety net*. Saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat Kinabatangan, Kerajaan Barisan Nasional tetap akan membela rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rakyat Pulau Pinang tidak berterima kasih, bagaimana? *[Ketawa]*

Tuan S.K. Devamany: Senyuman daripada Yang Berhormat Bagan menunjukkan mereka berterima kasih. *[Dewan riuh]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berterima kasih kepada Pakatan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih semua Yang Berhormat. Saya berterima kasih Yang Berhormat kalau ikut peraturan.

3. **Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan status pembinaan infrastruktur dan penawaran perkhidmatan oleh pemegang-pemegang lesen bagi teknologi *Worldwide Interoperability for Microwave Access* atau *WiMAX* dan langkah-langkah berbentuk preventif dan punitif yang telah diambil pihak kementerian bagi memastikan pelaksanaan yang mengikut jadual.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat empat pemegang lesen yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menawarkan perkhidmatan *WiMAX* menggunakan spektrum 2.33 gigahertz iaitu:-

- (i) *Packet One Networks* (Malaysia) Sdn. Bhd berjenama *Packet One*;
- (ii) *Asiaspace* Sdn. Berhad berjenama *Asiaspace*;
- (iii) *REDtone CNX Broadband* Sdn. Berhad berjenama *REDtone CNX*; dan
- (iv) *WiMAX Network* Sdn. Berhad atau *WiMAX*.

Kesemua pemegang lesen tersebut telah pun memulakan perkhidmatan ataupun secara *soft launch* pada September 2008 yang lepas. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 656 alat pemancar *WiMAX* telah dipasang di 218 tapak di seluruh negara. Syarikat *Packet One* kini menawarkan perkhidmatan *WiMAX* di kawasan sekitar Lembah Klang, Johor, Negeri Sembilan dan Kedah.

Manakala *Asiaspace* pula menawarkan perkhidmatan di beberapa kawasan di sekitar Lembah Kelang. Bagi *WiMAX Network*, mereka hanya menawarkan perkhidmatan di kawasan sekitar Bukit Bintang. Setakat ini *REDtone* telah menawarkan perkhidmatannya di Bukit Tiga, *Radian Court* dan Pos Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah serta kawasan sekitar Jalan Pending dan Wisma Kristal Taman BBC di Kuching, Sarawak. Hanya *REDtone* yang dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan di Sabah dan Sarawak.

SKMM secara berterusan memantau pelaksanaan perkhidmatan ini dengan perjumpaan berkala dan memberikan kelulusan pengaturan radas. Selain daripada itu, pemegang lesen tersebut juga telah memberikan laporan bertulis kepada SKMM sebanyak dua kali setahun berdasarkan pelan perniagaan lengkap yang disediakan oleh pemegang lesen.

SKMM boleh mengenakan kompaun penarikan lesen atau membenarkan pindaan terhadap pelan perniagaan lengkap sekiranya pemegang lesen berkenaan tidak dapat meneruskan pelaksanaan perkhidmatan seperti yang dijanjikan. Tindakan ini akan dikenakan sekiranya pihak SKMM mendapati pemegang lesen tidak mematuhi pelan mereka dan setelah mempertimbangkan alasan-alasan yang dikemukakan oleh pemegang-pemegang lesen dan fakta-fakta lain yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Umum tahu kadar penembusan internet jalur lebar di Malaysia masih rendah. Oleh sebab itu, kerajaan baru-baru ini bersama-sama dengan sektor swasta melabur untuk *infrastructure* HSBB. Akan tetapi HSBB ini hanya untuk kawasan-kawasan bandar dan *high economic impact zone*.

Di kawasan luar bandar yang terletak di luar kawasan zon pertama ini adalah di bawah dasar *rolled out Broadband for General Population* yang akan menggunakan teknologi seperti WiMAX. Ini penting sebab kita perlu rapatkan jurang digital di antara bandar dan di luar bandar. Jadi soalan saya, apakah status *rolled out* ataupun pelaksanaan di bawah *Broadband for General Population* terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar? Adakah kementerian mula perbincangan dengan syarikat-syarikat perkhidmatan WiMAX untuk mula pelaksanaan BBGP ini? Bilakah dana dari *Universal Service Provision Fund (USP)* dengan izin akan digunakan untuk membawa internet jalur lebar ke kawasan-kawasan luar bandar seperti di Rembau melalui BBGP? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rembau atas keprihatinan beliau berkenaan dengan penebusan jalur lebar dan perkhidmatan internet lebih-lebih lagi di luar bandar. Memang betul apa yang dikatakan Yang Berhormat iaitu HSBB yang akan menelan belanja yang tinggi sebenarnya akan ditumpukan kepada *area* ataupun kawasan-kawasan yang berimpak tinggi.

Namun demikian, *Broadband for General Population* ataupun BGP akan diuruskan untuk menampung kehendak di pedalaman dan penduduk di luar bandar. Begitu juga iaitu kewangan yang telah dikutip dalam *USP Fund* ataupun Dana USP sudah pun sebagaimana yang telah saya katakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Berkenaan dengan penggunaan *USP Fund* tersebut, peraturannya telah ditukar untuk membolehkan SKMM untuk menggunakan dana tersebut dalam tindakan kerajaan dan SKMM melalui SKMM untuk menyediakan infrastruktur-infrastruktur ataupun *facility* di pedalaman. Ini telah pun dilaksanakan dan impaknya akan dirasai berkemungkinan di pertengahan tahun ini.

■1030

Oleh sebab ada tender-tender yang telah dikeluarkan oleh SKMM untuk pengusaha-pengusaha ataupun penyedia perkhidmatan selular untuk mengambil bahagian dalam pembangunan rangkaian melalui menara-menara di kawasan pedalaman lebih-lebih lagi di Sarawak dan Sabah. Terima kasih.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai pelesen WiMAX. Setelah dua tahun lesen itu telah dikeluarkan oleh SKMM, didapati di antara empat pelesen yang dianugerahkan lesen untuk beroperasi dalam khidmat WiMAX ini, setakat ini masih terdapat Asia Space dan juga EYTL Solution Sdn. Bhd. yang masih belum meng*roll out* khidmatnya seperti apa yang ditetapkan dalam *licensing condition*, dengan izin.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan supaya kedua-dua pelesen yang dianugerahkan kuasa mereka untuk meng*roll out* khidmat WiMAX ini. Jika mereka tidak menepati syarat-syarat pelesenan, apakah lesen mereka akan ditarik balik dan diberikan kepada pengusaha yang lain yang bakal meng*roll out servicenya* supaya kadar penebusan *broadband* dapat dipertingkatkan dengan kadar segera. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan Yang Berhormat Jelutong bahawa dua pelesen WiMAX iaitu WiMAX dan Asia Space hanya ada beberapa tempat yang telah *diroll out* dan tidak mengikut jadual kerja yang ditetapkan dalam pelan perniagaan lengkap yang mereka kemukakan. Ini memang betul dari segi cerita yang dari mula tetapi Yang Berhormat mungkin tidak tahu bahawa dalam perjumpaan dan dalam pemantauan SKMM dengan pelesen-pelesen tersebut, pelesen-pelesen tersebut telah pun meminta kebenaran untuk melonggarkan dalam terma-terma pelesenan mereka.

Itu telah dipersetujui oleh SKMM, oleh sebab hujah-hujah dan sebab-sebab kelewatan mereka untuk menjalankan pelan perniagaan mereka adalah munasabah. Ada sesetengah pelesen WiMAX mengatakan bahawa terdapat kerumitan untuk mendapat CPE ataupun *equipment* untuk pelanggan, itu pun memang betul juga Oleh kerana WiMAX Technology adalah belum mencapai tahap kematangan di mana *equipment-equipment* senang diperolehi. Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri tidak menjawab soalan. Adakah lesen itu akan ditarik balik ataupun tidak? Itu soalnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat.

4. Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan dalam membantu penoreh-penoreh

semasa harga jatuh menjunam seperti mewujudkan harga lantai RM3 sekilo dan adakah kerajaan bercadang menyediakan pakej bantuan tambahan kepada penoreh.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedang meneliti dan mempertimbangkan penetapan harga lantai bagi getah kering dengan izin, *floor price* pada paras berdasarkan pendapatan bulanan isi rumah pekebun kecil supaya ianya melebihi paras garis kemiskinan. Sekiranya harga getah jatuh ke bawah paras harga lantai, pekebun kecil akan diberi bantuan sara hidup pada satu kadar yang akan ditetapkan kemudian. Buat masa ini, perkara ini belum lagi diputuskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Mac iaitu kelmarin harga standard *Malaysian Rubber* iaitu SMR20 adalah RM4.97. Paras harga ini masih dapat memberi pendapatan yang baik kepada pekebun-pekebun kecil. Pada harga RM4.97 sekilogram, pendapatan bulanan pekebun kecil getah adalah sebanyak RM1,084 sebulan. Berdasarkan pendapatan yang diperoleh oleh pekebun kecil ini, maka pendapatan tersebut masih di atas paras kemiskinan. Walau bagaimanapun, kementerian saya ada memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran getah.

Antaranya melalui pemberian input pertanian seperti baja dan racun rumpai serta bahan perangsang kepada pekebun-pekebun kecil getah yang menyertai Skim Sistem Torehan Berintensiti Rendah iaitu dengan izin, *Low Intensity Tapping System (LITS)*. Sehingga 31 Disember tahun yang lalu, seramai 9,394 orang pekebun kecil di seluruh Malaysia telah diberi bantuan dan tunjuk ajar di bawah Skim LITS III. Bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak pula kementerian telah menubuhkan Pusat Pemprosesan Getah Berkelompok dengan izin *Group Processing Centre (GPC)* di daerah-daerah pengeluaran getah berbentuk *latex* contohnya di Pitas, di Membakut dan di Kudat, Sabah.

Melalui penubuhan GPC, pekebun kecil dapat menghasilkan getah keping daripada latex yang berkualiti dan seterusnya mendapat pendapatan yang lebih lumayan. GPC ini dilengkapi dengan mesin-mesin pemprosesan getah bermotor untuk kegunaan pekebun kecil secara berkumpulan dan ianya juga dijadikan sebagai tempat untuk memberi latihan, tunjuk ajar dan pemindahan teknologi kepada pekebun kecil.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia juga memberi bantuan khidmat nasihat, tunjuk ajar dan latihan mengenai penggunaan teknologi terkini dan teknologi watan kepada pekebun-pekebun kecil dalam bidang-bidang seperti pembajaan, penyelenggaraan, kaedah dan amalan agronomi terbaik, pemprosesan dan kaedah penorehan yang betul.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua selain dari bantuan-bantuan yang disebutkan di atas pihak RISDA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil untuk tanam semula dan tanam integrasi dengan getah. Sekian.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sering mendengar keluh kesah puluhan ribu nasib penoreh getah di peringkat bawahan cukup tertekan, di mana ada pihak yang mengambil kesempatan untuk menyembunyikan stok getah beku tatkala harga rendah dan melepaskannya ketika harganya tinggi.

■1040

Getah bukan seperti komoditi lain seumpama kelapa sawit yang tidak boleh disimpan secara langsung. Untuk makluman pihak Yang Berhormat Menteri, secara purata penoreh getah di peringkat bawah akan hanya menoreh getah selama enam bulan lebih kurang di dalam tempoh setahun. Ini kerana pelbagai faktor termasuk musim daun luruh dan juga musim tengkujuh dan juga hujan terutamanya di Pantai Timur. Oleh itu tatkala ekonomi global mengucup dan meleset sebegini, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan sistem stok pengimbal bagi getah untuk menstabilkan harga getah di pasaran domestik dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut? Sekian terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan melaksanakan stok setimpal ini memang satu kaedah yang kerajaan buat masa sekarang tidak akan laksana sebab kita mempunyai pengalaman. Dalam sejarah ini kita memang ada satu ketika melaksanakan stok setimpal ini supaya kita boleh mengawal harga pasaran dunia. Akan tetapi apa yang berlaku pada masa itu ialah kita kena serang oleh pembeli di pasaran dunia dan akibat daripada itu kita rugi banyak duit yang kita gunakan untuk membeli stok ini supaya kita boleh simpan stok yang banyak dan tunggu sampai satu hari nanti harga itu naik baru kita jual. Akan tetapi pasaran memang tahu bahawa kita mempunyai stok besar. Disebabkan itulah kita *target* harga itu sampai dia tidak hendak beli dan akhirnya kita tidak ada mencukupi duit untuk membeli keluaran getah daripada pekebun kecil dan estet dan sebab itulah kita rugi banyak. Oleh sebab itu kita tidak akan melaksanakan cara ini.

Akan tetapi kita gunakan cara yang lain. Kita mengadakan mesyuarat dengan pengeluaran besar seperti Thailand dan Indonesia dan ketiga negara kita ini, kita ada satu perjanjian supaya kita boleh *control* berapa kita akan keluarkan kepada pasaran supaya pasaran tahu bahawa kalau tidak hendak jual, Indonesia pun tidak hendak jual dan Thailand pun tidak hendak jual. Seperti itulah cara menyeluruh di mana kita boleh *control* stok yang kita akan keluarkan atau jumlah *raw rubber* ini kepada pasaran dunia. Daripada itu kita mempunyai pengalaman juga bahawa apabila kita ada mesyuarat tiga Menteri dalam negara ini, apabila ada mesyuarat kita hadkan stoknya, jumlah keluarannya harga itu pun naik juga. Dari cara itulah yang kita rasa lebih kesan untuk mengawal harga pasaran dunia.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Komoditi untuk getah dan juga kelapa sawit serta tanaman-tanaman kecil yang lain seperti padi dan lain-lain. Jadi persoalan saya sekarang kadang-kala apabila komoditi ini harga turun, kawalan tidak ada dibuat oleh kementerian. Saya mahu tahu adakah kawalan dibuat sebab syarikat-syarikat besar yang menerima barang-barang seperti getah, kelapa sawit dan lain-lain bahan kecil ini pekebun-pekebun kecil dianiaya. Mereka tidak dapat harga yang berpatutan. Saya mahu tahu sama ada adakah kawalan? Kedua, bolehkah kerajaan membuat satu siling di mana sekiranya harga turun kerajaan bagi subsidi sedikit untuk pekebun-pekebun kecil seluruh negara. Ini sebab kalau tidak mereka ini dipermainkan syarikat-syarikat besar mengaut keuntungan besar tetapi mereka membeli dengan harga yang murah daripada pekebun-pekebun kecil. Adakah kawalan seperti begitu?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, melalui sebaran harga SMR 20 ini, melalui surat khabar, melalui radio, televisyen, maknanya pihak pekebun kecil di seluruh negara tahu apanya harga SMR 20. Pihak pembeli iaitu di peringkat kampung atau kilang pemprosesan yang besar itu hanya dapat dari dua belah ini dia hanya dapat tolak RM1.20 sekilo untuk kos pemprosesan, itu sahaja. Kalau lebih daripada itu pihak pekebun kecil boleh tolak tawaran-tawaran harga yang lebih rendah daripada itu. Saya sebut tadi apabila, kita ada kiraan RM1, 084 dalam keluasan 2.3 hektar satu keluarga. Kalau dia dapat 2.3 hektar dalam satu keluarga dan dia dapat produksinya keluarannya 125 kilogram sehektar sebulan, dia dapat pendapatan seperti yang saya sebutkan itu RM1,084 dan ini kita rasa adalah satu angka yang cukup baik. Akan tetapi kalaulah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu kalaulah ada bukti-bukti bahawa ada *dealers* di bawahan yang menawarkan harga yang tidak berpatutan pihak pekebun kecil boleh lapor kepada LGM dan kita ada pegawai-pegawai untuk memantau perkara ini, penguatkuasaan apa syarat-syarat yang kita ada dan kita boleh tarik balik lesen *dealers* tersebut itu kalau ia tidak berpatutan, sekian.

5. **Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan rancangan kementeriannya untuk memperluaskan penggunaan Depot Tahanan Sementara Semuja.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Serian di atas pertanyaan. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia mempunyai perancangan untuk memperluaskan penggunaan Depot Tahanan Sementara Semuja Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat juga DTS Semuja mempunyai kawasan seluas 32.7 ekar serta mampu menampung kapasiti tahanan seramai 500 orang tahanan iaitu 400 lelaki dan 100 perempuan. Di samping itu DTS Semuja juga mempunyai sebuah Mahkamah Seksyen Pendatang Asing Tanpa Izin yang boleh digunakan untuk perbicaraan bagi mengendalikan kes-kes pertuduhan PATI yang

ditahan di DTS tersebut. Secara keseluruhannya DTS Semuja mempunyai keluasan kawasan yang besar serta mempunyai kemudahan yang mencukupi. Ini kerana sebelum pengambilan DTS oleh Jabatan Imigresen pada 15 Jan 2008 DTS Semuja merupakan Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am Polis Diraja Malaysia. Oleh yang demikian selain dijadikan tempat untuk menempatkan PATI pihak ... akan menggunakan secara optima DTS tersebut dengan menjadikannya sebagai salah satu Pusat Latihan Pegawai Imigresen yang ditugaskan di DTS di seluruh negara, terima kasih.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berita yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi amat dialu-alukan oleh rakyat di kawasan Parlimen Serian. Seperti mana yang mungkin kita sedia maklum, sejak pusat tahanan sementara atau Depot Tahanan Sementara bagi pendatang-pendatang tanpa izin PATI di Semuja dibuka pada 15 Januari yang lampau.

■1050

Pada setiap masa *any one time*, dengan izin tidak kurang dari 50 orang pendatang tanpa izin ditahan sementara di situ. Dan kawalan-kawalan keselamatan untuk pendatang tanpa izin ini telah ditugaskan kepada pasukan RELA. Jadi di pagi yang berbahagia ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada pasukan RELA kerana dengan komitmen dan dedikasi mereka menjalankan tugas maka kawalan adalah ketat dan selamat. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Soalan seterusnya, saya telah difahamkan bahawa dengan pengembangan penggunaan depoh tahanan ini nanti ada ura-ura bahawa anggota dan pegawai-pegawai RELA yang ditugaskan selama ini akan diberhentikan. Jadi saya minta kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, oleh kerana mereka telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi agar perkhidmatan mereka ini tidak diberhentikan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serian. Bukan senang untuk pasukan RELA mendapat penghargaan. Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat. Dan insya-Allah berasaskan kepada keperluan, perkhidmatan RELA akan sentiasa diberikan untuk tujuan mengawal keselamatan termasuk dalam kawasan Yang Berhormat sebutkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Pasir Panjang ada soalan Semunja ini. Sila Yang Berhormat. Eh, Rantau Panjang. Minta maaf.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pengalaman saya sebagai Ahli Lembaga Hakim Pelawat pendatang tanpa izin ini kita dapati di antara masalah yang kita dapati pada

pendatang tanpa izin iaitu masalah pelbagaian bahasa terutama daripada negara-negara Myanmar, Kemboja dan sebagainya.

Jadi sejauh mana persiapan pihak kementerian dalam menangani terutama dalam pandangan kes-kes yang melibatkan mahkamah dalam perbicaraan dan sebagainya untuk menemuduga ataupun mengetahui apa-apa isu yang berlaku daripada mereka, sedangkan mereka tidak tahu sama ada bahasa Malaysia atau Inggeris. Jadi apa persiapan dan apakah elaun-elaun yang telah diberi kepada pihak pasukan RELA yang bertugas begitu bersungguh-sungguh untuk menangani isu pendatang tanpa izin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri ini soalan terkeluar, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri hendak sebut apa-apa cerita bolehlah.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tersebut. Akan tetapi secara keseluruhan memang ada masalah dari segi bahasa sebab itu kita sering menggunakan juru bahasa dari kalangan mereka untuk menterjemahkan pasal ada dari kalangan mereka yang mempunyai kemampuan dwi bahasa. Oleh itu, kita akan sentiasa mempertingkatkan untuk RELA, Kementerian Dalam Negeri ataupun AG untuk mempunyai juru-juru bahasa memanglah susah kita ini. Oleh itu kita akan menggunakan tenaga luar untuk tujuan tersebut.

Berkenaan elaun-elaun RELA ini kita akan terus memantaunya untuk tujuan memberikan mereka kepuasan dalam melaksanakan tugas. Terima kasih.

6. Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memecahkan monopoli perniagaan barangan makanan seperti gula yang sering mengalami kenaikan harga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila abang Yang Berhormat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan mengamalkan kaedah kawalan import, kawalan bekalan dan kawalan harga terhadap barang-barang perlu seperti gula, tepung, minyak masak, LPG, petrol dan diesel yang merupakan bahan-bahan atau barangan yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar, syarikat-syarikat pengeluar yang terhad dalam negara ini. Di samping itu, pemberian subsidi ketika perlu juga diberikan untuk tujuan mengekalkan harga runcit pada paras yang munasabah bagi faedah dan manfaat pengguna dan rakyat.

Namun demikian kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk tujuan mewujudkan satu keadaan persaingan yang sihat dalam pasaran dan telah pun mengeluarkan barangan

seperti simen dan juga besi keluli daripada kaedah atau rejim kawalan harga dan kawalan bekalan. Ini telah dilakukan pada pertengahan tahun 2008 dan bagi kedua-dua bahan tersebut kawalan import juga telah dimansuhkan bagi kedua-dua bahan binaan ini. Buat masa ini, kerajaan sedang menimbang juga untuk memansuhkan kawalan import terhadap gula dan juga tepung memandangkan bahawa memang kerajaan ingin bergerak kepada satu rejim yang lebih terbuka dan lebih bersaing.

Di samping itu, kerajaan kini sedang dalam fasa terakhir merangka rang undang-undang amalan perdagangan adil yang bertujuan untuk memberikan lebih kuasa kepada kerajaan untuk menangani masalah-masalah yang mungkin timbul hasil daripada salah guna kuasa pasaran oleh mana-mana syarikat pengeluar.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ucapkan terima kasih atas jawapan yang telah diberi dan kita bernasib baiklah kerana kita ini dapat bersidang dalam di dalam Dewan..

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dewan Undangan Negeri Perak bersidang di bawah pokok. *[Tepuk][Dewan riuh]* Di hadapan beberapa...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak ada kena-mengena ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Wartawan antarabangsa. Soalan susulan saya...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak ada kena-mengena ini. Salah guna hak pengguna.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ucapkan tahniah atas kesedaran.....

Seorang Ahli: Abang saya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pihak kerajaan..

Seorang Ahli: Barisan Nasional.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berhubung dengan perlunya menamatkan kawalan import atas barang-barang tertentu dan saya rasa ini memang merupakan satu persoalan yang telah menghantui pihak pengguna di negara ini. Di mana pengimport-pengimport telah dihadkan dan soalnya *coming-coming*. Sabar-sabar sikit. *On the way*. Maka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itu abang punya arahan Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Abang punya arahan Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey. *[Ketawa]* Tetapi ianya masih merupakan satu persoalan mengapa begitu lama. Kita faham bahawa adanya AP, kawalan import untuk hendak kawal industri tempatan, tetapi apa yang kita lihat industri tempatan yang sepatutnya memerlukan kawalan dan perlindungan tidak dikawal dan tidak dilindungi dengan AP import kereta yang gila-gila, sedangkan barang keperluan biasa seperti gula yang 90 peratus, 80 peratus sehingga 90 peratus adalah daripada pasaran antarabangsa.

Mengapa kita perlu adakan sekatan-sekatan yang sebegini, sedangkan ianya menjejaskan kepentingan pengguna. Dan adalah disyorkan dan dituntut supaya amalan ini ditamatkan dengan seberapa segera supaya kita boleh mewujudkan satu suasana persaingan yang bebas dan kita tidak perlu membeli seperti mana yang sekarang berdasarkan kepada satu harga yang ramalan *future*, yang kita buat kontrak dengan hanya dua tiga orang dan mereka boleh menentukan harga yang tidak semestinya mencerminkan harga pasaran antarabangsa sekarang. Yang kedua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Soal dasar amalan perdagangan adil. Bila kita boleh lihat benda ini dibentangkan dan dikuatkuasakan. Terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kalau kita mengikut peraturan bersidang dengan cara yang betul saya ingat kita tidak perlu. Sebab itu kita boleh mengadakan perbincangan dan perbahasan secara yang bertamadun. Tidak payah bersidang secara tidak sah di bawah pokok. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau ditinjau...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pokok perlulah. Perlu diadakan secara tidak sah kerana kerajaan haram.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Perak itu kerajaan haram.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Padang Serai Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu *standard*.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Padang Serai dengar. Padang Serai mana boleh sentuh. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini tidak bertamadun Yang Berhormat.

■ 1100

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Perak pun tidak bertamadun lah. [*Dewan riuh*]

Dato' Shahrir Abdul Samad: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat, ya.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Shah Alam. Sebenarnya, kalau ditinjau dan mendalami mukadimah kepada soalan tambahannya sebenarnya lebih kepada memuji kepada saya dan juga kerajaan di atas pendekatan kita yang baru ini. Kalau ditanya mengapa...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kesedaran lewat.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Kalau ditanyakan mengapa lama sangat? Ianya disebabkan bahawa lama juga untuk abangnya menjadi Menteri. Ini kerana, ini memang merupakan dasar dan pendekatan kerajaan bahawa yang utama ialah untuk menentukan harga kepada pengguna terutama rakyat Malaysia berada pada paras yang munasabah dan tidak dikotak-katikkan dan tidak ditentukan secara pakatan oleh pihak-pihak yang tertentu.

Oleh sebab itu, memang menjadi tindakan kerajaan dalam menyemak keadaan yang kita hadapi semenjak tahun 2008 semasa saya menjadi Menteri ialah untuk bergerak ke arah satu keadaan di mana adanya persaingan yang sihat untuk menentukan supaya pengguna dan rakyat mendapat faedah dari harga runcit yang sebenar.

Oleh sebab itu, kajian ini oleh kerana ia melibatkan beberapa pihak tentunya ia mengambil masa sedikit dan insya-Allah akan kita laksanakan secepat yang mungkin. Sama jugalah dengan dasar atau pun Akta Amalan Perdagangan Adil. Ia merupakan satu akta yang akan membolehkan kepada persaingan dan amalan dasar perniagaan yang lebih baik. Tentunya harus kita mengambil pandangan dan pendapat semua pihak bukan secara satu pihak sahaja iaitu dari segi kerajaan untuk mengambil tindakan untuk membentangkan undang-undang ini untuk dibahaskan.

Malah, prosesnya mengambil masa kerana rundingan yang dilakukan melibatkan semua pihak sama ada daripada pihak badan bukan kerajaan, atau pun pihak industri dan perniagaan dan juga pihak-pihak yang berkepentingan atau *stakeholders* dengan izin Tuan Yang di-Pertua terhadap undang-undang ini. Jangkaannya ialah undang-undang ini akan dibentangkan kepada Parlimen di dalam tahun ini kalau lah kita dapat melaksanakan tugas-tugas Parlimen terutama Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam kaedah yang tersusun dan terkawal. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah, saya ingat kita kena ikut contoh Yang Berhormat Johor Bahru yang berhujah secara bertamadun. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan kerajaan terhadap harga gula pada masa yang akan datang sekiranya monopoli ini berjaya kita pecahkan

sedangkan sekarang kita mengamalkan harga kawalan gula. Maknanya ada satu persetujuan antara pengimport yang memonopoli import gula ini dengan kerajaan. Akan tetapi, apabila kerajaan nanti pecahkan monopoli ini apakah jaminan tentang harga gula yang mungkin tidak lagi dikawal? Sekian, terima kasih.

Dato' Shahrir Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau dilihat kepada harga pasaran gula mentah di dunia, harga runcit yang sepatutnya ialah di peringkat RM1.90 satu kg tetapi kerana kerajaan berpendapat bahawa dalam keadaan suasana ekonomi yang kurang menentu pada masa ini, maka amalan yang kita lakukan ialah untuk memberikan subsidi untuk menentukan supaya harga runcit gula itu dapat berada pada paras yang munasabah.

Subsidi bukanlah satu-satunya yang harus kita terima dan amalkan dengan begitu mudah kerana ia melibatkan perbelanjaan wang kerajaan. Di samping kerajaan cuba mengawal keadaan harga runcit bagi barang-barang makanan yang asas, harus juga dari segi pendekatan rakyat sendiri untuk cuba mengurangkan penggunaan barang-barang yang seperti gula yang mungkin juga mempunyai masalah-masalahnya yang tersendiri.

Selain daripada soal pengusaha atau pun pengeluar di mana mereka terlibat dalam pengeluaran barang-barang makanan atau pun bahan-bahan yang lain, harus juga kita memberikan perhatian kepada soal sistem pengedaran dalam negara kita yang juga kurang cekap. Kita dapati bahawa kerana kurangnya tarikan atau pun kurangnya kuasa pembelian di peringkat luar bandar umpamanya, maka kita lihat bahawa adanya masalah sistem pengedaran itu. Jadi, selain daripada usaha untuk melihat kepada satu kaedah di mana kita boleh mengubah kaedah-kaedah kepada harga barang ini atau pun bekalan barang-barang ini melalui pemansuhan lesen import atau pun kawalan import, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri telah pun mengambil langkah-langkah untuk cuba menambah baik sistem pengedaran bahan-bahan perlu supaya faedah daripada harga kawalan atau pun subsidi kepada bahan-bahan yang tersebut dapat juga turut dirasai bagi penduduk di luar bandar khususnya.

Ini kerana mereka berhadapan dengan masalah harga runcit yang tinggi sedikit daripada harga di bandar. Jadi, ini di antara kaedah yang telah kerajaan ambil dan berusaha untuk menyelesaikannya.

7. Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa buah rumah rakyat kos rendah yang dibangunkan pada tahun 2008 dan berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan bagi keseluruhan rumah tersebut mengikut negeri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Chuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Dungun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya terdapat tiga kementerian terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah ini iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar yang terlibat dalam pembinaan rumah PPRT dan juga Syarikat Perumahan Negara di bawah Kementerian Kewangan terlibat dengan

pembinaan rumah mampu miliki dan juga kerajaan-kerajaan negeri juga terlibat dalam pembinaan rumah-rumah yang dinamakan kos rendah itu.

Program Perumahan Rakyat iaitu PPR adalah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memenuhi keperluan perumahan terutamanya golongan berpendapatan rendah. Sebanyak 108 projek PPR yang melibatkan 7,636 unit rumah telah dilaksanakan. Sehingga tahun 2008, sebanyak 50,820 unit rumah PPR disewa telah siap dibina. Dari jumlah ini, sebanyak empat projek yang melibatkan 3,416 unit rumah telah siap dibina pada tahun 2008. Kos pelaksanaan bagi keempat-empat projek ini adalah dalam lingkungan RM210 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Permintaan terhadap rumah rakyat golongan miskin adalah antara salah satu rungutan kepada rakyat bukan sahaja rakyat di seluruh negara bahkan juga rakyat di Terengganu. Kita sedar pelaksanaan rumah ini dilaksanakan oleh kerajaan negeri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dan juga agensi lain yang terlibat.

Soalan tambahan saya, apakah asas pengiraan atau formula yang dirangka oleh kementerian ini untuk memastikan permintaan terhadap rumah kos rendah golongan miskin dilaksanakan dan tidak lagi menjadi rungutan atau dapat diselesaikan kepada rakyat yang bukan dalam kategori e-kasih atau miskin tegar yang disenaraikan tetapi rakyat yang di luar yang tidak mampu dibina untuk membina rumah atau tidak mampu membiayai sewaan yang tinggi atau bayar kepada bank. Akan tetapi golongan ini dapat menikmati rumah yang sesuai kepada mereka. Terima kasih.

■ 1110

Dato' Seri Ong Ka Chuan: Terima kasih Yang Berhormat dari Dungun. Sebenarnya kementerian saya ini hanya menjadi satu agensi penyokong kepada kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan kerana mekanisme kita tidak boleh mencapai hingga peringkat akar umbi, kita perlu bergantung pada pihak berkuasa tempatan dan juga kerajaan negeri untuk memastikan kumpulan sasaran ini di mana mereka perlukan rumah, golongan miskin, golongan ibu tunggal dan sebagainya. Kita perlu mereka membantu kita dalam aspek mengenal golongan yang perlukan perumahan. Kementerian ini juga perlu sokongan daripada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan supaya mengenal pasti tapak yang sesuai supaya kita dapat melaksanakan projek perumahan rakyat ini.

Saya memang menyedari satu hakikat bahawa terdapat kelemahan dalam proses mengenal pasti ini. Maka kita telah ada satu pendaftaran terbuka dikemukakan baru-baru ini di mana kita mempelawa sesiapa yang meminati dalam rumah kos rendah ini mendaftar dalam laman web kita. Sehingga setakat ini 500,000 orang telah mendaftar dengan kita tetapi kita masih perlu berunding dengan pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan kerana merekalah yang perlu memberi pertolongan kepada kita untuk mengenal pasti tapak yang sesuai.

Jadi dari segi kementerian, tugas kita adalah kita mengusahakan peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan projek-projek ini. Sedangkan di mana perlu dilaksanakan sama ada tempat yang sesuai, kita memang perlukan kerjasama dan pertolongan daripada pihak kerajaan negeri.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sementara saya menghargai keterbatasan yang dihadapi oleh pihak kementerian, saya ingin menanyakan persoalan bagaimana untuk menangani permasalahan yang jelas kerana kita memang menyambut baik hasrat kerajaan semasa diumumkan pakej rangsangan ekonomi di mana RM1.2 bilion diperuntukkan untuk pembinaan 25,000 rumah kos rendah dan sederhana. Akan tetapi masih lagi kedengaran terdapat banyak beribu-ribu rumah kos rendah yang tidak dijual.

Yang kedua, rumah kos rendah yang masih berada di dalam status *non performing loans* dalam rekod dan simpanan bank. Sebahagiannya dilelong dengan harga rizab kurang daripada RM10,000 seunit. Walaupun pihak kementerian Yang Berhormat mempunyai keterbatasan tetapi bagaimana untuk mempertingkatkan kecekapan selain daripada laman web tersebut untuk memastikan setiap mereka tidak kira golongan kos rendah ataupun berpendapatan sederhana mendapat ruang untuk membeli rumah tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Chuan: Terima kasih atas soalan tambahan itu. Sebenarnya kita memang menyedari hakikat ini dan laman web yang dibuka untuk pendaftaran itu kita perlu lagi selaras dengan keadaan yang sebenarnya, kita perlu kenal pasti sama ada orang yang daftar dengan pihak kita adalah orang yang benar-benar perlukan rumah. Maka kita perlu juga bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan ataupun kerajaan negeri. Dalam hal yang sedemikian, kadang kala kita ada masalah untuk mengenal pasti calon kerana ada tempat-tempat yang tertentu, rumah PPR ini dibina untuk menyelesaikan masalah setinggan. Jadi siapa yang setinggan yang sebenarnya, ini kita kena kenal pasti.

Saya mengaku bahawa kementerian saya perlu mempertingkatkan usaha kita supaya kita juga ambil bahagian yang lebih aktif dalam pengagihan ini kerana ada banyak rumah PPR yang dibina sampai sekarang kita masih tidak dapat mengagihkan kerana ada masalah kita nak kenal pasti senarai oleh pihak berkuasa tempatan. Jadi inilah satu masalah yang saya sendiri akan ambil bahagian untuk menyelesaikannya.

Untuk golongan yang berpendapatan rendah atau tidak mampu memiliki rumah, di bawah Kementerian Kewangan ada satu mekanisme iaitu Skim Jaminan Kredit di mana kerajaan akan memberi jaminan sekiranya sesiapa yang hendak membeli rumah tetapi dia tidak ada bukti pendapatan. Maka sekiranya mereka nak minta satu pinjaman daripada bank, maka kerana bukti pendapatan tidak mencukupi, maka mereka tidak boleh mendapat satu pinjaman, maka Skim Jaminan Kredit ini akan masuk untuk memberi jaminan kepada mereka. Buat masa sekarang semua bank komersial mempunyai, mengambil bahagian dalam Skim Jaminan Kredit ini untuk

membolehkan golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah mereka. Sekian, terima kasih.

8. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebabnya rancangan pembinaan blok tambahan di Hospital Seberang Jaya ditunda. Adakah pihak kementerian sedar bahawa kadar penghunian telah melebihi kapasitinya dan kesesakan dalam wad-wad mungkin membahayakan pesakit sekiranya berlaku kecemasan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, maafkanlah dia, dia sebenarnya nak sebut nombor lapan tetapi tersebut nombor empat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan blok Hospital Seberang Jaya telah digugurkan dari senarai Rancangan Malaysia Kesembilan kerana kekurangan peruntukan. Walau bagaimanapun kementerian ini prihatin tentang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, telah merancang untuk meneruskan projek ini secara PFI, dengan izin *private financial initiative*. Pada masa ini pihak kementerian sedang berunding dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri agar projek ini dilaksanakan dengan kadar segera. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan tambahan, bolehkah saya tahu mengapa keputusan dibuat bahawa pembinaan ini boleh ditangguhkan.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Projek yang mana, ya saya pun tahu tak cukup wang tetapi bagaimana ia dibuat, mengapa ia tidak diberi keutamaan kerana setahu saya ia sudah sampai satu tahap yang boleh membahayakan penghuni-penghuni di hospital kerana di koridor pun letak katil-katil. Sekiranya ada apa-apa perkara *emergency* berlaku, ia boleh membahayakan penghuni-penghuni. Adakah hospital-hospital yang lain menghadapi masalah yang lebih rumit lagi daripada Hospital Seberang Jaya. Sekiranya ada hospital-hospital yang lain yang lebih memerlukan tindakan yang lebih cepat, bolehkah saya tahu apakah hospital itu dan keadaannya supaya kita boleh yakin keputusan ini adalah mengikut keperluan dan bukan kerana hospital ini terletak di Pulau Pinang yang di bawah Kerajaan Pakatan. Ataupun ia bukan di bawah Barisan Nasional ataupun tertakluk kepada siapa yang menjadi Ahli Parlimen di situ dan bukan mengikut keperluan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, hospital ini *color blind* Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan adalah buta warna. Tak kiralah orang PAS ke, orang UMNO, orang DAP, kalau dia nak sakit, dia sakit. Sebab itu kita mengambil *priority*, mana yang lebih penting, mana yang lebih sesak. Sebenarnya ada banyak lagi hospital lain yang sesak, ramai kawan-kawan dari UMNO ini dan Barisan Nasional tak *complaint*, dia bisik saja, cuma DAP saja yang bising. Jadi Tuan Yang di-Pertua, jawapan asal saya, saya ingat dah lengkap. Kita buat secara PFI lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini soalan Hospital Seberang Jaya Yang Berhormat.

■ 1120

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ini mengenai dengan hospital yang tenat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengajukan soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua soal hospital yang tenat. Satu, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Ini bukan lagi tenat tetapi sudah ditinggalkan kerana *unfit to be occupied*. Jadi ada ura-ura kerajaan ingin membeli satu hospital swasta iaitu SMC atau *Sabah Medical Centre*. Sama ada rancangan ini diteruskan atau tidak dan apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membina semula hospital ini dengan segera kerana pesakit ini bertaburan.

Justeru itu, tadi saya dengar mengenai masalah peruntukkan. Perdana Menteri telah mengumumkan RM1 bilion tambahan bagi Sabah. Bolehkah pembinaan hospital ini diambil daripada peruntukkan RM1 bilion itu dengan segera supaya pesakit-pesakit di Kota Kinabalu dan Sabah khususnya dapat diatasi? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan ini di luar tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Boleh jawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wilfred Majilip Bumburing [Tuaran]: Jawab!

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Walaupun dia mengikut peraturan 24(3) terkeluar, tetapi oleh kerana semangat dan prihatin kementerian kepada rakyat Sabah. Semalam pun saya baru balik daripada Sabah dan sudah melawat Hospital Queen Elizabeth. Saya berjumpa dengan Yang Berhormat Ketua Menteri. Cadangan membeli hospital swasta atau SMC masih dalam pertimbangan. Kalau kita hendak beli, kita hendak beli murah dan bukan dengan harga yang ditawarkan oleh hospital tersebut. Mesti murah. *Cheap sale* sebab dia ada tambahan 455 katil.

Walau bagaimanapun, dengan tambahan katil itu dan pembinaan blok klinikal fasa empat pun masih tidak cukup katil kerana jangkaan penggunaan katil di Hospital Queen Elizabeth khususnya di Bandaraya Kota Kinabalu yang ada dekat satu juta, jumlah katilnya mestilah antara 1,200 ke 1,300 buah katil. Kita campur dengan SMC pun tidak cukup. Justeru itu, kita bersetuju dengan cadangan kerajaan negeri untuk membina satu lagi hospital di Kinarut. Itu kita akan teruskan dan masukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya RM1 bilion ini diperuntukkan sebahagiannya untuk Kementerian Kesihatan, saya berlapang dada dan saya menerima cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, RM1 bilion itu bukan banyak untuk negeri Sabah.

Kalau campur dengan jalan dan tempat-tempat yang lain, mungkin tidak cukup. Bagaimanapun, isu masalah Hospital Queen Elizabeth akan kita selesaikan dalam masa terdekat dan kita menunggu keputusan Kabinet. Terima kasih.

9. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah ada usaha kementerian untuk meningkatkan kurikulum tingkatan enam di sekolah-sekolah setaraf dengan kurikulum peringkat matrikulasi sebagai usaha menampung pelajar-pelajar pintar yang tidak berpeluang memasuki pusat-pusat pengajian peringkat matrikulasi.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan yang menyentuh tentang kurikulum Tingkatan 6 yang dibangkitkan pada hari ini. Pertanyaan tersebut adalah daripada Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Hulu Terengganu. Izinkan saya menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sukatan pelajaran dan soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) disediakan berdasarkan *benchmarking* dengan badan-badan peperiksaan di peringkat antarabangsa. Peperiksaan STPM juga adalah setaraf dengan peperiksaan *Cambridge A-Level* yang membolehkan sijil STPM diterima di peringkat antarabangsa untuk tujuan kemasukan ke universiti di luar negara. Kurikulum STPM adalah setaraf dengan kurikulum program matrikulasi yang membolehkan lepasan STPM memohon tempat di universiti.

Sesuai dengan hala tuju Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. KPM melalui Majlis Peperiksaan Malaysia atau MPM sedang merangka beberapa rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan kualiti sistem penaksiran di peringkat Tingkatan 6. Usaha melaksanakan misi ini melibatkan perubahan yang radikal dalam sistem pengukuran dan penilaian pendidikan. Antaranya ialah merombak sistem peperiksaan STPM daripada sistem terminal kepada sistem *modular* untuk memenuhi aspekasi pengguna sesuai dengan keperluan pendidikan semasa dan masa depan. Seajar dengan hala tuju ini, sukatan pelajaran bagi semua mata pelajaran sedang digubal semula untuk disesuaikan dengan sistem *modular*. Terima kasih.

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya percaya jawapan yang panjang lebar tadi telah dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang ada bersama-sama kita pada pagi ini.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan sekolah ataupun Kolej Khas Tingkatan 6 bagi menampung pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM yang tidak berkesempatan untuk ditempatkan di kolej matrikulasi ataupun IPTA? Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Itu satu soalan yang baik. Kebetulan Kementerian Pelajaran sedang menyediakan satu kertas cadangan untuk kita mewujudkan Sekolah Khas Tingkatan 6 ataupun apa yang dikatakan konsep kolej. Seperti mana yang kita diketahui umum, sebenarnya Tingkatan 6 yang ada sekarang adalah satu bilik darjah yang diwujudkan dalam sekolah kita. Maka bersesuaian dengan Teras Ke-6 PIPP kita untuk melonjakkan institusi pendidikan, salah satu kaedah ialah untuk kita mewujudkan Sekolah Khas Tingkatan 6. Kita sedar bahawa Tingkatan 6, pelajarannya adalah *adult learners*, dengan izin dan kita perlu membuat sesuatu. Dari segi penggubalan kurikulumnya, perlu mengambil kira aspek pengembangan dan kemahiran *connective* aras tinggi atau *higher order training, thinking skill* iaitu aplikasi analisa sintesis dan juga penilaian.

Saya rasa ini juga melibatkan implikasi kewangan. Sekiranya kemampuan kewangan mengizinkan, itu satu konsep yang baik. Ini kerana dengan mewujudkan satu sekolah khas ataupun Kolej Tingkatan 6, ia dapat menyediakan prasarana dan pada waktu yang sama dari segi mutu pengajar itu daripada DG41 ia dapat ditingkatkan seperti pensyarah di kolej matrikulasi kepada DG48 dan DG52. Kita boleh mewujudkan Timbalan Pengetua dalam Sekolah Khas Tingkatan 6 dengan Gred DG54. Dari segi kualiti pengajar dan dari segi *syllabus*nya seperti mana yang saya katakan, ia akan berpandukan kepada sistem *modular*. Saya rasa ini adalah satu tinjauan awal dan kertas cadangan pun sedang diteliti dan saya berharap pihak yang berkenaan terutamanya Perbendaharaan dapat merestui cadangan ini. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sambut baik cadangan tersebut. Akan tetapi saya sering menerima rungutan terutama dari pelajar bukan Melayu yang cemerlang yang sekarang ini merungut bahawa tidak mendapat tempat di matrikulasi. Akan tetapi sekarang ini melanjutkan pelajaran di *Ivy League*, di *Princeton* dan sebagainya melalui biasiswa-biasiswa yang lain dan ada juga yang telah mendapat Biasiswa ASEAN yang sebenarnya adalah Biasiswa Kerajaan Singapura. Persoalan saya ialah, mohon penjelasan konsep kolej ataupun kolej khas ini adakah ia juga akan mengamalkan kuota sistem seperti yang diamalkan di peringkat matrikulasi? Ini kerana kalau itu yang diamalkan, saya rasa kita tidak akan memenuhi keperluan saya katakan pelajar-pelajar cemerlang terutama pelajar-pelajar cemerlang yang bukan berbangsa Melayu. Pohon penjelasan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Itu pun satu soalan yang baik. Sebenarnya kita tidak mengamalkan sistem kuota untuk peringkat Tingkatan 6. Sesiapa sahaja layak dengan syarat-syarat minimum. Saya mengambil contoh. Untuk memasuki Tingkatan 6, daripada lima mata pelajaran Sains di SPM, dia perlu mendapat mata tidak lebih daripada 18 mata. Bermaksud mereka yang mendapat daripada tiga mata pelajaran, daripada lima, Sains dan Matematik itu, kalau tidak lebih bermakna ada tiga kredit, dia boleh masuk.

Kalau kita melihat secara realistiknya, untuk mereka yang mendapat 18 mata untuk hendak dapat keputusan baik di STPM susah sedikit.

■1130

Jadi kita terima setakat ini setiap tahun, kita ada lebih daripada 40 ribu calon STPM dan kita dapat lihat yang ada sekarang kita tidak kira siapa untuk masuk ke dalam kolej matrikulasi, mereka akan masuk. Untuk mereka yang tak nak mengambil STPM kononnya ianya susah, kita beri juga kelonggaran. Ada yang masuk program penyediaan di IPTS di mana mereka juga menganggap ia salah satu saluran dan di samping itu ada juga *cleaning program*, dan juga program matrikulasi dengan universiti lain. Itu ditawarkan di IPTS, bermakna secara perbandingan dengan dahulu, dulu hanya ada STPM dan matrikulasi, sekarang sudah banyak.

Berbalik kepada soalan *ASEAN Scholarship* itu, sebenarnya mereka tawarkan bukan sahaja untuk selepas Tingkatan 5, ada yang menawarkan selepas Tahun 6 dan ada juga selepas PMR. Bermakna itu adalah satu perkara yang telah dilakukan sejak dahulu. Ia terbuka kepada rakyat Malaysia dan negara-negara ASEAN untuk memohon. Jadi, kita tidak boleh menghalang mereka dari membuat tawaran. Apa yang penting ialah kita hendak mengekalkan mereka ini di Malaysia dan mewujudkan sekolah khas Tingkatan 6. Dengan cara itu saya rasa kualiti pendidikan kita lebih baik. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja sesi soal jawab pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Kedua Belas”. **[2 Mac 2009]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Diminta Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyambung menjawab. Yang Berhormat, sila.

11.34 pg.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Batu Pahat juga telah membangkitkan isu mengenai usaha kerajaan dalam memulihkan harga komoditi kelapa sawit pada tahap tinggi serta tindakan dan langkah yang diambil dalam mengatasi kemerosotan harga kelapa sawit dan juga bantuan yang disediakan oleh kementerian untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang terhimpit.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Januari 2009, harga minyak sawit mentah telah mulai stabil pada paras di antara RM1,800 sehingga RM900 setan. Ini adalah berikutan dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memperkukuhkan harga minyak sawit. Usaha-usaha ini termasuk skim insentif tanaman semula pelaksanaan adunan bio-diesel, skim eksport minyak sawit mentah tanpa duti, pembiayaan eksport minyak sawit mentah melalui Skim *Palm Oil Credit Payment Arrangement* (OCPA) dan mempelbagaikan aplikasi penggunaan minyak sawit. Di samping usaha-usaha tersebut, Malaysia dan Indonesia yang merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia telah bersetuju untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan harga minyak sawit. Ini termasuk melaksanakan program penanaman semula, pelaksanaan penggunaan bio bahan api secara mandatori, menggalakkan pelaburan dalam industri hiliran serta menangani

halangan-halangan bukan takrif bagi eksport bio bahan api berasaskan sawit kepada pasaran-pasaran utama seperti Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM48.5 juta untuk program meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit. Bantuan-bantuan yang disediakan di bawah program ini adalah seperti berikut:

- (i) bantuan anak benih sawit berkualiti dan baja untuk tempoh satu hingga dua tahun selepas penanaman sawit;
- (ii) bantuan integrasi ternakan lembu, kambing dan sawit; dan
- (iii) bantuan integrasi tanaman dan sawit.

Bantuan-bantuan tersebut dijangka akan menjana pendapatan tambahan kepada pekebun-pekebun kecil selain dari hasil sawit terutamanya dalam keadaan harga sawit yang agak rendah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Serai telah membangkitkan soalan...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Banyak kali kita dengar kerajaan akan memastikan supaya harga kelapa sawit ini terus meningkat dan tidak jatuh terlalu rendah dan ada juga cadangan supaya harga sawit ini ditetapkan atau dijadikan harga lantai bagi harga sawit dan getah sebagaimana yang telah diberi jawapan sebentar tadi. Soalan saya, sejauh manakah dan bilakah sebenarnya minyak kelapa sawit ini hendak digunakan sebagai bahan api atau bio-diesel untuk kenderaan ini? Banyak kali kita dengar kita akan gunakan untuk kenderaan-kenderaan dan juga bahan api yang lain bagi minyak kelapa sawit.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Hendak sambung, berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan bio bahan api secara mandatori ini, saya ingin tahu setakat mana atau berapa peratus kah mandatorinya mereka-mereka yang mengusahakan bio bahan api ini untuk memasuki pasaran bahan api dalam negara kita? Keduanya tentang integrasi lembu dan kambing dalam ladang kelapa sawit ini. Apakah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi ini mendapat kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ataupun hanya Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang berusaha untuk mengintegrasikan di dalam ladang-ladang ini terutama pekebun kecil...

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Minta sambungan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat? Sila.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Saya ingin minta penjelasan, tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa kementerian akan mengadakan program bantuan benih sawit. Saya ingin tanya bagaimanakah cara kementerian untuk menyampaikan bantuan ini

kepada negeri-negeri sama ada kementerian terus memberi atau disalurkan kepada agensi yang tertentu? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Tuaran. Mengenai penggunaan bio-diesel ini yang kita namakan *Envo Diesel Esther* atau EDE. Kita sedang melaksanakannya secara mandatori sejak 1 Februari 2009 di mana kita mulakan dengan penggunaan kenderaan-kenderaan kerajaan.

Saya hendak sebutkan mandatori adunan 5% EDE dan *fossil-fuel diesel*. Itulah maksudnya mandatori. Kepada penggunaan mandatori ini, kita haru ada satu logistik untuk kita sampaikan EDE ini kepada depoh-depoh yang berkenaan seperti depoh yang dikendalikan di Port Klang umpamanya oleh pihak Petronas dan Shell. Oleh Sebab itu kita berhati-hati untuk menggunakannya supaya kita dapat memastikan bahawa 5% itu akan sampai kepada pihak pengguna. Buat masa sekarang, semua kenderaan berdiesel yang dimiliki oleh pihak kerajaan iaitu agensi-agensi kerajaan termasuk juga kementerian. Buat masa sekarang DBKL ini sudah menggunakan adunan 5% ini sepenuhnya.

■1140

Pihak ATM iaitu Angkatan Tentera, kita juga laksanakannya dengan pihak berkenaan dan tidak lama lagi kita akan laksanakannya dengan JKR dan juga pihak-pihak yang memiliki kenderaan berdiesel yang banyak. Peringkat kedua ialah dalam bulan Julai ini, kita akan melaksanakannya dengan berperingkat kepada industri. Industri maksudnya, industri seperti *boilers* dan generator dan sebagainya. Ini akan kita laksanakan juga secara berperingkat-peringkat supaya kita akan menambahkan jumlah keseluruhan kegunaan EDE ini iaitu *Envo Diesel Ester*.

Peringkat terakhir ialah di dalam hujung tahun ini, di mana kita harap dapat laksanakannya dengan *public transport* iaitu kenderaan awam *bus* dan juga lori dan sebagainya. Ini mempunyai logistik yang agak rumit sikit iaitu kita kena adakan stesen-stesen minyak yang membekalkan diesel ini supaya semua stesen atau pam yang digunakan untuk diesel ini mengguna pakai adunan 5% EDE ini. Itu kita anggapkan sebagai peringkat terakhirlah di mana kita laksanakan bio-diesel ini di Malaysia.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu ketika dulu kita dikritik kerana menggunakan bahan makanan sebagai bahan bakar. Ini kerana 30% daripada keluaran minyak sawit kita, kita jadikan bio-diesel. Akan tetapi sekarang sekurang-kurangnya kita ada asas. Ini kerana kita banyak mengeluarkan minyak sawit serta pada ketika ini kita pun ada menghadapi masalah lambakkan minyak sawit. Ini kerana kita menghadapi untuk dipasarkan selain daripada harga yang rendah.

Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, dengan usaha kerajaan sekarang untuk menarik minat semua pekebun-pekebun kecil supaya menanam sawit. Sedangkan sekarang kita menghadapi masalah kegawatan. Banyak rakan dagang kita menghadapi masalah. Di mana kita hendak pasarkan dan bagaimana dengan harganya yang cukup rendah pada ketika ini. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat sebelum saya jawab itu, saya hendak juga sebut bahawa kita tidak ingin lihat bahawa isu *food versus fuel* ini diperluaskan kerana dalam negara kita ini memang kita mempunyai bekalan minyak sawit yang cukup sama ada *fruits* atau sudah diproses. Sebab itu kerajaan berpendapat ada elok bahawa kita gunakan sebahagiannya tidak melebihi 6 juta tan daripada produksi kita untuk kegunaan *fuel* iaitu boi-diesel.

Itu memang munasabah kerana kita mempunyai keluaran hampir 18,000 tan setahun. Pihak Indonesia pun sama dengan kita, mereka akan menggunakannya dengan kaedah yang sama. Itulah, kita berkongsi pengalaman daripada pihak Indonesia dengan Malaysia supaya kita boleh laksanakan boi-diesel ini dengan baik dan licin. Supaya ia juga...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...Menjadikan satu kegunaan di dalam negara kita yang lebih banyak lagi. Sedangkan kita gunakannya untuk *food* untuk buat *oleo chemicals* dan sebagainya.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Hendak tambah lagi?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu soalan lagi. Sebenarnya tumpuan kerajaan sebenarnya kepada minyak kelapa sawit atau satu penemuan baru iaitu minyak daripada pokok jarak ini. Sebenarnya kata kementerian, kementerian yang juga mengatakan bahawa minyak daripada pokok jarak ini lebih baik dari segi penggunaan untuk bahan api. Apakah tumpuan sebenarnya minyak kelapa sawit atau minyak daripada pokok jarak ini. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ada hendak tanya?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian. Secara perbandingan dari sudut harga antara boi-diesel per liter berbanding dengan petrol biasa ataupun diesel biasa, mana satu yang lebih menjimatkan. Apakah apabila dilaksanakan program ini, sejauh mana dari sudut pembekalan kita, maksud saya ialah dari segi jangka panjang. Sebab kita tahu maknanya walaupun sekarang ini kita mempunyai stok yang banyak tetapi mungkin apabila penggunaannya secara berleluasa mungkin kita memerlukan dari segi pengurusan bekalan yang berterusan yang begitu banyak.

Jadi sejauh mana perkara ini dilihat supaya perkara ini benar-benar menjadi satu alternatif bagi rakyat dalam masalah petrol ini. Terima kasih

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Terutamanya mengenai, saya belum jawab Yang Berhormat Tenggara yang tanya tentang lembu dan kambing ini.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Pendang bukan Yang Berhormat Tenggara, Pendang.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat Pendang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pendang Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat Pendang, *sorry* ya. Yang Berhormat Pendang saya minta maaf. Saya ingin sebut seperti ini, dua-dua agensi kerajaan iaitu pihak Kementerian Pertanian dan juga kementerian saya termasuk juga Kementerian Kemajuan Wilayah dan Luar Bandar, kita memang akan melaksanakan integrasi ini kerana kita tahu kalaulah tanaman yang tidak cukup luas itu iaitu seperti kalaulah kita sebut getah, kita perlu ada 2.3 hektar luasnya untuk menjadikan satu keluasan yang agak baik. Ini supaya keluaran daripada getah itu cukup untuk memenuhi keperluan keluarganya.

Akan tetapi tanah yang tidak cukup luas seperti itu, kita menggalakkan mereka cuba membiakkan lembu dan kambing. Sebab ini adalah tambahan daripada getah yang mereka boleh peroleh dalam kebun mereka. Sebab itulah kita sebutkan, inilah satu tanaman integrasi. Bukan semata-mata untuk mengadakan lembu dan kambing supaya menjadikan satu usaha komersial. Akan tetapi usaha untuk sampingan menolong keluarga untuk mendapatkan pendapatan yang lebih.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak minta jalan sikit mengenai integrasi ini.

Seorang ahli: Hendak bela kambingkah?

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak. Guthrie telah membuat satu kajian dalam R&D dia. Dulunya Guthrie telah memelihara lembu lebih kurang 40,000 lembu dengan kambing dalam ladang-ladang sawit.

Seorang Ahli: Menteri Besar Selangor jual habis lembu dah.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Jadi apabila Guthrie dalam *research* R&D dia ini, dia dapati bahawa satu hektar kelapa sawit kalau tidak di pelihara lembu dia boleh 13 tan satu hektar. Akan tetapi apabila lembu dengan kuku-kukunya yang tajam itu, ia menurun kepada 12 tan satu hektar. Apakah rancangan integrasi ini dibuat kajian yang betul-betul mendalam, yang tidak melibatkan ataupun tidak menjejaskan hasil kelapa sawit itu sendiri?

■ 1150

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya ingin menegaskan di sini, bahawa kalau kita integrasikan lembu dengan estet-estet kelapa sawit, maka ia susah sedikit, kerana yang saya diberitahu oleh pihak syarikat besar ini, bahawa mereka susah hendak dapat pekerja-pekerja yang sesuai untuk menjaga lembu dan juga jaga sawit, kerana mereka sebut membiakkan lembu

ini bukan *core-business* mereka. *Core-business* ialah untuk mengeluarkan sawit. Sebab itulah kita tidak terus menggalak, bukan menggalak, kita tidak tarik kepada pihak estet untuk melaksanakan pembiakan lembu ini. Akan tetapi bagi pekebun kecil kerana dia gunakan tenaga dalam keluarga, dia boleh jaga khususnya kambing itu dengan baik. Dan yang saya sebut tadi, apabila keluasan kebun yang tidak mencukupi itu, mereka kenalah gunakan kaedah ini untuk menambahkan pendapatan.

Saya rasa tidak ada masalah bagi keluarga pekebun kecil untuk menjaga lembu sama dengan sawit atau kambing sama dengan sawit. Mengenai pokok jarak ini..

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Datuk Peter Chin Fah Kui: ..Sekejap! Kementerian sedang dalam peringkat awal untuk cuba mengadakan *try-plot* bagi pokok jarak, tetapi kita tahu pokok jarak ini walaupun isi minyaknya baik, kandungan kualiti minyaknya baik. Akan tetapi *production* OER iaitu jumlah minyak yang dapat dikeluarkan daripada pokok jarak ini atau buah jarak ini rendah, ia hanya 26% sahaja.

Yang kita tahulah, sebab itu kalau kita sebut satu hektar pokok jarak dengan satu hektar sawit, maka sawit akan lebih lumayan. Sebab itu siapa hendak tukar dari sawit ke pokok jarak? Susah mereka hendak buat begitu sebab sawit itu lebih untung? Sebab itulah kita kena ada buat *try-plot* dan kita cuba lihat macam mana situasinya sama ada pokok jarak ini perlu dilaksanakan secara kecil-kecilan oleh pihak pekebun kecil atau secara estet. Kita pun tahu pokok jarak ini memerlukan banyak tenaga buruh untuk mengutip buahnya dan akhirnya supaya dia dapat hanya buah yang masak itu dikutip dan ini memerlukan tenaga yang banyak. Dan itulah masalah pokok jarak pada hari ini.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya hendak balik pada soalan yang asas kembali dalam suasana kita sekarang ini, harga minyak kelapa sawit kita bangga sampai RM3,000 hingga M4,000 dahulu. Bila menurun ke bawah RM1,800 hingga RM2,000 ia menjejaskan pendapatan terutama rakyat Malaysia yang tinggal di luar bandar. Memandangkan pula harga orang kata dia punya input pada industri itu masih tinggi seperti baja, racun masih tinggi, tidak turun.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, dahulu kita lancar secara besar-besaran minyak bio-diesel ini, tetapi bila harga minyak naik macam layu lesu, macam *out of fashion* sedikit. Bagaimanakah hendak beri tumpuan kembali penekanan bio-diesel ini supaya ia dapat menarik ini *the stock overhang* yang tinggi? Mungkin Yang Berhormat boleh bagi sedikit penjelasan dalam Dewan yang mulia ini, berapa banyak stok *overhang* yang ada dalam industri ini? Kalau stok ini tidak dihapuskan, dikeluarkan daripada pasaran, harga *market* tetap saya nampak RM1,800 hingga RM2,000. Apakah dengan harga kelapa sawit yang turun ini, orang kata satu nafas baru kerajaan boleh buat untuk hendak *mop-up the stock overhang* ini? Lancar besar-besaran kembali

seperti dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita buat satu majlis galakan di banyak tempat boleh beli bio-diesel.

Sekarang kalau kita hendak beli minyak *bio-diesel* hanya tempat tertentu sahaja. Pelaksanaan dibuat untuk jabatan-jabatan kerajaan sahaja, tetapi kalau dibuat supaya rakyat Malaysia semuanya yang ada kereta boleh menggunakan bio-diesel alangkah satu strategi yang baik untuk menghapuskan *mop-up* dengan izin, *stock overhang*. Saya pun tidak tahu berapa *stock overhang* yang ada? Mungkin Dato' Menteri yang mulia boleh memaklumkan di Dewan yang mulia ini dan terakhir saya tertarik dengan persoalan Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi, yang tentang apa tadi?

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Integrasi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ya, integrasi, R&D bagus, cekap, soalan yang baik, tetapi saya risau sedikit bila cerita lembu Guthrie ini. Takut-takut lembu ini akan digunakan oleh Menteri Besar Selangor, tetapi kalau Kelantan, Rompin saya sanggup, lembu Guthrie Kerajaan Negeri Selangor bayar dan saya rasa jangan lupa juga Tumpat, Bachok, untuk lembu ini. Lembu Guthrie ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor. Alhamdulillah.

Seorang Ahli: Sudahlah banyak itu Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Kepala Batas, banyak dapat lembu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, ya, saya setuju kalau stok itu, yang tinggi kita kena *manage* nya, kita kena rendhkannya stok supaya harga itu apabila stok rendah, maka pembeli di pasaran dunia ini dia tahu dia kena beli, kalau tidak cepat beli maka nanti harga akan naik. Saya setuju ini memang satu cadangan, saranan yang baik dan kita sentiasa ambil ikhtiar bahawa stok ini kena kita pantau dan kita kena monitornya dengan rapi supaya stok itu tidak terlalu tinggi. Buat masa sekarang stok ada dalam paras 1.8 juta tan. Ini kalau berbanding dengan bulan November di mana stok kita ini hampir 2.2 juta tan.

So, ia sudah rendah dan kita akan terus memantau supaya ia tidak naik dengan mendadak, dan jangkaan kita ini ialah stok ini akan turun, sebab dalam tahun ini dijangkakan *production* atau jumlah keluaran minyak sawit atau minyak sawit mentah daripada estet-estet kita dan tanaman kita adalah akan turun sebab dia sudah lepas *pick production* dalam tahun ini. Sebab di dalam tahun yang dahulu iaitu 2008 *production* ialah luar biasalah, ia naik tinggi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat Labuan bangun di belakang Yang Berhormat.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: [Bangun]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okey, Yang Berhormat Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan bangun awal Yang Berhormat di belakang.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sebab saya hendak teruskan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...Teruskan dalam jawapan ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya tidak tahu kalau ini dalam bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi soalan saya ini. Soal apa yang kita lihat di Indonesia. Hasil daripada buah jarak ini dibuat secara hiliran di peringkat-peringkat kampung, di desa-desa di luar bandar, yang mana kebanyakan digunakan untuk petrol motosikal yang kita lihat di tepi-tepi jalan yang menjual bio-diesel.

Apakah peranan kementerian kalau kita menggalak oleh kerana kita ini akan menghadapi kemelesetan ekonomi, menggalakkan penduduk-penduduk di luar bandar ini memproses buah jarak ini untuk dibuat minyak bio-diesel? Mungkin ini dapat membantu dari segi pendapatan mereka. Di kawasan-kawasan luar bandar...

■1200

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, perkara itu sudah dijawab panjang lebar.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Buat masa sekarang kita masih dalam *trial*, sebab itu saya susah untuk saya nak menggalakkan pihak pekebun kecil ini menukar kepada pokok jarak inilah, buat masa sekarang ini adalah satu masalah yang agak kita kena meneliti dengan baik dulu, sebelum kita membuat ketetapan yang diminta oleh Yang Berhormat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labuan bangun. Hendak bagi Labuan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Labuan okey.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri, saya cuma satu sahaja. Saya rasa saya menyokong pandangan Rompin tadi mengenai banyaknya stok yang ada untuk kita punya minyak kelapa sawit. Saya cuma mahu minta penjelasan, seperti mana yang kita sedia maklum, Lahad Datu adalah salah satu pusat pengilangan bio diesel yang satu ketika dulu, telah pun dirasmikan dengan begitu megah,

Namun sampai saat ini, apa yang kita lihat berapa kilang kah yang sudah beroperasi di Lahad Datu tersebut, dan berapakah syarikat-syarikat dalam negeri dan berapakah syarikat luar negara yang beroperasi di tempat tersebut. Berapa tan kah yang sudah diproses untuk penggunaan ataupun proses minyak bio diesel tersebut, kerana apa yang kita lihat, persiapan infrastruktur sudah begitu bagus, tapi pelaksanaan kelihatannya agak terlambat. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, terima kasih. Sebenarnya di POIC, Palm Oil Industrial Cluster dengan izin, yang diletakkan di Lahad Datu ini, memang satu projek yang dikendalikan oleh pihak kerajaan negeri dan diberi sokongan daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan peranan yang pihak negeri kena buat ialah, mereka kena memasarkan konsep

ini, POIC ini di pasaran supaya dia boleh menarik syarikat-syarikat yang buat kilang pemprosesan dan sebagainya di Lahad Datu.

POIC ini dan pihak Kerajaan Persekutuan, hanya memberi bantuan dari segi infrastruktur kewangan untuk melengkapkan infrastruktur di POIC tersebut. Bagi penilaian kita, pihak projek ini adalah projek yang baik dan sudah dilaksanakan dengan walaupun perlahan sikit, sebab kita maklumlah keadaan sekarang dalam ekonomi meleset ini, adalah sukar untuk mendapatkan banyak pelabur-pelabur daripada negara asing. Akan tetapi, walau bagaimanapun saya ingin memberitahu bahawa dua loji bio diesel sudah didirikan di POIC itu, salah satu dimiliki oleh kumpulan Australia dan salah satu lagi ialah dimiliki pihak syarikat di South Korea. Dia sudah mula produksi dan saya yakin, dua loji ini akan membantu untuk mengeksportkan bio diesel kepada dua negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Serai telah membangkitkan soalan mengenai cadangan supaya, kerajaan mewujudkan satu dasar di mana upah minimum...

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...Bagi pekerja ladang, ditetapkan sebanyak RM2.25 sehari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa kini pembayaran upah pekerja ladang, telah ditetapkan melalui perjanjian kedua belah pihak majikan dan pekerja yang diwakili oleh *the Malaysian Agriculture Producers Association* atau MAPA, dan *the National Union of Plantation Workers* iaitu NUPW. Untuk itu, kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia, pihak MAPA dan pihak NUPW untuk memastikan penetapan kaedah upah baru pekerja ladang yang sentiasa dikaji telah diteliti dan menguntungkan mereka.

Selain dari membayar upah pekerja, pihak ladang juga telah mengeluarkan perbelanjaan kepada pekerja ladang untuk perkara seperti sewa rumah, bayaran perubatan dan juga pendidikan pra sekolah anak mereka. Secara purata kemudahan *in-kind* ini iaitu bentuk *in-kind* berkenaan yang disediakan oleh majikan dianggarkan bernilai RM360 sebulan bagi seorang pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Tuaran.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Minta maaf Yang Berhormat, tadi ada soalan mengenai dengan cara-cara untuk memberikan bantuan benih kepada penanaman sebab banyak gangguan tadi, Yang Berhormat telah terlepas pandanglah. Boleh minta jelaskan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Maaf Yang Berhormat Tuaran, ini memang satu soalan yang ditanya-tanya oleh banyak Yang Berhormat di dalam kawasan mereka. Saya ingin jelaskan, program ini adalah lambat sikit sebab kita kurang mendapatkan benih, tapi dalam musim sekarang di mana harga sawit sudah turun sedikit. Maka mulai sekarang kita dapatlah benih-benih tersebut dan kita akan salurkan kepada peserta-peserta yang kita luluskan kepada semua kawasan, terutamanya kawasan-kawasan yang sudah tunggu lama.

Kita akan susunlah, yang sudah tunggu lama kita akan bekalkan benih-benih ini kepada mereka. Program ini masih jalan, saya akan beri kepastian kepada Yang Berhormat sekalian bahawa kementerian saya melalui MPOB, akan terus melaksanakan skim ini kepada kawasan-kawasan yang di mana kita sudah luluskan skim ini kepada pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Padang Serai.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan dasar yang sama rata untuk memberikan gaji yang setimpal kepada pekerja-pekerja ladang itu. Apa yang saya dapati, yang berlaku adalah perjanjian yang ada di antara yang dibuat itu adalah di antara MAPA dengan ini, tetapi kita masih melihat mereka-mereka yang di dalam ladang-ladang masih lagi keadaan ekonomi mereka *among the lowest* dalam negara ini, dalam tahap yang cukup rendah berbanding dengan sektor-sektor lain di negara ini.

Kalau kita bandingkan mereka daripada ladang dan sektor perkilangan, terdapat cukup berbeza. Walaupun dikatakan di ladang dibekalkan rumah, elektrik, air dan sebagainya. Jadi apa yang kita mahu ialah, Malaysia ada sebagai pengeluar kelapa sawit di antara yang terutama di dunia dan juga mereka ini menyumbang. Jadi apakah langkah-langkah, bolehkah kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menaikkan taraf kehidupan mereka. Taraf kehidupan mereka, kerana pendapatan mereka selalunya terjejas akibat krisis ekonomi dan sebagainya. Jadi itu yang saya sarankan hal ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh tambah sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya sila Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih kepada Menteri.

■ 1210

Isu rundingan di antara MAPA iaitu mewakili majikan dan juga kesatuan sekerja. Kedua-dua rundingan ini memang bukan satu rundingan yang boleh dikatakan sama taraf atau *equal negotiation*, sudah banyak kali kesatuan merayu kepada kementerian supaya dapat mainkan satu peranan yang lebih efektif sebagai orang tengah kerana dalam keadaan sekarang, majikan mempunyai kuasa tidak menaikkan gaji dan kesatuan memang menjadi makin lemah kerana sektor *plantation* sekarang kini didominasi oleh pekerja-pekerja asing. Ini menjadi satu *vicious circle* kerana gaji rendah iaitu dalam sektor ini ramai pekerja asing dan pekerja asing ini tidak menjadi sebahagian daripada kesatuan. Kesatuan tidak mempunyai *membership* yang cukup untuk merundingkan satu gaji yang lebih adil untuk pekerja.

Jadi kalau tanpa tindakan atau campur tangan kerajaan untuk memastikan taraf gaji minimum ini setanding dengan sara hidup, dengan kemampuan pekerja untuk menikmati satu kehidupan yang sederhana, kita akan menghadapi satu krisis di mana sektor ini walaupun

banyak menyumbang tetapi kita terpaksa bergantung kepada pekerja asing dan kekayaan yang telah di kumpul dari sektor *plantation* ini tidak dapat diagih kepada pekerja-pekerja. Terima kasih

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Batu. Soalan ini memang bukan satu soalan yang kita boleh jawab dalam sekelip mata atau jawab bolehkah tidak kerana sektor sawit ini memerlukan pekerja yang banyak dan kalau ditambah ada pekerja asing untuk mengisi jawatan seperti pengutip buah sawit daripada pokok itu. Dalam maklumat yang saya dapati daripada semua estet ini atau walaupun FELDA atau FELCRA pun mereka sebut, mereka tidak dapat pekerja daripada negara kita ini...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...Untuk kerja-kerja seperti itu. Sebab itu maka kalau kita sebut pekerja asing ini yang menyebabkan gaji yang rendah saya pun..

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Bukan, saya bukan hendak sentuh tentang pekerja asing. Saya sentuh perkara gaji minimum supaya MAPA dan kerajaan boleh cuba menetapkan gaji yang munasabah supaya lebih ramai pekerja tempatan boleh masuk.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Okey Yang Berhormat, saya akan jawab.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya tidak menghalang kata supaya tidak menggunakan pekerja asing.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Akan tetapi saya hendak memberi satu gambaran di mana majikan ini menghadapi masalah. Masalah tidak cukup pekerja di ladang. Sebab itu kita meminta pihak kerajaan untuk membuka subsektor ini, supaya mereka dapat sentiasa ada cukup pekerja di ladang. Akan tetapi sama ada MAPA dan NUPW ini dapat merunding satu perjanjian yang munasabah, satu perjanjian yang saksama dan sebagainya. Saya akan berbincang dengan rakan saya iaitu Menteri Sumber Manusia dan kita cuba tengok macam mana, dari mana sudut kita boleh campur tangan atau kita boleh menggalakkan pihak yang berkenaan untuk mendapatkan pakej yang cukup memberangsangkan kepada pekerja tempatan untuk memasuki sektor sawit ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih. Apa yang berlaku di negara ini. Kadar kehidupan rakyat di negara ini, kalau RM50 sehari adalah satu perkara yang biasa. Akan tetapi kita boleh melihat bahawa tidak ada mana-mana ladang pun di negara ini yang menetapkan supaya pekerja mereka itu mendapat gaji harian lebih kurang RM40 ke RM50 sehari. Tidak ada ladang-ladang, saya tidak pernah dengar dan kawasan saya menghadapi masalah yang teruk di mana pemuda-pemuda tidak mahu pergi bekerja dan kerja mereka diganti oleh pekerja-pekerja asing kerana ditetapkan oleh ladang-ladang gaji yang kurang daripada RM20. Jadi apa yang berlaku adalah mereka pergi untuk buat kerja RM20 dan bawa balik duit kurang dari RM20 itu tidak membawa makna. Sebab itu mereka tidak mahu kerja dan menunggu ataupun berhijrah mencari kerja di tempat yang lain.

Jadi kerajaan, oleh kerana ini kelapa sawit adalah di antara ekonomi yang terbaik untuk negara ini, kerajaan mesti mengambil langkah-langkah yang drastik supaya dinaikkan kadar kehidupan, kadar pendapatan dalam ladang-ladang ini. Mungkin paling kurang pun RM40 atau RM50 dan kalau tunggu MAPA dan kesatuan buat rundingan, MAPA adalah persatuan yang dipelopori oleh mereka yang cukup kaya raya kerana mereka yang mempunyai ladang-ladang yang puluhan ribu ekar ini menjadi ahli dalam MAPA dan mereka langsung tidak kisah dengan kehidupan pekerja-pekerja miskin ini. Jadi itulah kita harap kerajaan dapat membawa satu dasar di mana mesti ditetapkan kalau kehidupan di negara ini, RM40, RM50 satu hari untuk satu keluarga. *About* RM40, RM50 dan itulah kadar yang mesti ditetapkan bahawa pekerja tidak kira estet mana, *that must be the basic salary*. Itu harapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, jika isu ini amat baik dijawab oleh Kementerian Sumber Manusia, biarlah Kementerian Sumber Manusia yang menjawabnya Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin hendak panjangkan perbincangan ini sebab kita serahkan kepada MAPA dan NUPW untuk mendapatkan satu perjanjian yang munasabah dan saksama kepada pekerja. Saya sudah sebut saya akan berbincang perkara ini dengan rakan saya Menteri Sumber Manusia untuk cuba melihat mana sudutnya kita boleh mainkan peranan dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan soalan mengenai cadangan supaya syarikat-syarikat perladangan digalakkan untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi di ladang mereka bagi tujuan mengurangkan penggunaan tenaga kerja terutamanya buruh asing.

Yang Berhormat, ini adalah satu cadangan yang baik dan satu perkara yang saya selalu ambil perhatian untuk menggalakkan pihak ladang besar terutamanya untuk menggunakan mesin-mesin yang sedia ada dan kalau tidak dapat barangkali kita boleh reka bentuk mesin-mesin yang khusus yang boleh digunakan di peringkat ladang. Kita cuba akan melaksanakannya, sebenarnya kita menubuhkan satu Jawatankuasa Peningkatan Mekanisasi di sektor perusahaan dan perladangan komoditi di mana ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada kementerian, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan wakil-wakil industri. Jawatankuasa ini berperanan untuk meneliti dan menilai keperluan mekanisasi di sektor perusahaan perladangan dan komoditi termasuk untuk mengenal pasti strategi-strategi bagi meningkatkan dan menggalakkan penggunaan mekanisasi di sektor perusahaan perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kementerian Yang Berhormat ini adalah satu kementerian

yang cukup penting sekali kerana kementerian ini sebenarnya menghasilkan pendapatan negara daripada hasil eksport komoditi ataupun *merchandise*.

■1220

Pada tahun lepas eksport kita daripada komoditi sahaja kita dapat RM112 bilion di mana 57% adalah daripada kelapa sawit dan kita adalah di antara pengeluar terbesar di dunia bersama-sama dengan Indonesia. Tadi saya ada sebut tentang lambakan ataupun *stock overhand*. Yang Berhormat ada sebut tadi, saya pun takut hendak sebut *figure* nya terlalu besar Yang Berhormat. Dia punya *figure* kita punya *stock overhand*. Bersama Indonesia pun serupa juga kerana ini mungkin disebabkan oleh permintaan yang menurun kerana kuasa beli sekarang telah pun juga menurun. Apa yang saya hendak tanya ialah sekarang kita telah banyak minta orang tanam semula. Penghasilan akan lebih banyak lagi. Jadi sekarang keadaan kegawatan berlaku, di mana kita hendak jual? Itu yang pertama.

Kedua sekarang, harganya bawah daripada RM2,000 yang disasarkan oleh kerajaan. Sekarang lebih dalam RM1,800 hingga RM1,900 satu tan sahaja. Jadi apakah usaha kita sama ada kita ada membuat satu kerjasama bersama-sama dengan Indonesia? Ini kerana kita pengeluar terbesar yang akan boleh menentukan tentang pasaran kelapa sawit di dunia. Adakah kita menghadapi saingan daripada *soya bean* misalnya ataupun lain-lain? Adakah saingan ataupun usaha daripada pihak-pihak lain yang sabotaj kelapa sawit kita? Itu yang paling utama kerana harga ini melibatkan bukan sahaja pendapatan negara akan terjejas, kerana eksport kita akan berkurangan, imbalan kita juga akan terjejas, bahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil di kampung-kampung juga akan terjejas. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, terima kasih atas keprihatinan tentang sektor komoditi ini. Memang kita rasa ini satu *economic activity* yang penting bagi negara kita dan kita akan cuba sedaya-upayanya untuk menentukan bahawa kita akan mendapatkan faedah bukan sahaja dari segi negara tetapi bagi seluruh rakyat. Ini memang matlamat kementerian kita.

Bagi stok ini sebenarnya saya sudah jawab sedikit tadi. Kalau Yang Berhormat perhatikan kerjasama dengan Indonesia ini memang akan diteruskan sebab kita tidak dapat asingkan Indonesia dengan Malaysia. Dua negara ini kita keluarkan hampir 85% jumlah minyak sawit di seluruh dunia ini dan sebab itu kita memang rapat untuk kerja. Kita ada misi-misi di luar negara seperti tahun dahulu kita pergi Brussels dan London untuk menentukan bahawa minyak sawit yang kita keluarkan ini tidak disalah tafsir sebagai *unsustainable* seumpamanya, kita tidak membunuh Orang Utan, kita tidak memusnahkan hutan rimba dan kita juga tidak memusnahkan biodiversiti.

Semua ini adalah isu-isu yang berkaitan dengan pasaran kita di Eropah dan juga di Amerika Syarikat. Sebab itulah kita cari pasaran-pasaran baru seperti di Rusia, pasaran tradisional China, India, Pakistan, dan Bangladesh. Sekarang kita juga sudah jual banyak ke *Middle East* dan Afrika yang juga mengimport seperti *Egypt*, *South Africa* mereka juga import

agak banyak daripada negara kita dan juga Indonesia. Sebab itulah kita ada *joint activity, joint* pasaran di mana kita menggalakkan dua negara ini bekerjasama terutamanya untuk menghadapi kritik-kritik...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...Daripada *environmental* NGO ini. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada minta jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat silam.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sila.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Satu lagi ya. Saya hendak habiskan.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab 85% pengeluaran sawit dunia ini datangnya daripada Malaysia dan Indonesia kita melihat inisiatif untuk peningkatan cara pemasaran ini semakin meluas. Adakah pihak kementerian yang mengambil inisiatif untuk merencanakan dari segi R&D, *research and development* untuk mempelbagaikan selain daripada kita mengeksport dalam bahan mentah kelapa sawit ini. Justeru itu, dalam bidang-bidang lain juga supaya kelapa sawit ini bukan hanya menjadi satu komoditi yang dijual secara minyak juga kita usahakan dalam bidang-bidang lain.

Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah inisiatif pihak kementerian dalam usaha untuk mempelbagaikan lagi produk yang dihasilkan daripada sawit? Ini supaya pasaran ini dapat kita bukan hanya kita bergantung kepada pasaran antarabangsa. Bagaimanakah caranya kalau kita juga dapat mempelbagaikan aktiviti ini untuk dalam industri tempatan terutamanya di kawasan luar bandar supaya mereka ini dapat belajar sendiri untuk mengusahakan komoditi kelapa sawit ini dipelbagaikan untuk kegunaan setempat tanpa bergantung terus kepada pasaran luar yang mungkin mengambil masa untuk mendapat hasilnya. Terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, ada hubung kait dengan itu Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Yang Berhormat Jasin.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut kita dan Indonesia pengeluar sebanyak 85% daripada jumlah pengeluaran kelapa sawit seluruh dunia. Jadi maknanya kita mempunyai kekuatan untuk menentukan tentang pasaran bukan sahaja pengeluarannya bahkan harganya juga tapi apa yang terjadi sekarang pasaran hadapan kita ditentukan oleh orang lain. Misalannya Singapura yang tidak ada setitik pun minyak kelapa sawit tetapi mereka mempunyai pasaran hadapan. Itu yang pertama.

Adakah kerajaan sekarang bercadang untuk menubuhkan pasaran ini supaya sekurang-kurangnya kita dapat menentukan harga sebenar kelapa sawit? Ini supaya sebagai pengeluar kita tidak menjadi mangsa kepada kumpulan-kumpulan yang melakukan spekulatif pada ketika ini.

Keduanya, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri kalau sekarang 30% pengeluaran kita adalah hasilnya kita buat bio-diesel. Selain daripada bio-diesel apakah sekarang penemuan-penemuan yang terkini supaya apa juga pengeluaran kita dapat kita gandakan lagi. Kita sekarang sedang usahakan untuk penanaman lebih lagi yang kita sudah minta orang tanam lagi sekarang ini supaya sekurang-kurangnya kita ada pasaran untuk mereka. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang rasalah kita ini sebagai pengeluar utama dengan Indonesia perlu bekerjasama. Ini adalah untuk menangani apa sahaja masalah yang kita hadapi seperti harga, seperti *stock overhand* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin dan juga mempelbagaikan kegunaan sawit ini. Sebab itu kita mewujudkan bilateral antara Indonesia dengan Malaysia supaya kita boleh tukar fikiran dan cara-cara bertindak supaya kita tidak bercanggah antara satu dengan lain.

Ini memang sebagai matlamat besar tetapi kadangkala pihak pengeluar ini di mana dia memasarkan kadangkala kita ada terima maklumat di mana pihak menggunakan taktik-taktik yang tidak munasabah seperti potong harga dan jual kepada pasaran yang tidak menggunakan kaedah yang baik dan jangka panjang. Oleh sebab itu maka, itulah cara-cara yang kita hendak menyelesaikan antara Indonesia dengan Malaysia.

■1230

Futures market ini yang Berhormat, ini bukan satu perkara yang kita boleh gunakan sebab kita keluar banyak, kita boleh kontrolnya. Sebab *futures market* ini terhadap keyakinan, kalau keyakinan itu tidak ada, maka apa yang kita buat atau apa yang kita gunakan pun tidak akan berjaya sebab keyakinan itu tidak ada. Kita perlu ada *hand-off* punya polisi Yang Berhormat, sebab kita menggunakan, membiarkan *futures market* ini melaksanakan kaedahnya dan apa yang perlu dilakukan dalam *futures market* supaya kita memberikan satu keyakinan kepada mereka bahawa kalau mereka beli pada hari ini, enam bulan yang akan datang dia dapat bekalan.

Itu yang sangat penting, itu ialah *futures market*. Kita kenalah ada satu cara di mana kita kontrol stok kita. Kalau kita dapat kontrol *stock overhang* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu maka *futures market* akan dipengaruhi kerana stok ini, kalau kita lebih stok, mereka akan gunakan kaedah-kaedah supaya harga kita turun. Akhirnya tentang soalan yang kita tanya tadi, Yang Berhormat Silam yang bertanya, kita memang tiap-tiap hari MPOB sebagai R&D *facility* yang unggul dalam di dunia, dalam bidang kelapa sawit ini, tiap-tiap hari kita punya saintis, dalam fikiran mereka, macam mana kita boleh mempelbagaikan kegunaan kelapa sawit ini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [*Bangun*]

Datuk Peter Chin Fah Kui: Hari ini kita nampak banyak penemuan-penemuan saintifik mereka sudah di komersialkan. Tiap-tiap tahun Yang Berhormat, saya melancarkan satu majlis di mana kita memperkenalkan 'pertemuan-pertemuan' baru kepada pasaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, 'penemuan-penemuan'.

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...Kepada pihak industri untuk melaksanakannya

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat berhubung dengan pusat penyelidikan kita, iaitu *research centre* yang kita miliki, yang merupakan di antara *research centre* yang agak *advance* dari segi usaha-usaha penyelidikan termasuk dari segi penghasilan benih yang berkualiti, penghasilan RDP Olein dan yang lain-lain dilihat berada dalam keadaan yang cukup memuaskan. Akan tetapi apabila syarikat-syarikat korporat kita yang melabur di luar negara terutamanya di Indonesia seperti Tabung Haji dan yang lain-lain, kita melihat kita membawa banyak teknologi kita ke negara luar.

Adakah ini sedikit sebanyak tidak menjejaskan kepada penghasilan negara kita apabila rahsia-rahsia yang telah kita miliki ini kita dedahkan kepada negara luar terlalu banyak sangat kerana Malaysia ini baik sangat. Dulu kita pernah berjaya dalam badminton, kita bagi rahsia dekat orang dan kita hendak dapat sesuatu rahsia itu agak lambat. Kita harus jadikan pengajaran supaya kita jangan lagi menjadi terlampau baik apabila kita nak menyelesaikan semua permasalahan ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Jasin. Masalah kita ialah dari segi kerahsiaan maklumat daripada kementerian. Saya dapati kadang-kadang spekulator yang *speculate* tentang harga-harga pasaran kelapa sawit ini sama ada di Singapura ataupun di Malaysia, kadang-kadang mereka ini mendapat maklumat lebih awal dari segi jumlah stok kelapa sawit negara kita daripada pengumuman awal ataupun rasmi kementerian dan kadang-kadang oleh kerana begitu, mereka menggunakan maklumat ini untuk membuat spekulasi sehari, dua hari sebelum pengumuman rasmi daripada kerajaan dan ini mungkin perlu dilihat semula. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi kah Yang Berhormat?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Sedikit sahaja, sekejap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kota Belud dan juga Yang Berhormat Silam ya. Mengenai keprihatinan R&D ini, memang kita sebagai satu *research centre* yang mendapat banyak tumpuan daripada *research centre* di luar Malaysia ini ingin nak bekerjasama, ingin *join research* dan sebagainya. Kadang kala kita tidak dapat, *as if* kita dengan izin, *we know everything*. Oleh sebab itu, kita kena bekerjasama dengan pihak USA, dan sebagai contoh, baru-baru ini kita ada satu kerjasama dengan *Orion Research* di California di mana kita masuk dalam *research* dalam *genome palm* ini.

Ini kerana kita tahu kalau kita nak ke masa hadapan, kita kena tahu apa selok-belok *genome* kelapa sawit ini supaya kita boleh gunakannya untuk mendapatkan informasi atau maklumat itu supaya kita boleh dapat klon baru. Klon yang jenis umpamanya pokok yang rendah, tidak tinggi, buah yang cukup padat dengan minyak dan sebagainya. Semua ini, kita kena ada *research* yang mendalam dan sebab itu kita kena ada kepakaran dari luar negeri. Oleh sebab itu, kita kena perjanjian dengan mereka walaupun kita ada *IP rights* tetapi kita kena berkongsi dengan mereka sebab *research* itu kita jalankan bersama dengan mereka atau dengan bantuan mereka.

Semua ini adalah perkara-perkara yang kita ambil perhatian Yang Berhormat, jangan risau banyak. Kita memang akan terus membela kelapa sawit kita ini dan apa sahaja rahsia yang kita ada kita memang dapat satu kaedah yang baik untuk memastikan bahawa rahsia ini tidak dapat dicuri oleh pihak-pihak yang tidak bekerjasama dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin sebutkan satu perkara saya rasa juga penting bagi negara kita iaitu perabot. Yang Berhormat Bakri yang membangkitkan isu ini di mana Yang Berhormat sebut pengusaha membuat perabot di Malaysia menggunakan 80% kayu getah untuk industri perabot.

Pihak industri terpaksa mengimport terutamanya daripada negara Thailand untuk menampung keperluan industri. Kebanyakan pengusaha perabot tempatan mengimport bekalan kayu gergaji getah daripada negara Thailand adalah disebabkan oleh keperluan khas iaitu dari segi saiz kayu gergaji yang digunakan oleh pengusaha perabot. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat 31 Disember 2008 hanya terdapat syarikat perabot milik syarikat luar iaitu dari negara Taiwan yang telah berpindah ke Vietnam dan ini tidak menjejaskan pengeksportan perabot Malaysia.

Tiada sebuah pun syarikat milik tempatan yang memindahkan operasi mereka. Pengusaha perabot yang telah beralih operasi syarikat ke negara lain adalah disebabkan kekurangan tenaga kerja tempatan dan terpaksa mengambil pekerja asing.

■ 1240

Kos operasi yang lebih rendah di negara lain serta dapat memperoleh bekalan kayu dan tenaga kerja yang mencukupi. Anggaran kos upah pekerja di Malaysia adalah dalam USD200 sebulan. Manakala kos pekerja di Vietnam, Thailand hanya USD100 sebulan. Manakala daripada

segi harga kayu getah gergaji dari Thailand, kayu yang dibeli adalah lebih murah daripada Malaysia sebanyak RM50 sehingga RM100 setan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Amerika Syarikat merupakan negara pengimport utama perabot keluaran Malaysia.

Pada tahun 2007, eksport perabot Malaysia ke Amerika Syarikat adalah bernilai RM2.27 bilion manakala pada bulan Januari sehingga November 2008, pengeksporan adalah bernilai RM2000.07 bilion. Pengeksport perabot kayu kayan dan rotan ke Amerika Syarikat tidak dikenakan sebarang duti...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri bangun Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri menjawab soalan ini. Di sini saya ingin meminta kementerian senaraikan seluruh nama syarikat yang memegang AP kayu import daripada 2007 sampai bulan ini dalam jawapan bertulis dan sila jelaskan rancangan-rancangan daripada kementerian supaya menolong kilang-kilang perabot memperoleh kayu mentah import yang lebih murah dan saya nak minta penjelasan selain daripada MIFF iaitu *Malaysia International Furniture Fair*, adakah bantuan sudah diberi kepada *Export Furniture Exhibition Malaysia* atau dalam *short form* EFE di mana EFE merupakan satu *exhibition organization* yang ditubuhkan oleh NFEA. Adakah kementerian seharusnya memberikan bantuan yang sama seperti MIFF kepada pertubuhan-pertubuhan yang bertujuan untuk mempromosi produk-produk perabot tempatan. Sila jelaskan. Terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, ada hubungan dengan ini Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat Jasin lagi?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya apa yang disebut oleh Menteri tadi memang ada kebenaran. Tidak ada kilang yang berpindah ke negara lain tetapi adakah Yang Berhormat mengambil maklum bahawa separuh daripada kilang-kilang perabot di negara kita ini telah ditutup. Bukan berpindah tapi telah ditutup kerana tidak ada permintaan kerana ini satu daripada industri yang menghadapi tekanan inflasi yang cukup serius pada ketika ini.

Apa yang saya nak sebut di sini, adakah perabot-perabot daripada Malaysia, keluar daripada Malaysia ketika ini menghadapi tekanan daripada negara-negara luar terutamanya negara Barat kerana kita dikatakan mengeluarkan perabot hasil daripada pembalakan-pembalakan haram. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Saya jawab Yang Berhormat Bakri dulu ya. Soalan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Bakri tadi adalah sangat spesifik. *You* nak nama syarikat yang dapat kuota untuk eksport. Ini saya boleh bekalkan maklumat ini secara bertulis kepada Yang Berhormat. Mengenai EFE ini, memang saya mengiktiraf kumpulan ini kerana mereka terdiri daripada organisasi-organisasi di peringkat negeri sampai ke satu *federation* di peringkat persekutuan. Saya rasa eloklah organisasi ini diberikan pengiktirafan dan sejak saya ambil alih dalam kementerian ini, saya juga melaksanakannya. Pada hari esok, EFE akan ada satu majlis pameran yang besar-besaran dan saya akan hadir sebagai tetamu kehormat untuk menjalankan tugas di sana.

Mengenai kilang yang ditutup yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin, sebenarnya saya tidak ada maklumat yang tetaplah tentang separuh kilang sudah ditutup. Sebenarnya kelmarin baru saya ada perbincangan dengan pihak MFIC iaitu *Malaysian Furniture Industry Council* dan mereka tak sebut kepada saya bahawa walaupun pengeksportan itu sudah susut tetapi mereka tidak sampai ke tahap setengah kilang perabot-perabot di Malaysia ini sudah tutup tetapi saya akan siasatlah perkara ini kalau betul ini agak mendesak untuk capai pengeksportan yang saya sebut tadi pada tahun ini.

Kita anggapkan ia akan turun tetapi tidak sampai separuhlah dia turun. Akhirnya, saya ingin ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana ambil perhatian tentang apa yang diusahakan oleh kementerian saya dan kita akan terus kepada Yang Berhormat yang saya belum dapat jawab sepenuhnya. Saya harap Yang Berhormat akan berhubung dengan saya di luar Dewan ini atau sampai ke pejabat untuk terus berbincang mengenai apa yang kita boleh buat atau pasti akan buat di dalam kementerian.

Saranan, ulasan dan juga pandangan Yang Berhormat akan diambil kira dalam segala usaha kementerian di masa akan datang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

12.47 tgh.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pasir Mas, Putatan dan Jempol yang telah memberikan pandangan dan saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlangsung dari 17 Februari hingga 26 Februari 2009.

Pihak kementerian akan memberi perhatian dan tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Secara keseluruhannya, antara isu

berkaitan kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dirumuskan merangkumi:

- (i) kesenian yang menjurus kepada jasa bakti Seniman Agung Tan Sri P.Ramlee;
- (ii) perpaduan iaitu perhubungan antara pelbagai kaum; dan
- (iii) kebudayaan yang berkait tentang perwujudan Kompleks Budaya.

Saya ingin menyentuh mengenai isu kesenian yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas dalam Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Diraja. Beliau pada 19 Februari 2009 yang mencadangkan anugerah bergelar "Tun" kepada Seniman Agung Negara iaitu Allahyarham Tan Sri P.Ramlee. Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan amat memandang tinggi dan berusaha untuk memberi pengiktirafan sewajarnya kepada individu yang memberi sumbangan terhadap pembangunan seni budaya negara dan kementerian di bawah kelolaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negara telah memberi pengiktirafan anugerah seniman negara kepada penggiat seni budaya.

Penganugerahan ini membolehkan penerima menerima wang tunai RM60,000, watak penghormatan negara, trofi, kemudahan perubatan percuma wad kelas satu Hospital Kerajaan, menjadi pengkarya tamu dan pakar rujuk dalam bidangnya serta menjadi wakil Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di seminar atau forum peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

■1250

Walau bagaimanapun, pengiktirafan diberikan kepada penggiat seni budaya yang masih hidup. Pihak kementerian menyokong penuh pemberian gelaran Tun kepada Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee memandangkan sumbangan besarnya dalam bidang seni. P. Ramlee merupakan seorang tokoh yang mempunyai kepelbagaian bakat *very versatile artist*, dengan izin.

Beliau adalah pengarah filem, pencipta lagu, pemuzik, penyanyi, pemain muzik, pelakon dan pelawak. Allahyarham Tan Sri P. Ramlee pernah mendapat tujuh anugerah dalam bidang perfileman di Festival Filem Asia dalam tahun 50-an dan 60-an. Ini termasuk Anugerah Muzik Terbaik, Anugerah Pelakon Lelaki, Anugerah Fotografi Terbaik dan tiga kali Anugerah Filem Komedi Terbaik dan juga Anugerah *The Most Versatile Talent*. Dalam tahun...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu Pahat. Ya, Yang Berhormat Batu Pahat dahululah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan yang dicadangkan oleh pihak kementerian terutamanya dalam kita mengingati jasa Allahyarham P.Ramlee, tetapi apa yang saya masih ingat ialah bahawa kita dahulu pernah membangkitkan pembayaran royalti kepada Seniman Agung kita ini. Saya tidak

tahu sama ada itu sudah diselesaikan ataupun tidak dan apa yang kita sedih ialah anak beliau sudah pun meninggal dunia dan perkara ini kita mahukan penjelasan.

Maksudnya, seniman ini apabila sudah meninggal baru kita hendak ingat, baru hendak bagi gelaran dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita sedih, kita selalu baca surat khabar bahawa kebanyakan artis seniman kita ini yang banyak menyumbang kepada negara ini, apabila mereka meninggal kita tahu mereka hidup dalam keadaan yang cukup daif, tidak banyak kemudahan. Maksudnya kalau dari segi perubatan sebagai contohnya.

Saya harap perlu difikirkan bagaimana kita hendak mengiktiraf seniman-seniman kita yang ramai yang banyak menyumbang, yang ada masih hidup. Jangan apabila sudah mati baru hendak bagi Tun dan sebagainya. Akan tetapi yang masih hidup ini, bagaimana apa sumbangan kita kepada mereka, apa pengiktirafan kita kepada mereka. Yang ini yang saya cukup sedih apabila tengok mereka meninggal, baru kita baca kisah dia, hidup dalam keadaan yang cukup daif sebenarnya. Saya harap ini diberi perhatian, mohon penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Batu Pahat itu memang wajar. Tentang royalti berkaitan dengan hasil karya Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, iaitu terletak kepada kontrak di antara Allahyarham dengan *Show Brothers* pada masa itu. Jadi kita belum lagi pasti apakah ada *contract term, between the two parties*, dengan izin, dan ini dalam perhatian kementerian juga. Untuk membela nasib...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit lagi penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon: Nanti, biar saya jelaskan persoalan tadi. Tentang pembelaan artis yang menghadapi masalah dalam kehidupan mereka, saya boleh beri contoh misalnya anak Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, Nasir P. Ramlee yang baru-baru ini meninggal dunia. Jadi sebelum dia meninggal dunia apabila dia sakit, memang kementerian ada beri bantuan di bawah Skim Belaan Artis sebanyak RM5,000 untuk rawatan di hospital dan anak-anak Nasir P. Ramlee, dua orang anak itu. Seorang dengan nama kalau saya tidak silap Natasya dan Najwa.

Dua orang anak itu juga diberi bantuan sebanyak RM5,000 setiap orang untuk melanjutkan pelajaran di ASWARA di bawah kementerian ini juga supaya mereka akan mendapat kemahiran yang diperlukan. Jadi memang kita di bawah Skim Belaan Artis itu, kita memberi perhatian kepada artis-artis yang memerlukan bantuan. Mereka tidak dibiarkan begitu sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit penjelasan lagi. Tadi tentang Allahyarham P. Ramlee. Sekarang ini kita masih lagi menayangkan filem beliau, apakah itu tidak ada royalti yang sebenarnya wajar diberikan kepada anak dia atau kepada kaum keluarga dia yang masih hidup? Berbaik kepada perkara tadi itu, saya berterima kasihlah kepada kerajaan

memberikan perhatian kepada artis-artis kita ini, maksud saya yang banyak menyumbang ini, yang saya sedih ramai di kalangan mereka ini sakit, perlukan bantuan perubatan, rawatan dan sebagainya.

Dahulu saya tengok, seorang yang baru meninggal tidak salah saya nama dia Edy Osmera ataupun Ed Osmera, itu pun saya lihat dalam keadaan yang cukup mendukacitakan apabila membaca kisah beliau sebelum beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Jadi saya harap perkara-perkara ini dapat dipantau. Walau bagaimanapun, saya ucap terima kasihlah jika sekiranya memang kementerian ada skim bantuan kepada mereka ini.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Perkara yang sama Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal kebajikan artis, saya bersetuju dengan jiran saya Yang Berhormat Batu Pahat kerana kita lihat artis-artis yang veteran, yang lama yang telah menyumbangkan begitu banyak bakat dalam bidang seni ini apabila di saat-saat akhir, mereka begitu dilupakan. Saya tahu pelbagai usaha dibuat oleh Seniman dan sebagainya untuk memberi imbuhan bulanan menerusi pelaburan melalui syarikat-syarikat yang mendapat *hours* atau jam di RTM.

Akan tetapi dilihat tidak begitu bersungguh-sungguh dan saya difahamkan ada di kalangan artis-artis ini yang tidak perlu saya sebutkan namanya di sini hendak dapat rumah bandar raya pun terlalu sukar bagi mereka, sehingga mereka terpaksa hidup dalam keadaan yang dikategorikan sebagai golongan PPRT.

Saya amat bersetuju dengan usaha kementerian cuma minta kementerian, di sini kita membuat pemantauan balik mengenal pasti mereka yang telah terlibat dalam dunia seni ini dan diberi pengiktirafan ataupun kita mencari cara lain. Mungkin kementerian boleh menubuhkan sebuah anak syarikat yang boleh menjalankan sedikit perniagaan seni dan keuntungannya disalurkan kepada mereka ini.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, saya memang bersetuju pandangan kedua-dua Yang Berhormat itu. Memang kementerian ini mengambil berat tentang perkara ini dan kita akan memberi perhatian yang sepenuhnya tentang keperluan menimbang bayaran royalti dan sebagainya, yang mana kita dapat membantu langkah-langkah yang perlu diambil oleh kementerian dalam perhatian kementerian, kita mengambil berat cadangan-cadangan itu dan selepas ini akan memberi perhatian.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Teng Boon Soon: Sekejap lagi. Tadi tentang penganugerahan, Yang Berhormat Seputeh sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Tadi tentang cadangan memberi gelaran Tun kepada Tan Sri P. Ramlee dan sungguhpun itu satu penghormatan selepas seseorang artis atau tokoh seniman yang telah meninggal, saya rasa dalam kes Tan Sri P. Ramlee ini dia adalah istimewa, kerana

kita melihat kepada pengaruh-pengaruh Tan Sri P. Ramlee sehingga hari ini. Dalam tahun 50-an pun kita melihat kepada sumbangan terhadap industri perfileman negara.

Dalam tahun 50-an dan 60-an kejayaan beliau telah mendorong pengarah-pengarah lain menghasilkan filem-filem yang hebat kekal dihayati sehingga hari ini dan industri perfileman Melayu pada zaman tersebut telah melalui satu tahap kegemilangan yang menaikkan nama negara, menyebabkan Malaysia dikenali dan pengaruh-pengaruh itu bukan setakat ini sahaja sumbangan Tan Sri P. Ramlee kepada industri filem, sehingga hari ini masih terasa. Saya beri beberapa contoh..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita sambung petang Yang Berhormat contoh-contoh.

Tuan Teng Boon Soon: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini kita ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membentangkan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu 4 Mac 2009.”

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk menyambung penggulungan.

2.34 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat sangat prihatin tentang perlindungan yang diberi kepada artis tempatan, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini iaitu tentang Skim Belaan Artis dan Karyawan Seni yang diberikan oleh kementerian ini. Pada tahun 2008, kementerian telah menyalurkan RM139,800 kepada 25 orang penerima. Ini termasuk seorang artis Ed Osmera yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat, beliau menerima RM5,000. Nasir P. Ramlee juga diambil sebagai pemuzik di Istana Budaya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon: Nanti sekejap. Sazali P. Ramlee diberi bantuan untuk membeli rumah. Datuk Haji Aziz Satar menerima bantuan perubatan sebanyak RM10,000. Dato' Abdul Rahman Hassan menerima bantuan sebanyak RM5,000, M. Rajoli menerima RM5,000, Yusni Jaafar menerima RM5,000, Azean Irdawaty menerima bantuan perubatan sebanyak RM10,000.

Jadi, ini adalah bantuan-bantuan yang telah dikeluarkan dan pada masa ini, kementerian di bawah Jabatan FINAS sedang memikirkan skim pencen kepada artis. Skim pencen ini adalah seperti ini. Pihak kementerian sedang menilai cadangan (*proposal*) daripada syarikat-syarikat insurans dan kertas cadangan mengenai skim pencen ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada penghujung bulan Mac tahun ini. Di bawah skim ini ia akan meliputi kesemua artis pelakon tempatan tanpa mengira kaum. Semoga dengan skim pencen ini masa hadapan artis tempatan lebih terjamin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri memang sesualah jaga artis, lemah lembut. Saya sebenarnya memang ingin turut serta membincang soal-soal kebajikan artis sebab saya pun ada ramai rakan-rakan artis. Di kawasan saya pun jawatankuasa bahagian saya sorang artis iaitu Ampal. Dia jawatankuasa di bahagian saya.

Apa yang menjadi bicara masyarakat bagaimana masa depan mereka. Hari ini mereka popular, esok lusa mungkin tidak lagi. Contohnya Allahyarham P. Ramlee. Kita dapat maklum bahawa kontrak dia dengan Shaw Brothers, dia cuma dapat gaji. Kontrak itu mungkin musim Jepun memerintah lagi. Akhirnya apabila dia sudah meninggal royaltinya dia tidak dapat. Shaw Brothers juga yang *collect*. Dia berada di Hong Kong, di *Singapore* tetapi dia yang *collect* keuntungan itu.

Jadi, bukankah ini merupakan satu kerugian? Keluarga dan anak-anaknya tidak mendapat apa-apa. Apakah langkah yang kerajaan akan lakukan untuk memastikan kejadian seumpama ini tidak berlaku dan artis-artis di negara kita kebajikan mereka terpelihara. Artis kita

ini kita tahulah bukan macam di Amerika! Dia popular dengan satu lagu sahaja dan dapat berpuluh-puluh juta. Kalau di sini dia berlakon sepuluh filem pun belum tentu boleh hidup senang. Jadi, apakah langkah yang lebih terjamin selain daripada skim insurans itu yang boleh kita ambil untuk memastikan industri perfileman kita dan lain-lain dalam bidang ini dapat menjamin masa depan mereka. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Boleh minta penjelasan sikit? Saya memang tertarik dengan khazanah dan gedung yang ditinggalkan oleh artis-artis tempatan kita. Harus saya sebut di sini juga ialah saya seorang peminat kepada lagu-lagu R. Azmi, A. Ramlee, S. Jibeng, [Disampuk] ...dan juga memang lagu *Titi Tamparuli*. [Ketawa]

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada usaha-usaha sedang giat dilakukan oleh kementerian Yang Berhormat supaya rakaman mereka dapat di kumpul dan di *archive* supaya generasi akan datang seperti saya, anak cucu saya dapat menikmati gedung dan khazanah hasil kesenian mereka. Terutama sekali lagu *Oh Fatimah* oleh A. Ramlee, ada R. Azmi juga dan juga S. Jibeng seperti lagu *Inai Di Jari*. [Disorak] Terdapat juga lagi lagu-lagu yang begitu semerbak sekali iaitu lagu-lagu Tan Sri S.M Salim.

Tuan Teng Boon Soon: Boleh nyanyikan lagu itu?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Kesemua ini saya rasa haruslah ada satu badan dan agensi yang dapat menggembelng tenaga supaya rakaman mereka dapat diperoleh daripada pemilik hak cipta supaya dapat di kumpul dan diedarkan. Kalau tidak pun bolehlah dipasang di *internet* supaya dapat diturun dan disebarikan supaya semua usaha-usaha yang begitu halus dari harga nilai kesenian itu dapat diwarisi untuk selama-lamanya. Sekian, terima kasih.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Bolehkan nyanyi lagu Jambatan Tamparuli itu? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan? Ada seorang lagi yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Silam.

Tuan Teng Boon Soon: Seorang lagi? Sila.

■ 1440

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Boleh nyanyikah lagu Jambatan Tamparuli itu? [Ketawa] Boleh?

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan? Ada seorang lagi bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Silam.

Tuan Teng Boon Soon: Ada lagi? Ya, sila.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan skim pencen yang akan diperkenalkan oleh pihak kementerian, saya ucapkan tahniah. Mudah-mudahan ia akan dapat

dilaksanakan dengan kadar segera. Kita melihat bagaimana sebahagian daripada rakyat Malaysia memang menjadikan satu aktiviti kesenian ataupun bergiat sebagai artis, sebagai penyanyi ini satu profesion bagi mereka.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian akan bercadang untuk mewujudkan satu badan ataupun institusi yang melatih para pelakon ataupun rakyat Malaysia yang berminat dalam bidang kesenian ini sebab kita melihat macam program-program yang disertai oleh Mawi itu sendiri. Ini sebenarnya kita nampak bidang ini semua boleh memberi peluang bidang pekerjaan kepada mereka secara profesional dan kita memang melihat mungkin kalau taraf *Hollywood* itu terlalu tinggi bagi kita tetapi kita mahu melahirkan satu insan seni yang betul-betul, kita memang rasa kehilangan benar bila Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sampai sekarang ini pun tidak ada penggantinya. Memang saya pun menyokonglah pihak kementerian kalau gelaran Tun itu diberikan kepada Allahyarham Tan Sri.

Kita melihat juga perkara ini supaya kementerian mewujudkan satu badan yang benar-benar melatih ataupun menyediakan prasarana yang menyebabkan para artis ataupun seniman yang terlibat langsung dalam bidang ini betul-betul berminat dan menjadikan profesion ini sebagai satu profesion yang boleh menyebabkan mereka rasa boleh hidup dan sama seperti profesion-profesion lain yang dihormati, yang dipandang tinggi. Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sekali jawab, Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bersetuju dengan sahabat saya, Silam dan juga Jelutong berhubung dengan karya-karya lama yang dianggap bersesuaian dengan semua zaman. Sampai kini pun kita masih lagi merasakan karya itu begitu segar dalam ingatan yang mana karya-karya ini boleh dijadikan panduan dan juga boleh dimasukkan dalam sukatan pelajaran dalam ASWARA yang mungkin akan dinaiktarafkan ke peringkat universiti dan sebagainya.

Saya pohon Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri supaya mempertimbangkan supaya karya-karya terdahulu seperti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini yang dapat mewujudkan satu *lively scenes* dengan izin, yang sampai sekarang masih segar. Makna kata sudah berapa generasi dipertontonkan karya-karya ini tetapi karya-karya ini masih segar dalam ingatan dan diminati walaupun tidak di dalam bentuk *color* ataupun masih dalam hitam putih tetapi ianya bersesuaian dengan semua zaman dan mempunyai ciri-ciri didaktik yang boleh memberi pengajaran kepada seluruh anggota masyarakat kerana jati diri ini boleh dipaparkan, boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa seperti mana filem-filem yang dihasilkan di Thailand dan Indonesia. Kita ambil dalam konteks negara ASEAN sahaja. Tidak perlu kita ambil dalam konteks negara yang telah *advanced* dalam dunia perfileman dan juga dalam drama dan sebagainya.

Jadi dalam hal ini kita masih mencari-cari *turning point* yang kita harus capai ini dan kita minta ASWARA ini dipertingkatkan dengan segera dan dijadikan sebuah IPTA yang khusus memaparkan karya seni dan muzik bagi meningkatkan mutu muzik dan seni kebangsaan.

Tuan Teng Boon Soon: Baik. Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar kepada pandangan-pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, memang pada satu ketika dahulu kita tidak memberi perlindungan yang mencukupi kepada artis-artis tempatan oleh kerana terlepas pandang dan saya pasti dengan minat dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu ramai, yang begitu jitu, saya rasa soal terlepas pandang itu tidak akan berlaku lagi. Kementerian ini memberi jaminan kami akan memberi perhatian yang penuh tentang masalah-masalah royalti dan juga masalah-masalah lindungan artis akan diberi perhatian sepenuhnya, kita akan mengambil langkah untuk memastikan pada masa akan datang, artis-artis akan diberi perlindungan yang sewajarnya.

Tentang pembangunan insan dari segi kesenian, memang satu galeri muzik akan ditubuhkan seperti yang telah diluluskan oleh jemaah menteri. Bagi ASWARA pula, memang ASWARA telah menyediakan kursus-kursus di peringkat ijazah dan ijazah muda, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan juga pada masa akan datang sehingga ke peringkat PhD dalam perfileman, dalam muzik, dalam teater dan sebagainya. Memang satu usaha yang begitu serius, satu rancangan yang begitu rapi telah disediakan untuk membangunkan kesenian negara .

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon: Sebentar lagi. Tentang royalti lagu-lagu Tan Sri P. Ramlee itu, royalti lagu-lagu Tan Sri P. Ramlee diuruskan oleh pihak MACP, satu persatuan hak cipta lagu diserahkan kepada waris-waris Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada royalti ialah mengenai pengiktirafan. Saya hanya hendak mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai cadangan saya apakah kerajaan akan mengangkat cadangan supaya pengiktirafan kepada Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dianugerahkan bergelar Tun supaya kedudukan Allahyarham – sekarang ini kita tahu artis-artis lain sudah pun diberi Tan Sri. Jadi bermakna memandangkan jasa Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini berbeza dengan sumbangan ahli-ahli seni yang lain.

Kedua juga mengenai pengiktirafan selain daripada royalti supaya jangan lupa nama-nama seperti walaupun disebut penyanyi-penyanyi tadi tetapi nama-nama seperti A. R. Tompel, S. Shamsudin, Ibrahim Din dan banyak lagi. Semalam pun saya tengok Nasib Do Re Mi di TV2. Satu perkataan keluar daripada A. R. Tompel, "*jin the most well educated*". Cakap orang putih semalam. Kita tengok filem-filem ini dahulu memang ada pengajaran macam-macam tetapi pengiktirafan untuk mereka langsung tidak ada.

Jadi apakah cara supaya nama-nama mereka ini ada pengiktirafanlah paling tidak supaya menjadi kebanggaan kepada keluarga mereka masing-masing, anak cucu mereka

tentang peranan ibu bapa mereka dalam sumbangan kepada seni budaya negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada penghormatan-penghormatan yang telah diberi kepada artis-artis tempatan. Memang ia jauh berbeza dengan dahulu. Sekarang kalau kita melihat artis-artis, ramai yang bergelar Datuk sehingga Tan Sri bagi pelakon dan penyanyi, pemuzik dan ini satu gejala yang amat ketara bahawa masyarakat kita, kerajaan memberi penghormatan kepada artis-artis ini. Kita percaya, saya rasa kita semua bersetuju untuk membina sebuah masyarakat yang seimbang dan juga sejahtera.

Selain daripada kita menitikberatkan kepentingan sains dan teknologi, selain daripada penghargaan yang diberikan kepada angkasawan, kita juga perlu memberi penghormatan kepada artis-artis tempatan kita dan usaha membangunkan bakal artis-artis atau mereka yang mempunyai bakat kesenian, memang dipergiatkan dan diambil berat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali kepada jawapan saya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit penjelasan, Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Tuan Teng Boon Soon: Ya.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat, saya ingin mohon penjelasan kerana tadi Yang Berhormat mengatakan diberi pengiktirafan kepada artis-artis ini melalui penganugerahan. Ingat ya? Tetapi saya berpengalaman bersama-sama dengan beberapa persatuan artis seperti Karyawan dan sebagainya yang mereka perlukan ialah kadang-kadang adalah dari aspek kebajikan kerana yang dapat *Datukship* kah, kadang-kadang tidak membantu mereka secara aspek kebajikan. Setakat ini usaha itu dibuat secara bersifat swasta, persatuan.

■1450

Contohnya macam Persatuan Karyawan saya tahu kerana saya terlibat secara langsung. Memberi bantuan secara pungutan derma dan sebagainya. Alangkah baik sekiranya kementerian melihat sumbangan yang dibuat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi. Melihat itu sebagai satu agenda nasional kerana mereka ini juga telah menyumbang ke arah budaya dan sebagainya terhadap negara ini selama ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tambah sedikit sahaja ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa perkara topik ini sahaja lama sangat dibincangkan dan jawapan telah pun diberikan. Saya rasa jika ada Ahli Parlimen yang baru bangun dan mengemukakan soalan yang sama yang telah dijawab, tidak perlu dijawab lagi Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, saya tidak payah jawab. Sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau telah dijawab. Nanti mungkin Yang Berhormat tidak ada.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Menteri sedikit sahaja penjelasan takut terlupa sebab tadi dibangkitkan. Kita berterima kasihlah pasal Skim Pencen tersebut. Cuma yang dibangkitkan tadi ialah kita minta sedikit ketegasan iaitu soal kebajikan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau. Contohnya ialah perubatan tadi itu. Maksudnya ialah kemudahan perubatan. Jangan bila sudah sakit, baru kita hendak bagi bantuan RM5,000, RM10,000 yang diberikan tadi. Akan tetapi dia ada kemudahan daripada awal lagi, iaitu kemudahan perubatan itu. Kalau boleh perumahanlah.

Maksud saya mereka mendapat diskaun yang cukup besar untuk membeli rumah sebab saya ada terbaca kes seorang artis wanita yang duduk di rumah atas kedai yang disewa di Jalan Pahang itu cukup mendukacitakan. Dalam keadaan menyewa di atas kedai itu. Rumah yang tidak sesuai dengan dia itu pernah menjadi seorang seniwati sebelum ini. Jadi saya berharap ini diberi perhatian iaitu kemudahan pembelian rumah yang tinggi diskaunnya. Ini saya minta penegasan daripada kementerian.

Tuan Teng Boon Soon: Baik, pandangan itu diambil perhatian dan memang kita pernah memberi bantuan untuk membeli rumah sebelum ini dan usaha itu akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kembali kepada asas-asas kementerian ini memberi sokongan dan cadangan untuk memberi gelaran Tun kepada Allahyarham Tan Sri P. Ramlee memandangkan sumbangan beliau yang masih terasa sehingga hari ini. Saya sudah menyatakan saya hendak memberi beberapa contoh iaitu lagu-lagu filem ciptaan dimainkan sehingga ke peringkat antarabangsa seperti *Harvard-Radcliffe Orchestra* dan juga daya pengarahan P. Ramlee menjadi ikutan masyarakat sehingga hari ini.

Begitu juga penerapan nilai murni melalui filem-filem arahan beliau seperti unsur perpaduan, kemasyarakatan dan perpaduan sangat relevan dengan senario masa ini. Filem-filem arahan beliau dalam bentuk komedi mengandungi unsur-unsur kritikan sosial menjadi contoh kepada pengusaha-pengusaha filem selepas itu. Ini adalah sumbangan-sumbangan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Terima kasih atas saranan dan pandangan Ahli Yang Berhormat Pasir Mas. Pihak kementerian akan mengambil tindakan dengan meneliti perkara tersebut iaitu dengan mencadangkan memberi gelaran Tun kepada Tan Sri P. Ramlee diangkat kepada jabatan yang berkenaan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan kah kepada Yang Berhormat Labuan?

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat, nanti. Okey, silakan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita berasa bangga kepada kerajaan Malaysia dan kementerian kerana telah pun memberikan banyak gelaran kepada artis-artis terutamanya artis-artis yang lama ini.

Cuma saya bersetuju dengan Yang Berhormat Arau tadi supaya ASWARA ataupun ada satu pusat latihan ataupun pendidikan seni harus difokuskan di Malaysia. Contohnya macam di Indonesia, Taman Ismail Marzuki yang mana artis-artis Indonesia yang terkenal dan datang ke Malaysia telah pun belajar dan berlatih di situ.

Cuma yang kita lihat sekarang, gelaran telah pun kita bagi sampai ke peringkat Tan Sri dan juga Tun. Akan tetapi apakah komitmen-komitmen para produser ataupun pelakon supaya kualiti lakonan itu harus lebih baik supaya dapat menembusi pasaran di luar daripada Malaysia. Ini apatah lagi mahu menembusi pasaran keluar, sampai ke Indonesia pun kita susah untuk menembusi pasaran nilai-nilai filem yang kita keluarkan. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Kementerian di bawah FINAS Tuan Yang di-Pertua, memang sudah berusaha untuk membawa filem-filem tempatan ke peringkat antarabangsa dengan menyertai festival-festival filem termasuk di Cairns, di Rome dan sebagainya. Ini adalah untuk mendedahkan pengusaha-pengusaha filem tempatan kepada taraf antarabangsa dan itu adalah memang diusahakan. Itu untuk makluman Yang Berhormat Labuan.

Yang Berhormat Pasir Mas turut mencadangkan agar sebuah studio khusus dibina di Rumah P. Ramlee sebagai tarikan pelancong. Cadangan tersebut amat baik sekali namun dalam era perfileman masa kini, pihak kementerian berpendapat usaha mewujudkan Pustaka Peringatan P. Ramlee dan Galeri Perfileman yang telah dilaksanakan oleh Arkib Negara dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pustaka Peringatan P. Ramlee merupakan rumah terakhir Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang telah diubahsuai menjadi Pustaka atau Memorial. Di mana di dalamnya dipamerkan riwayat hidup beliau, kegiatan awal, hasil kerja di dalam industri muzik dan filem serta anugerah yang diperoleh beliau di samping artifak bahan yang pernah dimiliki.

Di Pustaka ini juga terdapat sudut tayangan filem lakonan dan arahan beliau untuk tontonan pengunjung. Namun begitu, ruang pameran sedia ada ini adalah terhad manakala pembinaan studio khusus seperti yang dicadangkan memerlukan ruang yang luas bagi menempatkan peralatan yang sesuai bagi sebuah studio. Sementara rumah kediaman kelahiran P. Ramlee di Pulau Pinang merupakan rumah papan dan tidak sesuai untuk didirikan studio di dalamnya. Rumah ini memaparkan sejarah semenjak beliau dilahirkan, zaman persekolahan sehingga beliau berhijrah ke Singapura untuk menceburi diri di bidang filem. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya tanya sedikit Yang Berhormat?

Tuan Teng Boon Soon: Seterusnya menyentuh isu perpaduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan pada 23 Februari 2009. Di mana beliau telah membangkitkan isu polarisasi kaum. Okey tadi mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat Pasir Mas, okey Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sedikit sahaja lagi oleh sebab perkara ini sudah berbangkit. Jadi untuk itu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat. Maksud saya, pertanyaan saya mengenai dengan membina galeri untuk Allahyarham P. Ramlee ini kerana Pustaka sekarang ini berada dekat Setapak, tersorok dan kawasan pun tidak begitu baik. Sudah orang hendak mencari tempat itu dan kecil. Maka oleh sebab itu, saya mencadangkan malah nama Istana Budaya Negara itu sepatutnya dinamakan Istana Budaya P. Ramlee.

Saya mencadangkan galeria yang selain daripada semua sumbangan Allahyarham P. Ramlee dimasukkan juga sahabat-sahabat, rakan-rakan Allahyarham P. Ramlee yang memberi sumbangan banyak bersama beliau dimasukkan dalam satu bumbung. Seperti yang kita lihat di Hollywood ada seperti di Brisbane. Ini yang saya maksudkan selain daripada kita mengenang ataupun memupuk warisan budaya seni negara, boleh juga menarik pelancong. Boleh masuk sejarah A. Rahim, Saleh Kamil, Ahmad Nisfu. Saya sebutkan tadi S. Samsudin masukkan sekali dengan Allahyarham P. Ramlee sebab ini seangkatan. Itu cadangan saya sekarang ini.

Tuan Teng Boon Soon: Okey. Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Pasir Mas diambil perhatian. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan telah membangkitkan isu polarisasi kaum yang kian menjadi.

■1500

Beliau turut melahirkan harapan supaya isu ketuanan dan agama tidak ditimbulkan lagi. Sebaliknya, lebih merupakan kepada *national unity*. Bagi menjawab pertanyaan berhubung dengan isu polarisasi kaum di negara ini, mengikut pengertian sebenar polarisasi kaum, perkara tersebut tidak berlaku di negara ini. Masyarakat masih boleh dan selesa berinteraksi sesama mereka sama ada di tempat kerja, sekolah dan premis-premis perniagaan. Mereka juga masih boleh berkongsi institusi pendidikan, bergaul di majlis-majlis perayaan, menyertai bersama aktiviti-aktiviti sukan, khidmat masyarakat dan sebagainya...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: ...Bersama sebagai satu kelompok masyarakat. Silakan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar tentang apa yang disebutkan polarisasi itu secara bandingan. Kalau banding dengan zaman saya dahulu, kita boleh tidur sekali satu bilik di universiti di mana pun dalam asrama. Hari ini bolehkah kita buat begitu?

Kalau dahulu guru Cina boleh mengambil rotan, pukul tangan anak Melayu, guru Melayu boleh pukul tangan anak Cina. Hari ini bolehkah buat begitu?

Tidak boleh. Jadi, ini secara bandingan dan kalau itu jawapan Yang Berhormat, saya minta maaf. Saya hendak tanya sama ada kerajaan sedar atau tidak bahawa polarisasi itu sudah menjadi satu isu dan perlu ditangani dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat, untuk...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja, tambahan.

Tuan Teng Boon Soon: Untuk *respond* kepada soalan tadi atau pandangan tadi, memang jawapan saya belum selesai, ada dua peringkat. Perkara yang berbeza hanyalah apabila mereka menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk peribadi atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada latar belakang sosio budaya seperti aktiviti keagamaan dan kepercayaan.

Walaupun demikian, polarisasi kaum itu akan wujud sekiranya tiada usaha-usaha yang diambil ke arah meningkatkan persefahaman budaya meningkatkan hubungan kaum, menerapkan semangat patriotisme serta menangani isu-isu yang boleh menghalang perhubungan kaum. Dalam hal ini dan juga untuk memberi *respond* kepada pandangan Yang Berhormat tadi tentang bolehkah kita menghukum dengan merotan seorang budak itu.

Cikgu merotan anak murid Melayu. Jangan kata anak murid Melayu, cikgu Cina merotan anak murid Cina pun, apakah *respond* atau pun sikap ibu bapa terhadap hukuman itu. Dia pun tidak dapat terima. Ini adalah sikap daripada ibu bapa yang tidak seperti dahulu. Zaman dahulu, kita serahkan soal pendidikan kepada guru. Kita memberi amanah, kita percaya kepada pendidikan guru. Pada hari ini, ibu bapa mempunyai pandangan mereka, mereka lebih berpendidikan atau lebih sofistikated. Mereka mempunyai pandangan tersendiri dari segi pendidikan. Jadi, soal sosial atau nilai-nilai sikap ibu bapa memang telah berubah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit penjelasan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *You* buat dahulu, buat dahulu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sedikit sahaja. Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Padang Besar bahawa kita kena realistik iaitu bahawa sebenarnya kita berhadapan dengan satu masalah yang besar tentang polarisasi kaum ini.

Sebenarnya ia wujud dan sebenarnya kita kena terima kenyataan bahawa perpaduan di negara kita ini agak *fragile* dan perlu satu tindakan yang lebih komprehensif. Oleh sebab itu kadang-kadang kita mempersoalkan, kalau dahulu kita ada kebudayaan nasional tetapi saya lihat seolah-olah peranan kebudayaan nasional itu sudah dilupakan. Ia macam tidak wujud lagi, tidak ada lagi satu perkara yang cukup konkrit tentang konsep kebudayaan nasional.

Ini saya minta kementerian untuk melihat kembali peranan kebudayaan nasional. Kalau kita perhatikan filem-filem dokumentari yang mengajak masyarakat untuk faham tentang masalah

kontrak sosial pun tidak ada, sebab itu saya setuju apabila Sultan Perak mencadangkan supaya pengajaran sosial kontrak ini diajar di sekolah-sekolah. Ini mungkin boleh dibincangkan dengan Kementerian Pelajaran. Bagi saya, peranan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini adalah cukup penting.

Sebab itu saya cakap *very fragile*. Kita sekarang ini kadang-kadang masalah kita dengan orang-orang politik ini, kita kena terima kenyataan. Pada hari ini, apa yang berlaku di Perak sampai sanggup bermesyuarat di bawah pokok, itu sebenarnya adalah satu tindakan yang saya rasa akan menyebabkan kita akan lebih berpecah belah sebab mereka sanggup melakukan sesuatu perkara yang kadang-kadang di luar kewarasan. Adakah maksudnya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: BN yang puncanya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Hendak tunjuk sikap mereka yang tidak hormat kepada keputusan yang sudah dibuat bahkan tindakan mereka untuk bawa ke mahkamah tetapi sanggup juga buat sidang di bawah pokok. Ini apa ini? Maksudnya, *level* pemikiran itu sudah menjadi karut sebenarnya. Sebab itu, saya fikir inilah antara masalah yang timbul sekarang ini iaitu tidak menerima kenyataan ini. Saya minta penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon: Ya. Yang Berhormat, kementerian ini tidak menafikan bahawa keadaan polarisasi itu wujud dan kita ada di dalam satu situasi yang mempunyai perpaduan yang agak *fragile*. Oleh sebab itu, pelbagai program dan usaha telah diadakan untuk memperkukuhkan lagi silaturahim antara kaum. Semoga perpaduan negara akan terjamin. *[Disampuk]* Minta maaf, sekejap lagi. Dalam hal ini, pihak kementerian di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa berusaha meningkat serta memperkukuhkan hubungan kaum melalui pelbagai program dan aktiviti.

Mekanisme seperti Kelab Rukun Negara, Institusi Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Tabika Perpaduan, Sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia telah dijadikan asas ke arah usaha-usaha ini. Di samping itu, kerjasama dengan PDRM ditingkatkan bagi memantau isu-isu yang boleh menyumbang kepada wujudnya polarisasi kaum di negara ini. Silakan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Shah Alam ya? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengiktiraf bahawa banyak program yang diadakan untuk mewujudkan perpaduan dan mengelak berlakunya polarisasi kaum. Akan tetapi, adakah bagi pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tindakan parti-parti politik yang menggunakan isu perkauman yang menuduh menimbulkan isu derhaka, mengheret institusi Raja dalam pergelutan politik kerana tidak mampu mempertahankan hujah, membelakangkan mahkamah dan menggalakkan Setiausaha Dewan langgar arahan Speaker sehingga kunci Dewan sedangkan Speaker itu tetap Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita sedang bincang isu perpaduan Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, ya. Lalu, tidakkah tindakan-tindakan parti politik yang sebegini menimbulkan masalah perkauman. Tidakkah tindakan-tindakan yang sebegini merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan akan menggagalkan, malahan membatalkan semua usaha baik yang sedang dilakukan oleh Kementerian Yang Berhormat.

Kita ada pertunjukan ini, kita ada pertunjukan itu tetapi apabila kita tidak boleh lawan hujah dengan hujah, kita timbulkan isu perkauman. Kononnya Pakatan Rakyat hendak membelakangkan Sultan lah, dan ada perkauman lah dan sebagainya, bahawa Kerajaan Perak di kudai oleh DAP lah, hanya pentingkan orang Cina lah, dan sebagainya. Bukankah isu-isu ini semua menghasilkan satu suasana yang merosakkan perpaduan yang Kementerian tuan sendiri hendak bina. Terima kasih.

■1510

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, dari pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa kita sedar siapa yang menyumbang kepada masalah polarisasi kaum di negara ini.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: UMNO.

Tuan Teng Boon Soon: Kita semua sedar dalam hati kita sendiri. Saya rasa ahli-ahli politik sekalian perlu mengambil iktibar daripada sejarah negara. Apakah, bagaimana perselisihan kaum itu telah tertimbul. Apakah punca-punca dan sebabnya dan siapakah yang telah menyebabkannya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: UMNO, UMNO.

Tuan Teng Boon Soon: Jadi, semua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: UMNO lah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah cakap macam itu Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Kita tidak payahlah menuding jari...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Pembangkang pun susah juga.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Inilah masalah Yang Berhormat Shah Alam ini. Ada *attitude*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah tegur Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat duduk.

Tuan Teng Boon Soon: Sebab itu...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...suka mengelirukan, ini masalah, ini masalah Yang Berhormat Shah Alam sebenarnya.

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat Batu Pahat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Sebab itu saya kata dia ini kena belajar tentang kesopanan sebenarnya. Minta kementerian bagi kursus sedikit kepada Yang Berhormat Sah Alam ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya sokong bagi kursus Ketua Pengarah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Teng Boon Soon: Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedar semua tentang punca-punca yang mendatangkan masalah polarisasi kaum di negara kita. Jadi kita harus memainkan peranan untuk membantu kementerian ini. Kementerian ini susah payah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit untuk memperkukuhkan perhubungan kaum di negara ini. Akan tetapi ia telah dirosakkan oleh kelakuan-kelakuan atau ucapan-ucapan orang-orang tertentu. Namun begitu, ingin saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam penelitian pihak kerajaan rata-rata isu yang banyak diperkatakan akhir-akhir ini adalah sebenarnya isu yang menyentuh hak dan keistimewaan kaum. Dasar Ekonomi Baru, agama, institusi dan hal-hal yang berkaitan dengan Institusi Raja di mana kebanyakan isu tersebut telah sedia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita hanya menghormati spirit Perlembagaan Persekutuan itu dan juga Rukun Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Dan perkara ini boleh dielakkan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai, Kuala Krai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kuala Krai dahulu Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]* Siapa?

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat Bukit Mertajam. *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Speaker, Speaker...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti dahululah. Nanti Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *One, two som...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Tuan Yang di-Pertua boleh menentukan siapa yang...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] : Saya melihat Kuala Krai awal bangun tadi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa dalam perkara seperti ini ialah mereka yang *hold the floor will give the floor, not the Speaker*. Dengan segala...*[Sambil tunduk kepada Tuan Yang di-Pertua]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Check* peraturan mesyuarat...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...*You can check the standing order on this.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ... dengan segala hormatnya. *Actually the person whom holds the floor, can give the floor.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *You can argue with me, but you can check the standing order.*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *So?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, *I can reverse my decision for the sake of* Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian telah mengenal pasti apakah sebabnya berlaku polarisasi kerana sekiranya kementerian belum kenal pasti apa jua aktiviti yang dilakukan atau berapa banyak duit dibelanjakan tidak guna juga. Ini kerana salah satu punca yang utama yang menyebabkan polarisasi ialah dasar Barisan Nasional yang berdasarkan kaum iaitu bumiputera dan bukan bumiputera dan juga dasar dua standard ini yang memasuki universiti. Ini merupakan sebab utama yang menyebabkan polarisasi.

Jadi sekiranya ini tidak dipandang secara serius dan tidak cuba mengatasi dasar ini, bagaimana ia boleh menyelesaikan polarisasi. Itulah sebabnya Yang Berhormat Padang Besar mengatakan bahawa semakin serius. Jadi ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional telah gagal

dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi, tidak jujur dengan diri sendiri dan tidak jujur kepada rakyat untuk menjawab soalan ini. Saya rasa Yang Berhormat sendiri tahu bahawa Yang Berhormat tidak jujur dalam jawapan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, sebentar Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar. Saya mahu *clarify* perkara 37(1)(b), jika hendak minta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh seorang ahli yang sedang bercakap itu dan ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi. Bukan Menteri yang memanggil, dipanggil oleh Pengerusi. Tidak apalah Yang Berhormat saya cuma memperjelaskan *standing order on this*, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Mertajam mungkin mempunyai pandangan beliau sendiri dan tentang sebab-sebab polarisasi itu ada Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai pandangan yang berlainan dan saya rasa saya jujur kepada diri saya apabila saya memberi jawapan. Saya rasa kurang jujur adalah Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bekerjasama untuk bersama-sama mewujudkan satu suasana yang harmoni di antara kaum dengan mengelakkan ucapan-ucapan yang mungkin menghasut perasaan sensitiviti kaum. Itu satu gejala yang amat meluas.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [Bangun]

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon: Dan saya tidak akan memberi laluan selepas ini. Saya akan terus dengan ucapan saya. Masih ada agak panjang sedikit lagi. Mungkin selepas ini saya minta maaf. Yang Berhormat Putatan juga mencadangkan supaya mengambil langkah-langkah menjaga integrasi antara kaum dengan membendung isu perkauman yang ditimbulkan. Beliau juga membangkitkan perihal ikutan demonstrasi haram jalanan yang kerap di anjur dan disertai oleh pihak pemerintah mahupun pembangkang kerana ia sekali gus telah mencemari budaya rakyat Malaysia yang penuh dengan kesopanan dan kesusilaan. Dengan itu beliau juga memberi cadangan supaya semua rakyat berpegang kepada Rukun Negara untuk menjaga perpaduan negara dan menyarankan kerajaan mengkaji peranan oleh badan-badan bukan kerajaan. Badan-badan keagamaan dan sebagainya untuk mengharmonikan hubungan antara kaum.

Perihal demonstrasi haram jalanan hingga mencemari budaya rakyat Malaysia yang kaya dengan budi bahasa jika diperhalusi golongan yang kerap membangkitkannya adalah dari golongan pemimpin-pemimpin politik yang mempunyai agenda tertentu dalam politik mereka. Mereka jugalah yang merangsang dan mempengaruhi badan-badan bukan kerajaan, parti politik tertentu serta orang ramai serta mengadakan demonstrasi jalanan dan mereka jugalah yang turut menyertainya.

Sepatutnya sebagai seorang pemimpin, mereka sewajarnya lebih memahami tentang Perlembagaan Persekutuan serta kandungannya. Mereka juga sepatutnya memimpin dan memberi penjelasan kepada masyarakat yang dipimpin termasuk memberi huraian tentang matlamat dan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam lima prinsip Rukun Negara.

Saya berpendapat bahawa masyarakat Malaysia masih mempunyai disiplin yang tinggi. Mereka masih menghormati kaum-kaum lain dan mereka juga sentiasa bersedia untuk berunding untuk mencari jalan penyelesaian ke atas apa jua isu berbangkit. Oleh hal yang demikian, saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini selaku pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat supaya apabila membincangkan isu perpaduan kaum di negara ini sewajarnya segala perbezaan aliran politik itu diketepikan.

■ 1520

Perpaduan itu adalah untuk semua tanpa mengira kaum, anutan agama dan sosio budaya. Selagi seorang individu itu tinggal di bumi Malaysia mereka sewajarnya berganding bahu dan bekerjasama ke arah mengukuhkan perpaduan. Beberapa badan bukan kerajaan serta pertubuhan agama turut terlibat, malahan mereka banyak memberikan input dan cadangan ke arah pengukuhan perpaduan.

Beberapa sesi perjumpaan dan perbincangan telah diadakan di antara JAPNIN. JAPNIN itu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan badan-badan keagamaan seperti ACCIN (Allied Coordinating Community of Islamic NGOs), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Majlis Perundingan Agama Kristian, Buddha, Sikh dan Tao. Perjumpaan ini adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agama masing-masing dan mencari jalan penyelesaian terbaik supaya tidak timbul isu-isu yang boleh menjejaskan perhubungan antara agama.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: *[Bangun]*

Tuan Teng Boon Soon: Justeru itu, saya mengambil peluang di sini menekankan bahawa usaha-usaha mengukuh perpaduan bukan sahaja untuk masyarakat yang ada sekarang, tetapi ia juga adalah untuk masyarakat dan generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jempol pada 25 Februari 2009 pula telah mencadangkan supaya dalam Bajet Mini yang akan dibentangkan pada 10 Mac 2009 ini untuk memperuntukkan sebahagian peruntukan ini dibuat untuk membina satu kompleks budaya yang besar di Kuala Lumpur dengan penempatan semua sekali kumpulan budaya, seni dan warisan Malaysia kepelbagaian kaum.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun 2007 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia telah mewujudkan butiran berkaitan projek Kota Warisan Kuala Lumpur di Jalan Davis.

Walau bagaimanapun dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9, peruntukan sejumlah RM32.5 juta yang telah dikemukakan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di bawah Kajian Separuh Penggal RMK- 9 tidak diluluskan oleh pihak EPU.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat boleh saya.

Tuan Teng Boon Soon: Memandangkan tiada peruntukan disediakan projek tersebut terpaksa ditangguhkan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat boleh saya jelaskan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghargai jasa kementerian yang memupuk kebudayaan suku kaum yang ada dalam negara kita dan kita lihat kejayaannya semua kaum yang ada sama ada Cina, Melayu, India, Kadazan, Murut, Dusun dan berpuluh-puluh lagi suku kaum yang lain, yang dibangunkan kebudayaannya oleh kementerian.

Saya membawa isu ini ataupun cadangan ini supaya kita melangkah setapak lagi ke hadapan, di mana produk yang sudah dibangunkan ini dijadikan sebagai produk pelancongan kerana tahun sudah 48 bilion hasil negara kita dikutip melalui hasil pelancongan, tetapi kejayaan negara-negara lain dalam bidang pelancongan ini ialah kepada pelancong yang datang berulang dalam negara tersebut.

Di negara Malaysia tidak ada suatu produk yang besar macam Tembok Besar Negara China, piramid dan sebagainya yang boleh menjadi kebanggaan kita. Akan tetapi kita ada aset yang sangat besar iaitu kebudayaan yang sangat unik, yang telah dibangunkan oleh kerajaan dan tidak ada mana-mana negara di dunia yang mempunyai khazanah macam negara kita. Tetapi malangnya produk yang besar ini tidak dijadikan sebagai produk pelancongan yang boleh menarik lebih ramai pelancong datang. Mereka berbelanja dan menghayati nilai-nilai budaya kita, dalam masa yang sama menikmati makanan tradisional kita, dan menikmati muzik tradisional kita.

Saya yakin dan percaya kalau ini dapat dihimpunkan semua pemuzik, semua ahli kebudayaan yang dibangunkan di negeri-negeri di Kuala Lumpur, di mana mereka boleh mempersembahkan kebudayaan mereka sambil menikmati makanan tradisional kita. Pelancong kita caj, mereka tengok kebudayaan kita, mereka makan mereka bayar dan ini akan menjadi produk pelancongan yang sangat berkesan untuk negara kita. Ini maksud idea ini saya bawa.

Tuan Teng Boon Soon: Ya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Jadi, bolehkah kementerian membawa perkara ini untuk dijadikan sebagai projek yang akan menjadikan hasil yang besar kepada negara kita?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tambahan. Tambahan.

Tuan Teng Boon Soon: Biar saya jawab soalan ini dulu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak bagi jalan *you decide* tidak bagi jalan, tidak bagi jalan. Akan tetapi kalau hendak bagi jalan kemudian seharusnya kita bagi pengetahuan atau makluman bahawa hendak bagi jalan kemudian.

Tuan Teng Boon Soon: Okey. Putatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tadi Yang Berhormat sudah kata tidak bagi jalan, semua tahu. Kuala Krai tidak bangun lagi pasal tidak bagi jalan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tambahan kepada Jempol tadi Yang Berhormat .

Tuan Teng Boon Soon: Okey, minta maaf. Minta maaf Putatan. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kekangan masa *colleagues* yang lain masih menunggu untuk memberi jawapan mereka. Saya hendak *respond* kepada cadangan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya kementerian ini dari semasa ke semasa telah bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelancongan. Misalnya kementerian ini cuba mendapatkan pengiktirafan warisan dunia bagi Kota Melaka dan Georgetown.

Kementerian ini menonjolkan pelbagai makanan tempatan sebagai warisan kebangsaan. Kementerian ini juga mempromosikan hasil kraf tangan negara dan juga kesenian negara melalui JKKN (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara) kepada luar negeri supaya pelancong-pelancong juga melihat bahawa *Malaysia Truly Asia*. Ini memang telah dijalankan selama ini tidak pernah berhenti. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas saranan dan buah fikiran.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tambahan kepada Jempol. Tambahan kepada...

Tuan Teng Boon Soon: Cukuplah, cukuplah minta maaf.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini soal Integrasi Nasional yang...

Tuan Teng Boon Soon: Itu sudah lepas sebab itu saya tidak beri laluan kepada soal Integrasi Nasional iaitu ulang-ulang sama soalan itu, , tetapi usaha itu perlu sama. Soalan sama. Usaha tidak sama. Minta maaf Yang Berhormat Putatan. Yang saya rayu kepada semua Ahli Yang Berhormat kita perlu mengambil dan memainkan peranan yang sama dari sanubari hati sendiri demi kepentingan negara. Terima kasih atas saranan dan buah fikiran Ahli Yang

Berhormat yang sangat bernas dan wajar dipertimbangkan, namun begitu memandangkan masalah kemelesetan ekonomi global seperti mana yang kita semua sedia maklum, pembentangan Bajet Mini yang akan datang adalah lebih kepada Pakej Rangsangan Ekonomi untuk tujuan mengurangi kesan kemelesetan ekonomi global terhadap ekonomi negara kita.

Justeru pembinaan kompleks budaya tersebut memerlukan peruntukan kewangan yang bukan sedikit jumlahnya serta memerlukan perancangan dan pengisian yang lebih teliti, kerana ia merupakan pakej seni, budaya dan warisan yang bersepadu. Kerjasama dan perbincangan yang lebih kerap bersama beberapa kementerian dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan juga diperlukan dalam hal ini. Sebagai contohnya adalah Kementerian Pelancongan Malaysia. Namun begitu buat masa ini Kuala Lumpur telah mempunyai satu kompleks budaya yang besar dan canggih iaitu Istana Budaya.

■1530

Kompleks yang menelan belanja hampir RM200 juta ini turut mempunyai kelengkapan bertaraf dunia dengan anjuran aktiviti seni budaya yang mewakili budaya kesenian dan warisan pelbagai kaum. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian satu projek untuk menambahkan bangunan kepada Istana Budaya yang makan perbelanjaan RM20 juta sedang dilaksanakan.

Akhir sekali, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai perkara yang berkaitan dengan kementerian saya. Segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Pengajian Tinggi.

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam perpaduan.

Bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada 16 orang Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Sarikei, Sibu, Tenom, Labuan, Lipis, Simpang Renggam, Kampar, Batu Pahat, Pontian, Parit, Yang Berhormat Kota Melaka, Padang Terap, Yang Berhormat Sungai Siput, Rasah dan juga Serdang serta Lanang yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ucapan titah menjunjung kasih titah Diraja yang menyentuh pelbagai perkara yang saya kira dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Kementerian Pengajian Tinggi ini.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Sarikei, Sibu, Tenom dan Yang Berhormat Labuan telah pun mencadangkan supaya diwujudkan IPT di kawasan masing-masing dan Yang Berhormat Labis serta Simpang Renggam juga telah menyarankan supaya Kementerian Pengajian Tinggi meningkatkan lagi access kementerian. Tuan Yang di-Pertua ingin saya bawa

ke pengetahuan Dewan yang mulia ini bahawa penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi terutamanya IPTA adalah dibuat berdasarkan kepada keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kepentingan bidang tujuhan ataupun dengan izin *niche area* tertentu terhadap pembangunan sosioekonomi negara, kemampuan sumber manusia dan kewangan yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan oleh pasaran kerja.

Tuan Yang di-Pertua sehingga akhir tahun 2008 kita ada 20 buah institusi pengajian tinggi awam, 41 buah universiti dan kolej universiti swasta, 463 buah institut pengajian tinggi swasta, 27 buah politeknik dan 37 buah kolej komuniti. Gagasan yang sedia ada ini sudah mencukupi dan mampu untuk menampung keperluan pengajian tinggi negara pada ketika ini. Justeru kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan universiti awam. Apa yang perlu dilaksanakan ialah sekarang bagaimana kita boleh memantapkan lagi kualiti dengan menambah nilai pengisian yang sedia ada yang di antaranya termasuklah membangunkan prasarana intelektual, mempertingkatkan sahsiah pelajar, melaksanakan kurikulum baru serta tidak dilupakan mengembangkan teknologi R&D&I.

Tuan Yang di-Pertua walau bagaimanapun kerajaan tidak mempunyai halangan terhadap IPTS. IPTS yang ditubuhkan hendaklah memberi tumpuan kepada program-program kritikal seperti perubatan, farmasi serta kejuruteraan. Kerajaan juga menggalakkan pembukaan IPTS cawangan antarabangsa di negara ini. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan yang mulia ini di bawah kajian semula RMK-9 sektor pengajian tinggi telah diperuntukkan sebanyak RM17.8 bilion. Daripada jumlah ini sebanyak lebih kurang RM6.5 bilion iaitu 37% telah dibelanjakan untuk memperluaskan *access* pelajar institusi pengajian tinggi dan mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di seluruh IPT kita.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Kamar telah mencadangkan penggunaan dasar meritokrasi dan membangkitkan isu beberapa kegagalan pelajar cemerlang yang ditawarkan kepada kursus pilihan mereka. Ingin saya maklumkan bahawa dasar meritokrasi di negara ini telah pun diguna pakai semenjak tahun akademik 2002/2003 dan sehingga kini ia telah menjangkau ke enam tahun umurnya. Mulai sesi akademik 2006/2007 dasar ini mengambil kira 90% markah pencapaian akademik dan 10% markah pencapaian di bidang kokurikulum. Kriteria pemilihan yang diamalkan adalah tertakluk kepada susunan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA serta bilangan tempat. Yang paling penting adalah bilangan tempat yang disediakan bagi program pengajian yang berkaitan dengan itu.

Tuan Yang di-Pertua secara terperinci suka saya ambil peluang ini untuk menjelaskan di Dewan yang mulia ini kaedah bagi meritokrasi adalah berdasarkan kepada:-

- (i) pencapaian akademik yang baik;
- (ii) pencapaian yang baik di dalam kegiatan kokurikulum;
- (iii) kombinasi mata pelajaran yang sesuai dan syarat khas program yang dipohon;

- (iv) gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
- (v) lulus temu duga, ujian kelayakan yang ditetapkan oleh IPTA;
- (vi) pilihan program pengajian mengikut keutamaan;
- (vii) mendapat sekurang-kurangnya tahap 1 dalam peperiksaan MUET; dan
- (viii) bilangan tempat, yang paling penting adalah bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA

Berdasarkan kepada prinsip meritokrasi seorang calon yang lulus cemerlang dalam STPM berkemungkinan tidak ditawarkan kursus pilihan atau tempat ke IPTA jika kesemua lapan-lapan pilihan yang dipilih adalah kursus kritikal dan memperolehi markah kokurikulum yang rendah. Bagi calon yang mempunyai nilai CGPA 4.0 dengan markah kokurikulum yang rendah akan mendapat nilai merit yang lebih rendah berbanding dengan pelajar yang CGPA nya 4.0 dan mendapat pencapaian kokurikulum yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua dasar yang diguna pakai oleh kementerian ini adalah adil dan telus kerana pemohon dibenar mengemukakan lapan pilihan program pengajian berdasarkan kelayakan, minat dan cita rasa mereka sendiri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Keputusan permohonan adalah bergantung kepada pemilihan kursus dan tempat-tempat yang ada di IPTA oleh pelajar tersebut. Kesemua permohonan akan ditapis melalui sistem kemasukan terbuka menggunakan aplikasi komputer. Sistem ini memberi layanan yang sama kepada setiap pelajar tanpa mengira jurang pendapatan, wilayah ataupun perbezaan etnik dan juga keupayaan fizikal. Setiap pelajar yang layak mempunyai pendidikan *tertiary* tidak akan dinafikan peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran. Silakan Yang Berhormat Kepong. Masuk-masuk terus hendak tanya soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Masuklah maksudnya hendak tanya...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Kepong tidak terlibat dalam perbincangan berkaitan kementerian tidak ada tadi saya sebut.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kerana tidak ada masa, tidak ada masa. Saya ada sebutkan di dalam ucapan, saya pun ada sebutkan pendidikan pengajian tinggi, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat boleh melibatkan diri dalam penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya Tuan Yang di-Pertua penjelasanlah itu. saya pun seronok kerana Yang Berhormat itu dia memang hendak melaksanakan dasar yang adil dan saksama di dalam pengambilan daripada STPM. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini bagaimana Yang Berhormat dapat menyelaraskan di antara STPM dengan matrikulasi. Macam mana kita boleh selaraskan supaya dwi sistem ini dapat disatukan. Mungkin satu dibubarkan untuk tinggal satu sahaja kerana di negara-negara yang lain pun saya

tidak nampak dua sistemlah untuk masuk ke universiti. Cuma satu sistem STPM ataupun matrikulasi di mana boleh kita buat untuk menyelesaikan masalah yang berterusan ini.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Kepong kalau kita lihat dasar memperkenalkan sistem matrikulasi ini telah berada di negara kita lebih 30 tahun yang lalu. Akan tetapi pada ketika 70-an, 80-an kolej-kolej matrikulasi di negara ini adalah terhad untuk universiti-universiti yang tertentu. Memandangkan polisi matrikulasi ini telah menyumbang kepada kemudahan pelajar-pelajar untuk memasuki gerbang universiti maka kerajaan telah memperkenalkan dasar ini di kebanyakan pusat-pusat matrikulasi di seluruh negara. Sekali gus telah memberi *access* sesuai dengan pelan strategik pengajian tinggi negara iaitu untuk melebarkan lagi *accessibility* pelajar-pelajar untuk memasuki universiti dan tidak hanya menghadkan melalui satu saluran.

■ 1540

Jadi Yang Berhormat, pihak kementerian memandang daripada untuk melebarkan ruang untuk pelajar-pelajar kita memasuki universiti. Sistem pengiraan markah dan sebagainya masih lagi menggunakan sistem CGPA dan ini kita dapati ada konsistensinya di antara pencapaian STPM dan juga matrikulasi. Mungkin pertikaian Yang Berhormat tadi lebih kepada usia pelajar-pelajar yang menduduki STPM berbanding dengan matrikulasi dan kematangan mereka apabila berada pada tahun pertama di peringkat universiti. Akan tetapi Yang Berhormat, kerajaan mengenal pasti masalah ini dan kita dalam usaha untuk meletakkan pelan-pelan tindakan supaya kematangan pelajar-pelajar yang lepas matrikulasi ini setaraf dengan STPM. Silakan Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Yang pertamanya soalan saya ialah tiap-tiap tahun kita menghadapi masalah ada pelajar-pelajar cemerlang daripada aliran STPM khususnya yang menghadapi masalah untuk mendapatkan kursus pilihan mereka dan ada juga yang tidak mendapat tempat di universiti. Saya hendak tahu apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah ini dan memastikan supaya pelajar-pelajar cemerlang ini yang merupakan modal insan yang begitu utama kepada negara kita tidak menghadapi masalah yang sama dalam tahun ini kerana tak lama lagi keputusan SPM akan diumumkan.

Yang keduanya saya juga hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan satu laporan pada 25 Februari yang lepas dalam akhbar *The Star* yang bertajuk '*Want a place in university, buy a number*', yang mengumumkan iaitu *director general* kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Profesor Radin Omar Radin Suhardi yang mengatakan bahawa setiap pemohon universiti pada tahun ini perlu mendapatkan satu nombor dan membelinya mulai 3 Mac di antara RM10.60 dengan RM15.60 di Bank Simpanan Nasional untuk membeli satu unit ID nombor untuk membuat permohonan kepada universiti.

Saya nak tanya adakah ini keputusan yang dibenarkan oleh pihak kementerian? Kerana saya rasa ini memberikan satu persepsi yang cukup negatif kepada pelajar kita, kena beli nombor untuk *roll in* universiti, kena bayar untuk membeli nombor ID ini, kalau tidak beli nombor ini maka mungkin peluang mereka untuk mendapatkan permohonan di universiti itu akan kurang. Jadi saya harap pihak kementerian membatalkan pembelian nombor ini kerana saya rasa ini satu persepsi yang cukup negatif kepada pelajar-pelajar kita, boleh berikan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Yang Berhormat, makin tahun kita mempunyai bilangan pelajar-pelajar yang cemerlang dan bilangannya agak terlalu besar berbanding dengan tahun-tahun yang dahulu. Sebagai contoh, tempat-tempat untuk pengajian kritikal ini agak terhad di dalam negara. Kita hanya mempunyai 1,000 tempat untuk pengajian kritikal tetapi pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang amat besar jumlahnya, sehingga 4,000 ke 5,000 orang.

Jadi Yang Berhormat, di sinilah kita meletakkan pertimbangan apabila kita memperkenalkan satu-satu dasar, apabila kita ingin memilih pelajar itu, mereka mempunyai kriteria-kriteria yang saya sebutkan tadi yang mana ianya sedikit sebanyak menyumbang kepada pelajar yang benar-benar layak untuk menduduki kursus-kursus kritikal ini. Itu jawapan saya untuk soalan bagi pelajar cemerlang tidak mendapat tempat pengajian kritikal.

Bagi kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi tentang nombor yang perlu dibeli sebelum pelajar mendapat tempat di universiti. Saya percaya ini adalah sebahagian daripada kaedah jabatan untuk menyelaraskan secara sistematik dan terurus bagi permohonan-permohonan pelajar-pelajar yang telah berjaya apabila mereka menggunakan pelbagai kaedah untuk memasuki universiti kita. Walau bagaimanapun saya akan mendapatkan laporan terperinci bagaimana isu ini boleh kita bertemu di jalan pertengahan, untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Pendang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berbalik kepada matrikulasi tadi ini, ada rungutan-rungutan daripada pelajar-pelajar matrikulasi. Kalau dulu, universiti-universiti sendiri yang menguruskan matrikulasi, UKM, USM, UIAM tetapi sekarang ini ada di kementerian dan ada juga di universiti. Masalahnya ada pelajar-pelajar yang mungkin pada awalnya masuk matrikulasi, mereka cemerlang tetapi apabila sampai ke tahap peperiksaan, mereka kurang cemerlang dan ada yang tidak dapat masuk ke universiti. Seperti mana dahulu yang diuruskan oleh universiti itu sendiri.

Jadi masalahnya apabila mereka tidak dapat masuk ke universiti, mereka nak masuk ke institusi-institusi yang lain, mereka terpaksa menggunakan sijil daripada SPM ataupun yang setaraf dengan mereka nak masuk ke matriks tadi ini. Jadi apakah langkah-langkah yang akan

diambil oleh kementerian apabila perkara-perkara ini dihadapi oleh pelajar-pelajar itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Ini adalah antara isu yang kita bincangkan apabila sijil-sijil lulusan matrikulasi, ini kelebihan STPM tadi itu untuk Yang Berhormat Kepong, STPM ada sijil dan sijil itu boleh digunakan untuk mencari kerja di pasaran. Akan tetapi sijil matrikulasi ini tidak boleh digunakan untuk mencari pekerjaan ataupun nak ditarafkan sama seperti SPM hanya untuk keperluan masuk ke universiti. Kita percaya untuk pelajar-pelajar yang gagal dalam kelas-kelas matrikulasi ini, mereka akan terpaksa menggunakan saluran biasa seperti pelajar-pelajar SPM.

Sistem ini masih lagi diguna pakai dan belum ada lagi usaha untuk mengiktiraf matrikulasi ini sebagai lulusan tahun pertama ataupun kedua di peringkat universiti kerana kita melihat matrikulasi ini mempunyai satu sistem pengajaran yang begitu tertumpu seperti di dalam bilik-bilik darjah ataupun kelas-kelas di mana pensyarah-pensyarah ataupun guru-guru yang mengajar itu memberi tumpuan secara khusus dan tidak seharusnya pelajar-pelajar boleh gagal dalam melepasi program matrikulasi ini. Secara praktikalnya mereka telah pun berada di satu kaki di dalam bumbung universiti untuk makluman Yang Berhormat Pendang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif dan pelajar tidak semestinya mendapat tempat dalam jurusan pengajian yang dipilih terutama bagi program pengajian kritikal seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah sebentar tadi.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Langat bangun Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Silakan Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin balik kepada pengajian kritikal tadi kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut hanya sedikit sahaja tempat ataupun peluang untuk mereka memasuki pengajian kritikal ini sedikit. Jadi sejauh mana peranan yang dimainkan oleh IPTS untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berminat dalam bidang kritikal ini melanjutkan pengajian mereka. Umpamanya dari segi perubatan, kejuruteraan dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya antara semangat yang dianjurkan oleh kerajaan kepada penaja-penaja IPTS, pemilik-pemilik IPTS adalah ruang yang lebih luas untuk mereka diberikan kelulusan ataupun permit apabila mereka boleh menyediakan kursus-kursus kritikal seperti perubatan, kejuruteraan, farmasi dan sebagainya. Jadi sebab itu kalau Yang Berhormat sendiri melakukan pemerhatian, banyak kolej-kolej universiti yang menyediakan program-program

kritikal ini sekarang ini sedang tumbuh di negara kita kerana kementerian memberikan ruang yang lebih istimewa kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Batu Pahat agar diajar subjek kontrak sosial di IPT bagi memupuk semangat tolak ansur di kalangan masyarakat berbilang kaum. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian sememangnya telah menggubal satu modul induk hubungan etnik untuk mendedahkan kepada pelajar-pelajar terhadap kepelbagaian kumpulan etnik serta kefahaman terhadap permuafakatan sosial di negara kita. Kursus hubungan etnik dilaksanakan di IPTA dan kursus yang setaraf dengannya diajar di IPTS yang dipanggil Pengajian Malaysia, Pengajian Islam dan juga Pendidikan Moral.

■ 1550

Ini adalah merupakan sebahagian daripada kursus wajib di IPT kita. Saya suka juga memaklumkan bahawa kursus ini secara tidak langsung telah menyentuh isu-isu berkaitan seperti yang disebutkan di dalam ucapan ataupun maklum balas kementerian sebelum ini. Perlembagaan Malaysia dalam konteks hubungan etnik di Malaysia, hubungan etnik integrasi dan menangani cabaran. Matlamat utama kementerian memperkenalkan kursus sebegini adalah untuk mengharmonikan dan memurnikan lagi pengukuhan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Pontian supaya diajarkan juga subjek-subjek berkaitan keusahawanan di IPT kita. Sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, modul asas Pembudayaan Keusahawanan sememangnya telah diajar. Memang telah pun diajar di IPTA bagi semua program akademik bagi menerap dan memantapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Usaha-usaha lain juga diadakan agar graduan boleh menceburkan diri dalam perniagaan, perdagangan dan menjadi usahawan yang berjaya agar graduan tidak lagi hanya bergantung untuk mendapatkan kerja selepas graduan dengan kerajaan ataupun agensinya serta pihak swasta.

Antara usaha yang telah dilakukan oleh kementerian ialah Program SME, *University Internship* iaitu kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dengan SMIDEC yang bertujuan menerapkan nilai-nilai ataupun menggalakkan pelajar-pelajar kita supaya mendalami sifat-sifat keusahawanan di kalangan pelajar universiti. Kerjasama di antara KPT dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi memang telah sedia ada dalam konteks membangunkan usahawan dan koperasi di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Silakan Yang Berhormat Padang Terap.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk ucapan Yang Berhormat

Timbalan Menteri tadi yang berkaitan dengan isu kontrak sosial yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Batu Pahat. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tadi tentang satu pelajaran yang juga digubal oleh kementerian iaitu berkaitan dengan pendidikan moral. Saya hendak merujuk kepada apa yang berlaku di sebuah universiti baru-baru ini iaitu Universiti Malaya iaitu *posting* yang saya dapati dan banyak tersebar dalam internet dan diakui sebenarnya berlaku iaitu berita 'Fesyen Separuh Bogel Universiti Malaya', 'Fesyen Siswi Gemparkan Universiti Malaya', isu *Ladies Day* yang melibatkan memperagakan pakaian menjolok mata, tarian poco-poco yang dilakukan di dewan kantin terbuka dalam sebuah universiti di Kolej Kediaman Kelapan.

Jadi bagaimana sebenarnya apabila kita melihat seolah-olah kita bukannya duduk dalam universiti ini. Bila tengok dengan keadaan fesyen separuh bogel, ada pula mangsa lelaki pun terlibat dan yang tidak terkawal maksud saya. Bagaimanakah kementerian merancang dan menggubal sebenarnya pelajaran moral ini untuk diterapkan? Kalau kita di peringkat pengajian agama, kita ada sistem kita. Akan tetapi bagaimanakah untuk semua mahasiswa supaya tidak lagi berlaku peristiwa-peristiwa yang cukup memalukan ini dalam universiti ataupun tempat-tempat pengajian tinggi kita yang kita hendak melahirkan universiti yang mendukung intelektual yang akhirnya akan memimpin negara kita. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Terima kasih.

Datuk Wilfred Majilip Bumburing [Tuaran]: Boleh sambung?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tajuk yang sama?

Datuk Wilfred Majilip Bumburing [Tuaran]: Isu yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lanjutan daripada komen Yang Berhormat Padang Terap, pertama sekali berkait dengan isu moral ini. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan mengenai dengan penekanan kementerian dalam pengajian tinggi mengenai dengan soal moral ini. Kita lihat bahawa bagi mahasiswa Islam, Pengajian Islam ada. Akan tetapi bagi mereka yang bukan Islam hanya ditawarkan mata pelajaran Sivik ataupun Pengajian Moral sebagai subjek. Saya berpendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Padang Terap telah menyentuh tentang keruntuhan moral ini. Bagi pelajar bukan Islam, mereka tidak mempunyai ruang untuk mempelajari agama mereka sendiri.

Kita ambil contoh di Singapura. Kerajaan Singapura membenarkan dan sebenarnya memastikan semua pelajar untuk mempelajari sekurang-kurangnya empat *universal religion*. Oleh kerana kita akui bahawa semua agama ini sekurang-kurangnya dan semuanya mengajar perkara yang baik. Kita lihat apa terjadi dengan sosial ataupun masyarakat di Singapura. Oleh kerana kerajaan membenarkan pembelajaran agama mereka sendiri dan ini *contribute* kepada sosial *solidarity* atau pertubuhan sosial dan moral di kalangan masyarakat apabila mahasiswa ini masuk ke dalam masyarakat. Itu satu.

Kedua perkara mengenai pengajaran mengenai dengan sosial kontrak, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari segi sejarah, sosial kontrak ini dibuat semasa Semenanjung Malaysia mencapai kemerdekaan daripada pemerintahan British. Sebelum Sabah dan Sarawak menyertai penubuhan Malaysia. Dokumen yang penting yang mengaitkan Sabah dan Sarawak sebenarnya ialah *Malaysian Agreement*. Adakah kementerian mempunyai cadangan supaya pengajaran selain daripada isu-isu sosial kontrak ini juga dimasukkan mengenai dengan *Malaysian Agreement*. Apakah asas penubuhan negara kita ini harus dipelajari oleh mahasiswa? Ini supaya apabila mereka keluar daripada universiti, mereka menjadi seorang warganegara yang mengerti sebenarnya asas penubuhan negara kita Malaysia.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tambahan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih. Sila.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan sosial kontrak ini, saya melihat ada hubung kait dengan apa yang disebutkan oleh salah seorang Yang Berhormat tadi tentang keruntuhan masalah sosial yang sekarang di kalangan pelajar universiti sekarang. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Atas pengalaman yang saya lihat sendiri dan peroleh. Adakah pihak Kementerian Pengajian Tinggi akan memperkenalkan satu subjek yang setiap pelajar yang akan masuk ke pusat pengajian tinggi itu terutamanya di semester pertama, mereka perlu mengambil *theology subject*.

Jadi adakah pihak kementerian ingin memperkenalkan teologi subjek ini? Kalau kita khususnya memang dia berhubung kait tentang soal agama. Pengalaman yang saya peroleh apabila kita masuk ke universiti di luar negara, pelajar terutama saya sendiri pernah mengambil bidang teologi tersebut dan subjek yang diperkenalkan itu memang *universal religion* yang diperkenalkan dan di situ juga kita memperoleh bagaimana fahaman-fahaman agama yang lain. Jadi ini juga boleh merapatkan lagi dan memperbaiki dari segi hubungan sosial di kalangan mahasiswa kita di peringkat universiti. Ini adalah sebab saya dapati memang tidak begitu jelas di peringkat pusat pengajian tinggi tempatan tentang subjek ini.

Mungkin kalau Universiti Islam Antarabangsa dia lebih khusus kepada universiti yang menekankan kepada pendekatan soal agama Islam. Ada baiknya jika Kementerian Pengajian Tinggi mengambil inisiatif untuk memastikan supaya subjek teologi itu mungkin dapat diperkenalkan secara umum. Ini untuk membolehkan agar rakyat Malaysia itu sendiri terutamanya pelajar universiti. Mereka ini generasi yang akan keluar ke masyarakat dan berhadapan dan mereka perlu tahu negara kita yang berbilang kaum dan berbilang bangsa dan sebagainya ini. Justeru itu, perlu kita ambil tahu untuk membolehkan hubungan sosial kontrak yang ada yang kita alami sekarang ini perlu kita diperkukuhkan lagi dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkas, Yang Berhormat. Ringkaskan ya.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Saya minta maaf. Subjek penubuhan Malaysia itu sendiri perlu ditekankan sebab kita melihat ada pihak-pihak ahli politik yang masih lagi menggunakan sentimen perwujudan Malaysia itu sebenarnya boleh menjejaskan dari segi hubungan sosial. Jadi ada baiknya dijadikan subjek khusus di peringkat pengajian tinggi untuk membolehkan sosial kontrak itu diperkemas. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Tuaran dan juga Yang Berhormat Silam. Ketiga-tiganya membawa isu yang sama yang saya percaya dalam perhatian yang serius oleh pihak kementerian. Yang Berhormat Padang Terap menyatakan beberapa insiden yang memalukan. Peristiwa ataupun program-program yang dianjurkan mungkin oleh pertubuhan-pertubuhan pelajar di peringkat residen dan juga di peringkat anak negeri yang mungkin boleh menjatuhkan imej pelajar-pelajar siswa-siswa di universiti kita.

■1600

Untuk makluman Yang Berhormat, semangat yang kementerian bawa ialah setiap program yang dianjurkan mestilah program yang bersifat melahirkan insan yang seimbang, modal insan yang seimbang. Jadi saya percaya peristiwa-peristiwa yang disebut Yang Berhormat itu agak keterlaluan dan saya sendiri akan menjalankan siasatan. Seperti poco-poco, ia juga boleh dipandang sebagai satu program senamrobik yang boleh melahirkan insan yang sihat jasmaninya. Itu saya percaya mungkin kita akan siasat juga kalau ianya dilakukan secara keterlaluan sehingga menjejaskan ketenteraman dan keamanan awam.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bagi Yang Berhormat Tuaran dan juga Yang Berhormat Silam membawa lebih kurang mesej yang serupa iaitu untuk memperkenalkan satu subjek yang boleh dipelajari oleh pelajar-pelajar di peringkat universiti supaya mereka lebih memahami perbezaan ataupun mencari persamaan dalam semua kepercayaan dan kefahaman. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada satu modul Hubungan Etnik yang beberapa bab di dalamnya kita ada menceritakan tentang kepelbagaian di dalam negara kita. Cuma mungkin dari segi pelaksanaannya, saya difahamkan pensyarah-pensyarah yang mengajar subjek-subjek berkaitan tentang teologi ini ataupun berkaitan dengan kesefahaman kepercayaan ini adalah pensyarah-pensyarah yang muda, baru bergraduan Ijazah, PhD dalam ruang ataupun bilik-bilik syarahan yang besar. Mungkin ini kita perlu pertingkatkan supaya tumpuan dapat diberikan dan kaedah pengajaran ini bolehlah kita tumpukan dalam bilik-bilik kelas yang lebih tertumpu supaya mereka lebih memberikan perhatian. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dalam modul yang akan diperkenalkan ini akan gugurkan istilah pendatang? Memandangkan sekarang apabila negara mencapai kemerdekaan, semua rakyat yang diterima sebagai warganegara Malaysia, kita seharusnya mengambil ini sebagai negara asal kita dan kita seharusnya menggugurkan istilah pendatang yang menyebut soal masyarakat daripada masyarakat Cina serta masyarakat India. Sekian.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Saya percaya perkataan-perkataan yang boleh menyinggung mana-mana kaum di negara kita ini akan kita ambil tindakan tetapi fakta-fakta sejarah sebagai contoh, saya diberitahu oleh ibu saya, saya ialah orang Bugis. Jadi moyang saya datangnya dari kepulauan di sebelah sana. Jadi ketika itu, moyang saya itu digelar pendatang. Saya bersetuju dengan fakta itu yang mana fakta tetap fakta tetapi untuk menyinggung mana-mana perasaan kaum, ia tidak akan berlaku Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Cuma soalan saya, adakah betul sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini digelar sebagai orang pendatang?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya tidak nampak, saya ataupun Yang Berhormat ataupun mana-mana rakan kita hari ini digelar sebagai pendatang kerana kita lahir di sini dan kita rakyat Malaysia. Akan tetapi kalau moyang saya digelar sebagai pendatang saya bersetuju kerana itu adalah fakta. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Parit...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta laluan, minta penjelasan sedikit. Sedikit berkenaan...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Ini bukan pasal rokok Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat memberi peluang, saya memperingatkan Yang Berhormat, kita ada 17 kementerian lagi Yang Berhormat. Pada pukul 8.00 malam nanti kita akan nampak lengang saja. Jadi, janganlah ambil peluang berucap sahaja. Yang Berhormat Gopeng tadi baik, cara bertanya. Bertanya Yang Berhormat, bukan berucap

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya rasa rekod saya sebelum ini menunjukkan saya tidak berucap Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Saya berpegang kepada janji ya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya betul. Saya ingin mendapat penjelasan juga berkenaan dengan bangsa asing yang sering kali digunakan. Kalau di luar tidak apa tetapi kalau dalam Parlimen di sini juga, antara kita Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan bangsa

asing merujuk kepada kaum Cina dan India. Adakah ini juga satu perkara yang patut kita perbetulkan terutama dalam modul kontrak sosial. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa, saya tidak mempunyai tanggapan mana-mana Ahli Yang Berhormat menggunakan perkataan 'bangsa asing' itu untuk rakan-rakan kita yang Cina, Tionghoa, dan India. Mereka menggunakan 'bangsa asing' untuk rakan-rakan yang datang dari luar tanpa izin yang datang bekerja di sini. Bangsa yang bukanya datang dari Malaysia. Dalam Modul tidak menyebut perkataan 'bangsa asing' itu Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat belum tengok lagi modul kita ini. Tidak ada menyebut perkataan 'bangsa asing'. Mereka ini adalah bangsa Malaysia, Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh sedikit di situ?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tidak apalah Yang Berhormat, saya ada 17 muka surat lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri merujuk kepada Hansard sebelum ini, di mana Yang Berhormat Pasir Mas pernah menyebut bangsa asing. Dia kata "*bukan Melayu lah itu*". Jadi walaupun kemudian diperbetulkan, tetapi apa yang saya ingin perkatakan di sini, supaya tidak berlaku selepas ini sebab kadang-kadang dalam TV dan media pun kita tengok perkataan ini digunakan. Jadi *we must put a stop*, maknanya kita berhentikan perkara ini. itu maksud saya. Terima kasih

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Pasir Mas bertanding pakai bendera PAS bukan bendera Barisan Nasional. Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai cadangan Yang Berhormat Parit agar meningkatkan *soft skills* graduan agar berdaya saing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian telah mengambil pelbagai langkah melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing yang dapat memenuhi kehendak pasaran. Antara langkah yang telah dilaksanakan, langkah ini adalah secara berterusan dan istiqamah, Tuan Yang di-Pertua, iaitu;

- (i) memastikan modul pembangunan kemahiran insaniah ataupun *soft skills* dan modul asas pembudayaan keusahawanan diajar di IPTA bagi semua program akademik;
- (ii) menjalankan program penempatan dalam industri yang bertempoh di antara dua bulan hingga ke enam bulan;
- (iii) membantu siswazah yang telah tamat pengajian untuk mengikuti program latihan khusus dengan kerjasama syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan GLC dan juga pihak-pihak industri;

- (iv) menawarkan kursus baru yang bersifat lebih kepada masa hadapan (*futuristic*); dan
- (v) menerapkan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar *student centric* ataupun *student center* atau yang berasaskan kepada masalah *problem-based learning and teaching*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, KPT turut memantapkan kajian pengesahan graduan yang telah tamat pengajiannya bagi tempoh tiga hingga enam bulan untuk mengukuhkan lagi perancangan dan pembangunan modal insan di peringkat *treasury* secara lebih cekap dan berkesan.

Yang Berhormat Kota Melaka, Terima kasih kerana membangkitkan isu politeknik di Muadzam Shah yang saya kira Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil satu tindakan yang besar tetapi ia berlaku dua, tiga hari sebelum Yang Berhormat nyatakan dalam Dewan ini. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Penjelasan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Silakan Yang Berhormat Labuan.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Peringatan untuk Yang Berhormat, bertanya Yang Berhormat, jangan berucap ya. Saya akan berhentikan Yang Berhormat kalau berucap.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Saya jarang berucap Tuan Yang di-Pertua, cuma bertanya sahaja. Adakah rancangan Kementerian Pengajian Tinggi terutama untuk jurusan-jurusan teknikal menilai semula kesesuaian jurusan atau kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti di Malaysia. Contohnya macam Universiti KL, Kampus Antarabangsa Labuan, apa yang dibuat di situ, jurusan memang betul, ada jurusan Perakaunan Antarabangsa dan IT sedangkan kegiatan-kegiatan di Labuan lebih menjurus kepada *oil dan gas*. Dapatkan kementerian memberikan satu cadangan supaya universiti tersebut memfokuskan kepada jurusan *oil and gas* yang mana keutamaan atau *opportunity* yang kita dapat melalui pekerjaan lebih kepada *oil and gas* berbanding dengan International Offshore Banking. Walaupun ada *International Offshore Banking* tetapi peluang untuk pekerjaan *offshore-offshore* bank ini, untuk orang tempatan terlalu sedikit. Terima kasih

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Kampus Labuan ini kita menyarankan kepada semua IPTA dan IPTS supaya mereka tidak *rigid*, mereka perlu *dynamic*.

■ 1610

Jadi jika ada keperluan itu, pihak kementerian sentiasa membuka pintu. Ini kerana kita ada sebuah agensi yang menilai program-program, kesesuaiannya dan dari segi kebolehan pasarannya. Jadi pihak pentadbiran kampus itu sendiri membuat permohonan melalui MQA dan dinilai dan saya percaya ia akan mendengar keperluan dan kehendak orang-orang di Labuan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, di bawah RMK-9 Politeknik Muazam Shah, Pahang, Kita ada peruntukan sebanyak RM263 juta Yang Berhormat. Kerja-kerja pembinaan politeknik ini telah ditawarkan kepada satu syarikat yang ketika itu tidak berjaya melaksanakan projek pembangunan ini.

Akhirnya syarikat itu menyerahkan pula kepada sebuah syarikat lain iaitu Syarikat Kausar Cooperation Sendirian Berhad saya sebutkan di Dewan ini dengan nilai kontrak asal sebanyak RM193 juta. Projek ini bermula pada bulan November 2005 dan sepatutnya disiapkan pada tahun 2007. Akan tetapi oleh kerana pihak kontraktor ini tidak dapat menyiapkan kontrak seperti jangka masa yang ditetapkan. Maka JKR telah mengubah kontrak itu, memberhentikan kontrak kepada Kausar. Kemudian menyerahkannya kepada MMN Bina Sendiri Berhad yang telah dilantik dan akan melaksanakan kerja ini dan telah menjanjikan kerja ini akan siap dalam tempoh 12 bulan dengan kos sebanyak RM140 juta dan berjanji akan memulakan kerja 24 Februari yang lalu. Jadi telah pun mulakan kerja-kerja tapak dan akan menyiapkan pada masa 12 bulan. Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh minta penjelasan lagi? Tuan Yang di-Pertua, saya amat terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab perkara yang saya bangkit ini. Akan tetapi tujuan saya membangkitkan tentang perkara ini ialah tentang pemantauan di antara kementerian dengan main *con* dan *sub con*. Ini kerana saya mendapati bahawa salah satu sebab projek terbengkalai adalah kerana tidak ada pemantauan di antara kementerian terhadap main *con* dan *sub con*. Selalunya bayaran telah sampai kepada main *con* tetapi tidak sampai kepada *sub con* dan mereka enggan hendak habiskan kerja itu. Itu salah satu sebab, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih. Yang Berhormat begitu prihatin dengan *sub con* tersebut. Di pihak kementerian kita ada perjanjian dengan main *con*. Kita hendak usik *sub con* pun kita tidak berani kerana kita hanya berhadapan dengan main *con*. Namun begitu saya percaya di dalam mesyuarat-mesyuarat apabila wakil Kementerian Pengajian Tinggi hadir sama untuk memantau kemajuan projek, kita boleh menegur main *con* secara langsung di hadapan *sub con* supaya mereka melunaskan apa juga bentuk hutang piutang mereka bersama *sub con* supaya projek ini tidak berhenti pembangunannya kelak. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Padang terap supaya diberi kebenaran kepada pelajar supaya berpolitik secara berparti semasa pemilihan perwakilan pelajar kampus.

Juga sedikit sebanyak Yang Berhormat Padang Terap memohon supaya melonggarkan tatacara bagi mahasiswa untuk berjumpa Menteri dan Timbalan Menteri. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar yang diamalkan di IPT selama ini dari dahulu hingga kini menggunakan konsep pilihan raya kita di negara ini. Kita dapati mana-mana calon boleh berkempen sama ada secara bersendirian ataupun secara berkelompok. Namun mereka tidak dibenarkan menggunakan mana-mana lambang ataupun mewakili mana-mana parti politik. Tujuannya adalah untuk mengelakkan calon-calon sama ada dipergunakan ataupun menggunakan pihak-pihak tertentu bagi tujuan mereka supaya tidak ada semangat polarisasi di dalam universiti. Jadi untuk makluman Yang Berhormat kementerian pada hari ini telah pun memberikan kuasa penuh kepada naib-naib canselor bagi menguruskan proses pemilihan MPP di seluruh IPTA di negara kita.

Kementerian berpendapat IPTA di bawah pimpinan naib-naib canselor mampu untuk menjalankan amanah yang diberikan ini bagi melatih pelajar-pelajar kita untuk hidup bermasyarakat di dalam *boundary* kampus-kampus mereka. Mengenai tatacara pelajar siswa siswi hendak berjumpa dengan Menteri dan Timbalan Menteri, kira hari ini Menteri dan Timbalan Menteri paling yang tidak ada protokol sekalilah. Kita sampai di universiti dalam keadaan kadang-kadang pelajar pun tidak kenal kita ini. Menteri ataupun Timbalan Menteri, datang dengan kaedah pelajar-pelajar. Kalau ambil gambar sekarang ini, Timbalan Menteri duduk mencangkung, pelajar pula berdiri di belakang. Jadi kalau ada rungutan daripada pelajar yang susah, sukar hendak berjumpa Menteri, Timbalan Menteri ini mungkin kerana Menteri dan Timbalan Menteri ada komitmen yang lain. Setakat hari ini saya sendiri telah *round* Semalaya Yang Berhormat, berjumpa dengan pelajar-pelajar dan nampaknya sambutan agak begitu mengagumkan. Begitu juga sambutan mereka kepada Yang Berhormatlah selaku pemimpin-pemimpin mereka, terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyebut dalam perbahasan Titah Diraja berkaitan dengan kaedah mahasiswa melibatkan diri dalam demokrasi kampus. Ini kerana pada pandangan saya dan juga kawan-kawan yang lain, apabila kita melaksanakan demokrasi di peringkat kampus terutamanya. Ia merupakan adalah satu yang lahir daripada cerminan demokrasi yang berada di luar. Di luar kita tidak bertanding secara bersendirian kecuali kepada bebas. Kalau kita lihat di luar kita menggunakan sistem parti, apa salahnya untuk kita melihat di peringkat kampus juga mengamalkan cara yang sama supaya kita nampak, memang dalam negara kita pun isu besar ini adalah pembangkang dan juga kerajaan.

Bagaimana orang yang bertanding dalam bentuk persendirian boleh membawa gagasan kerajaan. Kedua, saya hendak sebut tentang, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang kurang protokol bagi mahasiswa untuk berjumpa. Cuma ada beberapa

isu yang mungkin agak sensitif sebelum ini yang sukar untuk mereka berjumpa terus dengan Timbalan ataupun Menteri sendiri. Sebagai satu contoh yang saya ambil, baru-baru ini berlaku satu kejadian yang cukup menyedihkan. Di surau akademik pengajian Islam, kepala babi yang dibalut dengan bendera PAS dengan penuh darah-darah dibalut kemudian diletak di dalam surau. Jadi mungkin kadang-kadang mereka memerlukan untuk berjumpa dengan Menteri lebih cepat. Bukan dia tunggu hendak surat dulu, isu sudah basikan. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih. Yang Berhormat Padang Terap dan saya boleh bersama berkongsi bahawa untuk mencapai hasrat yang sama. Cuma dalam skala yang berbeza. Pilihan raya di luar, apabila kita memangkah ataupun menyokong calon itu perasaan kita sama. Jadi saya yakin di dalam *boundary* universiti apabila seorang pelajar itu memangkah calon mereka perasaan dia pun sama. Mungkin kaedah berbeza. Akan tetapi kita ingin menyemarakkan semangat demokrasi di dalam kampus. Tidak semestinya bersamaan dengan apa kaedah yang dilalui di luar kampus. Bagi isu perjumpaan dengan Menteri dan Timbalan menteri yang terlalu protokol dan bila berjumpa isu sudah basi. Bagi makluman Yang Berhormat isu kepala babi yang dibalut dengan bendera PAS di surau Pengajian Islam, saya mendapat tahu isu itu di malam yang sama.

Saya menyerahkan kepada pihak keselamatan universiti dan juga kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk siasat apakah punca dan sebenarnya. Lebih-lebih lagi ketika berlakunya pemilihan perwakilan pelajar di Kampus UM. Saya masih lagi menunggu laporan polis dan saya yakin siasatan sedang dijalankan dan saya tidak ingin mencampuri buat ketika ini. Walau bagaimanapun apabila telah dapat keputusannya nanti, saya yakin ia boleh kita kongsi bersama apabila keputusan ataupun laporan yang diterima kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lanang memohon agar diiktiraf UEC bagi kemasukan universiti tempatan memandangkan sijil ini diterima di luar negara. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi di Dewan Rakyat pada sesi penggulangan perbahasan Titah Diraja yang lepas telah pun menjelaskan isu ini. Kita seharusnya mengenali bahawa dalam satu tangan pihak kementerian membina dasar, dalam satu tangan yang lain kita tidak memusnahkan dasar yang telah kita bina.

Jadi oleh kerana itu pihak kementerian masih lagi berpegang bahawa dasar pelajaran kebangsaan yang dibina selepas kemerdekaan masih lagi dihayati sehingga ke hari ini. Kes-kes kesalahan pelajar UUM, berkaitan dengan isu seorang pelajar Chong Hwa dari Universiti Utara Malaysia yang didakwa di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti kerana mengemukakan *partition* kenaikan harga tambang bas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput.

■1620

Saya kira isu ini adalah isu yang telah menjadi paparan akhbar-akhbar dalam tempoh dua, tiga minggu kebelakangan ini. Dan saya telah pun mendapat laporan penuh daripada pihak HEP, di mana kita sering mendapat laporan dari satu pihak kemudian laporan dari pihak yang lain. Dalam kes ini saya mendapati ada perimbangan di mana hasrat pihak Hal Ehwal Pelajar UUM adalah untuk memberikan manfaat tambang yang berpatutan kepada semua pelajar. Akan tetapi malangnya, ada pihak pelajar pula yang beranggapan bahawa polisi yang diperkenalkan oleh Hal Ehwal Pelajar yang baru ini telah menjejaskan keseluruhan sistem pengangkutan pelajar-pelajar di universiti tersebut. Namun di dalam beberapa perbincangan saya bersama Pengurusan Hal Ehwal Pelajar di peringkat kementerian, saya menasihatkan supaya kita kena mengambil kira kepentingan dan kebajikan pelajar-pelajar untuk mereka lebih selesa di dalam menghadapi pengajaran dan pembelajaran di universiti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Serdang telah mencadangkan agar pertuduhan terhadap pelajar tersebut digugurkan. Saya masih lagi dalam peringkat mendengar laporan dari kedua pihak. Dan saya percaya keputusan yang akan diputuskan nanti adalah akan membayangkan kebaikan bagi pihak pentadbiran universiti dan juga pelajar-pelajar itu. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan titah..

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Senyumlah sedikit.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Ya, saya senyum sekarang boleh?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Senyum boleh, kalau tidak senyum tidak bolehlah.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tambah sedikit sahaja.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Senyum lebih lagi dengan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Ketawa]* Okey, soalan saya minta sedikit penjelasan kerana nampaknya walaupun AUKU itu telah dipinda tahun yang lepas, tetapi pada bulan Februari ini, bulan Mac ini, tindakan disiplin telah diambil terhadap mahasiswa-mahasiswa. Jadi saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, sama ada pada pandangan Timbalan Menteri pindaan untuk AUKU itu adalah cukup baik dan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju, bahawa mahasiswa-mahasiswa itu tindakan mereka adalah sebenarnya tidak bersalah dan menunjukkan itu satu tindakan yang demokrasi.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat kita dalam hal peraturan dan undang-undang ini kita mesti sentiasa melihat kedua-dua pihak. Kita tidak boleh memutus sama ada ianya satu kesalahan ataupun kebenaran, ia perlukan hak-hak untuk didengari ia memerlukan saksi-saksi dan sebagainya.

Saya percaya pihak Kementerian Pengajian Tinggi tidak pernah memilih kasih dan kita percaya pelajar-pelajar mempunyai masa depan yang lebih luas dan lebih panjang untuk kita bela. Jadi Yang Berhormat jangan risaulah. Terima kasih saya ucapkan kepada semua 16 Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan dan juga kepada semua yang telah mengambil bahagian di dalam pencelahan ketika saya menggulung Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ini.

Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih dan akan mengambil kira semua pandangan Yang Berhormat bagi kita meningkatkan lagi prestasi serta meningkatkan lagi kemajuan kementerian, untuk mengangkat martabat pengajian tinggi negara kita. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Assalamualaikum warahmatullah. Wallahu a'lam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat saya sekarang menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

4.24 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya ingin merakamkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada 26 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian perbahasan Titah Diraja hal-hal berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan izinkan saya pada petang ini untuk menjawab beberapa persoalan utama yang dibangkitkan dan jika ada hal-hal yang tidak saya bangkitkan, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat merujuk kepada saya dan insya-Allah kita akan menyampaikan maklumat yang diperlukan.

Yang pertama, saya ingin memberi penerangan ialah berkaitan dengan bantuan-bantuan yang diberikan kepada petani, penternak dan nelayan. Hal ini merupakan antara hal utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Umumnya Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut telah menyarankan bahawa kerajaan perlu bukan sahaja meneruskan bantuan kepada petani, penternak dan nelayan, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya bantuan-bantuan tersebut dipertingkatkan.

Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian menyediakan beberapa bentuk bantuan:

- (i) bantuan teknikal, dari segi kepakaran dalam bidang tertentu penyakit umpamanya Jabatan Veterinar;
- (ii) kementerian juga menyediakan bantuan infrastruktur untuk membolehkan projek-projek pertanian dilaksanakan umpamanya di Taman Kekal Pengeluaran Makanan;

- (iii) kementerian juga menyediakan insentif kepada petani termasuklah penanam padi;
- (iv) kementerian juga menyediakan pembiayaan melalui Agro Bank.

Ini antara bantuan-bantuan yang diberikan dan saya ingin memaklumkan bahawa sejak kerajaan dilanda krisis bekalan makanan tahun lepas, sebenarnya kerajaan telah menambah bantuan untuk petani, penternak dan nelayan. Sebagai contoh untuk parit dan tali air bagi tanam padi umpamanya sebelum krisis makanan berlaku peruntukan disediakan cuma RM823 juta, tetapi apabila berlakunya krisis kerajaan menambah peruntukan RM1.7 bilion menjadikan RM2.6 bilion. Ini pendekatan yang ketara iaitu hampir lebih dua kali ganda peningkatan yang telah berlaku dalam contoh yang saya berikan tadi iaitu padi. Begitulah juga untuk ternakan umpamanya, di bawah Skim...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Pohon laluan.

Dato' Mustapa Mohamed: Usahawan Ternakan, umpamanya kerajaan telah menambah peruntukan daripada kira-kira RM20 juta setahun 2006, 2007 tahun lepas menjangkau RM57 juta dan tahun ini RM68 juta. Inilah untuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada penternak bagi memelihara/menternak kambing dan lembu. Ini contoh-contoh yang saya ingin maklumkan. Kepada penanam padi pula sebagai contoh bantuan baja telah ditambah umpamanya baja yang ditambah ialah kira-kira 150kg, ditambah bernilai RM400 juta.

Apabila berlakunya krisis bekalan makanan, kerajaan juga menyediakan bantuan kapur kepada penanam padi berjumlah RM850 satu hektar bagi menyuburkan tanah padi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah contoh-contoh yang saya berikan untuk menggambarkan betapa prihatinnya kerajaan terhadap petani, penternak dan nelayan. Sesungguhnya rakyat Malaysia harus bersyukur dengan tambahan bantuan, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara menghadapi keadaan yang agak gawat hari ini, insya-Allah sektor pertanian akan diperkasakan lagi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada pandangan saya usaha kerajaan untuk meningkatkan semua hasil pertanian terutamanya padi ini adalah satu usaha yang berterusan dan saya ingat itu sangat baik sekali. Akan tetapi ada beberapa perkara yang kecil yang kita usaha di peringkat awal, tetapi di peringkat akhirnya kita tidak membuat pemantauan dengan teliti. Ianya akan dapat mengurangkan kerugian kepada para petani. Contohnya di sini Yang Berhormat Menteri, ianya berkaitan semasa penuaian atau semasa *harvesting* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, unit ataupun jentera yang digunakan, jentuai yang digunakan untuk masa menuai ini.

Kita tidak pernah menghantar pegawai ataupun Bahagian Kejuruteraan MADA, KADA, dan sebagainya untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan, kerana dilihat tanggungjawab daripada pemilik-pemilik jentuai ini mereka adalah lebih mementingkan keuntungan daripada menjaga hasil petani yang terpaksa menunggu hampir tiga bulan sebelum musim tuaian itu dapat hasil berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalnya Yang Berhormat?

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Jadi soalnya ini Yang Berhormat, adakah pihak kementerian menyedari bahawa kadar susut nilai padi hampir 20% bagi setiap ekar dan ini terbukti apabila kita membuat, membajak semula bagi musim tanaman baru, kita lihat begitu banyak padi yang tumpah di sawah-sawah padi. Jadi apakah tindakan bagi Unit Kejuruteraan dan Penguatkuasaan, mana-mana agensi yang terbabit di bawah kementerian bagi memantau perkara ini dalam usaha kita hendak meningkatkan hasil pendapatan petani?

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Arau, saya bersama Yang Berhormat Arau melawat Tambun Tulang minggu lepas dan Yang Berhormat ada juga membangkitkan perkara ini termasuklah pesawah-pesawah.

■1630

Jadi Tuan Yang di-Pertua memang benar kata Yang Berhormat Arau tadi, lepas *post-harvest loss*, ataupun kerugian selepas tuai ini yang perlu kita tangani kerana tak guna kita keluarkan wang yang banyak untuk baja, untuk input dan lain-lain, tetapi apabila kita menuai, banyak sekali susut nilai seperti mana kata Yang Berhormat. Jadi saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat mencadangkan supaya badan kejuruteraan MADA dan lain-lain mengambil tindakan bagi memastikan bahawa pemantauan berlaku sebaik mungkin.

Ini penting, tak guna kita melakukan, melaksanakan program tapi pemantauannya rendah dan lemah. Oleh itu saya beri jaminan di sini bahawa kita akan tingkatkan lagi pemantauan bagi memastikan bahawa susut nilai yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dapat kita kurangkan pada tahap yang paling minimum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tumpat, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Datuk Menteri, ringkas sahaja sebagai mana Datuk Menteri sudah tentu maklum bahawa Tumpat adalah satu kawasan yang aktif dengan kedua-duanya, pertanian dan perikanan, yang mana di pihak pertanian sebagaimana Yang Berhormat Menteri maklum, masalah kekurangan air untuk petani-petani padi dan masalah kelebihan air di musim banjir, apabila musim banjir datang kepada tanah-tanah pertanian ini.

Keduanya yang saya ingin penjelasan dan tindakan daripada Yang Berhormat Menteri ialah isu yang berlaku sekarang yang saya telah pohon bantuan Yang Berhormat dan pernah mendapat bantuan daripada Yang Berhormat dalam kes ini, iaitu perasaan peniaga-peniaga, pengimport-pengimport ikan di kawasan Tumpat, di Pengkalan Kubor yang terpaksa diarahkan supaya dibekalkan atau dibeli tong-tong ikan yang baru, yang harganya jauh lebih mahal daripada yang sebelumnya. Mereka merasakan ini akan menjadi satu tekanan kepada mereka dalam keadaan ekonomi negara dan masyarakat yang tertekan sangat ini.

Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang sekali lagi, untuk melihat semula dasar tersebut dan memberi keringanan kepada masyarakat peniaga ikan, khususnya di kawasan saya dan mungkin di tempat-tempat yang sama yang lain. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, satu hari selepas Yang Berhormat Tumpat merujuk perkara ini kepada saya, kita telah mengadakan pertemuan dialog dengan pihak-pihak berkenaan. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, isunya ialah penggunaan kotak berinsulasi yang dengan izin, mempunyai *food great*. Kotak-kotak ikan yang diimport pada masa ini, menggunakan pelbagai alat, pelbagai jenama, pelbagai jenis, ada yang kayu ada yang plastik dan lebih menjamin keselamatan makanan.

Kerajaan telah membuat keputusan pada 2006, iaitu tiga tahun yang lalu, untuk menggunakan kotak berinsulasi yang perlu diluluskan oleh pihak SIRIM. Kita telah tunda dari tahun 2007, 2008, dan sekarang ini kita sedang cuba melaksanakan. Ini penting untuk masa depan, untuk menjamin keselamatan makanan. Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia terjamin kesihatan mereka.

Maka isunya ialah isu harga kotak ini, harganya lebih tinggi kerana ia mempunyai ciri-ciri keselamatan, ciri-ciri kesihatan, yang sebelum ini tidak ada pada kotak ikan. Itu sebabnya harga lebih tinggi. Walau bagaimanapun kita, saya telah mengarahkan supaya pelaksanaannya dikendurkan sedikit. Kita telah membuat keputusan bahawa pada peringkat awal ini cuma 10% sahaja daripada jumlah kotak ikan yang menggunakan kotak import dan saya telah mengarahkan semalam, supaya dari segi pelaksanaannya kita menggunakan kaedah memberi nasihat bukannya memaksa ataupun mengambil tindakan yang begitu.

Namun untuk jangka panjang, saya ingin maklumkan di sini bahawa ini adalah penting untuk keselamatan rakyat Malaysia termasuklah menjamin bekalan makanan sentiasa selamat untuk kita makan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Batu Gajah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin maklumkan Yang Berhormat Menteri bahawa petani sebenarnya menyambut baik dengan segala bantuan yang dikemukakan oleh pihak kementerian. Saya ingin merujuk kepada satu bantuan khas, iaitu Pendaftaran Insentif Pengeluaran Tanaman bagi Sayur-sayuran dan Buah-buahan. Soalan yang timbul ialah, petani berjumpa saya di negeri Johor, Yang Berhormat Menteri. Mereka memaklumkan bahawa, walaupun mereka telah mengemukakan permohonan untuk insentif ini, sebagai contohnya ialah penanaman buah tembikai.

Mereka akan mendapat insentif 7.8 sen sekilogram itu. Permohonan dikemukakan dan ia mengambil masa dua tiga bulan. Mereka ingin tahu apakah insentif ini, akan disambungkan selepas ini yang telah dimulakan pada tahun lepas. Mereka nak tahu hala tujunya, sebab

permohonan telah dikemukakan, mereka langsung tidak dapat apa-apa jawapan. Mereka kata mereka pergi ke jabatan negeri, jabatan kata ini diproses di Putrajaya.

Jadi mereka nak tahu hala tuju ini, walaupun ingin menyambut baik insentif ini, tapi mereka mahu tahu, mengapakah kelewatan prosesnya, apakah kerajaan ada cadangan akan membatalkannya atau terus menyambung. Jika ya, mengapakah kelewatannya memberi insentif kepada mereka ini. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti kenapa orang Johor pergi ke Batu Gajah, jauh ya, jauh sangat itu. Putrajaya lagi dekat dari Batu Gajah. Saya ingin maklumkan bahawa kita *hands-on* dalam menangani perkara ini, sepatutnya petani berkenaan merujuk kepada kamilah. Kalau merujuk Batu Gajah, lambat sikitlah kerana Batu Gajah kena pusing-pusing pergi sana ke mari.

Jadi rujuk kepada kami, insya-Allah kita akan selesaikan masalah. Kita akan maklumkan kenapa kelewatan berlaku, itu yang pertamanya. Keduanya Yang Berhormat Batu Gajah ada dua soalan, soalan yang kedua ialah sama ada akan diteruskan bantuan ini, jawapannya ya, akan diteruskan tahun ini. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya maaf. Saya rasa Yang Berhormat Menteri telah leka dalam tanggungjawab. Kalau orang Johor boleh datang cari Batu Gajah, Yang Berhormat Menteri tidak tahu mengenai masalah ini. Saya rasa Yang Berhormat kurang *hands-on*, tidak tahu apa yang berlaku di bawah kementerian Yang Berhormat. Ini bukan melibatkan penanam di Johor sahaja, saya dimaklumkan ada penanam dari negeri yang lain juga, ada mengalami masalah penerimaan insentif ini yang lambat diproses.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jangan pusing-pusinglah, ada masalah kita akan selesaikan, ia tidak menjadi masalah kerana ini hak setiap rakyat Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang kedua yang dibangkitkan ialah pembiayaan. Yang Berhormat Putatan, Lembah Pantai menyentuh mengenai peranan Agrobank dan pembiayaan kepada petani. Saya ingin maklumkan bahawa pembiayaan adalah satu aspek yang amat penting untuk memajukan sektor pertanian. Maka itu Tuan Yang di-Pertua, Agrobank memanglah memainkan peranan yang penting pada tahun 2007, jumlah pinjaman yang belum selesai ialah RM3.8 bilion, hujung tahun lepas RM4.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM800 juta.

Ini peningkatan yang ketara tetapi lebih penting, dalam keadaan semasa ini saya nak maklumkan bahawa Kementerian Kewangan juga Kementerian Pertanian sudah pun mengadakan pertemuan dengan Ahli Lembaga Pengarah Agrobank dan juga pengurusan tertinggi untuk memastikan bahawa kerenah-kerenah birokrasi dapat diatasi dan kita mahu Agrobank memainkan peranan yang lebih agresif bagi membantu petani, khusus dalam keadaan semasa, di mana ekonomi menghadapi masalah.

Saya ingin maklumkan dalam konteks ini juga bahawa, skim mikro kredit oleh Agrobank yang sudah pun mengeluarkan pinjaman kepada kira-kira 50 ribu penternak, petani dan nelayan akan kita teruskan dan kita telah pun memohon peruntukan tambahan. Sebelum ini skim ini yang bermula tahun 2003, telah mengeluarkan kira-kira RM600 juta pinjaman kepada 50 ribu orang petani, penternak dan nelayan.

Kita telah pun memohon peruntukan tambahan daripada kerajaan, agar skim yang penting ini khususnya dalam keadaan ekonomi menghadapi masalah ini, bukan saja dapat diteruskan tetapi peruntukan tambahan dapat disediakan oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya balik sedikit kepada bantuan subsidi tadi. Pada persidangan yang lepas, pada penghujung tahun lepas. Saya ada pernah membangkitkan persoalan, apakah dasar kementerian dalam keahlian Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya pernah membangkitkan bahawa, ada seorang peladang yang bukan bumiputera yang ingin menjadi Ahli Lembaga Pertumbuhan Peladang, tetapi tidak dibenarkan oleh LPP di bahagian Rembau.

Jadi saya ada pernah membangkitkan isu ini dan bertanya kepada pihak Menteri dan pihak Menteri ada berjanji akan membuat siasatan dan memberikan jawapan kepada saya, tetapi setakat ini saya belum mendapat apa-apa maklumat dari pihak kementerian. Saya nak tanya apakah dasar kementerian dalam perkara ini dan adakah LPP ini hanya kepada bumiputera, saya nak tahu penjelasannya. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah sudah pun bertanya saya dan jawapan sudah pun diberikan, iaitu jawapannya yang seperti mana yang saya sebutkan pada sidang yang lalu, keahlian Persatuan Peladang ini dibuka kepada semua kaum. Namun dalam kes ini, kita dapati oleh sebab ahli-ahlinya ingin mengekalkan taraf bumiputera kerana PPK berkenaan ada lesen Kelas F. Maka pada masa itu, PPK berkenaan tidak mahu menerima ahli-ahli bukan bumiputera.

■ 1640

Dasar kerajaan ialah kita menerima semua rakyat Malaysia untuk menjadi Persatuan Peladang dan memang beberapa PPK di negara kita mempunyai ramai juga ahli-ahli PPK daripada kaum bukan bumiputera. Jadi itu dasar kita mengenai kes ini, kita sudah pun mengarahkan pihak berkenaan untuk mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih. Saya sudah menjawab pada sesi yang lalu. Dasar kita adalah untuk membuka keahlian kepada semua, tidak kira. PPK adalah untuk semua rakyat Malaysia. Bukan sahaja untuk rakyat bumiputera. Terima kasih. Cukup Yang Berhormat Rasah. Saya hendak pergi kepada...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: ...Untuk orang itu, untuk peladang itu, untuk peladang itu kalau tidak dibenarkan macam mana?

Dato' Mustapa Mohamed: Sudah jawab, terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Macam mana kalau dia tidak diberikan? Untuk MPP itu...

Dato' Mustapa Mohamed: Saya akan semak. Arahan sudah pun dikeluarkan, saya akan semak Yang Berhormat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Muar dan Yang Berhormat Putatan membangkitkan tentang Akta Perikanan dan Pelesenan kepada nelayan sungai. Mengikut Akta Perikanan 85 lesen kepada nelayan sungai ini diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ini keadaan semasa. Jadi yang dibangkitkan oleh kedua Yang Berhormat tersebut ialah mengenai perbezaan dan dengan itu Ahli Yang Berhormat Muar dan Yang Berhormat Putatan maklumkan Dewan bahawa mereka tidak layak untuk menerima subsidi diesel dan juga untuk mendapat elaun sara hidup. Saya ingin maklumkan bahawa pada masa ini terdapat kira-kira 922 lesen yang diberikan kepada nelayan sungai di seluruh negara dan ini diberikan oleh Kerajaan Negeri oleh kerana kebanyakan mereka itu 90% daripada nelayan sungai ini bukan dengan izin, *full-time fisherman*. Mereka sebahagian besarnya adalah *part-time fisherman*, maka mereka tidak layak untuk menerima bantuan daripada kerajaan, yang diberikan kepada nelayan pantai yang mana mereka layak menerima elaun sara hidup bulanan dan juga subsidi diesel.

Jadi memanglah untuk makluman Yang Berhormat Muar dan Yang Berhormat Putatan, di bawah undang-undang, lesen nelayan sungai diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan oleh kerana mereka bukan *full-time fisherman* dengan izin, mereka tidak diberikan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tawau ada membangkitkan tentang lesen menangkap ikan kepada *vessel* asing. Saya ingin maklumkan bahawa kerajaan tidak memberikan lesen menangkap ikan kepada rakyat asing dan mengikut maklumat yang ada pada kami terdapat 29 unit bot laut dalam yang dimiliki 100% oleh syarikat tempatan di Sabah yang sedang beroperasi pada hari ini. Apa yang berlaku mungkin ialah penggunaan *vessel* yang dibeli daripada luar negara dan ini mungkin telah mengelirukan Yang Berhormat. Rekod tidak menunjukkan bahawa kita mengeluarkan lesen kepada nelayan asing. Kita sekali-kali tidak akan berbuat demikian.

Apa yang berlaku cuma nelayan ataupun pemilik syarikat nelayan tempatan membeli bot daripada negara Thailand umpamanya tetapi urusan pindah miliknya telah dilakukan dengan bukti-bukti yang kukuh, barulah kita mengeluarkan lesen kepada pemilik-pemilik berkenaan. Jadi inilah satu kekeliruan yang saya harap Yang Berhormat Tawau akan mengambil perhatian mengenainya. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani membangkitkan tentang lintah, perniagaan lintah. Jadi Yang Berhormat mahu supaya disalurkan melalui media massa, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat membangkitkan perkara ini. Saya ingin maklumkan bahawa pada masa ini terdapat kira-kira 1,000 orang di seluruh negara yang menternak lintah secara kecil-kecilan di Kelantan, di Kedah dan di Perak...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Mustapa Mohamed: Produk ini digunakan untuk kecantikan, krim, sabun dan lain-lain. Ia ada potensi dan kita sekarang ini dalam proses untuk menyediakan peraturan berkaitan dengan ternakan lintah ini dan peraturan ini drafnya sudah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan insya-Allah apabila diluluskan, maka kita harap industri ternakan lintah ini akan dapat berjalan dengan lebih lancar lagi.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin berbalik kepada soal perikanan, sedikit sahaja iaitu berhubung dengan galakan kepada rakyat tempatan untuk bekerja dalam sektor perikanan kerana saya lihat sektor ini sekarang walaupun pelbagai usaha dibuat melalui akademi dan sebagainya kita lihat peluang pekerjaan yang agak besar ini masih lagi dimonopoli oleh rakyat asing terutamanya bagi laut dalam. Jadi, apakah tindakan pihak kerajaan dalam memastikan bahawa peluang pekerjaan yang begitu menarik juga dari segi pendapatannya dapat dikuasai sepenuhnya oleh anak tempatan.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia hari ini terdapat kira-kira 100,000 orang nelayan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Daripada 100,000, 70,000 adalah nelayan tempatan dan 30,000 ialah nelayan asing, sebahagian besar daripada negara Thailand. Kita masih belum lagi berjaya untuk mengubah minda rakyat Malaysia, nelayan kita untuk turun ke laut, dua minggu, tiga minggu. Mereka lebih cenderung pergi pagi balik petang walaupun seperti mana kata Yang Berhormat Arau ada akademi, ada galakan daripada kerajaan tetapi sudah 20 tahun galakan diberikan, kita masih belum berjaya untuk mengubah minda rakyat Malaysia untuk berminat khususnya terlibat dalam laut dalam.

Yang keduanya mungkin ada kaitan juga dengan gaji dan upah yang kecil, yang rendah dan ini tidak berpadanan dengan kehendak rakyat Malaysia. Jadi seperti sedia maklum perkara ini perkara yang isu dasar. Perkara isu gaji dan upah ini bukan sahaja sektor perikanan, perladangan dan sektor pembantu rumah dan lain-lain di mana oleh kerana gajinya rendah kalau pembantu rumah umpamanya, oleh kerana gajinya sekitar RM500 mungkin, maka ini telah tidak menarik minat rakyat tempatan. Jadi dua sebab kenapa tidak ramai yang berminat. Yang pertama, rakyat Malaysia masih cenderung untuk pergi pagi balik petang. *Mindset* mereka dengan izin, belum berubah. Yang keduanya, ada kaitan juga dengan gaji dan upah yang diberikan oleh pemilik-pemilik kapal yang tidak setimpal dengan kerja yang perlu dilakukan di laut tetapi bagi penduduk asing, 30,000 kini tidak menjadi masalah. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Seterusnya Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Arau membangkitkan tentang Bumi Hijau. Persoalan yang dibangkitkan adalah keberkesanan dasar ini. Saya ingin maklumkan bahawa apabila negara menghadapi krisis makanan tahun lepas, kerajaan telah buat keputusan, Perdana Menteri telah membuat keputusan untuk kita menghidupkan semula program ini dan pada bulan Jun

tahun lepas kita melancarkan semula program ini dengan peruntukan RM25 juta setahun dan program ini ada tiga komponen:

- (i) tanaman sayur-sayuran
- (ii) ternakan ikan keli, dan
- (iii) ternakan ayam kampung dan itik.

Ini tiga komponen dan setakat ini kita mendapati sambutan daripada rakyat adalah baik dan khususnya bagi Bumi Hijau, komponen tanaman bagi projek kelompok, institusi, di sekolah dan lain-lain mendapat sambutan yang baik dan tahun ini kita akan melibatkan Ahli Yang Berhormat supaya memberi sokongan kepada program yang penting. Program ini adalah untuk menggalakkan rakyat mengeluarkan sendiri bahan makanan harian dan dengan itu untuk menjimatkan perbelanjaan dan kita harap mereka akan berminat untuk menyertai bidang pertanian. Akan tetapi cabaran utama yang kita hadapi dalam memperkasakan program ini ialah bagaimana hendak memastikan program ini dapat berterusan. Kerajaan menyediakan bantuan, dengan izin *one-off*. Hendak tanam sayur, kita bagi benih, bagi baja. Hendak ternak ayam kampung, kita bagi ayam dan juga makanan.

Akan tetapi cabarannya ialah *round* kedua ataupun pusingan kedua. Kita mengharapkan rakyat Malaysia setelah kerajaan beri bantuan, pusingan kedua mengeluarkan wang sendiri. Pusingan pertama kerajaan menyediakan 100% keperluan dan pusingan kedua..

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Minta laluan.

Dato' Mustapa Mohamed: ...Kita harap rakyat akan berminat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya sudah lihat Yang Berhormat. Tunggu Yang Berhormat Menteri habis.

Dato' Mustapa Mohamed: Untuk mengeluarkan peruntukan sendiri. Jadi ini cabaran yang kita hadapi dan tahun ini kita akan cuba memperbaiki program ini dan kita akan berbincang dengan Ahli Yang Berhormat untuk memastikan program ini akan dapat mencapai matlamatnya iaitu untuk mengurangkan perbelanjaan rakyat, yang kedua ialah untuk memupuk kesedaran tentang perlunya kita tingkatkan pengeluaran makanan dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pasal Bumi Hijau ini juga ternakan-ternakan yang dikatakan tadi, kawasan kita yang baru-baru ni dilanda banjir, maka apa yang diusahakan oleh kerajaan itu semuanya habis dilanda banjir, ternakan habis lenyap mati, tanaman padi, tanaman sayur, buah-buahan dan sebagainya semua sudah musnah. Jadi apa yang kita hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kita diberi lebih sedikit peruntukan untuk menyambungkan penghidupan rakyat kita di luar bandar di dalam pertanian ini. Sekian, terima kasih.

■1650

Dato' Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong dan Yang Berhormat Serian ada membangkitkan tentang perkara yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti iaitu di Sarawak kita sedia maklum baru-baru ini berlaku banjir yang amat besar tidak pernah dialami sebelum ini. Maka pihak Jabatan Pertanian Negeri Sarawak sudah pun membuat banciaan dan mengikut Jabatan Pertanian Negeri Sarawak kerugian ialah RM114 juta seluruh negeri Sarawak. Kerugian yang melibatkan tanaman padi berjumlah RM25 juta, tanaman kontan RM50 juta. Itu dua kumpulan paling besar.

Kerajaan telah membuat pengumuman bahawa ia telah bersetuju secara prinsip untuk memberikan bantuan kepada setiap warga tani RM1,000 dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang merangka satu kaedah bagaimana boleh kita tambah bantuan. Jadi RM1,000 sudah pun diputuskan oleh kerajaan. Cuma tambahan ini sedang kita kaji setakat mana kita boleh bantu. Insya-Allah akan ada bantuan tambahan tetapi jumlah kuantumnya sedang kita pertimbangkan...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Dato' Mustapa Mohamed: Jadi terima kasih ini ialah berkaitan soalan daripada Yang Berhormat Batang Sadong dan juga Yang Berhormat Serian berkaitan dengan bantuan banjir. Seterusnya...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Bumi hijau. Hendak tanya tentang bumi hijau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kita tahu sedikit masa dahulu rakyat diberikan insentif untuk mengadakan tanam sayur-sayuran menggunakan kaedah hidroponik. Kemudian baru-baru ini dipindah kepada kaedah fertigasi dan sekarang kita diberi pula satu kaedah iaitu bumi hijau. Mungkin di atas bumilah kali ini.

Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah kaedah-kaedah yang terkini yang dikehendaki oleh kementerian supaya diteruskan oleh rakyat? Adakah di atas bumi ataupun menggunakan cara fertigasi yang begitu popular sekarang ini? Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan pelbagai kaedah. Bukan bermakna kita menggalakkan fertigasi maka tanaman atas bumi tidak digalakkan. Fertigasi ini kosnya tinggi. Ia lebih sesuai untuk mereka yang bermodal besar. Manakala bumi hijau ini ialah untuk rakyat biasa. Kosnya kira-kira RM30 kalau bagi tanaman sayuran kosnya RM35. Kos benih dan juga baja. Kalau untuk ayam dan itik kosnya kira-kira RM500. Kalau untuk ikan keli kosnya RM1,000. Itu kosnya.

Jadi fertigasi ini puluhan ribu ringgit dan ia tidak mampu dibeli oleh rakyat biasa. Maka ada banyak perbezaan. Bumi hijau ini ialah untuk rakyat biasa. Kita hendak galakkan mereka bercucuk tanam. Fertigasi ini lebih sesuai untuk mereka yang terlibat dalam bidang komersial. Mereka mempunyai modal yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Putatan ada membangkitkan tentang industri asas tani dan juga peranan FAMA. Yang Berhormat Pasir Mas khususnya telah menyarankan supaya pihak FAMA menubuhkan *hypermarket* seperti mana *Carrefour*, *Giant* dan sebagainya. Saya ingin maklumkan bahawa inilah kita berpendapat usaha ini lebih sesuai diterokai oleh pihak swasta. Jadi FAMA ini merupakan satu agensi kerajaan dan tidak semestinya agensi kerajaan dapat menjalankan tugas lebih baik daripada sektor swasta. Jadi kita berpendapat lebih elok syarikat-syarikat swasta terlibat dalam *hypermarket* ini.

Dalam pada itu, seperti yang saya sudah maklumkan Yang Berhormat Pasir Mas bagi menjawab soalan di Dewan yang mulia ini kita mengadakan jalinan kerjasama strategik dengan pihak *hypermarket* ini termasuklah *Tesco*, *Mydin*. Yang Berhormat mencadangkan supaya barang-barang pertanian tidak diletakkan di belakang. Terima kasih atas pandangan tersebut dan kita telah menjalankan kerjasama. Selain daripada program biasa FAMA termasuklah pasar tani, pasar tani mega, pasar tani kekal, gerai buah-buahan dan lain-lain. Ini adalah kaedah-kaedah yang kita gunakan untuk memasarkan barang pertanian supaya apa yang dikeluarkan oleh petani kita mendapat pasaran.

Berkaitan dengan lambakan buah-buahan, alhamdulillah setahun dua ini tidaklah menjadi masalah yang serius dan kita berharap tahun ini juga tidak menjadi masalah yang serius. Kerajaan masih lagi belum berjaya sepenuhnya untuk menangani masalah lambakan buah-buahan. Apa yang berlaku kadang-kadang oleh kerana pengeluaran bertambah dengan ketara maka harganya turun dan tidak ada yang membelinya. Maka kita bersama dengan MARDI, FAMA dan lain-lain sedang mencari kaedah-kaedah yang berkesan untuk menangani lambakan buah-buahan ini.

Yang Berhormat Pasir Mas juga mencadangkan supaya dikeluarkan secara besar-besaran roti canai, kripap dan popia untuk pasaran domestik dan juga dieksport. Memang kita ada beberapa pengusaha roti canai, kripap dan popia yang telah berjaya. Cumanya tidak ada halangan untuk mereka menambah pengeluaran makanan ini. Apa yang penting ialah kos pengeluaran hendaklah kompetitif kalau tidak maka sukar untuk dijual barang-barang berkenaan. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian, MARDI dan lain-lain telah menyediakan pelbagai bantuan termasuklah peralatan kepada mereka yang ingin terlibat dalam industri asas tani dan bantuan ini kita akan terus berikan di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya beberapa persoalan lain dibangkitkan umpamanya oleh Yang Berhormat daripada Setiu. Dua perkara yang dibangkitkan. Pertama Yang Berhormat Setiu mahu supaya petani ataupun pesawah padi diberikan benih secara percuma. Saya ingin maklumkan bahawa pada masa ini kerajaan memberikan subsidi harga benih kepada petani-petani. Harganya RM1.40 yang diberikan, yang dibeli oleh petani kosnya lebih tinggi. Kerajaan menyediakan subsidi 50 sen dan ini melibatkan kos RM30 juta setahun kepada kerajaan. Kita telah mendapat permohonan daripada pihak-pihak berkenaan supaya kos subsidi ditambahkan.

Kita sedang berunding dengan Kementerian Kewangan untuk menyediakan bantuan tambahan kepada petani supaya petani tidak mengeluarkan wang yang besar untuk membeli benih.

Apa yang berlaku akhir-akhir ini ialah harga padi telah meningkat dengan ketara. Apabila harga padi meningkat, harga benih pun meningkat. Kalau dahulu harga padi cuma RM900 satu metrik tan hari ini mungkin di antara RM1,000 hingga RM1,100 dan padi benih ini Tuan Yang di-Pertua lagi mahal. Itu padi biasa. Kalau padi benih RM1,400 hingga RM1,500 satu metrik tan. Apabila harga padi meningkat maka harga benih pun meningkat. Oleh yang demikian, pihak kerajaan telah menerima permohonan supaya diberi subsidi kepada petani dan ini sedang kita uruskan dengan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Setiu juga membangkitkan tentang pusat pendaratan ikan LKIM di Chendering. Untuk makluman awal tahun ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melawat kawasan ini dan perkara yang sama telah dibangkitkan oleh nelayan di Chendering. Chendering ini dibangunkan kira-kira 25 tahun yang lalu dengan kos RM44 juta. Jadi yang dipohon ialah pemecah ombak, yang dipohon ialah supaya pelabuhan didalamkan. Anggaran kosnya ialah RM20 juta dan insya-Allah kita akan memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk membaiki atau membesarkan pelabuhan LKIM di Chendering.

Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Yang Berhormat Dungun membangkitkan tentang tanah terbiar.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Penjelasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ini juga satu masalah yang belum dapat kita selesaikan sepenuhnya tetapi saya ingin memaklumkan bahawa kita telah menerima peruntukan lebih besar akhir-akhir ini untuk membangunkan tanah terbiar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang diperlukan ialah RM20,000 satu hektar. Ini peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Jadi masalahnya peruntukan. Kalau kita hendak bangunkan beratus-ratus ribu hektar maka ini melibatkan beratus-ratus juta ringgit.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan dalam dua tahun setengah ini ialah RM126 juta untuk membangunkan tanah terbiar. Kalau sebelum ini peruntukannya cuma RM78 juta ditambah lagi RM48 juta menjadikan RM126 juta ini akan membolehkan kita memajukan lebih banyak lagi tanah terbiar. Satu ialah masalah kos RM20,000 satu hektar yang ditanggung oleh kerajaan. Keduanya ialah pilihan tanaman. Kerajaan tidak boleh menggalakkan petani untuk bertanam apa sahaja. Kita harus merujuk kepada FAMA dan lain-lain pihak untuk memastikan bahawa ada pasaran untuk tanaman berkenaan.

Ketiga ialah harus ataupun perlu ada persetujuan daripada tuan tanah. Kadang-kadang tuan tanah sudah meninggal dan tanah diberi kepada adik-beradik mungkin 20 hingga 30 orang dan ini merumitkan usaha kerajaan untuk membangunkan tanah terbiar tetapi saya ingin maklumkan bahawa di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan dan usaha kita untuk

menambah pengeluaran makanan maka kita akan terus memperkasakan lagi usaha bagi membangunkan tanah terbiar di negara kita.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan padi tadi. Saya hendak balik sekejap. Daripada SMS yang saya baru terima di kilang swasta mengambil harga satu tan RM1,050 dan kilang Bernas RM1,000. Apa yang menjadi masalah adalah potongan yang dilakukan? Saya mendapat gambaran bahawasanya potongan biasanya dilakukan antara 17 hingga 25 kilogram untuk 100 kilogram.

■1700

Jadi apabila mereka hendak mengurangkan, di pihak kilang swasta hendak mengurangkan potongan ini mereka mengatakan ini tidak dibenarkan oleh BERNAS ataupun pihak kerajaan kerana mereka takut subsidi kepada petani menjadi lebih banyak ataupun lebih kepada petani. Jadi saya ingin mendapatkan kepastian apakah dakwaan yang dikemukakan ini benar ataupun tidak daripada pihak kementerian sendiri, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Seperti Yang Berhormat sedia maklum, potongan ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria, kandungan wap umpamanya dan kotoran dalam padi. Maka berdasarkan beberapa kaedah peratusan potongan yang ditetapkan adalah tidak benar bahawa potongan itu dihadkan oleh kerana BERNAS ataupun pihak kerajaan menetapkan satu peruntukan kewangan tertentu dan ia tidak boleh melebihi angka tersebut.

Ini menjadi satu perkara yang menjadi sungutan setiap tahun lah, setiap kali *harvest* di Kedah dan di seluruh negara. Malah Yang Berhormat Machang juga membangkitkan perkara ini, menjadi isu dan masalah. Akan tetapi dari segi realitinya potongan itu adalah berdasarkan kepada kaedah-kaedah tertentu dan tiada sebarang kaitan dengan peruntukan kewangan yang dihadkan oleh kerajaan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima Kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita melihat daripada sikap yang diambil ketika musim tuaian. Saya ingin membangkitkan apa yang, Yang Berhormat Pendang bangkitkan tadi. Sebenarnya dalam timbangan ini pun ia terlalu subjektif Tuan Yang di-Pertua dan menyebabkan jumlah kuantiti yang sama yang dijual kepada Syarikat Padi Beras Nasional Berhad dan juga pada kilang-kilang swasta yang lain.

Walaupun potongan yang rendah ini dibuat di kilang swasta tetapi jumlah wang yang diperoleh lebih banyak daripada yang diperoleh di Padi Beras Nasional Berhad. Sebab itu kalau kita tengok dalam hal ini, kerajaan harus membuat pemantauan terutamanya penindasan yang keterlaluan yang dibuat ke atas petani. Terutamanya dari segi pengangkutan, kos minyak tidak sampai RM10 untuk sampai ke kilang tetapi petani dikenakan cas sampai dekat RM100 bagi setiap lori kecil yang dibawa ke kilang bagi setiap hasil tuaian lima atau enam tan.

Seterusnya halangan untuk kita membuat mini estet kelompok dan sebagainya adalah daripada orang tengah yang mereka akan kehilangan pendapatan kalau mereka tidak dapat mengendalikan semua urusan petani dari segi *advance* dan sebagainya. Jadi dalam hal ini, *constrain-constrain* yang kecil walaupun kita nampak sudah lama diamalkan sejak daripada zaman dahulu lagi tetapi ianya perlu dihapuskan dalam usaha kita hendak meningkatkan taraf sosioekonomi petani.

Dato' Mustapa Mohamed: Terima Kasih Yang Berhormat Arau. Berkaitan dengan penindasan keterlaluan, saya rasa ini tidak lah berlaku ya. Mungkin ada petani-petani yang merasakan telah berlaku keadaan yang kurang adil terhadap mereka tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan ataupun kementerian tidak berhadapan dengan keadaan penindasan keterlaluan oleh mana-mana pihak kepada petani.

Akan tetapi mengenai orang tengah seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, ini satu realiti di Kedah dan Perlis dan kita sedang mengawal kegiatan mereka dan mereka memang ada peranan. Mereka sudah lama memainkan peranan ini dan kadang-kadang mereka ada juga menindas petani-petani tetapi kita memantau perkara ini melalui Unit Kawal Selia. Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, kita telah menubuhkan di kawasan MADA, Majlis Muafakat Padi dan Beras. Semua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau tadi boleh dibangkitkan.

Ia dikehendaki untuk bermesyuarat sekali sebulan, diurus sediakan oleh MADA sekali sebulan, petani, peladang, pemborong dan pengilang semuanya terangkum dalam Majlis Muafakat Padi dan Beras ini dan hal-hal yang berkaitan dengan penindasan, potongan dan orang tengah boleh dibangkitkan dalam Majlis tersebut untuk diselesaikan secara sebaik mungkin dengan kerjasama dan persetujuan semua pihak yang terlibat. Terima Kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya 24 Februari lepas, saya bangkitkan secara khusus tentang musim menuai di Machang dan saya juga ada berbincang dengan Yang Berhormat Menteri di luar tetapi biarlah jawapan Yang Berhormat Menteri kali saya minta untuk menjawab isu potongan padi. Hal yang saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah, petani tidak diberikan penjelasan yang meyakinkan tentang kaedah kadar potongan padi.

Itu yang pertama. PPK cuma berperanan untuk menemukan penanam padi, pengilang dan juga orang tengah yang bertanggungjawab soal pengangkutan dan juga mesin penuai. Jadi Yang Berhormat Menteri tadi menjelaskan bahawa ada kaedah-kaedah terperinci yang disebut bagi menentukan kadar potongan. Apa sebenarnya kaedah-kaedah itu? Dengan penjelasan ini, kita boleh juga kemudiannya memainkan peranan ketika berdialog dengan penanam padi bahawa ini sebenarnya jawapan Menteri dalam Parlimen, kaedah-kaedah ini. Yang berlaku ialah dalam mesyuarat itu ialah padi masih lagi di bendang tetapi kadar tuaian telah pun diputuskan dalam bilik mesyuarat.

Sedangkan kadar potongan padi itu sepatutnya berkaitan dengan kualiti padi yang dihasilkan oleh penanam padi. Jadi Machang ini Yang Berhormat Menteri, di luar kawasan MADA, di luar kawasan KADA, di luar kawasan KESEDAR juga. Jadi sebahagian daripada petani ini mengalami kos kerja bendang yang tinggi, misalnya upah mesin menuai musim lepas RM6 sekarang dah RM8 dan upah lori pula RM35 satu tan dan hasil padi cuma seringggit RM1.09 sen satu kilogram.

Lima bulan dia buat kerja bendang, dia makan setahun, jadi kos yang begitu tidak terkawal biarpun saya akui kerajaan memberikan subsidi yang banyak tetapi ianya tetap memberikan kesan kepada pendapatan dan kehidupan petani seterusnya. Jadi mohon Yang Berhormat Menteri memberikan sedikit lagi penjelasan berhubung dengan sistem potongan padi ini ditentukan, terima Kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Ada kaedah Tuan Yang di-Pertua, yang dengan izin *precise*, dengan izin, yang tepat dan mengikut laporan yang diberikan, kalau digunakan kaedah yang tepat, *precise* tersebut, maka ada kemungkinan bahawa kawasan potongannya mungkin lebih daripada apa yang dibuat oleh pengilang sama ada swasta ataupun BERNAS. Jadi ada empat elemen utama yang diambil kira dalam menentukan potongan. Antaranya yang saya ingat ialah wap, kandungan wap basahnya dan juga kotoran. Ada empat elemen tetapi dua yang penting ialah kandungan wap dan kotoran

Jadi kalau kata petani tidak tahu, saya rasa ini kurang tepatlah tetapi kalau perlukan penerangan dan penjelasan saya ingat ini bukan menjadi masalah. Penerangan dan penjelasan tersebut perlu dilakukan, kita sebuah kerajaan yang *transparent*. Petani-petani harus tahu, apa sebabnya potongan 15% dan 20%, sudah pasti mereka tidak akan bersetuju kerana kalau boleh mereka tidak mahu potong langsung. Akan tetapi kalau tidak potong langsung kadang-kadang ada batu, ada padi angin, kosong, ada padi yang dimasuki air dalam padi macam-macam.

Saya bukan mendakwa mereka membuat sedemikian tetapi itu rasional kenapa dipotongnya. Dipotong kira-kira 15% hingga 20 % itu antaranya kerana wapnya, kerana kotoran. Jadi saya yakin semua petani-petani faham tetapi kalau diperlukan penerangan lebih lanjut maka kita sebagai sebuah kerajaan yang amat prihatin kepada petani, penternak dan nelayan, memanglah tugas saya selaku Menteri ialah untuk menjaga kepentingan petani. Adalah menjadi satu hasrat saya untuk pastikan bahawa petani memahami kaedah-kaedah yang digunakan dan bersama-sama dengan kerajaan untuk menambah keluaran padi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, 26 semuanya yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Insya-Allah dengan sokongan Ahli Yang Berhormat, kita berharap tahun ini akan menyaksikan peningkatan yang ketara dalam sektor pengeluaran makanan khususnya dalam keadaan negara kita menghadapi keadaan yang gawat berbanding tahun lalu. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya jemput Menteri dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi ataupun MOSTI mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai dasar, strategi dan program yang dilaksanakan oleh MOSTI. Terdapat lima isu utama yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbincangan iaitu seperti berikut;

- (i) teknologi maklumat dan komunikasi yang merangkumi prasarana, jurang digital dan pendaftaran laman web;

■ **1710**

- (ii) bio-teknologi yang meliputi bio-plastik dan bio-etanol;
- (iii) dana bagi penyelidikan dan pembangunan;
- (iv) tenaga boleh diperbaharui; dan
- (v) keselamatan sisa radioaktif.

Sebelum saya menjelaskan isu-isu yang telah dibangkitkan, izinkan saya memaklumkan beberapa inisiatif baru yang telah diambil oleh kementerian ini dan memastikan isu-isu yang telah dibangkitkan dapat dilaksanakan dengan lebih produktif bagi mencapai misi kementerian untuk menjuarai penerokaan saintifik dan menggalakan inovasi ke arah sebuah masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan, penciptaan kekayaan dan kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pengkomersialan harta intelek merupakan salah satu fokus utama kementerian yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Setakat ini pengkomersialan dan pemilikan harta intelek adalah rendah. Adalah dimaklumkan bahawa bagi tempoh lima tahun lepas daripada hampir tiga ribu projek yang diluluskan untuk R&D di bawah MOSTI hanya 610 harta intelek telah difailkan. Kadar pengkomersialan R&D buat masa ini adalah 3.4% sahaja. Jauh lebih rendah daripada pengkomersialan yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 10%. Bagi mencapai sasaran di atas, MOSTI telah mengambil langkah seperti berikut;

- (i) merangka satu garis panduan yang komprehensif mengenai pengkomersialan. Garis panduan ini menggariskan secara terperinci isu-isu berkaitan pemilikan harta intelek, pengagihan ganjaran hasil pengkomersialan produk R&D ataupun royalti, kaedah pengkomersialan, perolehan teknologi, perjanjian kerjasama pendidikan dan jenis-jenis insentif kepada pereka cipta. MOSTI percaya garis panduan ini akan membantu meningkatkan bilangan harta intelek negara dan kadar pengkomersialan. MOSTI berharap pendapatan daripada pendidikan dan pembangunan, pengkomersialan dan keusahawanan ataupun R&D

dan CNE boleh digunakan untuk membiayai penyelidikan baru dan mengurangkan kebergantungan kewangan universiti dan institusi-institusi penyelidikan ke atas geran-geran kerajaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat hasil daripada aktiviti pengkomersialan R&D dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah berjumlah RM861.2 juta;

- (ii) memperkukuhkan prasarana pengkomersialan dengan menyediakan lebih banyak platform pepadanan perniagaan ataupun *business matching* dengan kerjasama agensi-agensi seperti *Federation of Malaysian Manufactures*, ataupun FMM, Persatuan SME, SIRIM, MITE, MTDC, TPM, MIMOS, AMDEC dan ATSB;
- (iii) menyediakan pakar-pakar dan prasarana khusus bagi memberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar mengenai kaedah-kaedah pengkomersialan yang meliputi penyediaan model perniagaan, *technology foresight* dengan izin, bantuan teknikal, kemudahan kewangan, pengurusan harta intelek seperti perlindungan harta intelek dan penilaian harta intelek. Penyediaan insentif kepada penyelidik dan pereka cipta, kemudahan dana penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan serta keusahawanan;
- (iv) menyediakan peruntukan yang mencukupi. Bagi universiti dan institusi pendidikan menjalankan aktiviti-aktiviti R&D serta CNE dengan lebih giat. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM1.5 bilion telah disediakan untuk *science-fund*, *techno-fund* dan *ino-fund* sebanyak RM100 juta disediakan untuk dana perolehan teknologi dan RM115 juta untuk dana pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan. Kementerian telah mendapat sokongan penuh Majlis Inovasi Negara untuk MOSTI, menubuhkan satu dana khas iaitu Dana Harta Intelek ataupun *IP Fund* yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tujuan dana intelek adalah untuk membantu penyelidik dan industri penyelidik mempatenkan hasil R&D mereka dan membantu mereka dalam menampung kos mendraf ataupun *drafting cost* dengan izin, yang sekarang ini begitu tinggi;
- (v) meningkatkan kerjasama dengan Mylpo untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menambah bilangan harta intelek negara. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bilangan pendaftaran harta intelek oleh rakyat Malaysia yang diluluskan oleh Mylpo pada tahun 2008 adalah sebanyak 198 berbanding dengan 2,044 yang

didaftarkan oleh rakyat asing. Jumlah ini bilangan paten oleh IPTA dan IPTS adalah sebanyak 20 sahaja;

- (vi) menubuhkan Yayasan Inovasi Malaysia pada 20 Oktober 2008 untuk menjadi penggerak utama kepada peningkatan budaya reka cipta ataupun inovasi di peringkat akar umbi. Ia juga akan membantu komuniti mengkomersialkan produk-produk mereka;
- (vii) meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pengkomersialan. Untuk tujuan ini MOSTI dengan kerjasama agensinya MTDC telah menganjurkan satu *reality show* di bawah program *Winners* di TV3. Ia memaparkan produk-produk R&D yang berjaya dikomersialkan di bawah dana MOSTI iaitu dana pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan; dan
- (viii) meningkatkan budaya inovasi. Untuk menggalakkan penerapan budaya inovasi pada masyarakat, MOSTI melalui MITE telah membangunkan sebuah portal yang dinamakan *Eno Exchange*. Ia bertujuan untuk menjadi landasan atau pengantara bagi perkongsian idea yang menghubungkan komoditi, penyelidik dan pembiaya serta menemukan individu dan komuniti bagi tujuan bertukar-tukar pandangan dan pengalaman khususnya mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan modal insan juga merupakan salah satu fokus utama MOSTI bagi mewujudkan generasi yang berilmu pengetahuan....

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Minta penjelasan, sebelum...

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: ...Teknologi dan inovasi serta dalam usaha menangani kegawatan ekonomi. Bagi tujuan ini beberapa inisiatif baru telah dan sedang dilaksanakan oleh MOSTI.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Mambong dan...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Biar saya habiskan satu perenggan lagi.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Berkait dengan pengkomersialan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu dia habis dahulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Saya akan bagi laluan, sekejap ya. Yang pertama tadi meningkatkan bilangan penajaan Skim Nasional Sains *Fellowship* ataupun NSF dengan izin di bawah Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi daripada 200 orang pada 400 orang setahun mulai tahun 2008.

Kedua meningkatkan peruntukan pembangunan sebanyak RM157.98 juta bagi tempoh dari 2008 sehingga 2010 bagi pembangunan modal insan di bawah Program NSF. MOSTI percaya inisiatif di atas dapat meningkatkan bilangan penyelidik yang mahir dan berkeupayaan dalam bidang Sains dan Teknologi. Mewujudkan kelompok kritikal dan plaster Bioteknologi, Industri, Sains Marin dan Angkasa, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, lain-lain bidang Sains dan Teknologi berkaitan dengan pertanian dan menarik minat graduan Sains, Teknologi dan Inovasi yang cemerlang untuk menceburi bidang penyelidikan sebagai satu kerjaya berterusan dan berdaya saing di pasaran. Ia juga akan membantu meningkatkan bilangan penyelidik saintis dan jurutera bagi mencapai matlamat 50 RSE bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2010. Pada tahun 2006, nisbah RSE adalah 17.9 bagi setiap 10,000 tenaga kerja. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa Yang Berhormat, Hulu Langat kah Mambong?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Hulu Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam penjelasan yang lepas, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyebut produk pengkomersialan iaitu diagnostik kit. Jadi apakah lagi produk-produk yang telah pun boleh dikomersialkan ataupun yang dirancang oleh kementerian untuk dikomersialkan? Terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Sekali, soalan yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa pada tahun 2008 ada 198 harta intelek yang telah pun diluluskan dan produk-produk ini juga boleh dikomersialkan. Di dalam jumlah ini bidang-bidang apakah yang dihasilkan daripada R&D ini yang paling banyak. Adakah permasalahan ini sudah pun dijalankan dan di manakah penjualan ini berlaku dan nilainya sekali kalau ada.

■ 1720

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat dan juga daripada Yang Berhormat Mambong. Berkaitan dengan diagnostik kit adalah salah satu *research* ataupun kajian yang telah dapat dipasarkan. Sebab itu saya katakan tadi dalam beberapa program kita, ada beberapa perkara yang ingin kita tunjukkan melalui *reality show*, di mana ada 12 program menunjukkan kejayaan daripada *research* ini yang telah menerokai pasaran.

Ada 12 produk daripada bukan sahaja diagnostik kit, tetapi banyak lagi sebenarnya telah dipamerkan yang bukan sahaja telah memasuki *domestic market* ataupun pasaran dalam negeri, tetapi juga di peringkat antarabangsa termasuklah bahan-bahan digunakan untuk menggantikan

tulang yang patah misalnya, ada ditunjukkan dalam *reality show* yang diadakan bersama dengan TV3.

Ada lagi banyak senarai kalau saya hendak berikan termasuk untuk menjawab soalan Yang Berhormat Mambong mungkin senarainya panjang. Kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya akan berikan maklumat *research* yang telah siap yang telah masuk ke pasaran dan yang ada potensi untuk dipasarkan. Mungkin ada di kalangan Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk memasarkan produk ini termasuklah Tuan Yang di-Pertua mungkin berminat dalam perkara yang telah dikaji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya pegang janji Timbalan Menteri ini.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Ketawa]*

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pendang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Saya rasa salah satu daripada diagnostik kit yang disebutkan tadi, mungkin HIV kitlah sekarang di klinik-klinik swasta ada diedarkan diagnostik kit HIV ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri, apakah punca-punca yang menyebabkan pakar-pakar kita yang telah mendapat anugerah atau medal di peringkat antarabangsa tidak dapat untuk mengkomersialkan hasil-hasil produk mereka, kerana kita nampak ramai pakar di universiti kita ada dari Jerman, mendapat medal-medal ini di US.

Akan tetapi apabila datang dalam negara, mereka tidak dapat. Apakah punca-punca sebenarnya. Hanya 4% sahaja yang dikomersialkan. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Banyak sebab sebenarnya, antaranya ialah hasil kajian apabila di peringkat *prototype*. Apabila *prototype*, satu ialah sama ada ciptaan itu mungkin satu ciptaan yang begitu baik sekali, tetapi persoalannya adakah ianya memenuhi kehendak pasaran. Adalah satu isu yang harus ditangani di peringkat *industry players*, dengan izin. Jadi di sinilah kita sekarang ini hendak buat *business matching*. Jadi kalau kita dapat merapatkan satu *research* yang berdasarkan asas untuk sesuatu produk itu, tetapi adakah ianya memenuhi kehendak pasaran, bagaimana kita hendak merapatkan dan adakah tidak di kalangan *industry players* ini yang berminat untuk mengambil *research* itu untuk dipasarkan.

Itu menjadi satu persoalan yang sekarang ini kita cuba selami dan mencari kaedah yang terbaik untuk merapatkan jurang di antara *research* yang begitu baik dan kehendak pasaran, dan apakah keperluan sokongan yang patut diberi pada industri supaya kita dapat menggalakkan perkara ini dilaksanakan. Sebab itu salah satu fokus yang kita buat iaitu *business matching* dan kesedaran-kesedaran berkaitan dengan peri pentingnya *researchers* ini bukan sahaja membuat

kajian, tetapi yang lebih penting memahami kehendak pasaran supaya apabila mereka membuat kajian nanti mereka akan dapat memasarkan produk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani impak dari krisis ekonomi, MOSTI melalui agensinya MDEC telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja serta graduan-graduan menganggur. Beberapa program untuk meningkatkan pembangunan modal insan bagi industri ICT telah dan akan dilaksanakan termasuklah program-program seperti berikut...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Minta penjelasan soal penyelidikan dan pembangunan tadi.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sila.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Antara *yardstick* ataupun ukuran kejayaan penyelidikan dan pembangunan adalah pendaftaran paten, sama ada di tanah air ataupun di luar negara. Jadi setakat manakah kejayaan negara kita ini dalam hal ini paten yang didaftarkan sama ada di tanah air ataupun di luar negara di bandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Korea, Jepun, negeri China dan sebagainya. Sekian.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Mungkin Yang Berhormat tadi terlepas pandang, saya sudah mengatakan bahawa kalau kita melihat dalam sudut paten, IP memang saya katakan tadi, kalau kita kira jumlahnya agak rendah.

Saya mengambil contoh daripada geran yang kita berikan, *research grant* lebih daripada 3,000 tadi hanya 600 lebih dipatenkan, tetapi salah satu puncanya ialah kos, di Malaysia ini kosnya amat mahal. Sebab itu kita sudah mengemukakan dalam Majlis Inovasi Negara untuk mencadangkan supaya kita dapat memperuntukkan jumlah tertentu supaya dapat membantu *researches* ini terutamanya individu yang tidak mampu untuk mempatenkan produk mereka supaya dapat diberi sokongan dari segi kewangan.

Everage kalau kita hendak katakan kos pendaftaran IP boleh menelan belanja sehingga RM50,000 untuk satu IP. Jadi sebab itu tidak ramai yang berkemampuan dan ini tidak termasuk dalam *Research Grant Scheme* yang kita berikan. Sebab itu kita hendak wujudkan satu lagi supaya mereka dapat diberi galakan. Itu salah satu puncanya.

Kedua, kita tidak melihat dari segi paten sahaja. Kita kena lihat dari segi penerbitan di peringkat antarabangsa.

Ketiga ialah kesedaran betapa pentingnya untuk kita menyedarkan masyarakat kita bahawa paten ini ada nilai komersial yang harus kita lindungi dan juga harus kita beri kesedaran. Kesedaran inilah yang harus kita pupuk dan sebab itu program bersama MyPO ialah untuk memberi kesedaran kepada rakyat kita peri pentingnya IP ini, *research* ini bukan sahaja kita buat tetapi mesti kita patenkan.

Jadi kesedaran-kesedaran ini insya-Allah dengan program,-program yang kita jalankan bersama dengan MyPO, iaitu agensi yang bertanggungjawab untuk pendaftaran paten, kita mengharapkan akan dapat lebih banyak paten difailkan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Kalau pendaftaran IP yang kurang itu bukannya ini mencerminkan mungkin sama ada kualiti penyelidikan yang kita jalani itu kurang memuaskan ataupun kurang dari segi nilai *commercialization*. Adakah Timbalan Menteri setuju pendapat saya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Saya mungkin tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat sebab dari segi *research* atau kajian yang mereka buat memang ada mutu, tetapi ada sebahagiannya tidak dapat difailkan sebab faktor-faktor itu tadi. Daripada 3,000 itu sebenarnya mereka sudah menyiapkan, cuma tidak memfailkan paten. Sebab itu kita kena memahami apakah sebab mereka tidak dapat memfailkan paten tersebut.

Jadi sebab itu kita hendak memberi lebih tumpuan kepada sokongan sedar akan masalah ini, sebab itulah langkah-langkah yang saya katakan tadi ialah langkah untuk kita memperbaiki, memberi kesedaran supaya paten ini dapat difailkan dengan lebih baik lagi. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat yang saya faham dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah kita berada dalam keadaan di mana bajet besar diperuntukkan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan. Hasilnya ialah kita berada pula dalam keadaan, di mana hasil penyelidikan tidak dapat dikomersialkan, itu fasa kedua.

Kemudian, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terangkan soal paten yang juga tidak menunjukkan angka yang membanggakan, tetapi secara ringkasnya Yang Berhormat bolehkah memberitahu kepada Dewan dalam tempoh barangkali lima atau 10 tahun kebelakangan ini bercakap tentang penyelidikan di negara kita. Apa sebenarnya satu pencapaian yang luar biasa, yang boleh kita anggap menjadi suatu mercu tanda dalam bidang penyelidikan ini dan bidang apa sebenarnya yang kita berjaya mencapai satu tahap atau hasil penyelidikan yang kita boleh anggap kita boleh berbangga dengannya. Saya mohon reaksi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1730

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Dalam kajian-kajian sebenarnya, saya katakan tadi salah satu yang sudah *diagnostic kit*, kalau kita lihat kepada apa yang kita tunjukkan, dipertontonkan di TV3 sebenarnya sudah ada yang kita tunjukkan 12 produk yang telah memasuki peringkat antarabangsa. Jadi, kalau saya hendak huraikan satu persatu mungkin tidak dapat saya hendak katakan satu persatu tetapi memadai kalau kita lihat apa yang kita buat dalam program TV3 tersebut yang telah diulang tayang beberapa kali. Mungkin Yang Berhormat kalau ada peluang

kita boleh mohon TV3 dapat berikan informasi ini kepada setiap Ahli Parlimen melalui CD dan sebagainya.

Seperti mana yang saya katakan tadi, banyak perkara yang telah kita boleh edarkan kepada Ahli Yang Berhormat, maklumat-maklumat terperinci, apa-apa kejayaan yang telah kita lakukan hasil daripada *research* yang telah dilaksanakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seyogianya kita diingatkan bahawa kalau kita melihat perbandingan pendekatan dahulu Rancangan Malaysia Kelapan fokus kita ialah lebih kepada R&D sahaja. Oleh sebab itu Rancangan Malaysia Kesembilan kita menyedari sebab masalah kita pada masa itu mungkin kita tidak mempunyai cukup *researchers* dan saintis yang boleh membawa perkara ini. Oleh sebab itu tumpuannya ialah untuk kita melahirkan lebih ramai *researchers*, saintis dan juga *engineers* dalam bidang-bidang ini. Oleh sebab itu matlamat yang saya katakan tadi untuk kita lahirkan setiap 10,000 pekerja ada 50 orang tetapi setakat ini pun kita hanya dapat melahirkan 17.9 daripada 10,000 pekerja. Jadi, ini ada hubung kait.

Di sinilah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sekarang ini baru kita hendak memperkenalkan iaitu 2006 *commercialization* itu menjadi faktor pengukur kepada kejayaan R&D dan faktor pengukur ini juga ada kaitannya dengan paten, penerbitan di peringkat antarabangsa dan sebagainya. Itu kayu pengukur yang kita ingin lihat...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, izinkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih atas penjelasan. Saya masih ingat waktu kita membahaskan belanjawan tempoh hari. Perkara yang kita perhatikan daripada butiran bajet ialah angka hampir RM600 juta di bawah Maksud Penyelidikan diperuntukkan dalam Anggaran Belanjawan negara dan angka ini bertabur di semua kementerian. Kalau kita tengok peruntukan di bawah bomba pun ada dana penyelidikan, di bawah Kementerian Perumahan, di bawah JPJ sampailah kepada Kementerian Sains, tentu sahaja, dana ini bertabur hampir RM600 juta.

Polisi memperuntukkan bajet untuk tujuan dan maksud penyelidikan, kalau ia *scattered* dengan izin, sedemikian rupa ia akan timbul masalah pengawalan bajet sebab sumbernya satu sahaja. Sumbernya sama tetapi kawalan pemantauan ke atas kecekapan perbelanjaan itu diguna pakai kita tidak dapat kesan. Saya berikan contoh, Yang Berhormat Timbalan Menteri, misalnya, Jabatan Perikanan ia ada bajet lebih kurang RM2 juta untuk penyelidikan. Di sana, di lapangan kita ada masalah penanam ataupun penternak kolam udang menghadapi masalah penyakit bawaan virus dan pengusaha tidak dapat pun cari formula penyelesaian daripada Jabatan Perikanan. Mereka terpaksa *hired* dengan izin *microbiologist* mereka sendiri untuk cari jalan penyelesaian - RM2 juta tetapi tidak dapat hendak dimanfaatkan oleh penternak.

Itu baru satu kecil. Apa lagi dalam kiasan yang lebih besar. Singapura, misalnya, di bawah *Singapore Science Centre*, kesemua bajet penyelidikan di bawah satu bumbung. Kalau ada penyelidik yang hendak datang dia perlukan kios dan dia perlukan semua khidmat sokongan. Di situlah diperuntukkan keseluruhan kepakaran penyelidik, kekuatan perbelanjaan sampailah mengkomersialkan hasilnya. Berbanding kita, Kementerian Sains saya kira menjadi tonggak kepada mengawal dana ataupun menguruskan soal penyelidikan dan pembangunan tetapi di kementerian-kementerian lain juga terdapat bersepeh dananya. Kita membelanjakan hasil yang banyak tetapi kita hilang kawalan ke atas kecekapan perbelanjaan untuk tujuan penyelidikan.

Jadi, itulah yang saya maksudkan bagaimana kita tidak akan dapat. Kalau saya tanya soalan khusus daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mercu tanda atau *landmark* pencapaian setelah ratusan juta diperuntukkan untuk itu. Kalau Yang Berhormat cuma mampu memberikan satu *diagnosis kit* sebagai satu contoh dalam bidang perubatan, saya mengharapkan satu jawapan dalam bidang-bidang lain yang banyak kaitannya dengan kehidupan dengan rakyat. Pertanian, misalnya, apa *landmark* yang menjadi contoh dunia terhadap hasil penyelidikan kita, sebagai contoh. Sudah tentu ini memerlukan masa ataupun tumpuan kementerian bagi memberi jawapan yang lebih meyakinkan setelah sekian lama kita terlibat dalam bidang penyelidikan ini.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Menyentuh persoalan mungkin ada sebahagian Yang Berhormat sentuh tadi saya akan ambil maklum. Memang kita perlu ada pada satu *centre* untuk kita menguruskan persoalan dana. Akan tetapi apa yang dilakukan di peringkat kita, walaupun mungkin ada agensi-agensi lain ada peruntukan untuk *research* tetapi pada masa yang sama kita ada *joint committee*. *Joint committee* bersama untuk kita melihat kepada keperluan, apakah *area* yang perlu kita fokuskan, dalam bidang MARDI misalnya, pengkhususan mereka berkaitan dengan pertanian. Begitu juga yang kita lakukan, kita akan selaraskan melihat kepada supaya tiada pertindihan berkaitan dengan geran-geran yang diuruskan. Banyak yang kita lakukan melalui agensi ataupun *joint committee* ini.

Kalau saya hendak sebutkan apa yang *success story* saya katakan tadi, mungkin dengan masa yang ... Kita sebenarnya ada begitu tebal maklumatnya, Yang Berhormat, kalau saya hendak nyatakan... [*Menunjukkan sebuah dokumen*] Oleh sebab itu kalau kita melihat dari sudut perladangan kelapa sawit, hasil daripada *research* yang kita lakukan perkembangan kita dalam kelapa sawit sahaja sudah dapat kita lihat di mana kedudukan kita. Begitu juga dengan getah dan sebagainya yang sebenarnya banyak boleh bawa kepada peringkat akar umbi. Akan tetapi kalau saya hendak terangkan satu persatu dengan masa yang terhad ini mungkin saya terpaksa mengulang. Oleh sebab itu saya katakan tadi saya boleh edarkan dan dalam bajet nanti mungkin ada peluang untuk kita lihat satu persatu daripada hasil yang telah kita kemukakan, dan dalam sesi mini bajet nanti untuk kita perbahaskan lagi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Izinkan saya untuk menyambung, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memerhati dengan tekun penjelasan-penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya rasa banyak perkara yang telah dibahaskan dengan cukup baik, dan sebab-sebab mengapa kita tidak dapat mengkomersialkan produk-produk yang telah di paten dan sehingga seluruh proses itu.

Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah salah satu faktor ini dan saya sendiri pun tidak ada buat kajian, ia balik kepada persoalan *quality of graduate* kita. Ini mungkin tidak langsung dengan kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi apakah boleh kita songsong masa ke depan satu perancangan untuk menghasilkan *the future Nobel Laureates*, daripada *first class honors* kita daripada semua bidang sama ada teknologi, *the field of geological physic, and the field of nanotechnology, medical science*, semua yang lain. *Do we ever*, apakah pernah kita membuat satu *studies* kepada *a cohort of all the best brains*. Di mana mereka akhirnya? Apakah tidak kita berikan insentif kepada mereka? *All these first class honors* kita berikan satu rangsangan, satu insentif. *Give them the best of suasana and all the integrated facilities* dan segala-galanya.

Apakah ini mungkin salah satu faktornya atau apakah sebenarnya *the quality of graduate has really doing the...*, kualiti *graduate* kerana kita terlalu cepat, terlalu mahu sangat. Dalam *field of engineering* pun semuanya *express* dan *fundamental concepts in science and basic science* tidak dapat mereka kuasai lalu menjadi semuanya yang susah untuk saya sebutkan.

■1740

Apakah salah satu daripada faktor itu datang daripada faktor ini bermakna *quality of graduate* kita *no longer*, tidak lagi merupakan kalau dia pun *first class* sebenarnya maksud *first class* itu. Apakah pernah ada dibuat kajian ini *best brain of our university* sama ada *local*. *I have seen one best brain coming back from Cambridge*. Maaf salah seorang daripada saya, saya jumpa baru-baru ini bertugas sebagai seorang *researcher first class* Cambridge bioteknologi sekarang ini bertugas di Singapura membuat dan telah pun habis Ph.D nya dalam bioteknologi tetapi tidak dapat kita gembleng dalam satu... Apakah perlu MOSTI bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi membuat satu program melahirkan *future Nobel Laureate* yang menggunakan semua perancangan-perancangan *business matching* segala yang lain tadi. Apakah ini satu perkara yang perlu dilihat oleh kementerian Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat saya akan mengambil maklum dan akan membincangkan lanjut perkara ini dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Beberapa program untuk meningkatkan pembangunan modal insan bagi industri ICT telah dan akan dilaksanakan termasuklah *knowledge workers*

development initiative, dengan izin. Program ini diwujudkan untuk memastikan tenaga kerja mahir yang relevan adalah mencukupi dalam bidang ICT serta dapat memenuhi permintaan pelabur-pelabur asing dan tempatan dan menarik pelabur asing untuk melabur di MSC Malaysia.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: MDEC menyasarkan untuk melatih seramai 28,939 graduan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 2006 hingga 2010. Sasaran pada tahun 2009 adalah seramai 8,450 manakala sasaran bagi tahun 2010 adalah seramai 8,706 orang. Sehingga kini MDEC telah melatih seramai 11,780 graduan. Daripada jumlah yang dilatih lebih 90% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat adakah kementerian sedar bahawa multimedia super koridor kita di Cyberjaya banyak syarikat yang melaksanakan dan menerokai bidang-bidang *software*. Ada di antaranya yang amat terkenal di dunia tetapi langganan daripada Malaysia khususnya sektor kerajaan amat lemah kerana kerajaan apabila menender ataupun memanggil pembekal hanya dia mengambil *service provider* tetapi tidak melihat di dalamnya *content*.

Content itu sumbernya *software* daripada mana. Kebanyakan datang daripada Amerika Syarikat, Perancis dan negara lain dan kita tidak mengambil berat. Kita ambil berat hanya siapa *service provider*. Kalau dia itu Malaysia, Malaysialah tetapi yang sebenarnya *content* yang terpenting ialah *software* yang dibina. Jadi adakah kementerian sudah mempunyai satu cara untuk membuat pemantauan supaya walaupun kita ambil *service provider* tetapi *content* dan *developer* yang membuat *software* itu adalah daripada Malaysia. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu kita mengalukan saranan kerajaan untuk *buy Malaysian product*, dengan izin. Salah satu yang inisiatif untuk kita menggalakkan pembangunan *commercialization research* ialah sokongan daripada dalam negeri itu sendiri. MSC Malaysia saya faham maksud Yang Berhormat bahawa produk MSC Malaysia daripada MDEC haruslah mempunyai ciri-ciri tempatan dan memastikan *content development* itu adalah daripada orang tempatan. Walaupun menggunakan mungkin daripada sumber teknologi ideanya daripada luar negara dan sebagainya. Akan tetapi ingin saya nyatakan bahawa ramai juga di kalangan MSC Malaysia.

Saya boleh katakan dalam bidang *aerospace* misalnya *management of airport*, MSC Malaysia *local companies, company* tempatan kita telah berjaya menghasilkan dan diguna pakai di *airport* di United State, di Indonesia dan sebagainya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Boleh tanya sedikit lagi.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya faham syarikat Malaysia yang mengumpul dan membina segala apa itu tetapi *software*nya dibawa daripada luar termasuk

MyKad kita sendiri yang dibuat oleh Irish yang di dalamnya bukan lokal. Walhal yang lokal boleh buat lebih canggih tetapi kerana kita terikat dan kita terpaksa membayar royalti pada luar negara. Jadi saya tanya kerajaan dahulu, tidak usah bercakap dari sektor swasta bercakap kerajaan dahulu. Apakah kerajaan mempunyai satu badan yang mengawas supaya *content* yang sampai ke bawah adalah yang dibina, yang diterokai yang dibina oleh syarikat-syarikat Malaysia sendiri yang di MSC.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Mungkin dalam hal ini saya bersetuju bahawa itulah fokus yang kita harus mulakan. MSC Malaysia mungkin baru wujud dalam berapa belas tahun maknanya kita bermula dengan membawa pakar-pakar daripada luar untuk sama-sama anak-anak generasi muda kita sendiri belajar daripada mereka. Hasil daripada usaha itulah sekarang ini kita dapat menghasilkan produk-produk kita sendiri yang dikeluarkan oleh anak-anak tempatan kita daripada ideanya sehinggalah *end product*. Mungkin senarai itu saya dapat serahkan kepada Yang Berhormat nanti.

Untuk menyambung Tuan Yang di-Pertua MSC Malaysia juga mempunyai *technopreneur precede fund programmed*. Program ini diwujudkan untuk mejana minat rakyat Malaysia menceburi bidang keusahawanan dalam teknologi ICT. Program ini menawarkan geran maksimum sebanyak RM150 ribu pada warga Malaysia yang mempunyai idea perniagaan dan teknologi ICT. Jumlah geran ini akan digunakan oleh penerima untuk membangunkan prototaip penggunaan ICT yang dicadangkan. Sehingga kini sebanyak 232 permohonan telah diberi kelulusan yang melibatkan jumlah sebanyak RM33.46 juta.

Ketiga, *National Unipreneur Development Programme* ataupun NUDP. Dua inisiatif telah diwujudkan oleh MDEC untuk menggalakkan para graduan menceburi bidang keusahawanan. MSC Malaysia, *IHL Business Plan Competition* telah diadakan pada tahun 2007 dan 2008. Sebanyak 43 universiti telah mendaftar untuk menyertai pertandingan ini iaitu peningkatan sebanyak 31 universiti sejak program ini diwujudkan tahun lepas. Program ini dilaksanakan dengan pihak universiti serta kerjasama dengan pihak industri dengan matlamat untuk melahirkan graduan yang menepati kehendak industri dan juga merangsang mereka ke arah menceburi bidang keusahawanan ICT.

Program Unitek iaitu kerjasama MDEC dengan pihak universiti seperti UiTM dan UKM serta Persatuan Industri seperti TEAM dan NEF untuk memupuk dan menggalakkan nilai keusahawanan kepada graduan-graduan universiti.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Muar berkenaan prasarana dan pembangunan MSC Malaysia suka saya maklumkan bahawa MSC Malaysia telah pun mewujudkan pelbagai jenis prasarana dan mengambil langkah-langkah untuk menyediakan persekitaran yang sesuai dalam meningkatkan pertumbuhan industri ICT di Malaysia. Termasuklah seperti berikut:

- (i) mewujudkan lokasi tertentu untuk syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Dalam fasa 1 pembangunan koridor MSC Malaysia iaitu dari tahun 1996 hingga 2003. Lokasi koridor MSC Malaysia meliputi kawasan Cyberjaya, *Technology Park Malaysia*, UPM, MTDC, KLCC dan Menara Kuala Lumpur. Bagi fasa kedua, iaitu dari tahun 2004 hingga 2010. Pembangunan koridor MSC Malaysia akan diperluaskan di seluruh negara dan sehingga Januari 2008 sebanyak 10 *cyber cities* dan *cyber centre* yang telah diberi status MSC Malaysia. Antara ciri-ciri utama *cyber cities* dan *cyber centre* adalah mempunyai kemudahan infrastruktur seperti air, elektrik, pengangkutan dan kemudahan *internet broadband* yang mencukupi. Kemudahan pengurusan pelanggan yang mencukupi, persekitaran yang kompetitif, mempunyai *talent pool* yang mencukupi dan kelebihan dalam penggunaan aplikasi perdana yang relevan dalam meningkatkan perkhidmatan; dan
- (ii) menyediakan insentif-insentif di bawah MSC Malaysia *bill of guarantees* yang menjanjikan syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia mendapat faedah seperti prasarana infrastruktur, informasi dan tarif komunikasi yang kompetitif bertaraf dunia serta pengambilan pekerja asing berpengetahuan tanpa had.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan usaha mengurangkan jurang digital atau *digital divide* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Muar suka saya maklumkan bahawa MOSTI melalui MIMOS telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan jurang digital termasuklah seperti berikut:

■1750

- (i) menjalankan projek bersepadu melalui Jendela Informasi Internet ataupun Jen II dan WiWi iaitu gabungan WiMAX dan Wifi yang menyediakan *connectivity last mile*. Kandungan yang pelbagai serta penyediaan pusat siber termasuklah di kawasan-kawasan luar bandar. Melalui WiWi pembinaan kos rangkaian di luar bandar dijangka akan lebih efektif serta dapat memberikan pulangan yang lebih optimum kepada operator rangkaian; dan
- (ii) membawa ICT keluar bandar melalui Projek Info STI@MOSTI. Projek ini telah dilancarkan secara perintis, satu di Sabah dan satu di Sarawak. Berbeza dari pusat-pusat ICT yang lain, Info STI@MOSTI memberi fokus utama kepada penyebaran maklumat mengenai sains, teknologi dan inovasi yang diperlukan oleh masyarakat luar bandar. Ia juga

merupakan tempat perkongsian maklumat bagi mengupayakan semua lapisan masyarakat khususnya generasi muda membangunkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT berlandaskan sains, teknologi dan inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan Yang Berhormat Muar agar laman web didaftarkan seperti mana telefon mudah alih bagi mencegah penyalahgunaan. Suka saya memaklumkan bahawa pendaftaran laman *web.my* adalah di bawah *my nick*, sebuah agensi di bawah MOSTI. Proses dan prosedur pendaftaran sedang dipastikan oleh *my nick* akan menjamin keselamatan pendaftar dan mencegah daripada penyalahgunaan. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan Yang Berhormat untuk mendaftar menggunakan *domain.my* yang dibuat baru-baru ini. Sekiranya Yang Berhormat menghadapi sebarang masalah, pihak kami bersedia membantu.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pihak lain yang memberikan perkhidmatan laman web secara percuma seperti *blogspot*. Menyediakan perkhidmatan *blog* percuma mahupun *fotopages* untuk memuat turun gambar atau foto sahaja. Kebiasaannya tiada maklumat lengkap berkaitan pengguna yang turut sama berkongsi menggunakan perkhidmatan laman web percuma ini. Pengendali perkhidmatan ini kebiasaannya memberikan ruang dan nama laman web secara percuma untuk pelanggannya seperti *abc.blogspot.com*.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kenyataan Yang Berhormat Tanjong Manis mengenai kerjasama MOSTI dalam menjayakan rancangan memperluaskan kegunaan sagu sebagai bahan plastik dan *bioethanol*. Sukacita dimaklumkan bahawa MOSTI sentiasa memberikan kerjasama kepada mana-mana pihak bagi menjayakan projek-projek di bawah bidang kuasa kementerian ini. Bagi penghasilan *bioethanol* dari sagu, MOSTI telah membiayai satu projek iaitu kepada syarikat A.A.R GYP Scientific Sdn. Berhad Sarawak bertajuk "*Pilots Scale High Speed Fermentation of Ethanol for fuel from Sago Utilizing that Ishizaki Process*".

Dengan menggunakan kaedah enzim yang menggunakan teknologi dari Jepun dengan peruntukan sebanyak RM11.6 juta bagi tempoh selama 20 bulan. Kolaborator projek ini adalah Universiti Malaysia Sarawak ataupun UNIMAS. Sehingga kini *milestone project* berjalan dengan lancar mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi penghasilan bahan plastik dari sagu, projek diluluskan di bawah *TechnoFund* bernilai RM1.34 juta ialah projek penggunaan loji pengeluaran ataupun *pilot plan bio-plastic* dari penyinaran alur elektron ke atas kanji sagu. Projek ini dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia bersama dengan *Zilon Bioplastic* Sdn. Berhad dan ia masih dalam peringkat awal pengkomersialan. Projek ini menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh Agensi Nuklear Malaysia bertujuan untuk menukar kanji sagu kepada produk bahan pembungkusan yang boleh terurai secara semula jadi ataupun terbiodegradasi atau *bio-degradable* seperti beg, bekas makanan, bekas produk mudah musnah dan bahan pembungkusan makanan organik.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kenyataan Yang Berhormat Kinabatangan mengenai peruntukan kewangan yang telah diberikan oleh kerajaan kepada kementerian yang berkaitan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D mengenai kelapa sawit yang hasilnya tidak nampak sepenuhnya. Ingin dimaklumkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kelapa sawit yang dilaksanakan oleh MOSTI adalah melalui dana penyelidikan R&D MOSTI seperti *Science-Fund*, *Techno-Fund* and *Ino-Fund*. Tumpuan diberikan kepada mempelbagaikan penggunaan produk minyak kelapa sawit dan menghasilkan pokok kelapa sawit berdaya tahan penyakit serta berkualiti tinggi.

Sehingga kini sebanyak RM88.7 juta telah dibelanjakan oleh kementerian ini bagi membiayai 69 projek penyelidikan mengenai kelapa sawit. Antara penyelidikan yang telah dijalankan sehingga kini ialah:

- (i) penghasilan produk *edible palm oil fat* yang mengandungi kandungan lemak minyak kelapa sawit yang tinggi menggunakan enzim untuk **transisterifikasi** ataupun proses penukaran;
- (ii) penghasilan *biodiesel* melalui tindak balas **transisterifikasi** enzim *lipase*. *Lipase* kah apa nak sebutkan ini?... [Ketawa] Ini *very technical* lah. Takut saya hendak menjelaskan pun mungkin ramai yang hendak bertanya nanti. Takut dia kata *lipase* nanti jadi lipas;
- (iii) formulasi minyak kelapa sawit dalam produk kosmetik sebagai bahan emolien yang digunakan bagi rawatan di dalam ataupun di luar tubuh;
- (iv) kegunaan ejen kawalan biologi mengatasi jangkitan. *Ganoderma* yang menyakiti akar pokok kelapa sawit; dan
- (v) penghasilan benih-benih sawit dengan menggunakan peningkatan bio teknologi seperti teknik kultur tisu ataupun *tissue culture* dan kejuruteraan genetik.

Kementerian ini percaya bahawa kejayaan sektor perladangan seperti yang disebut di atas telah banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kementerian ini sedang menjalankan kajian impak mengenai pulangan ke atas pelaburan termasuklah dalam sektor perladangan kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kementerian untuk meningkatkan produktiviti seperti yang disarankan Yang Berhormat Pontian, MOSTI telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memperkenalkan *Quality Circle* dalam tujuh bidang di peringkat kementerian iaitu perancangan media, *Key Performance Indicator* dan *balance core cut*, penyelenggaraan, ICT, dana, kebajikan dan portal ICT.

Tujuan QC diadakan adalah untuk:

- (i) mencadangkan penambahbaikan ke atas usaha meningkatkan perkhidmatan MOSTI kepada pelanggan dan juga *stakeholder* sebagai

memenuhi aspirasi kerajaan dan meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada pihak awam;

- (ii) menambahkan bilangan kelayakan bagi mendapatkan taraf ISO oleh semua bahagian dan agensi;
- (iii) menjalankan latihan secara terancang untuk semua lapisan penjawat awam MOSTI melalui siri *executive talk*, kursus-kursus anjuran kerajaan dan swasta, di dalam dan di luar negeri. *Team building*, sesi percambahan fikiran bertujuan berkongsi pandangan dan pengalaman; dan
- (iv) memperkukuhkan sistem pengurusan dana melalui penggunaan sistem *my dana* secara atas talian atau *on-line* sepenuhnya untuk mempercepatkan dan mempermudah pengurusan dana.

MOSTI berharap usaha-usaha yang dilakukan dapat membantu meningkatkan produktiviti kementerian bagi membantu negara berhadapan dengan krisis ekonomi dunia pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, MOSTI juga mengambil langkah-langkah berterusan bagi mengurangkan pembaziran di semua peringkat operasi termasuklah langkah-langkah seperti berikut:

- (i) bekalan udara sejuk ataupun *air condition* dan lampu diaktifkan pada waktu bekerja sahaja dan pada suhu 23 darjah Celsius;
- (ii) bekalan udara sejuk dan lampu pada hujung minggu dan pada masa-masa cuti umum tidak diaktifkan kecuali adanya permintaan;
- (iii) mengurangkan penggunaan kertas dan sebaliknya menggalakkan penggunaan SMS, *internet* dan e-mel dalam urusan rasmi, harian dan mesyuarat;
- (iv) mengehendkan perjalanan ke luar negara;
- (v) mengehendkan pengubahsuaian ruang pejabat dan pembelian aset; dan
- (vi) menggunakan kemudahan di jabatan dan agensi bagi mengadakan persidangan, seminar, kursus, mesyuarat, bengkel dan *retreat* tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat dari Rompin mengenai kepentingan penekanan kepada ekonomi baru seperti ekonomi hijau atau *renewable energy*. MOSTI terus bergiat aktif dan menjalankan penyelidikan dan pembangunan. Mengenai tenaga alternatif, seperti Yang Berhormat sedia maklum sehingga kini MOSTI telah membiayai sebanyak 114 buah projek bernilai RM122 juta. Kementerian juga sedang mengkaji sumber tenaga alternatif seperti solar dan biojisim yang merangkumi *biodiesel*, *bioethanol*, *biogas* dan *biohidrogen*. Sumber biojisim, minyak, pokok kelapa sawit serta sumber bukan konvensional dari tumbuhan lain seperti *jatropha*, sagu, alga juga sedang dikaji keberkesananannya untuk menghasilkan sumber tenaga boleh diperbaharui.

■1800

Bagi tujuan ini, satu jawatankuasa pasukan petugas mengenai tenaga boleh diperbaharui telah ditubuhkan untuk menetapkan dan memandu hala tuju R&D tenaga diperbaharui ke arah pembangunan produk sehingga aplikasi kepada pengguna. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keprihatinan Yang Berhormat Kuantan berkenaan pembinaan satu *advanced material plan* di Gebeng, Kuantan yang mengeluarkan sisa radioaktif dan dikhuatiri kesannya ke atas keselamatan orang awam.

Ingin saya jelaskan bahawa sisa-sisa yang dikeluarkan daripada loji pemprosesan *lanthanide* tersebut mengandungi bahan radioaktif semula jadi yang sama menghampiri tanah biasa di Malaysia. Sisa ini ditakrifkan sebagai bukan sisa radioaktif tetapi merupakan sisa yang mengandungi bahan radioaktif semula jadi. Fakta sains telah menunjukkan bahawa tiada sebarang kesan daripada bahan radioaktif semula jadi ini. Namun, langkah-langkah pencegahan dan keselamatan sentiasa dilakukan semasa pengangkutan bahan mentah dari Pelabuhan Kemaman ke stor penyimpanan yang diluluskan.

Pengangkutan bahan mentah dan sisa-sisa berkaitan dengannya juga perlu mematuhi Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan 1989). Di samping itu, Syarikat Liners hendaklah juga mengambil langkah-langkah pencegahan dan keselamatan pekerja, orang awam, dan alam sekitar di peringkat sebelum, semasa dan selepas beroperasi dan hendaklah mematuhi:

- (i) Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304);
- (ii) Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran, Standard Keselamatan Asas 1988; dan
- (iii) Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran, Pelesenan 1984.

Konsep ALARA atau pun *as low as reasonably achievable* adalah merupakan dasar yang digunakan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom untuk memastikan dan mengawal sebarang kesan daripada sisa pencemaran dari bahan radioaktif semula jadi. Ya, Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Saya ingin bertanya berkenaan dua perkara. Pertama berkenaan dengan kes *rare earth case* yang sama di Bukit Merah, Perak di mana cerita yang sama juga diberikan pada ketika itu. Akan tetapi, kesannya telah terbukti pada hari ini bahawa ada banyak kes yang melibatkan kanser, cacat dan sebagainya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai dengan *leach water* atau pun air yang digunakan untuk memproses bahan radioaktif tersebut. Saya difahamkan bahawa 500 kubik meter air digunakan di dalam pemprosesan bahan *lanthanide* ini di mana pihak Liners setakat ini belum lagi dapat memberikan penerangan bagaimana mereka *dispose*, dengan izin, air-air pemprosesan ini, atau pun *leach water* ini. Di situ

ada sungai, dan di situ ada laut. Kuantan merupakan pangkalan ikan di antara yang terbesar di dalam negara kita.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah boleh menjamin kepada kita bahawa *leach water* ini ada kesan-kesan sisa radioaktif di dalam proses itu? Bagaimana kita memastikan *leach water* ini tidak mencemari sungai dan juga lautan kita? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya saya sendiri apabila isu ini dibangkitkan pada sesi yang lepas bersama dengan agensi atom atau pun AELB, atau pun Agensi Nuklear Malaysia kita sendiri telah membuat *inspection* atau pun siasatan di tapak perlombongan tanah itu, Liners di Perth Australia.

We have check, membuat kajian dan *investigation*, siasatan kita, daripada *reading*, asas di tapak itu sendiri di mana kegiatan mengambil *rare earth* itu menunjukkan bahawa *reading* yang dikatakan tadi adalah pada paras *reading* semula jadi. Maknanya jauh di bawah *reading* yang ditetapkan oleh *International Nuclear IAEA*. Jadi, ini yang kita dapat melalui siasatan awal yang kita lakukan. Maknanya, saya sendiri pergi sana dan saya kembali insya-Allah, alhamdulillah selamat. Kalau kita buat perbandingan maknanya...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: *[Bangun]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap, sekejap. Kalau kita buat perbandingan, kalau *reading* asas ini, maknanya kalau kita buat perbandingan, ia adalah *equivalent* kalau kita x-ray diri kita masuk ke mesin x-ray 1,000 kali barulah ianya merupakan yang bahaya. Akan tetapi, *reading* yang ada di sana memang di paras di bawah *standard international* adalah dalam keadaan semula jadi. Maknanya *reading* itu kalau kita baca tetapi kalau untuk makluman juga, kalau kita pergi naik kapal terbang, kalau kita berada di atas kapal terbang, *reading* lebih tinggi daripada apa yang ada di kilang atau pun di tapak mereka melombong *rare earth* itu.

Kedua, berkaitan dengan *leach*, sebab itu dalam peraturan tadi dan juga perundangan yang mereka perlu ikut, apabila mereka mengeluarkan *design* bangunan, mereka kena mengemukakan untuk memastikan bahawa tiada *leaches* yang keluar ke air. Sebab itu sistem ini kita sudah melihat kepada *design* mereka, memastikan bahawa bangunan yang mereka lakukan itu telah diluluskan oleh satu, bukan sahaja oleh *local authorities* tetapi juga memenuhi kehendak keperluan yang saya nyatakan di bawah peraturan-peraturan keselamatan memastikan bahawa tiada *leaches* yang pergi ke sungai. Maknanya, bangunan itu sendiri akan pergi masuk ke suatu sistem simpanan melalui proses itu untuk dibersihkan, barulah air akan keluar mengalir ke sungai. Itu perlu kita pastikan ianya dilaksanakan dan kita telah melihat sebenarnya *design* bangunan itu kepada pihak yang bertanggungjawab.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, saya mohon sedikit penjelasan. Adakah *rare earth* yang akan digunakan di Advanced Material Plan di Gebeng

Kuantan ini sama dengan *rare earth* yang telah digunakan di Bukit Merah. Walaupun pada ketika itu di Bukit Merah mereka juga kata ini seperti tanah biasa, ini boleh buat baja tetapi pada hari ini kita lihat kesannya.

Kenapa kita tidak buat penyelidikan yang lebih rapi. Saya sudah cadangkan bahawa ada *detail* EIA dilakukan supaya orang ramai boleh memberikan maklum balas berkenaan dengan pendirian mereka. Ini berlaku di tempat mereka. Mereka akan membesarkan anak mereka di situ. Bukan sahaja tanggungjawab pihak kerajaan, tetapi beri orang ramai satu peluang untuk sama-sama tahu apa yang sedang berlaku di persekitaran kita semua.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih, mungkin satu perkara yang berlaku di Bukit Merah, tanahnya mungkin tidak sama. Apa yang berlaku di Bukit merah. Akan tetapi di Bukit Merah pun tiada bukti yang jelas yang mengatakan bahawa ianya ada kaitan daripada apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi. Mungkin kalau Yang Berhormat dapat memberi saya perincian, apa yang, Yang Berhormat katakan bahawa apa yang berlaku di sana itu adalah akibat daripada kegiatan, mungkin dapat kemukakan kepada saya supaya kita dapat memperincikan siasatan ini dengan agensi.

Gambar-gambar Yang Berhormat beri pun saya sudah lihat daripada tempat-tempat lain tetapi saya akan pastikan daripada agensi AELB atau pun Lembaga Pelesenan Nuklear Malaysia akan memperincikan perkara tersebut dan kita sebenarnya melihat bahawa apa yang berada di Bukit Merah, dan apa yang dibawa daripada Liners ini sebenarnya satu perkara yang berbeza sama sekali. Itu yang pertama.

Kedua, sebenarnya hasil perbincangan kita dengan Liners dan juga bersama dengan Ahli Dewan Undangan, Exco yang bertanggungjawab di Pahang. Kita akan mengadakan satu program untuk berdialog, sebenarnya memberi keterangan kepada semua penduduk yang terbabit di Gebeng. Saya sendiri insya-Allah, akan turun untuk bersama-sama melihat, membuat perjumpaan dengan rakyat-rakyat kita, masyarakat kita terutamanya di kawasan persekitaran Gebeng untuk memberi segala data-data dan maklumat yang berkaitan dengan segala teknikal dan kesan-kesan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

■1810

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, saya benar-benar berharap bahawa Yang Berhormat mengambil tanggungjawab penuh terhadap perkara ini kerana dalam kes Bukit Merah, memang kes itu telah dibawa ke mahkamah dan pemaju *company* yang terlibat itu sudah pun dipaksa keluar daripada terus untuk mengadakan pemprosesan di situ. Saya amat-amat berharap bahawa Yang Berhormat Menteri mengambil tanggungjawab ini supaya orang ramai rasa bahawa nyawa mereka, masa depan anak mereka, cucu mereka terjamin.

Saya khuatir pihak kementerian terpaksa meluluskan projek ini kerana ia telah diberikan *strategic pioneer status* oleh pihak MIDA, 12 tahun dikecualikan daripada cukai import dan eksport. Saya tidak lihat kepentingan kepada rakyat di sini. Saya tak ada lihat juga keuntungan

untuk negara di sini tetapi beria-ia untuk meluluskannya. Kenapa Linus tak buat kilang tersebut di negara mereka sendiri? Mereka tidak mungkin dapat memproses *Red Earth* tersebut di negara mereka tetapi kalau nak kata nak *development* di negara kita, tetapi mereka diberikan pengecualian cukai.

Saya minta benar-benar Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab sebab kita tak mahu ada pihak yang untung yang bukan rakyat. Rakyat yang akan merana, yang mengambil risiko, akan tetapi tidak ada keuntungan. Kalau nak kata keuntungan pun tak ada sebabnya oleh kerana pengecualian cukai tersebut. Jadi ini saya minta sangat Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Mungkin Yang Berhormat nanti Kementerian Perdagangan Luar MITI, Yang Berhormat boleh cuba bincangkan dengan mereka tapi dalam sudut apa yang kita lakukan daripada segi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai kesan bahawa ada bahan radioaktif kita dah sahkan melalui Agensi Nuklear Malaysia dan kita sendiri dah menyiasat dan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu tidak benar. Mengenai tuduhan sama ada ianya tidak memberi keuntungan kepada Malaysia, kalau kita lihat *investment* yang mereka buat ialah beratus juta.

Mengapa mereka tidak buat di Australia? Pertama, Yang Berhormat mungkin belum biasa pergi ke lombong di Australia. Kalau kita melihat, daripada Perth pergi ke Australia itu sahaja akan mengambil penerbangan lebih kurang 2 jam dan tempat lombong itu sahaja hanya ada penduduk asli yang hanya lebih kurang 200 orang. Jadi untuk kegiatan, satu, kepakaran adalah di Malaysia sebab persekitaran. Sebab ianya menghasilkan produk-produk yang begitu *high end product* dan sebab itu kita mungkin melihat bahawa keperluan keuntungan yang dibawa oleh mereka dalam jangka itu ialah satu, melahirkan tenaga kerja yang pakar. Kedua, memberi pekerjaan dan pelbagai lagi eksport nanti daripada luar itu hasil-hasil sampingan yang mereka hasilkan. *Downstream activities* yang dapat kita manfaatkan daripada kegiatan tersebut.

Jadi, mungkin Yang Berhormat nanti daripada segi konteks ekonomiknya boleh berbahas waktu MITI nanti bila Mini Bajet. Mungkin ada peluang Yang Berhormat bantangkan. Kami tanggungjawabnya ialah dalam sudut *security* ataupun keselamatan radioaktif Yang Berhormat bangkitkan.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Menteri, saya baru balik daripada Australia dan pihak-pihak parti-parti politik *Green Party, Labor Party* di Australia juga tahu berkenaan dengan Linus ini. Mereka juga amat khuatir berkenaan dengan pemprosesan *Red Earth* ini malah mereka di sana, Linus sudah pun mengadakan pemprosesan ini di negeri China sebelum ini. Oleh kerana *stringent*, ketatnya kawalan di negeri China maka mereka terpaksa keluar, mereka terpaksa cari negara lain untuk melakukan pemprosesan ini.

Mereka pergi ke Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu tolak tetapi saya tidak faham kenapa kerajaan negeri saya boleh terima dan saya dengarlah ini yang kata *low level radiation* dan sebagainya. Akan tetapi *it does not make sense*. Saya tahu ia memberi peluang pekerjaan

tetapi pada masa yang sama ianya juga melibatkan risiko yang tinggi. Sebab itu *we have to balance*, kita kena imbangi risiko dan keuntungan. Itu tanggungjawab kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jawapan Yang Berhormat. Dah berulang-berulang dah ini Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya lah, saya dah terangkan. Sebab itu kalau saya katakan tadi, banyak tanggapan-tanggapan apa, kalau yang kita dah jumpa banyak juga yang saya pergi ke Perth malahan berjumpa dengan pihak berkuasa agensi nuklear mereka di Australia itu sendiri dan kita mengadakan perjumpaan, dialog dan diskusi terperinci untuk menyiasat latar belakang Linus dan segala proses berkaitan dengan apa dan kita diberi jaminan juga oleh agensi nuklear Australia itu sendiri dan adakah kita tidak mengiktiraf badan yang telah diiktiraf di dunia.

Jadi kalau itu jaminannya yang diberikan oleh mereka dan kita sendiri pergi ke tapak dan sudah membuat kajian dan kembali dalam keadaan selamat, insya-Allah saya kira apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi saya dapat nyatakan bahawa adalah tidak tepat dan tidak benar. Seperti mana juga kalau kes di Negeri Perak itu sendiri, saya kira mahkamah dan memutuskan bahawa berkaitan dengan dakwaan mereka itu mungkin elok kita biarkan mahkamah memutuskan dan kalau kita nak berbincang, berdialog, saya kira kita boleh pergi ke Gebeng nantilah untuk berdialog lebih panjang lagi.

Untuk itu yang akhirnya...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Boleh tambahan sikit Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Mungkin pakar nuklear kita nak memberi jaminanlah berkaitan dengan apa yang saya katakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya ingin meminta supaya kementerian dapat mengeluarkan laporan bertulislah daripada segi pemberitahuan yang dibuat sama ada di Perth ataupun *background radiation* di Gebeng supaya perkara ini dapat keyakinan yang lebih lagi terutama yang disebut sebagai *leachate* yang digunakan untuk proses *Red Earth* tadi, iaitu saya minta supaya ada laporan bertulislah. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat, saya akan ambil maklum cadangan Yang Berhormat itu dan seperti mana saya katakan tadi, kita akan membuat juga perjumpaan dengan masyarakat di Gebeng nanti untuk bersama-sama dengan Exco yang bertanggungjawab dari Pahang untuk membuat perjumpaan dan taklimat sepenuhnya kepada masyarakat di kawasan tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya MOSTI sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai

usaha, program dan strategi kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat membantu kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Pelancongan.

6.18 ptg.

Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]:Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang melibatkan Kementerian Pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Siringan Gubat dan Yang Berhormat Datuk Seri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak payah sebut nama Yang Berhormat. Kawasan Ranau.

Datuk Azalina binti Othman Said: ...Ingin mengetahui berkaitan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan bagi mempopularkan Pulau Sipadan terutama sekali ke atas usaha menjadikan Pulau Sipadan dengan izin *as the new vendor of nature in the world*.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan melalui agensinya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia cawangan Sabah sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri di dalam membangunkan industri pelancongan di negeri Sabah.

Pelbagai promosi telah diadakan untuk mempopularkan pulau-pulau tersebut terutamanya Pulau Sipadan di Sabah seperti menganjurkan lawatan suai kenal bagi agensi-agensi pelancongan serta media tempatan dan negeri-negeri, penyertaan dalam pameran di luar negeri dan *travel mart*, menganjurkan *Zoom Malaysia Travel Fair* di seluruh negara, menganjurkan program *familiarization* trip, dengan izin, dengan menjemput agensi-agensi pelancongan serta media antarabangsa, memperkenalkan pakej-pakej yang menarik terutama negeri Sabah termasuk Pulau Sipadan oleh agensi pelancongan di luar negeri. Kementerian juga telah mempromosikan Pulau Sipadan secara spesifiknya melalui risalah, Sabah sebagai sebuah pulau yang mempunyai beberapa *spot* terbaik untuk menyelam dan ianya juga mempunyai habitat hidupan marin yang terkaya di dunia

■1820

Bagi risalah dengan izin, *special interest* pula boleh dikatakan kebanyakan risalah ada memuatkan Pulau Sipadan sebagai destinasi pilihan. Contohnya seperti *Diving Paradise, Island and Beaches Eco-Tourism* dan lain-lain lagi yang terdapat dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, Inggeris, Jepun, Korea dan juga Itali. Soalan juga ditanya tentang apakah tindakan kementerian bagi meningkatkan kemudahan asas di negeri Sabah untuk menarik pelancong.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelancongan telah meluluskan projek peningkatan kemudahan pelancongan di sub station Serinsim dan Kota Marudu di

kawasan Taman Kinabalu Sabah bernilai RM1.2 juta. Projek ini merangkumi kemudahan-kemudahan seperti kaunter dan pusat penerangan pelawat, *chalet* dan pondok-pondok rekreasi bagi kemudahan pengunjung bagi negeri Sabah secara keseluruhannya berjumlah sebanyak RM60.9 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi pembinaan jalan raya pula ia bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian dan ia perlu disemak semula oleh Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun kementerian sentiasa bersedia memberi peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf kemudahan-kemudahan pelancongan terutama sekali di kawasan-kawasan tarikan pelancong bagi memberikan keselesaan kepada pelancong untuk ke tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa soalan yang telah ditimbulkan, yang boleh saya merangkumi secara menyeluruh seperti menyarankan Kementerian Pelancongan mengadakan Program *Smart Partnership* dan program kerjasama dengan agensi lain dalam menambah nilai kemahiran peserta *homestay* supaya setiap kampung mempunyai keistimewaan ataupun dengan izin, *niche* masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sememangnya bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain, yang meningkatkan kemahiran para peserta *homestay* terutamanya dari segi latihan dan kursus. Contohnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Jabatan Perdana Menteri dan juga institut pengajian tinggi awam dan swasta serta badan bukan kerajaan. Antara kursus dan latihan yang dijalankan adalah seperti Kursus Asas *Homestay*, Kursus Operasi *Homestay*, Kursus Komunikasi, Kursus Pengurusan dan Kewangan *Homestay* dan lain-lain lagi.

Kementerian Pelancongan menyambut baik cadangan bagi menggalakkan program kemahiran tertentu di kalangan peserta *homestay*. Pada masa ini pihak kementerian sedang mengenal pasti keunikan dan kekuatan setiap *homestay* yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan supaya setiap kampung mempunyai keistimewaan atau dengan izin, *niche* masing-masing untuk dipromosikan sebagai contoh kraf tangan, pertanian, masakan, buah-buahan, urutan tradisional, rawatan herba dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, antara soalan yang kita dapat selain daripada isu *homestay* adalah juga berkenaan dengan pendekatan promosi yang dibuatkan oleh Kementerian Pelancongan. Bolehlah kita rumuskan bahawa memang Kementerian Pelancongan telah mewujudkan pendekatan-pendekatan yang lebih agresif.

Kalau kita lihat bagi tahun 2008 berbanding dengan 2007, kita dapat melihat pendekatan-pendekatan yang dirangkakan oleh Kementerian Pelancongan telah berjaya membawa kehadiran pelancong sebanyak 22.05 juta orang dan ini membawa jumlah kewangan kepada negara sebanyak RM48 bilion. Antara pendekatan-pendekatan secara agresif yang dilakukan oleh Kementerian Pelancongan adalah untuk menarik lebih ramai pelancong terutama sekali di negara-negara ASEAN, iaitu negara jiran yang berdekatan kerana mereka mempunyai

keupayaan untuk mengulangankan kehadiran mereka ke negara kita. Salah satu daripada pendekatan sebagai contoh iaitu:

- (i) melebarkan syer pasaran serantau, pasaran berpotensi dan ASEAN dengan melaksanakan kempen pengiklanan *tactical* yang lebih agresif dan berfokus serta mempergiatkan Kempen Zoom Malaysia yang dimasukkan sekali pasaran Singapura dan juga Brunei;
- (ii) memupuk pakatan strategik dan perkongsian pintar antara kerajaan dan bukan kerajaan serta mempergiatkan kolaborasi dengan melibatkan secara aktif pihak swasta dalam melaksanakan sesuatu acara ataupun aktiviti. Ini termasuklah kerjasama dengan syarikat-syarikat kerajaan (GLC), sektor korporat multi nasional seperti Master Card, Maybank, Petronas, Shangri-La, Emirates Airlines untuk mempromosikan Malaysia;.
- (iii) memantapkan dan mengukuhkan sumber dari segi kos operasi keberkesanan dan mengikut *trend* pasaran termasuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat. Ini termasuk menerusi kempen pengiklanan secara *on-line*, melaksanakan latihan secara *on-line* kepada warga pekerja pelancong asing menerusi Malaysia Travel Specialist serta menggunakan aplikasi *e-Brochure* dan juga *e-News Letter*;
- (iv) memberikan tumpuan kepada...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Rantau Panjang, Yang Berhormat.

Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan penjelasan Menteri tentang Kempen Zoom Malaysia yang telah dilaksanakan melalui televisyen Malaysia. Saya ingin penjelasan, berapakah kos yang telah diperuntukkan untuk iklan ini, untuk program ini dan setakat pemantauan yang dibuat oleh kementerian, berapa peratuskah meningkatnya pelancong domestik di tempat yang telah diiklankan melalui TV ini. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat, kalau kita tengok bagi tahun 2008, bajet pengiklanan untuk zoom iaitu pelancongan domestik adalah tidak begitu banyak. Jumlahnya adalah sebanyak RM9 juta dan strategi Kementerian Pelancongan bagi tahun 2008 ini ialah untuk menggerakkan lebih banyak pelancongan domestik, kerana kita melihat ini sebagai salah satu daripada pendekatan yang dapat Tuan Yang di-Pertua menjadi *buffer*, dengan izin, kepada masalah ekonomi dunia. Dan kalau kita tengok secara umum bagi tahun lepas kita berjaya menggalakkan kehadiran pelancongan domestik bagi tahun 2008 sejumlah 68,000,416 pelancong dalam negara bererti

berulang-ulang untuk bercuti dalam negara. Dan jumlah pelancong daripada luar sebanyak 22.05 juta.

Bagi Kementerian Pelancongan, dalam Kempen *Zoom* kita memberi fokus kepada kawasan-kawasan yang baru, sebab kalau kita tengok dari segi jumlah kehadiran pelancong bagi tahun 2007. Contohnya antara negeri yang peluang ramai pelancong adalah di negeri Pahang. Dan kalau tengok negeri Pahang bukannya sangat ke Taman Negara, tetapi lebih kepada Genting Highlands atas tujuan-tujuan tertentu.

Jadi dengan Kempen *Zoom*, harapan kerajaan supaya kita dapat mempromosikan tempat-tempat pelancongan yang baru, kerana kita melihat Malaysia mempunyai potensi yang begitu banyak. Daripada iklan-iklan kita memberikan fokus kepada beberapa konsep bila mempromosikan Malaysia iaitu konsep dari segi lautan, pulau, tempat-tempat perhutanan dan kalau kita tengok Melaka dan Pulau Pinang mereka mempunyai kelebihan dari segi sejarah dengan izin, *heritage* dan kita tengok Sabah dan Sarawak pula memang menjadi antara fokus pelancongan daripada Semenanjung, dan kita melihat potensi negeri-negeri dalam negara kita potensinya cakup hebat.

Dan bagi Kementerian Pelancongan kita meletakkan Singapura dan juga Brunei sebagai pasaran domestik, kerana cita rasa pelancong-pelancong Singapura, Brunei dan juga Malaysia adalah agak sama. Dan bagi Kementerian Pelancongan, strategi ini harapannya bagi tahun 2008 kita telah membuat permohonan dalam *stimulus package*, supaya kempen domestik ini dapat kita mempergandakan dari segi promosi dalam negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Silam. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu iaitu tempat-tempat pelancongan yang baru, yang mahu dipromosikan oleh kementerian terutamanya bagi negeri Sabah dari segi tempat-tempat itu fokusnya selain daripada di kawasan Gunung Kinabalu, di mana lagi tempat-tempat yang difokuskan oleh pihak kementerian untuk negeri Sabah dari segi tempat-tempat pelancongan baru ini, sebab saya rasa terutamanya di kawasan Pantai Timur negeri Sabah banyak lagi tempat-tempat yang belum begitu didedahkan untuk difokuskan sebagai tempat pelancongan, yang saya rasa memang dari segi *heritage*, dengan izin banyak lagi tempat yang boleh kita promosikan.

■ 1830

Sebagai contohnya kalau di kawasan Parlimen Silam kita tahu bahawa 28 ribu tahun yang lepas merupakan antara kawasan yang mula bertamadun dan banyak lagi artifak sejarah yang boleh dimajukan di sana. Mohon penjelasan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Silam menimbulkan tentang isu. Kalau kita tengok apa yang dipanggil apabila kita membuatkan *global*

campaign bagi tahun 2008, kalau kita tengok di siaran-siaran satelit seperti CNN, siaran-siaran BBC dan sebagainya, visual-visual yang kita pakai di Sabah tidak lagi berpegang kepada visual Gunung Kinabalu, sebagai contoh. Kita di negeri Sabah menekan kepada aspek, contohnya apa yang disebut, dengan izin, *lost city* yang berada di negeri Sabah sebagai contoh.

Kemudian kalau di Sarawak itu, kita tidak lagi membuatkan visual *Mulu Cave* yang seperti dalam risalah-risalah Kementerian Pelancongan. Kita memberi visual kepada *the pinnacle*, dengan izin, yang juga berada berdekatan dengan Gua Mulu tetapi beberapa kilometer jauh. Antara strategi-strategi baru pelancongan iaitu visual-visual itu akan kita beri visual-visual yang baru. Kementerian Pelancongan melihat daripada minat masyarakat luar, khasnya pelancong-pelancong asing dan juga dalam negara, mereka begitu berminat kepada, dengan izin, *ecotourism* ataupun ekopelancongan dan bagi Kementerian Pelancongan, adalah sangat penting bagi kita mewujudkan, dengan izin, *sustainable development* dalam kawasan-kawasan sedemikian. Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang keempat pula berkenaan dengan memberi tumpuan kepada dengan izin, *niche market* atau produk *niche* seperti ekopelancongan, pelancongan kesihatan, *Malaysia My Second Home*, *Mines Market* iaitu *convention* dan juga *homestay* bagi memenuhi pelbagai cita rasa pelancong mengikuti pasaran masing-masing. Sebagai contoh, pelancongan kesihatan difokuskan kepada pasaran Indonesia, Brunei dan juga Timur Tengah. Manakala pelancongan *ecotourism*, dengan izin, bagi pasaran Eropah dan juga Amerika Syarikat dan juga negara-negara Oceania iaitu Australia dan juga New Zealand.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat pasaran kita bagi tahun ini Amerika Syarikat akan menurun. Itu menyebabkan bagi Kementerian Pelancongan kita agak terperanjat bagi bulan Disember 2008, mungkin apa yang berlaku di negeri Thailand menyebabkan ramai pelancong daripada Eropah menghadiri negara kita terutama sekali ke Pulau Pinang dan juga Langkawi. Bagi Kementerian Pelancongan, kita juga akan mewujudkan pendekatan promosi yang sama iaitu promosi yang lebih agresif kepada negara-negara Eropah ini yang mungkin terdiri daripada pelancong-pelancong dalam kategori *backpackers* ataupun pelancong yang terdiri daripada *budget travelers*.

Kementerian Pelancongan melihat ini akan menjadi pendekatan baru pelancong-pelancong luar ke negara kita dan kalau kita tengok kos kita di Malaysia berbanding dengan negara jiran, Malaysia boleh dilihat masih sebagai sebuah negara yang begitu murah bayaran hotel, terutama sekali hotel walaupun lima bintang atau empat bintang dan juga enam bintang. Kalau kita pergi ke Singapura, Bangkok di Thailand ataupun Jakarta di Indonesia, pembayaran adalah begitu tinggi, berganda daripada yang ada dalam negara kita. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit. Balik Pulau.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya. Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan ribuan terima kasih terlebih dahulu kerana melawat kampung saya, Jalan Baru di Balik Pulau baru-baru ini walaupun saya tidak dijemput oleh JKKK, tetapi yang penting Menteri ialah, saya pohon penjelasan terutama dari segi aspek pemantauan kerana saya melihat niat yang baik Menteri dalam mempromosikan *homestay* itu mungkin tidak akan tercapai dari segi kualitinya kerana saya mendapat rungutan daripada kampung tersebut di mana tempat saya membesar dan pejabat saya itu, bahawa peruntukan yang dibuat untuk *homestay* itu tetapi kualiti binaan, *the end product* itu, dengan izin, kemudahan terhadap *homestay* itu tidak memenuhi bajet yang diperuntukkan. Itu satu.

Yang kedua ialah mengenai pengalaman pelancong untuk menikmati kehidupan kampung itu kadang-kadang saya melihat dengan mata saya sendiri bahawa kadang-kadang yang disajikan bukannya kebudayaan tempatan. Tiba-tiba malam Maulidur Rasul yang disuruh buat ialah karaoke. Jadi saya tengok perkara itu bukan itu saya rasa pelancong asing mahu lihat. Mungkin yang mahu dilihat ialah produk-produk ataupun pengalaman-pengalaman kebudayaan tempatan. Jadi saya rasa saya mohon penjelasan Menteri bagaimana pemantauan dari segi dua aspek itu kerana mereka mendapat gambaran yang salah dan pengalaman mereka itu bukan pengalaman yang sebenarnya kita alami di sini. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh saya dapat laluan juga berkenaan dengan *homestay*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya, di samping kursus-kursus sampingan yang disediakan kepada pengusaha-pengusaha *homestay* ini, adakah dalam kursus itu modul tentang kebersihan sebab saya lihat beberapa *homestay* yang pernah saya pergi menginap, keadaan kebersihannya agak mengecewakan. Jadi saya ingin bertanya sama ada diberi penekanan tentang perkara ini sebab saya kira kalau pelancong-pelancong luar negara, perkara yang awal yang dia akan beri pengiktirafan ke atas negara kita adalah dari segi kebersihan terutama kebersihan tandas. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Balik Pulau menimbulkan isu mengenai dengan *maintenance*, dengan izin. Memang bagi Kementerian Pelancongan bukan sahaja dari segi produk *homestay* tetapi semua produk pelancongan, masalah kita ialah bajet dari segi *maintenance* yang mana bagi

Kementerian Pelancongan, kita telah membuat permohonan dalam *stimulus package* bagi tahun ini, *mini budget*, supaya diletakkan bajet untuk *maintenance*, dengan izin...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, kalau saya betulkan, bukan *maintenance*, Menteri. Kalau boleh saya betulkan sebelum Menteri jelaskan, bukan *maintenance*. Maksud saya itu ialah jumlah yang Menteri ataupun pihak kerajaan *allocate*kan untuk sesuatu ini, contohnya sebuah rumah mungkin RM10 ribu tetapi yang kontraktor Kelas 'F' buat ini kadang-kadang nilainya dikatakan dalam RM3 ribu atau RM4 ribu. Jadi ini yang saya mendapat rungutan daripada kontraktor. Jadi saya mohon Menteri pastikan perkara ini tidak berlaku kerana saya yakin niat yang baik itu saya mahu dicapai untuk kepentingan *homestay*. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya tahu Yang Berhormat muda tetapi sabarlah, saya tengah hendak pergi ke bab jawapan kepada soalan Yang Berhormat. Berkenaan dengan *maintenance* secara umum, saya memberikan jawapan secara umum bahawa kita berhadapan dengan isu penyelenggaraan di mana dalam *mini budget* kita membuat permohonan.

Berkenaan dengan isu yang mana Yang Berhormat menimbulkan berkenaan dengan bajet, sebenarnya Yang Berhormat, bajet *homestay* yang kita beri di setiap rumah ialah hanya RM5 ribu dan bajet ini hanyalah untuk menaiktarafkan bilik air sahaja. Kita tidak menaiktarafkan bilik tidur, kita tidak menaiktarafkan dewan makan, kita tidak menaiktarafkan dapur dan sebagainya. Hanya bilik air sahaja. Kalau kita tengok secara umum, isu yang mana Yang Berhormat timbulkan, selalunya proses kita, kita tidak memberi hanya permohonan menaik taraf kepada kontraktor. Apa yang kita lakukan ialah setiap kawasan *homestay* mempunyai persatuan *homestay* yang mana bantuan-bantuan yang kita beri adalah melalui persatuan.

Di Balik Pulau, sebagai contohnya terdapat Persatuan *Homestay* Pulau Pinang yang bagi Kementerian Pelancongan antara salah satu daripada persatuan yang begitu agresif dalam bidang *homestay*. Bagi kementerian, persatuan *homestay* di Pulau Pinang termasuk dengan koperasi *homestay* yang telah ditimbulkan oleh ADUN Yang Berhormat Farid juga di kawasan Balik Pulau adalah satu pendekatan yang begitu baik bagi Kementerian Pelancongan kerana isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu boleh ditimbulkan di dalam persatuan ini.

Bagi Kementerian Pelancongan kita tidak memberi semua rumah status *homestay* tetapi apabila permohonan dimasukkan, pegawai-pegawai daripada kementerian akan menyiasat rumah tersebut supaya rumah tersebut dilihat sebagai satu rumah yang boleh diberi taraf *homestay*.

Berkenaan dengan karaoke, itu sebenarnya bila dalam budaya *homestay*, mereka selalu dalam budaya kekeluargaan. Kalau keluarga itu hendak menyanyi karaoke kah, dia hendak buat apa dan sebagainya, pendekatan kita bila kita mempromosikan *homestay* ialah mereka bersama

dengan budaya tempatan. Dan kalau kita tengok, bukan menjadi dasar kementerian bahawa setiap *homestay* perlu ada...

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Menteri, minta celahan. Kuala Krau.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Boleh saya jawab dahulu?

Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh, boleh.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Terima kasih Kuala Krau. Dan kita bukan mengatakan bahawa adanya polisi Kementerian Pelancongan bahawa setiap persatuan *homestay* ke, tuan rumah *homestay* perlu mewujudkan budaya karaoke, sebagai contoh, tetapi termasuk kepada apa yang dapat mereka laksanakan. Selalunya, dengan izin, bayaran *homestay* ialah untuk makan tiga kali sehari bersama dengan tidur di rumah tersebut. Jalan-jalan dan aktiviti sampingan tertakluk kepada persatuan yang menjalankan program *homestay* dalam kawasan tersebut.

■ 1840

Selalunya jumlah *homestay* yang paling besar di dalam negara kita datang daripada pelancong Korea dan juga Jepun. Mereka lebih suka *homestay* daripada pelancong dari Eropah dan Amerika Syarikat. Mungkin itu disebabkan mungkin bagi rumah tersebut mereka mengadakan aktiviti karaoke. Akan tetapi galakan daripada Kementerian Pelancongan ialah memberikan aktiviti-aktiviti tempatan bagi mereka yang menjadi pengunjung kepada produk *homestay*.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit saja Yang Berhormat Menteri. Saya tidak ada masalah mengenai karaoke tersebut kerana yang dikatakan tadi ialah pengalaman kebudayaan setempat. Ini saya rasa aneh kerana yang disajikan kepada pelancong luar di satu tempat iaitu tempat saya membesar itu saya tahu tidak ada budaya itu, satu.

Yang kedua, dibuat ketika malam, ini kes spesifik, tidak patut saya bercakap secara dasar tetapi yang saya cakap secara dasar ini ialah supaya yang disajikan itu adalah budaya setempat yang perlu dikongsi dengan pelancong asing. Akan tetapi yang saya bangkitkan di sini ialah aspek pemantauan tadi supaya di peringkat kementerian itu ialah satu program yang lebih membangkitkan aspek kebudayaan setempat. Jadi saya tidak mempertikaikan, kalau orang itu datang nak karaoke di dalam kampung, saya tidak mempertikaikan tetapi saya mencadangkan tadi dalam nada supaya orang itu bersifat lebih baik. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Memang bagi kementerian, salah satu daripada yang tidak digalakkan ialah budaya barat dan memang mereka bila berminat duduk di kawasan *homestay* kerana dia hendak mengalami budaya tempatan. Kalau dia hendak mengalami budaya barat, selalunya mereka memilih untuk tinggal di kawasan hotel sama ada berapa bintang, lima, enam bintang ataupun dua, tiga bintang. Akan tetapi selalunya mereka yang melibatkan diri dalam produk *homestay* disenaraikan oleh

kementerian, lebih kepada anak-anak sekolah di negara-negara tersebut, selalu menjadi *event school trip* dengan izin.

Saya tidak dapat memberikan Yang Berhormat senarai syarat-syarat yang diberi dari segi program-program tetapi kalau Yang Berhormat sudi saya boleh memberikan secara bertulis dari segi syarat-syarat untuk mengesahkan bahawa setiap rumah *homestay* itu digalakkan supaya budaya tempatan dan tidak budaya dengan izin, *reflect* kepada budaya kita.

Yang Berhormat daripada Titiwangsa menimbulkan isu berkenaan..

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau, dia nak jawab Yang Berhormat Titiwangsa tadi mencelah Yang Berhormat.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Tak apalah, Yang Berhormat Kuala Krau sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Saya jawab selepas Yang Berhormat Titiwangsa ya.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bercakap mengenai kerjasama di antara persatuan-persatuan *homestay* dengan pemimpin-pemimpin masyarakat terutamanya wakil rakyat setempat. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana di kawasan saya di Parlimen Kuala Krau juga tiga projek *homestay* telah dikenal pasti dan berjalan baik. Cuma projek *homestay* di kampung saya sendiri, di kampung Desa Murni, Kerdau, RM450 ribu Yang Berhormat Menteri telah luluskan dan siap bangunan tersebut.

Akan tetapi pengusahanya telah pindahkan setiap program *homestay* atau aktiviti-aktiviti *homestay* yang khususnya untuk pelancong daripada Jepun ke kediaman pengerusi persatuan tersebut dan tinggalah kemudahan tersebut tinggal begitu sahaja dan ditukar kepada tempat di kawasan rumah persendirian dan banyak kelengkapan-kelengkapan sama ada menggunakan duit kerajaan atau duit swasta untuk menaik taraf kawasan kemudahan di kediaman tersebut. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri, saya ingat Yang Berhormat Menteri faham siapakah yang saya sebutkan, tujukan pengusaha tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat daripada Titiwangsa menimbulkan tentang modul kebersihan. Sebenarnya Yang Berhormat, apabila pemohon-pemohon tuan punya rumah nak menawarkan rumah untuk menjadikan salah satu daripada projek *homestay*, kita memang mensyaratkan salah satu daripada syaratnya ialah untuk mengambil kursus yang dianjurkan oleh kementerian dan modul kebersihan memang ada di dalam kursus kesedaran *homestay* yang dianjurkan oleh kementerian dan juga agensi INFRA di bawah KKLW. Ini menunjukkan bahawa memang kita menekankan kepada kebersihan.

Itu sebabnya bantuan peruntukan yang diberi oleh kerajaan hanyalah untuk menaik taraf bilik air. Ini adalah kerana bagi kementerian, kita menyedari mungkin rumah itu usang dan sebagainya tetapi bilik air itu bagi pelancong-pelancong luar, mereka mempunyai minat kepada bilik air kering, dengan izin, *dry toilet* daripada bilik air basah. Itu sebabnya RM5,000 ini diberi kepada mereka yang libat diri dalam program *homestay* atas falsafah untuk mewujudkan dengan izin, *dry toilet*.

Yang Berhormat daripada Kuala Krau pula menimbulkan isu, memang Yang Berhormat, memang salahlah sebab selalunya kalau kita bina dewan ke, bangunan di dalam kawasan projek *homestay*. Objektif utamanya ialah untuk mengumpulkan pelancong-pelancong dalam dewan tersebut supaya kursus-kursus dapat dijalankan bersama. Akan tetapi dalam hal ini, kalau benarlah perkara ini berlaku, saya menggalakkan Yang Berhormat supaya dapat memberi laporan kepada kementerian dan kita akan menyiasat supaya perkara ini dapat dihentikan.

Bagi kementerian, kita sebenarnya kadang-kadang mungkin perlu mendengar alasan yang dibuat oleh mereka, pengerusi *homestay* yang disebut oleh Yang Berhormat. Mungkin dewan tak ada elektrik dan sebagainya tetapi dalam aspek ini secara umum dasar kementerian memang tidak bolehlah sebab kadang-kadang rumah pengerusi pun tidak begitu besar. Dan kalau rumah yang kadang-kadang laporan kita dapat, dewan yang dibina selalunya sebelah rumah pengerusi. Jadi seolah-olah dewan menjadi hak pengerusi dan sebagainya. Itu sebabnya bagi kementerian, kita tidak boleh membenarkan perkara ini berlaku terutama sekali dari segi tidak mahu menggunakan dewan yang telah dibina. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Yang Berhormat dari Kimanis pula bertanyakan berkenaan dengan usaha-usaha yang dijalankan bagi mempromosi Wilayah Persekutuan Labuan secara agresif.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan menerusi agensi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia akan meneruskan usaha mempertingkatkan promosi dan tarikan pelancong yang sedia ada di semua tempat termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan. Di antara usaha tersebut ialah menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan, membangunkan pakej-pakej pelancongan untuk dipasarkan kepada pelancong asing serta pelancongan domestik. Tarikan yang popular bagi Wilayah Persekutuan Labuan ialah pulau bebas cukai dan juga merupakan pusat kewangan di rantau Asia. Dengan izin, melalui *familiarization trip*, pengusaha-pengusaha pelancong serta media asing dijemput untuk membuat lawatan ke tempat pelancongan yang menarik di Wilayah Persekutuan Labuan.

Melalui program ini, Wilayah Persekutuan Labuan telah didedahkan kepada pelancong luar negeri secara lebih dekat melalui penjualan pakej-pakej pelancongan dan pendedahan dalam media massa di luar negara. Pada tahun 2008, seramai 42 orang peserta terdiri daripada wakil-wakil media dan agensi pelancongan luar negara menghadiri *Labuan International Sea Challenge* yang merangkumi pelbagai acara seperti *Labuan International Games Fishing*

Tournament, Labuan Cross Channel Swimming Challenge, State Performance and Beach Tele Matches, Labuan Round Island Kayak Challenge dan Kayak Sprint, dengan izin. Program ini terdapat di dalam *calendar of events* dengan izin, *Tourism Malaysia* dengan program *Mega Fam* yang diadakan secara berterusan.

Bagi promosi pelancongan domestik pula, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia menganjurkan *Zoom Malaysia Travel Fair* bertujuan untuk memasarkan pakej pelancongan domestik termasuk terus kepada Labuan dan harapan Kementerian Pelancongan ialah untuk menggalakkan ramai rakyat Malaysia meletakkan percutian di dalam negara. Usaha-usaha mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan turut dilakukan melalui pengiklanan elektronik dan media cetak, penerbitan brosur khusus untuk wilayah pendidikan dan publisiti di laman web. Unit penerbitan risalah menerbitkan risalah *homestay* dalam dua bahasa iaitu Inggeris dan Jepun dan bagi tahun 2008, sebanyak 100,000 naskhah bahasa Inggeris dan 20,000 naskhah bahasa Jepun telah dicetak dan diedarkan.

Tahun 2009, unit penerbitan risalah sedang dalam proses mengemas kini dan dalam pendekatan ini, kita akan mencetak semula 5,000 naskhah *simplified brochure* Wilayah Persekutuan Labuan pada 25 Februari 2009. Bagi risalah *special interest* dengan izin, boleh dikatakan kebanyakan risalah ada memuatkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pilihan. Contohnya seperti *diving paradise education tourism, island beaches eco-tourism* dan seterusnya. Pelancongan domestik juga banyak dibantu dengan penerbangan terus tambang murah AirAsia yang mengadakan sebanyak dua kali penerbangan dari Kuala Lumpur ke Labuan setiap minggu. MAS pula mempunyai 14 kali penerbangan seminggu di samping MASWings, anak syarikat Malaysia Airlines turut mengadakan perkhidmatan penerbangan antara wilayah-wilayah di negeri tersebut.

Yang Berhormat daripada Sepanggar pula bertanyakan mengenai bantuan promosi yang diberikan kepada penduduk kampung yang terlibat diri dalam usaha *homestay*.

■ **1850**

Bagi tahun 2008, sebanyak RM2 juta telah dibelanjakan dan dalam tahun ini permohonan Kementerian Pelancongan di dalam mini bajet ialah sebanyak RM10 juta supaya dapat mempromosikan secara agresif produk *homestay* terutama sekali melalui misi-misi jualan domestik dan antarabangsa khususnya pasaran Jepun dan Korea secara usaha sama dengan Persatuan *Homestay* Malaysia. Selain itu, menganjurkan lawatan suai kenal kepada pelajar-pelajar asing di Malaysia ke *homestay-homestay* terpilih, menjalankan taklimat mengenai *homestay* kepada para diplomat asing manakala pengiklanan melalui media elektronik pula, *Tourism Malaysia* telah menghasilkan iklan televisyen bertajuk *Zoom Warisan dan Budaya*. Kementerian melalui *Tourism Malaysia* juga telah menerbitkan risalah *homestay* dalam dua versi iaitu bahasa Inggeris dan juga Jepun.

Selain itu, promosi juga dilaksanakan melalui laman web khas yang dibina untuk program *homestay*. Laman web ini boleh dikunjungi di alamat www.homestaymotour.gov.my. Yang Berhormat daripada Kalabakan juga telah menimbulkan isu berkenaan dengan syarikat besar yang ada membuat permohonan untuk melabur di *Sabah Medical Tourism* setahun lalu tetapi masih tidak mendapat kelulusan. Sebenarnya bagi Kementerian Pelancongan, kita sentiasa mengalu-alukan usaha menarik pelancong untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan di dalam negara kita. Peningkatan bilangan pelancong yang akan membantu membangunkan *Medical Tourism*, secara khususnya Kementerian Kesihatan merupakan agensi peneraju dalam membangunkan *Medical Tourism* termasuk dari segi bilangan pengamal perubatan, pengiktirafan ubat-ubatan dan sebagainya.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Kementerian Pelancongan membantu menjalankan aktiviti promosi bagi *Medical Tourism*. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan termasuk *Medical Tourism* telah dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Menteri? Sila, Yang Berhormat Pendang.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang *Health Tourism* ini, saya rasa kita perlu fokus kepada rakyat dan juga kepada pelancong, kerana baru-baru ini kita telah sentuh dalam Titah Diraja juga berhubung dengan *Health Tourism* ini. Sebenarnya apabila semakin banyak hospital swasta yang dibina untuk memberi perkhidmatan kepada pelancong-pelancong, kita juga mungkin kehilangan pakar-pakar tempatan yang beralih daripada hospital kerajaan ke hospital swasta yang memberi khidmat kepada pelancong ini.

Jadi saya harap kita tidak terlalu agresif terhadap pembinaan *Health Centre* ini yang dikendalikan oleh pihak swasta. Ini kerana kita takut nanti rakyat tempatan juga akan terabai disebabkan oleh perpindahan ataupun penghijrahan mereka ke hospital-hospital swasta ini. Saya harap pihak kementerian perlu memberi perhatian juga terhadap perkara ini. Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Pendang, saya dimaklumkan bahawa baru-baru ini jumlah pengunjung ke hospital swasta telah turun dan ramai pengunjung telah pergi ke hospital kerajaan disebabkan oleh kegawatan ekonomi negara. Akan tetapi berkenaan pelancong, sebenarnya Yang Berhormat selalunya pelancong bila mereka datang ke negara kita untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan di bawah tajuk *Medical Tourism*. Selalunya mereka mencari bukan saja dalam aspek kepakaran, tetapi juga berkenaan dengan isu kos dan juga berkenaan dengan isu sejauh mana dapat dilaksanakan perkhidmatan perubatan

ini. Saya dimaklumkan kelebihan Malaysia adalah kepakaran yang kita ada berbanding dengan negara jiran terutama sekali Indonesia.

Memang kalau kita bandingkan dengan Singapura, mereka mempunyai kepakaran yang lebih tetapi kos di Malaysia adalah lebih murah daripada mendapatkan perubatan di Singapura. Kalau kita tengok di negara Thailand yang dulunya memang mempunyai kemahiran terutama sekali dalam aspek *Medical Tourism*, disebabkan oleh masalah ekonomi politik tempatan atau politik dalaman negara, maka Malaysia menjadi fokus kepada untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan. Bagi Kementerian Pelancongan, kita melihat pelaksanaan syarat-syarat dan seterusnya peraturan mewujudkan hospital swasta adalah terletak dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Akan tetapi bagi Kementerian Pelancongan, kita melibatkan diri dalam aspek mempromosikan hospital-hospital dan kepakaran pakar serta doktor-doktor yang ada dalam negara kita. Ini supaya kita mendapat kelebihan dari segi kebolehan mereka berbanding dengan kebolehan yang ada dalam negara-negara lain.

Saya dimaklumkan Malaysia masih menjadi tempat utama. Walau bagaimanapun, bila kritikan yang ada dalam Malaysia, selalunya proses hendak masuk ke dalam negara untuk mendapatkan perkhidmatan. Bukan dari segi kualiti perkhidmatan yang telah kita beri dan ini selalunya berlaku kepada pelancong daripada Indonesia. Apabila mereka datang ke negara kita, kadang-kadang seolah-olah ada soalan-soalan yang ditimbulkan oleh pihak Imigresen yang tidak percaya kepada keikhlasan kepada mereka untuk datang ke negara kita untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan. Itu sebabnya bagi Kementerian Pelancongan, kita telah menimbulkan isu ini dalam Jawatankuasa Kabinet Pelancongan dan ingin bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mencadangkan proses menerima kehadiran pelancong dalam aspek *Medical Tourism* ini boleh dilakukan di dalam proses hospital untuk cop passport sebagai contoh. Bukannya untuk dilakukan di Imigresen yang kadang-kadang menanyakan soalan-soalan yang mewujudkan kemarahan bagi pelancong-pelancong untuk mendapatkan perkhidmatan *Medical Tourism*.

Dari segi promosi memang Kementerian Pelancongan merasakan bahawa promosi yang agresif patut dijalankan oleh kerajaan kerana kita melihat ekonomi kita membolehkan kita mendapatkan keuntungan dari segi perkhidmatan perubatan yang telah kita tawarkan dalam aspek hospital swasta.

Yang Berhormat daripada Simpang Renggam telah menimbulkan isu tentang langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan kecantikan asal ekologi kita supaya tidak terjejas dan memastikan Malaysia terus meraih pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara. Kerajaan juga mesti meneliti cadangan untuk menubuhkan pasukan Polis Pelancong, dengan izin, *Tourist Police* seperti di Thailand untuk memberi perlindungan kepada pelancong-pelancong yang melawat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, ekopelancongan adalah salah satu daripada kelebihan..

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya mendapat maklumat bagaimana polis pelancong ini tidak diadakan di beberapa negeri termasuk Kelantan sedangkan Kelantan adalah salah satu daripada pintu masuk pelancong daripada negara jiran. Jadi saya ingin penjelasan adakah perkara ini telah ada perbincangan dengan pihak Kementerian Dalam Negeri? Sejauh mana usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menjamin keselamatan pelancong-pelancong yang datang daripada pintu masuk di sebelah negeri Kelantan? Terima kasih.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Berkenaan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Secara umumnya bila kita tengok kepada kewujudan pasukan polis pelancong, memang bagi kementerian ini adalah satu penubuhan atau satu rangkaian yang begitu penting kerana dengan kehadiran mereka akan memberi keyakinan kepada pelancong. Walau bagaimanapun, memang saya setuju. Kalau kita banding dengan Thailand, mereka memang telah menubuhkan secara agresif. Unit Polis Pelancongan dalam negara kita, saya dimaklumkan Unit Polis Pelancong di Kuala Lumpur, terdapat seramai 140 orang anggota yang mana pejabatnya terletak di Pusat Pelancongan Malaysia, Jalan Ampang. Jawapan rasmi yang saya punyai di depan sini memaklumkan bahawa Pasukan Polis Pelancong, ada juga Unit Polis Pelancong di setiap negeri.

Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat, saya tidak pernah perasan adanya anggota Polis Pelancong negeri-negeri terutama sekali di Kelantan. Saya tidak perasan. Mungkin disebabkan oleh pakaian yang dipakai oleh Polis Pelancong ini. Saya tidak pasti. Akan tetapi saya boleh memberi jawapan secara bertulis sejauh mana di setiap negeri dan sebanyak mana. Akan tetapi di Kuala Lumpur, jawapan yang saya terima ialah sebanyak 140 orang anggota. Bagi Kementerian Pelancongan, kita melihat memang perlunya Unit Polis Pelancong yang lebih ramai anggota kerana dapat memberikan keyakinan kepada pelancong. Izin saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Berkenaan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam. Sememangnya kita melihat salah satu daripada penekanan yang perlu kita lakukan ialah dalam aspek mewujudkan kerjasama antara Kementerian Pelancongan dan kementerian yang relevan dalam isu alam sekitar seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Masalah yang kita hadapi dalam aspek alam sekitar dari segi Kementerian Pelancongan bukanlah agensi Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi lebih kepada isu contohnya penggunaan tanah di peringkat negeri-negeri oleh kerajaan negeri. Dalam isu alam sekitar, selalunya dalam penyalahgunaan tanah dan sebagainya di dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

Saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bahawa perlu diwujudkan satu dalam aspek undang-undang yang lebih memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan terutama sekali dalam aspek alam sekitar. Bagi Kementerian Pelancongan, kita melihat salah satu daripada pendekatan yang dapat memastikan kecantikan asal dan ekologi kita adalah lebih kepada menekankan sifat tanggungjawab oleh rakyat Malaysia terutama sekali kepekaan mereka dalam isu alam sekitar. Tidak boleh hanya menjadi tanggungjawab kerajaan.

▪ **1900**

Akhir sekali Yang Berhormat Ipoh Timur telah meminta Menteri menyatakan tindakan yang diambil bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikat Melia Travel Agency. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, syarikat Melia Travel Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian dengan agensi pelancongan iaitu *Malaysia Travel Bureau* pada 1 Julai 1996 di mana *Malaysia Travel Bureau* bersetuju membeli satu juta saham biasa pada harga RM1 se saham. Jumlah harga pembelian saham tersebut adalah sebanyak RM2.5 juta. MTB telah membatalkan perjanjian tersebut pada 7 November 1997 atas alasan berikut iaitu Melia Travel telah memalsukan penyata akaun beraudit bagi tahun berakhir 31 Mei 1996. Melia Travel menyimpan dua set penyata akaun beraudit yang berlainan pada tahun akhir 31 Mei 1996. Penyata akaun beraudit yang diberi kepada PEMPENA sebelum perjanjian pembelian saham ditandatangani, menunjukkan Melia Travel berada dalam keadaan keuntungan. Satu set akaun beraudit yang lain telah dihantar kepada MTB menunjukkan Melia Travel berada dalam kerugian.

Ini menunjukkan bahawa antara pengarah syarikat tidak memaklumkan kepada Malaysia Travel Business bahawa Melia Travel dalam keadaan *insolvent* iaitu tiga pemiutang telah mengambil tindakan undang-undang ke atas Melia Travel untuk mendapatkan hutang mereka. Ini juga tidak didedahkan, MTB telah membatalkan perjanjian pembelian saham dengan Melia Travel pada 7 November 1997 dan meminta Puan Hajah Melia Majilis membayar semula wang pendahuluan tersebut. Oleh itu pengarah syarikat ini telah disahkan bankrap melalui petisyen oleh syarikat IGB Corporation Berhad dan bukan oleh Malaysia Travel Business.

Buat masa ini kes mahkamah tentang tuntutan wang pendahuluan dan aset berjumlah RM68,929 antara *Malaysia Travel Bureau* dan Melia Travel masih belum diselesaikan. Kes akan disebut semula pada 16 Mac 2009. Walau bagaimanapun pengurusan PEMPENA sedang berusaha menyelesaikan kes ini di luar mahkamah, bukan kerana tiada kes terhadap pengarah syarikat tetapi lebih kerana kes ini telah berpanjangan dan melibatkan kos guaman yang begitu tinggi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Saya hendak bertanya, dalam ucapan saya pembayaran guaman kepada Lee Hishamuddin khasnya mengurus kes ini, oleh kerana sepanjang kes ini tuntutan RM60 ribu, RM70 ribu sahaja tetapi saya percaya pembayaran guaman lebih daripada itu dan kenapa ini berlaku dan kenyataan ataupun penjelasan dibuat oleh

Yang Berhormat Menteri nampaknya tidak memberi gambaran yang sepenuhnya. PEMPENA sepatutnya membantu membina rakyat dan bukan membunuh kehidupan rakyat dan apakah alasan yang sebenarnya PEMPENA menghalang Melia lepas dari *bankruptcy* di Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam kes IGP vs Melia Majilis. Apa alasan PEMPENA ambil tindakan mengetepikan pelepasan *bankruptcy* yang telah Melia peroleh? Apakah tindakan ini patut dan adil?

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat Ipoh Timur, kes berada dalam bidang kuasa mahkamah. Saya tidak dapat menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tetapi jika Yang Berhormat izin soalan secara bertulis boleh saya jawab. Dari segi fakta yang ada depan saya, saya memaklumkan tentang dengan izin, *chronology case* dan memaklumkan tentang jumlah aset berkenaan dengan jumlah kos peguam sebanyak jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat lebih dari kos tuntutan, saya juga tidak mempunyai pengetahuan tetapi kesimpulan daripada ucapan saya adalah bahawa pengurusan PEMPENA sedang berusaha untuk menyelesaikan kes ini di luar mahkamah bukan kerana tidak ada kes terhadap pengarah syarikat tetapi kerana kes ini berpanjangan dan melibatkan kes guaman yang tinggi. Bererti kesimpulannya, Kementerian Pelancongan bersetuju bahawa perlu kita mengurangkan kos kalau kita hendak menyelesaikan isu ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akhir, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi perhatian yang tersendiri supaya kes ini boleh diselesaikan dan tidak dipanjangkan.

Datuk Seri Azalina binti Othman Said: Insya-Allah Yang Berhormat Ipoh Timur, sebab isu kalau kita bercakap tentang PEMPENA banyak, bukan sahaja kes ini tetapi juga kes-kes lain dan pelaburan-pelaburan syarikat PEMPENA itu sekarang ini mempunyai siasatan di bawah PAC Parlimen kita. Bagi Kementerian Pelancongan ini salah satu daripada kes yang tertunggak dalam fail kes PEMPENA yang banyak lagi isi-isu yang perlu diselesaikan.

Kalau kes yang membawa kepada kerugian dan pengarah syarikat adalah seorang yang bankrap, perlu kita buat kajian supaya tidaknya kos untuk mana-mana pembayaran yang tinggi bagi syarikat PEMPENA. Jawapan saya, memang kita perlu mengurangkan kos.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan mana-mana perkara yang tidak disentuh dalam jawapan ini, maka kementerian akan mengemukakan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sekarang saya menjemput Menteri Wilayah Persekutuan.

7.05 mlm.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Sri Zulhasnan Rafique]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarokatuh*, Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan usul menjunjung kasih ke atas Titah Diraja. Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya akan memberi penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan.

Pertama sekali, Ahli Yang Berhormat Titiwangsa telah membangkitkan isu tentang pembangunan insan yang perlu seiring dengan pembangunan fizikal di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan sememangnya sedar akan keperluan pembangunan insan seiring dengan pelaksanaan pembangunan fizikal di Kuala Lumpur bagi merealisasikan impian agar Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar raya bertaraf dunia pada tahun 2020. Penekanan terhadap pembangunan fizikal perlu diimbangkan dengan pembangunan kemanusiaan. Di dalam pindaan peruntukan tahun 2009 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, RM306 juta telah diperuntukkan untuk tujuan merancang, melaksanakan membina pelbagai projek pembangunan termasuk projek-projek pembinaan bangunan kemudahan awam, komersial, pasar dan gerai serta kemudahan-kemudahan sukan, kerja-kerja perparitan dan jalan raya. Dalam masa yang sama Yang Berhormat, DBKL juga telah memperuntukkan sebanyak RM20.35 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti pembangunan termasuk kepada kemanusiaan, sosial dan kemasyarakatan. Antara aktiviti yang ditekankan oleh DBKL adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan program pembasmian kemiskinan bandar;
- (ii) melaksanakan pelbagai aktiviti dan pembangunan komoditi dan sosial;
- (iii) melaksanakan program pendidikan untuk membantu golongan miskin, golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna; dan
- (iv) melaksanakan pelbagai program sukan di pelbagai golongan masyarakat dan pelbagai peringkat pertandingan.

Perlaksanaan program-program yang saya sebutkan tadi adalah berupaya membentuk masyarakat warga kota yang bersatu padu, bertanggungjawab dan sama-sama komited untuk membangunkan Kuala Lumpur. Ini boleh mengurangkan gejala sosial, vandalisme, kacau ganggu dan sebagainya.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat telah mendakwa tiada satu *plan* atau perancangan yang khusus bagi pembangunan Kampung Baru dan kampung-kampung...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan. Terima kasih, saya berminat dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan Program Bina Insan yang dilakukan untuk warga kota. Kalau kita datang ke Kuala

Lumpur, saya daripada luar bandar datang ke Kuala Lumpur, kita lihat bagaimana di antara perkara yang mencemarkan imej Kuala Lumpur ialah wujudnya golongan-golongan maknyah yang bersekitaran terutama di Jalan Chow Kit dan sebagainya. Jadi perkara ini adalah satu perkara yang memang memalukanlah. Sejauh mana pemantauan dan usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan supaya perkara ini dapat diatasi sebaik mungkin? Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat, perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah melalui Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja dan juga agensi-agensi yang lain. Statistik operasi ini saya tidak ada di sini Tuan Yang di-Pertua tetapi selepas ini kita boleh maklumkan kepada Yang Berhormat dalam cara bertulis tentang jumlah operasi dan tindakan yang telah dilakukan dalam masa setahun dan tahun-tahun sebelum ini. Terima kasih.

■1910

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penjelasan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu Yang Berhormat hendak bagi? Dua orang.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata Kuala Lumpur sebagai satu bandar raya bertaraf dunia. Akan tetapi baru-baru ini hujan lebat di kawasan Tiong Nam. Pusat Bandar banjir kilat sehingga tiga ke empat kaki. Ini satu yang malukan. Apakah tindakan yang selanjutnya yang diambil oleh kerajaan tempatan khususnya DBKL untuk mengatasi banjir kilat di Kuala Lumpur ini. Oleh kerana kita nyatakan Kuala Lumpur sebagai satu bandar raya bertaraf dunia, akan tetapi banjir sering berlaku di Kuala Lumpur ini. Baru-baru ini saya dapat banyak aduan dari penduduk-penduduk. Minta penjelasan.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Tindakan untuk menentukan banjir kilat tidak berlaku dan banjir di Kuala Lumpur di uruskan oleh Kementerian Sumber Asli dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Projek-projek yang termasuk kolam takungan banjir dan juga projek terusan yang diadakan di sebahagian utara Kuala Lumpur dan kolam takungan banjir yang maklumatnya saya boleh beri secara terperinci kepada Yang Berhormat sedang dan dilaksanakan.

Kolam-kolam takungan banjir yang kecil tujuh projek telah pun diberi kepada kontraktor-kontraktor dan tujuh lagi projek akan ditawarkan dalam masa tahun ini. Semua projek ini Yang Berhormat, adalah untuk menentukan masalah banjir kilat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak berlaku dalam masa tahun 2020. Dalam masa yang sama kita perlulah, penduduk-penduduk warga kota Tuan Yang di-Pertua menentukan longkang-longkang mereka tidaklah

tersumbat. Kalau ada masalah-masalah di mana ada barang-barang yang perlu dibuang, silalah buang pada tempat-tempat yang sesuai.

Dalam masa yang sama rangkaian longkang-longkang dan lain-lain dan sungai-sungai kontrak-kontrak diberi kepada kontraktor-kontraktor untuk menentukan sungai pun tidaklah tercemar dengan barang-barang yang tidak patut berada dalam sungai itu. Dengan itu kalau Yang Berhormat Bukit Bintang perlu satu penjelasan yang lebih terperinci kita boleh beri kepada Yang Berhormat. Sebab soalan ini tidak termasuk dalam soalan asal dalam perbahasan ini. Sila.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya berapakah banyak ataupun adakah satu kajian yang dibuat daripada RM20 juta yang diperuntukkan untuk meningkatkan modal insanlah, kalau mudahnya kita sebutkan di sini, di Bandaraya Kuala Lumpur ini? Berapakah banyak daripada peruntukan yang telah dibuat, program-program yang telah dijalankan memberi hasilnya. Adakah kajian dibuat? Sebab kalau realitinya kita lihat, realitinya masalah sosial bertambah.

Keadaan moral penduduk Bandaraya Kuala Lumpur terutama golongan muda kita tidak boleh hendak menafikan semakin teruk. Indeks jenayah juga meningkat. Jadi di sini saya lihat tidak ada satu, kalau saya hendak katakan kesungguhan. Sebab saya percaya ini bukanlah satu-satunya tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini melibatkan banyak pihak. Akan tetapi, saya rasa satu usaha yang lebih lagi bersungguh-sungguh dan perlu dilihat kembali. Adakah program-program yang dijalankan itu benar-benar boleh menangani permasalahan sosial, moral dan juga jenayah di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Jadi saya harap dapat sedikit penjelasan di situ.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebutkan tadi 20.35 juta adalah untuk menjalankan pelbagai aktiviti pembangunan termasuk kemanusiaan, sosial dan kemasyarakatan. Saya akan masuk secara terperinci sikit oleh sebab Yang Berhormat tanya soalan tadi. Pertama melaksanakan program pembasmian kemiskinan bandar. Ini termasuk bekalan makanan asas, bantuan berkhatan untuk anak-anak beragama Islam, perkakasan dan peralatan persekolahan, kursus-kursus kemahiran bagi menjanakan pendapatan golongan sasaran, menyediakan kaunselor sambilan untuk memotivasikan golongan ini.

Perkara kedua yang disebutkan tadi melaksanakan program aktiviti pembangunan komuniti dan sosial. Ini tujuannya untuk membangunkan modal insan, membangunkan komuniti harmoni dan memupuk harmoni ke arah mewujudkan gaya hidup sihat, perpaduan dan menghindarkan gejala sosial. Kumpulan sasarannya Yang Berhormat, adalah untuk golongan remaja belia, dewasa, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Aktiviti merangkumi bantuan kewangan kepada persatuan penduduk bagi membolehkan pelbagai aktiviti masyarakat dilaksanakan. Menjalankan program modal insan khusus untuk warga emas.

Di Kuala Lumpur Yang Berhormat, kita ada lima buah kelab warga emas iaitu Kelab Warga Emas Bandar Tun Razak, Perumahan Awam Seri Labuan, Jalan Siakap Cheras, Bandar

Baru Sentul dan Sri Petaling. Aktiviti termasuklah pemeriksaan kesihatan, ada seminar, amalan gaya hidup dan lain-lain. Bagi remaja Yang Berhormat sebutkan tadi, aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk karnival sukan, sukaneka, kem motivasi, *home stay*, dan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Aktiviti termasuklah tele kaunseling yang membolehkan warga kota Kuala Lumpur mendapatkan khidmat kaunseling secara percuma serta bantuan logistik.

Ketiga, melaksanakan program pendidikan ia termasuk bantu golongan miskin dan dengan itu Pusat Taman Sang Kancil untuk kanak-kanak berumur antara empat ke lima tahun diwujudkan. Ada 20 buah Taman Sang Kancil Yang Berhormat. Keempat, melaksanakan program sukan tadi, kita menganjurkan pertandingan sepak takraw, kejohanan *street soccer*, tarik tali, bola jaring, karom dan senamrobik dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua peruntukan ini diberi untuk warga kota. Dengan itu kita perlulah kerja sama bukan sahaja warga kota tapi juga semua ibu bapa menentukan anak-anak mereka terlibat dalam masa yang sama mereka boleh bekerjasama dengan kita menentukan gejala sosial Yang Berhormat sebutkan tadi dapat dikawal dengan baiknya. Yang Berhormat bagi Titiwangsa mendakwa tidak ada satu pelan atau perancangan yang khusus bagi pembangunan Kampung Baru. Dakwaan oleh Yang Berhormat berkenaan bahawa tidak ada pelan perancangan yang khusus adalah tidak betul Yang Berhormat.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Wilayah pada 3 Oktober 2005 telah mengambil inisiatif menubuhkan Unit Khas Pembangunan Kampung Baru yang dianggotai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan, PTG dan DBKL tujuannya Yang Berhormat adalah untuk menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan dokumen daftar hak milik tanah di Kampung Baru. Unit ini pada asalnya beroperasi di Dewan Orang Ramai Jalan Hamzah. Akan tetapi kini telah berpindah ke Menara DBKL. Sepanjang unit ini beroperasi terutama pada tahun 2005-2006, sejumlah 110 kes telah diutarakan oleh penduduk Kampung Baru. Ini termasuk masalah daripada segi pertukaran nama dalam geran tanah, masukkan nama waris yang baru, permohonan mendapatkan geran tanah yang baru, masalah pusaka waris yang telah meninggal dunia, dan semakan terhadap status tanah serta milik yang sah.

Di samping itu kerajaan melalui DBKL tidak pernah meminggirkan pembangunan awam, RMK-9 kita telah peruntukan RM100 juta bagi merancang melaksanakan lima projek pembangunan utama:

- (i) Rancang pembangunan semula tapak pasar minggu;
- (ii) menaik taraf pemindahan Jalan Raja Alang dan Raja Muda Musa;
- (iii) membina, mempertingkatkan rangkaian jalan raya yang menghubungkan Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Tun Razak;
- (iv) pembangunan dan pemindahan kawasan sekitar Jalan Raja Bot dan Raja Husien; dan

- (v) mempertingkatkan dan pemindahan kawasan pejalan kaki di Jalan Raja Alang di antara Jalan Raja Abdullah dengan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Pada tahun 2006 Yang Berhormat, juru perunding perancang bandar telah dilantik untuk membuat satu pelan induk pembangunan bagi Kampung Baru. Penyediaan draf Pelan Tempatan Kampung Baru ini telah dibuat selaras dengan penyediaan draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur. Draft ini dinamakan Draft Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020. Salah satu *blue print* yang akan memantau perancangan dan pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga tahun 2020. Di dalam empat jilid yang sedia ada, jilid yang keempatlah termaktub hal-hal mengenai Kampung Baru.

Jilid yang keempat ini, keperluan penyediaannya adalah kerana Kampung Baru telah kenal pasti sebagai kawasan pembangunan komprehensif dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020.

■ 1920

Dan jilid ini adalah dokumen khusus untuk perancangan dan kawalan pembangunan Kampung Baru. Ia membincang isu, potensi dan alternatif pembangunan dan cadangan pembangunan yang dipilih serta kaedah pengurusan yang melaksanakan bagi pembangunan kawasan ini. Dan di peringkat pelan ini hanya untuk menentukan zon guna tanah dan konsep pembangunan berserta cadangan intensif dan sesuai dengan matlamat dan peranan strategik pelan itu, iaitu Kampung Baru sebagai kawasan perniagaan, Kampung Baru sebagai pusat kebudayaan dan pelancongan dan Kampung Baru sebagai kawasan kediaman utama dewan di dalam bandar atau *urban living*.

Pelan ini telah dipamerkan kepada warga kota dan penduduk Kampung Baru pada bulan Mei-Jun 2008. Beberapa sesi taklimat berkenaan pelan ini turut diadakan Yang Berhormat. Rancangan mengenai pelan ini juga telah diberi kepada penduduk, persatuan penduduk, pihak NGO, agensi dan pihak kepentingan dan saya akan bacakan pada Yang Berhormat, taklimat dan seminar yang telah diadakan berkenaan Draft Pelan Kampung Baru ini. Pada 17 Jun, taklimat kepada Lembaga Pentadbiran MAS Kampung Baru telah diadakan, 21 Jun taklimat kepada Persatuan Pembangunan Kampung Baru, 24 Jun taklimat kepada penduduk Kampung Baru, 22 Julai taklimat kepada agensi kerajaan, agensi korporat, NGO, persatuan penduduk, wakil media dan penduduk dan pihak-pihak yang terlibat. Pada 11 Ogos, Pembentangan dan Pameran dalam Konvensyen GABEM dan 19 Ogos, seminar Draft Pelan Bandar Raya Kampung Baru, anjuran Persatuan Pembangunan Kampung Baru di Legend Hotel Kuala Lumpur. Sila.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya. Sila Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Saya bersetuju bahawa memang telah ada Draf Pembangunan Kampung Baru ini dalam Draf Kuala Lumpur 2020. Cuma apa yang saya katakan tadi adalah dari segi penditilan pembangunan Kampung Baru itu. Konsepnya yang mana satu? Adakah benar-benar penduduk-penduduk Kampung Baru telah membuat satu pilihan antara empat pilihan yang dikemukakan dalam Draf Pembangunan Kampung Baru itu? Setakat yang saya tahu melalui pergaulan saya dan perhubungan saya dengan penduduk Kampung Baru, mereka terlalu kabur apa yang akan berlaku kepada mereka terutama tentang pemilikan, adakah mereka akan terus memiliki aset yang mereka miliki sekarang?

Seterusnya sepanjang waktu pembangunan, adakah mereka boleh memilih misalnya tidak mahu membangunkan kawasan mereka? Mereka mahu tetap duduk dalam rumah banglo lama yang kepunyaan mereka sekarang dan mereka tidak mahu terlibat dengan apa-apa pembangunan yang lebih besar, yang mungkin akan memberi kesusahan kepada mereka. Dan sekiranya pula yang memilih misalnya, *high rise building* dengan izin, bagaimanakah di situ peluang memastikan mereka masih memiliki aset dan juga memiliki bangunan yang akan dibina?

Sepanjang waktu pembangunan, di manakah mereka akan di tempatkan, bagaimana mereka yang menjadi *landlord*? Adakah mereka akan diberi ganti rugi dan inilah persoalan-persoalan dan permasalahan-permasalahan yang sering dikemukakan dan saya kira pendetailan ini belum ada dan sebab itu, saya mencadangkan Seminar Pembangunan Kampung Baru dan apa yang disenaraikan oleh Dato' Menteri tadi itu adalah majlis-majlis taklimat dan penerangan tentang Draf Kuala Lumpur 2020. Yang kalau sekiranya Dato' Menteri meneliti hasil perjumpaan ini, ramai penduduk Kampung Baru yang merasakan mereka tidak ada peluang ataupun ruang untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka.

Seterusnya Dato' Menteri tentang pasar minggu, saya difahamkan pada 19 Mac ini akan diadakan satu pecah tanah oleh Perdana Menteri Malaysia di pasar minggu, saya ingin tahu juga, adakah benar majlis ini akan berlangsung dan adakah benar-benar peruntukan ada untuk pembangunan Pasar Minggu Kampung Baru? Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Dato' Menteri ada topik yang sama.

Dato' Seri Zulhasnan Rafique: Okey sila.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Dalam berapa isu, pertama Kampung Baru, kami Ahli-ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan baru dapat tahu bahawa ada taklimat-taklimat seperti yang telah disenaraikan tadi. Ini bukan saja khusus di Kampung Baru, tetapi taklimat ini yang dipanggil hanya penduduk berkenaan. Akan tetapi pembangunan sesuatu daerah itu bukan saja penduduk atau pemilik kedai atau pemilik tanah, tetapi ini melibatkan input dari semua pihak. Saya nampak sungguhpun sudah banyak *red-tape* bahawa kita harus mempunyai satu kerjasama yang lebih erat,

mendengar cadangan-cadangan dari Ahli-ahli Parlimen, tetapi dalam taklimat ini kebanyakan tidak dimaklumkan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Saya percaya Yang Berhormat Titiwangsa pun tidak dimaklumkan dalam taklimat ini. Akan tetapi saya juga ingin secara lebih umum. Pembangunan Kampung Baru ini bukan isu pemilik tanah dan isu orang-orang yang menghuni di sana, tetapi Kampung Baru merupakan satu warisan untuk Bandaraya Kuala Lumpur dan pembangunan ini harus melibatkan bukan sahaja orang yang duduk di sana tetapi seluruh negara. Kalau kita ingin menonjolkan negara kita adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan Kampung Baru merupakan kawasan tumpuan orang Melayu di sana dan budaya bandar raya ini harus dipertahankan dan ini harus juga melibatkan lebih banyak pihak dalam pembangunan ini.

Secara lebih umum lagi saya juga ingin bertanya yang disebutkan empat jilid Draf Pelan Kuala Lumpur ini, sehingga sekarang kita masih satu jilid lagi *missing*, sehingga sekarang kita tidak dapat merujuk kepada butiran-butiran dalam jilid itu. Saya ingin bertanya, sampai bila kita akan menyembunyikan draf pelan jilid itu dalam alasan kata ia terlalu teknikal atau sebagainya tetapi adalah *urgent* kalau kita boleh mendapat sedikit penjelasan, bilakah kita akan menjadi lebih *transparent* dalam isu ini.

Dato' Seri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Titiwangsa tadi telah menyentuh tentang isu-isu, di mana kemungkinannya rakyat atau dalam hal ini khususnya mungkin Ahli Parlimen sendiri tidak dirujuk tentang perancangan atau pelan-pelan untuk mengeluarkan perancangan Kampung Baru. Perancangan Kampung Baru ini Tuan Yang di-Pertua, telah lama dibincangkan bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi juga di kementerian. So, dengan itu kita telah mengeluarkan satu kaedah di mana mula-mulanya kita perlu mengeluarkan satu draf konsep, itulah sebabnya pelan ini dinamakan Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur.

Apabila menjadi draf, pelan ini akan dibentangkan kepada warga kota dan dalam sesi-sesi Jawatankuasa Pendengaran Awam, mereka yang mempunyai cadangan-cadangan dan juga pada mereka yang tidak setuju atau setuju, kepada draf ini dapatlah memberi maklumat dan juga dapat hadir dalam sesi pendengaran. So, dengan itu empat konsep telah dikemukakan oleh juru perunding dan empat konsep ini terletak di dalam jilid nombor 4 ini dan dengan itu, kalau saya tidak silap sesi pendengaran bagi memorandum bantahan terhadap draf pelan ini oleh Badan Bertindak Pembangunan Kampung Baru telah didengar pada 17 Februari 2009 dan bukan sahaja Jawatankuasa Pendengaran Awam akan dengar atas isu-isu memorandum, tetapi juga kepada semua yang telah menghantar cadangan mereka akan dipanggil untuk berbincang di atas apa-apa isu sahaja. So, dengan itu berbalik kepada soalan, saya akan jawab soalan pasar minggu.

Balik kepada soalan Yang Berhormat Batu tadi, di mana adakah Ahli Parlimen boleh hadir di taklimat-taklimat dan juga mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pendengaran Awam. Kita ada beratus-ratus isu Tuan Yang di-Pertua.

■1930

Kalau Yang Berhormat hendak hadir untuk mengambil bahagian, dalam isu-isu yang dikemukakan oleh rakyat, mereka dijemput, mereka boleh hadir dan kalau maklumat dari segi tarikh-tarikh dan isu-isu, boleh didapati dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ya. Dengan itu, daripada segi jilid yang belum diedarkan, inilah satu jilid yang diterbitkan dan dicetak untuk panduan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja, dan kemungkinannya jilid ini tidak akan diedarkan kepada semua sekali.

Isu pasar minggu, ada satu rancangan untuk mengadakan satu majlis pecah tanah, dan tanah pasar minggu ini adalah satu tanah kepunyaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan satu sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan syarikat swasta telah di dalam proses perbincangan, di mana kita akan membangunkan tanah ini supaya tanah ini akan merupakan satu puncak baru atau tanda baru di Kampung Baru, dan juga inilah satu tanda kepada penduduk Kampung Baru di mana kita serius Tuan Yang di-Pertua, membangunkan tanah-tanah.

Walaupun ada banyak cadangan-cadangan dan juga mungkin bantahan-bantahan terhadap konsep-konsep yang telah dikeluarkan, tapi ini semua Yang Berhormat, kita boleh bincang. Yang Berhormat pun dijemput di dalam sesi-sesi pendengaran awam yang diadakan, dan kita boleh beri maklumat kepada Yang Berhormat untuk hadir, supaya Yang Berhormat boleh beri pandangan-pandangan tertentu, sila.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri saya rasa gembira kerana Datuk Menteri memberi jaminan yang Ahli Parlimen wakil rakyat akan dijemput dalam *public hearing* yang dikatakan itu dengan izin. Untuk pengetahuan Datuk Menteri, sebelum ini kami tidak pernah dijemput. Saya menghadiri beberapa dari sesi pendengaran itu atas inisiatif sendiri, setelah dimaklumkan oleh penduduk-penduduk ataupun persatuan-persatuan penduduk yang dipanggil menyertai *public hearing* tersebut. Jadi saya harap selepas ini, walaupun banyak jadi saya kira kalau kami tidak dapat pergi, mungkin kami hantar wakil.

Sedikit Datuk Menteri, tentang Pasar Minggu Kampung Baru tadi. Adakah benar akan diadakan pecah tanah pada 19 Mac, itu satu pertanyaan saya. Keduanya, bagaimana dengan mereka yang pernah berniaga, diberi peluang untuk berniaga dipindahkan daripada, saya terlupa jalan itu, Jalan Hill tidak salah saya yang dipindahkan ke situ, berniaga dan seterusnya kerana selepas terbakar dan sebagainya. Akhirnya perniagaan mereka tidak dapat dimajukan.

Mereka *claim*, mereka mengatakan bahawa mereka adalah pemilik kepada sebahagian daripada unit-unit ataupun lot-lot kawasan Pasar Minggu Kampung Baru ini. Adakah mereka ini akan diketepikan begitu sahaja, dan saya baru mendengar satu syarikat swasta. Jadi saya kira ia

akan menjadi satu kemarahan kepada mereka, kerana merekalah asalnya membangunkan Pasar Minggu Kampung Baru itu. Akhirnya mereka akan diketepikan, jadi saya harap mendapat satu penjelasan di sini.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa, dari segi pembangunan Kampung Baru ini, sebelum kita dapat membangunkan tapak pasar minggu ini, kita harus memindahkan penjaja-penjaja yang berniaga di situ, kepada satu tempat yang sementara dan bangunan tapak ini, apabila siap kita pun telah menentukan dalam konsep ini untuk menyediakan ruang untuk mereka balik kepada kawasan ini di mana mereka dapat berniaga.

Dalam isu di mana adakah mereka berhak di atas lot-lot tanah yang disebutkan tadi. Tanah ini Tuan Yang di-Pertua, adalah tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan bangunan ini akan dibangunkan atas tanah atau lot Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dengan itu, Yang Berhormat tidak perlu bimbang, penjaja-penjaja ini akan diberi peluang untuk balik kepada tapak yang ini untuk berniaga, dan konsep ini ialah satu konsep yang merangkumi bukan sahaja satu konsep di mana kita beri peluang kepada mereka untuk balik, tapi juga satu konsep untuk memberi satu tanda, kepada warga di Kampung Baru di mana kita serius untuk mengadakan satu pembangunan di Kampung Baru ini. Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau dapat Yang Berhormat, aturkan berapa banyak puluh pun, baca sekali saja Yang Berhormat. Kalau macam ini Yang Berhormat, kita tak boleh habis satu kementerian Yang Berhormat, sampah nak buang kat mana, kulit durian nak buang kat mana kita tanya macam itu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati, terima kasih Datuk Menteri. Yang terakhir iaitu, kita tahu bahawa Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 dinamakan Pelan Bandar Raya, tetapi saya hairan dalam jilid keempat, pembangunan Kampung Baru ini, Pelan Kampung Baru ini di situ, disebutkan nama-nama seperti GABEM, seolah-olah nama ini akan menjadi satu badan yang akan membangunkan Kampung Baru. Jadi sebahagian besar daripada penduduk Kampung Baru tidak setuju dengan nama ini dimasukkan dan mereka minta dibuangkan dan tidak mahu digazet sekali dalam Draf Pelan Bandaraya ini. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Okey terima kasih. Kami bercadang Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan Kampung Baru dengan mewujudkan satu perbadanan yang akan dinamakan Perbadanan Kampung Baru, yang akan dimiliki oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga agensi-agensinya kerajaan tetapi kita tidak boleh sebut hal ini sekarang sebab kita perluewartakan dulu pelan yang akan dipersetujui oleh semua pihak, selepas diwartakan barulah kita boleh mewujudkan pembangunan ini.

Dalam hal ini, saya ingat GABEM tidak terlibat sebagai pemaju dan dengan itu, selepas kita telah mengadakan sesi pendengaran yang saya sebutkan tadi. Semua sekali laporan akan

naik kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Datuk Bandar akan menelitinya, sebelum laporan ini diberi kepada Menteri Wilayah Persekutuan. Tuan-tuan puan-puan dan juga Yang Berhormat, dapatlah peluang lagi kalau nak memberi pandangan ya Yang Berhormat Titiwangsa, masih ada masa dan kita akan maklum pada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memanggil Yang Berhormat.

Isu yang ketiga yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Titiwangsa ialah, pemindahan setinggan di kampung *Indian settlement* ke PPRC Alam. Untuk maklumat Yang Berhormat, terdapat sejumlah 250 keluarga setinggan di Kampung Pandan Indian Settlement. Sebahagian besar penduduk ialah seramai 234 keluarga pernah ditawarkan untuk berpindah ke PPR Muhibah pada 1 September 2007 atas program pemindahan setinggan.

Baki 16 keluarga pernah ditawarkan berpindah ke PPR Raya Permai, kerana terlibat dengan projek mempertingkatkan infrastruktur Lorong Delapan Kampung Pandan pada 1 Mei 2008. Dengan itu Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 15 Januari telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk Kampung Pandan *Indian Settlement*, beberapa perkara yang telah dimaklumkan kepada penduduk.

Tapak setinggan Kampung Pandan India Settlement di cadang dibangunkan untuk projek PPR, melalui peruntukan yang telah dipohon kepada Kerajaan Pusat. Penduduk setinggan Kampung Pandan *India Settlement* dikehendaki berpindah untuk sementara sahaja ke PPR Muhibah selewat-lewatnya pada Mac 2009 dan DBKL akan mengeluarkan surat jaminan berpindah semula ke tempat asal kepada penduduk setinggan terlibat.

DBKL juga tuan-tuan puan-puan amat berharap penduduk setinggan Kampung Pandan *Indian Settlement* bekerjasama untuk menerima tawaran berpindah ke PPR Muhibah, seterusnya mengosongkan tapak Kampung Pandan *Indian Settlement*. Dalam hal ini ada permohonan daripada penduduk dan juga Yang Berhormat Titiwangsa, di mana mereka kalau boleh dipindah ke PPR Sri Alam. Dengan itu untuk maklumat Yang Berhormat, PPR Sri Alam telah dirizabkan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk setinggan-setinggan daripada Kampung Cheras Baru, Kampung Kerayong Cheras, Kampung Kerayong Titiwangsa, Kampung Bukit Tangki Air Semerah Padi, Jalan Jubli, Kampung Sri Indah dan sekitar Chan Sow Lin. Keenam-enam atau tujuh kawasan yang disebutkan tadi Yang Berhormat, adalah kawasan yang terletak di Parlimen Cheras dan juga Bukit Bintang, dan juga ada di sempadan Titiwangsa iaitu Kampung Kerayong Titiwangsa.

■ 1940

Daripada jumlah yang akan dipindahkan kita dapati jumlah daripada ketujuh-tujuh kawasan ini kita nampak tidak ada peluang untuk memindahkan mereka yang duduk di Kampung Pandan *Indian Settlement* ini kepada PPR Seri Alam. Perkara yang kedua Yang Berhormat adalah pemindahan Kampung Pandan *Indian Settlement* adalah satu pemindahan sementara sahaja sebab kita hendak membangunkan PPR di kawasan selepas mereka mengosongkan

tapak itu. Itulah sebabnya kita hendak mereka pergi kepada PPR Muhibbah supaya kita juga dapat memindahkan setinggan-setinggan yang saya sebutkan tadi daripada tujuh kawasan itu. Sila.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kepada setinggan-setinggan yang di kawasan Bukit Bintang oleh kerana di kawasan saya hanya tinggal dua kawasan setinggan sahaja iaitu Kampung Bugis dan Kampung Brunei. Hanya ada tinggal 120 keluarga sahaja. Di kawasan saya akan jadi setinggan sifar jika mereka mendapat PPR Seri Alam. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa mereka dijamin boleh meminta PPR Seri Alam? Oleh kerana di kawasan saya hanya tinggal 120 keluarga sahaja di kawasan Bukit Bintang. Minta jaminan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya sambung sekali.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Ya. Sila.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tentang PPR. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampaknya PPR Seri Alam ini begitu popular dan ramai yang meminta supaya dipindahkan ke PPR Seri Alam. Jadi saya ingin penjelasan di sini adakah benar PPR Seri Alam ini hanya untuk dibeli atau pemilikan, bukan pemindahan. Adakah seluruh unitnya itu untuk pemilikan. Kemudian yang keduanya, daripada penduduk-penduduk setinggan *Indian Settlement*. Kalau sekiranya mereka dipindahkan ke PPR Muhibbah Puchong. Mereka tidak ada masalah sebenarnya untuk berpindah, mereka bersedia, apatah sekian lama mereka telah duduk di bawah *high tension area*, dengan izin. Akan tetapi mereka adalah merupakan golongan berpendapatan rendah. Gaji mungkin kurang daripada RM1,000 ataupun lebih kurang RM1,000-RM1,500 untuk sebuah keluarga adalah masih dikira sukar untuk hidup di Kuala Lumpur. Mereka bekerja di kawasan Kampung Pandan, Taman Maluri, mungkin di Pandan dan Ampang. Sekiranya mereka dipindahkan ke Puchong, ini akan menambahkan kos yang berlipat kali ganda untuk *transportation* mereka dengan izin, ke tempat kerja dan begitu juga di tengah-tengah penggal persekolahan ini anak mereka terpaksa dipindahkan pula mungkin ataupun masih terpaksa bersekolah di sekolah Tamil di Kampung Pandan.

Jadi tidakkah permasalahan-permasalahan rakyat ini diambil kira dalam masa pembahagian, pengagihan pemindahan penduduk-penduduk ini. Saya tidak langsung menghalang atau membantah dari segi pemindahan. Memang saya berharap perkara ini dapat disegerakan. Akan tetapi bagaimanakah kita hendak membantu golongan-golongan yang menghadapi masalah ini? Kemudian yang keduanya tentang PPR tadi di Indian Settlement itu saya percaya perkara ini memang baru dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih usaha daripada Menteri dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan untuk mahu terus mengekalkan kampung warisan *Indian Settlement* ini dengan cadangan untuk mewujudkan ataupun membina PPR di situ. Akan tetapi saya harap perkara ini dapat disegerakan dan bukan satu perkara yang

kita rasa bangga di dalam Parlimen tetapi akhirnya menjadi satu rancangan yang mungkin 10, 15 tahun masih lagi tidak menjadi seperti yang kita sebutkan di sini. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang meminta di mana 120 keluarga tadi dipindahkan kepada mungkin bulan-bulan yang akan datang. Dengan itu tadi Yang Berhormat Bukit Bintang telah pohon kepada saya di luar Dewan dan saya akan membawa perkara ini kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk berbincang tentang isu ini. Daripada segi soalan Yang Berhormat Titiwangsa tadi, PPR Seri Alam adalah PPR di mana pada masa ini mereka akan dipindahkan dan mereka hanya akan menyewa, bukan untuk dibeli dan dalam masa yang sama penduduk-penduduk akan dipindahkan ke PPR Muhibbah dan kita sedia maklum bahawa proses pemindahan ini iaitu penempatan baru tentu sekali akan menimbulkan sedikit cabaran kepada penduduk terbabit dan menjalani kehidupan harian pada peringkat awalnya. Tuan Yang di-Pertua, tetapi DBKL berkeyakinan bahawa penduduk akan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan apabila tiba masanya.

Dalam masa yang sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam isu pemindahan ini akan memberi sokongan daripada segi kosnya, akan memberi saguhati sebanyak RM1,000 kalau saya tidak silap. Dalam masa yang sama akan memberi *transportation* dengan izin, kepada mereka untuk berpindah. Dengan itu saya cukup gembira Yang Berhormat setuju untuk mereka berpindah dan kita bersama akan menentukan pemindahan ini akan berjaya dan kita akan menentukan pembangunan di Kampung Pandan *Indian Settlement* dapat dibangunkan dalam masa yang secepat mungkin.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua. Mohon sabar sedikitlah dengan saya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: *No problem.*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin dirakamkan di sini bahawa saya memang bersetuju dengan pemindahan supaya boleh dibangunkan Indian Settlement ini tetapi saya mahu dirakamkan bahawa saya mahu satu penyelesaian yang lebih baik kepada isu permasalahan yang saya sebutkan tadi bukan masalah menyesuaikan diri. Masalah kerja di mana mereka sekarang dalam keadaan ekonomi negara yang teruk. Jadi kalau mereka berpindah ke Puchong bermakna mereka terpaksa mencari kerja baru sedangkan sekarang mereka sudah bekerja di kawasan yang berhampiran dengan penempatan mereka sekarang. Jadi ini isu yang saya ingat bukan boleh kita selesaikan dengan kata mereka boleh menyesuaikan diri dan saya minta walaupun saya bersetuju tetapi mungkin ada perbincangan lagi selepas ini. Sebenarnya tadi pun saya ada berbincang dengan Timbalan Menteri supaya mungkin kita lebih teliti dalam soal ini mungkin kita ambil kira perkara-perkara yang lebih *detail* dengan izin. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah maklum kepada saya tentang perbincangan tadi dan kita

berharap semua sekali akan berpindah dalam masa yang terdekat dan kita akan berbincang tentang isu-isu Yang Berhormat sebutkan tadi dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Isu yang terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa adalah pembentangan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang perlu dibuat di dalam Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan Bajet DBKL adalah berdasar kepada seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Seksyen 55(1) Akta Kerajaan Tempatan menyatakan pihak berkuasa tempatan hendaklah tidak lewat daripada 10 November setiap tahun, luluskan anggaran-anggaran lengkap mengenai hasil dan perbelanjaan pihak berkuasa tempatan itu bagi tahun kewangan yang berikut selepas sahaja daripadanya.

Seksyen 52(2) pula menyebutkan anggaran-anggaran itu hendaklah dalam apa-apa bentuk yang dikehendaki pihak berkuasa negeri dan hendaklah diluluskan dalam satu mesyuarat khas pihak berkuasa tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Bajet DBKL dibentangkan dan dibincangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa kewangan dan belanjawan. Selepas itu bajet ini akan dibentangkan dan dibincangkan di dalam mesyuarat lembaga penasihat yang dipengerusikan oleh Dato' Bandar Kuala Lumpur. Setelah mendapat pandangan dan ulasan daripada lembaga penasihat, Dato' Bandar akan meluluskan bajet ini. Seterusnya seksyen 55(5) akta yang sama menyebutkan selepas belanjawan ini diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, belanjawan ini hendaklah dihantar kepada pihak berkuasa negeri tidak lewat daripada 20 November, hendaklah ditimbang oleh pihak berkuasa negeri tidak lewat daripada 31 Disember pada tahun itu dan pihak berkuasa negeri boleh mengurangkan atau menolak apa-apa butiran perbelanjaan yang terdapat dalam itu. Seksyen 55(6) menyebutkan ringkasan belanjawan ini sebagaimana diluluskan oleh pihak berkuasa negeri hendaklah disiarkan dalam warta dan pihak berkuasa tempatan itu adalah terikat olehnya.

■1950

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa tiada peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau Akta Ibu Kota 1960 memerlukan belanjawan pihak berkuasa tempatan dibahaskan di dalam Parlimen. Dalam masa yang sama Ahli Yang Berhormat semua sekali di Parlimen tidak perlu khuatir kerana semua akaun pihak berkuasa tempatan yang telah diaudit akan dibentangkan di Parlimen dan Ahli Yang Berhormat berkenaan bolehlah membahaskan ketika itu.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Sila.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira sudah sampai masanya untuk kita mencadangkan satu pindaan akta khusus untuk bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana kita lihat di sini Datuk Bandar Kuala Lumpur yang mempunyai *authority* dengan izin, untuk meluluskan bajet ini sedangkan bajet ini bernilai RM2

bilion. Ini adalah satu bajet yang besar berbanding dengan negeri Selangor yang terkaya di Malaysia itu pun bajetnya baru RM1.4 bilion. Bukan maksud saya tidak percaya kepada satu individu dan sebagainya tapi dari segi masalah ketelusan dan transparansi. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri juga dapat bersetuju dengan pandangan saya ini. Mungkin sahabat saya pun ada sedikit.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam sesi yang sebelum ini kita sudah bangkitkan isu bajet ini supaya bajet ini dibentangkan sebelum diluluskan bukan setelah diluluskan. Tidak ada hanya secara akademik kita berminat untuk bahaskan sesuatu akaun yang sudah diaudit tapi lebih penting adalah ini.

Saya ingin tanya sama ada kementerian ada cadangan untuk menentukan satu tarikh atau satu masa yang tertentu sebelum bajet ini diluluskan, dibentangkan di Dewan ini supaya kita boleh bahas. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri, panjang lagi jawapan?

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Saya ada dua lagi soalan Yang Berhormat Wangsa Maju tapi ini soalan yang terakhir dari Yang Berhormat Titiwangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebab kita sudah nampak macam dialog dalam Jawatankuasa Yang Berhormat.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Saya pun hendak solat maghrib ini Tuan Yang di-Pertua...
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Titiwangsa sudah berdiri enam tujuh kali.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Yang Berhormat daripada Batu tadi saya sudah sebut dengan panjang lebar dari segi Akta kerajaan Tempatan, seksyen-seksyennya. Itu begitu jelas sekali di mana peruntukan akta bukan sahaja Akta Kerajaan Tempatan tapi ia juga Akta Ibu Kota telah jelas mengatakan peruntukan yang kita ada. Dalam masa yang sama kalau Yang Berhormat Titiwangsa ada cadangan yang tertentu Yang Berhormat boleh *forward* cadangan itu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini di bawah bidang kuasa mereka dan saya yakin mereka akan meneliti cadangan Yang Berhormat.

Jadi saya pergi kepada Yang Berhormat Wangsa Maju. Pelebaran Jalan Gombak yang masih belum siap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju projek melebarkan Jalan Gombak dilaksanakan bagi menampung isi padu trafik yang kian bertambah dari kawasan Gombak yang pesat membangun. Kerja-kerja menaikkan taraf serta melebarkan jalan Gombak dari persimpangan dengan Jalan Pahang ke persimpangan Wilayah Persekutuan. Pelebaran Jalan Gombak ini meliputi jajaran sepanjang empat kilometer dan 3.5 meter lebar bagi setiap

lorong, pembinaan longkang, lampu jalan, siar kaki di kedua-dua belah jalan. Empat buah jejantas konkrit untuk melebarkan jambatan konkrit yang sedia ada.

Saya pergi terus kepada masalah supaya hendak kurangkan masa. Projek pelebaran Jalan Gombak ini telah bermula dari 15 Mei akan dijangka siap sepenuhnya pada 14 Mei 2009 selama 36 bulan. Status projek ini Yang Berhormat sehingga 15 Februari 2009 adalah kemajuan kerja jadual 95.290%, kemajuan kerja sebenar 87.728% dan kelewatan 7.563%. Dengan itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengakui bahawa terdapat halangan-halangan yang dihadapi dalam tempoh pelaksanaan projek ini seperti isu pengambilan tanah, pengalihan tiang-tiang dan kabel milik Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan pengalihan paip air utama milik SYABAS.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Sila.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri bahawa semasa buat keputusan pelebaran jalan ini kenapakah kementerian atau DBKL tidak selesaikan semua pengambilan tanah di kawasan itu dan juga masalah-masalah yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri.

Soalan yang kedua adalah, untuk pelebaran jalan empat kilometer ini berapakah jumlah wang yang akan ataupun telah dibelanjakan? Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk makluman Yang Berhormat saya hendak maklumkan kronologi atau proses yang diadakan sebelum surat tawaran diberi kepada kontraktor. Dengan ini kursus untuk projek ini pada 24 Oktober tahun 2002 borang-borang yang tertentu telah pun dikeluarkan dan tujuannya adalah untuk menentukan proses pengambilan tanah ini dapat diadakan dalam masa yang tertentu sebelum surat tawaran diberikan.

So, daripada kronologi ini kita nampak kita sudah mula proses pengambilan tanah daripada 24 Oktober tahun 2002 dan surat tawaran atau tempoh kontrak hanya bermula pada bulan Mei 2006. Selepas bulan Mei 2006 ini notis PTG untuk roboh bangunan yang telah dibayarkan pampasan telah bermula dan dengan itu kita dapati kontraktor ini tidak daripada segi masalah UOT tidak ada masalah sehingga hari ini. Proses pengambilan tanah tidak menjejaskan kemajuan tempoh kontrak daripada masa ini walaupun ia lewat sedikit dan daripada segi penyelenggaraan yang dimaklumkan di mana mungkin ada masalah-masalah penyelenggaraan jalan raya ini di bawah skop kontrak mereka. Daripada segi jumlah kos pembinaan adalah RM31,000,800 Yang Berhormat. Saya pergi kepada soalan yang kedua. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah beritahu kami bilakah pelebaran jalan di Jalan Gombak ini akan siap dan juga di Jalan Genting-Klang? Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Daripada segi kontrak ini mengambil masa 36 bulan dan dijangka siap sepenuhnya pada 14 Mei 2009. Soalan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju mendakwa berlaku monopoli tempat letak kereta oleh pemilik bangunan kedai sehingga menyebabkan orang awam tidak ada cukup tempat untuk memarkir kereta mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, DBKL telah sedia maklum tentang berlakunya perbuatan memonopoli tempat letak kereta di premis-premis perniagaan dengan meletakkan kon dan objek lain bagi menghalang orang awam daripada meletakkan kenderaan di hadapan premis mereka. Terdapat juga pemilik-pemilik premis yang memohon untuk menyewakan letak kereta. Walau bagaimanapun, pihak jabatan terpaksa kadangkala menolak permohonan tersebut kerana dasar penyewaan tempat letak kereta khas sedia ada boleh diberi kepada premis-premis yang menjalankan perniagaan seperti berikut:

- (i) bengkel membaiki kenderaan;
- (ii) penjualan aksesori;
- (iii) pengedar kereta dan kedai tayar;
- (iv) bank untuk tujuan keselamatan;
- (v) klinik untuk kes kecemasan; dan
- (vi) lain-lain perniagaan mengikut keperluan seperti perniagaan yang memerlukan pemunggaan yang berat dan perniagaan kedai pengantin untuk menghias kenderaan.

Pihak DBKL sememangnya melakukan pemantauan dan penguatkuasaan bagi mengelakkan perkara ini menjadi tidak terkawal terutama di waktu puncak dan juga waktu malam apabila waktu malam apabila bayaran sistem tempat letak kereta elektronik tamat operasi selepas jam enam petang. Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu daripada objektif pelaksanaan sistem tempat letak kereta elektronik yang telah mula dipasang oleh DBKL pada pertengahan Jun 2008 dan mula beroperasi sepenuhnya pada September 2008 adalah untuk mengatasi masalah seperti Yang Berhormat Wangsa Maju bangkitkan. Dengan mengehadkan masa maksimum untuk setiap transaksi selama tiga jam diharap masalah memonopoli tempat letak kereta dapat dikurangkan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Silakan.

■2000

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat Menteri. Masalah yang saya timbulkan itu bukanlah tempat letak kereta yang

digunakan oleh bengkel kereta dan kedai. Masalahnya katakanlah di Wangsa Maju, ada banyak kedai kopi atau restoran yang menggunakan tempat letak kereta ini untuk meletak meja mereka, kerusi mereka supaya pelanggan mereka boleh duduk dan makan. Tempat letak kereta ini bukan digunakan oleh mereka sahaja tetapi yang lebih penting, ini boleh menjejaskan keselamatan mereka di mana mungkin ada kemalangan, *accident* yang akan berlaku.

Ini yang penting, ini yang perlu kita nasihatkan kepada DBKL supaya mengambil tindakan supaya kedai kopi dan juga restoran jangan menggunakan tempat letak kereta ini untuk meletak meja mereka, kerusi mereka atas keselamatan. Yang kedua Yang Berhormat Menteri, boleh kah beritahu kami tentang pelebaran jalan itu, minta maaf, di Jalan Genting Klang ini, bila akan siap. Ini kerana ada banyak aduan juga daripada penduduk-penduduk di Wangsa Maju. Terima kasih.

Dato' Sri Zulhasnan Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. dari segi peletakan kerusi atau meja di kawasan-kawasan khusus untuk *parking* kereta, saya pun bersetuju di mana isu-isu keselamatan akan timbul terutama sekali kalau tempat *parking* kereta itu terletak di *junction-junction* dengan izin, kepada kawasan-kawasan yang tertentu. Dengan itu maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat kita akan arahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membuat penguatkuasaan supaya isu ini tidaklah menjadi lebih teruk daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, kita perlu juga maklumat dan kerjasama Yang Berhormat untuk memberi maklumat kepada kita ya. Dari segi Jalan Genting Klang itu, saya tidak ada maklumat di sini Tuan Yang di-Pertua, saya akan bagi jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis ya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja ini. sekian terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbincangan Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini. Yang pertama, Yang Berhormat dari Pasir Mas ingin tahu berapa jumlah tanah rizab Melayu yang terdapat di negara ini dan jumlah tanah rizab Melayu yang diambil oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan dan adakah tanah rizab tersebut diganti.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2008 dianggarkan jumlah tanah rizab Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia adalah seluas 4.3 juta hektar atau 32% daripada keseluruhan tanah di Semenanjung Malaysia berbanding dengan 2.4 juta hektar pada tahun 1947. Jumlah tanah rizab Melayu yang diambil oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan melalui proses pengambilan tanah adalah seluas 230,900 hektar. Sehingga kini tanah rizab Melayu yang diambil dan diganti adalah seluas 173 hektar. Bagi tanah yang diambil tidak diganti itu adalah kerana status tanah rizab tersebut masih kekal sebagai tanah rizab Melayu berikutan tanah tersebut telah diletak hak atas nama Suruhanjaya Tanah Persekutuan yang diiktiraf sebagai Melayu.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara mengenai tanah rizab Melayu telah dilindungi di bawah perkara 89 Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen rizab Melayu negeri masing-masing yang menjamin tanah rizab Melayu tidak akan berkurangan. Perkara 89(3) menghendaki jika status tanah rizab Melayu dibatalkan, ia wajib diganti dengan ciri-ciri tanah yang sama dan keluasan tanah yang tidak melebihi keluasan tanah yang dibatalkan. Yang Berhormat dari Kuantan telah menyatakan kebimbangan mengenai loji *advanced material* dan bertanya mengenai DEIA.

Seperti mana Yang Berhormat Kuantan sedia maklum, isu utama cadangan projek ini adalah sisa radioaktif. Skop kajian DEIA tidak meliputi hal radioaktif. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Perlesenan Tenaga Atom melalui Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984. Agensi tersebut dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mengawal selia hal berkaitan dengan radioaktif. Untuk makluman, oleh yang sedemikian maka skop kajian DEIA yang telah diluluskan meliputi antara lain *impact* buangan bukan radioaktif kilang tersebut ke atas alam sekitar meliputi kualiti udara, air dan tanah termasuk juga isu bunyi bising.

Oleh yang demikian, kementerian tidak bercadang untuk meminta kajian DEIA terperinci dijalankan kerana skop radioaktif ini telah dikaji secara teliti oleh Lembaga Pelesenan Atom di Bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Yang Berhormat Hulu Langat telah membangkitkan isu penguatkuasaan agak lemah menyebabkan berlakunya banjir besar beberapa kali di pekan Kajang disebabkan pembukaan lebih 200 hektar tanah di Sungai Jelok, Kajang. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar, tiada laporan EIA yang diterima mengenai penebangan balak untuk tujuan penanaman getah di kawasan seluas 200 hektar di Sungai Jelok.

Aktiviti tersebut juga tidak tertakluk kepada kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar. Yang Berhormat Seputeh juga telah membangkitkan isu bantahan penduduk terhadap pembinaan loji tenaga kuasa elektrik arang batu di Sandakan Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar baru-baru ini telah menerima bidang rujukan kajian EIA terperinci bagi cadangan pembangunan 300 megawatt *coal-fired power plants* di Sandakan

Sabah pada 30 Disember 2008. Buat masa ini, pihak pemaju dan perunding EIA masih dalam peringkat menjalankan kajian seperti yang dipersetujui dalam bidang rujukan tersebut.

Dalam kajian EIA ini semua *impact* ke atas alam sekitar yang berkemungkinan timbul akibat pembinaan dan operasi jana kuasa ini akan dikaji dengan teliti secara saintifik. Laporan EIA kelak akan dipamerkan untuk memaklumkan dan ulasan awam, panel-panel pakar yang berkecuali yang terdiri daripada ahli-ahli akademik, pakar dalam bidang berkaitan, serta pihak NGO yang telah dilantik akan turut membuat penilaian laporan EIA ini kelak. Buat masa ini kementerian saya belum lagi menerima kajian EIA bagi cadangan projek jana kuasa tersebut di Sandakan dan belum lagi membuat apa-apa ketetapan mengenainya.

Yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh peruntukan mengenai menangani masalah banjir di Troi di pekan Gurun, Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah merangka langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir di pekan Gurun termasuklah di kawasan Troi. Sebagai langkah segera, Jabatan Pengairan dan Saliran akan melaksanakan kerja-kerja melebar dan mendalam lencongan Gurun serta membina ban. Kerja-kerja ini dilaksanakan mulai pertengahan tahun ini dengan peruntukan sejumlah RM2 juta pada tahun ini dan RM3 juta pada tahun 2010. Peruntukan selanjutnya akan dipohon pada Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Yang Berhormat Rantau Panjang bertanya mengenai status terkini rancangan menangani banjir di kawasan Sungai Golok. Terlebih dahulu izinkan saya menjawab nasihat Yang Berhormat Rantau Panjang supaya projek tebatan banjir tidak dilaksanakan di negeri yang tertentu sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pengaliran dan Saliran merancang projek tebatan banjir berpandu kepada kajian *National Register of River Basin 2003* dengan izin, dan kejadian banjir yang berlaku pada tahun 2006.

Jadi jika Yang Berhormat sudi menyemak di antara projek besar yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah rancangan tebatan banjir negeri Kelantan yang menelan belanja RM266 juta. Ini adalah bukti jelas bahawa tanggapan Yang Berhormat bahawa projek tebatan banjir hanya dilaksanakan di negeri tertentu adalah tidak benar. Mengenai kejadian banjir di Kawasan Sungai Golok, untuk makluman Yang Berhormat, pelan induk bagi kerja-kerja tebatan banjir telah disiapkan pada masa ini.

JPS sedang menyediakan reka bentuk terperinci yang dijangka siap pada tahun 2009. Sehubungan dengan ini, bagi mengelakkan hakisan tebing Sungai Golok, JPS sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan dan menstabilkan tebing Sungai Golok dengan melibatkan 17 projek dengan kos RM40 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Dari jumlah ini, sebelas projek telah siap dan enam projek sedang dilaksanakan.

■2010

Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan isu muara Sungai Dungun. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang peka dengan masalah kecetekan yang menyebabkan kesukaran kepada bot-bot nelayan dikomersialkan untuk keluar masuk melalui muara Sungai Dungun. Bagi menyelesaikan masalah kecetekan muara ini, Jabatan Pengairan dan Saliran telah dan sedang melaksanakan kerja-kerja pengorekan muara Sungai Dungun semenjak 1997.

Yang Berhormat dari Paya Besar telah membangkitkan mengenai isu sungai cetek di kawasan Sungai Kuala Kenau, Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa sekarang pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran tidak mempunyai program pendalaman Sungai Kenau untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut. Yang Berhormat dari Kuching membangkitkan isu banjir di Kuching dan di Sibu. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian yang dijalankan oleh *Randal, Palmer & Trenton* melalui pembiayaan kerajaan negeri pada tahun 1991 telah mencadangkan pembinaan *causeway* di Sungai Santubong, *causeway* di Pending, Sungai Sarawak, ampong jajar di hilir Sungai Sarawak dan *control flood mitigation channel* dengan izin bagi mengatasi masalah banjir besar di Bandaraya Kuching dan kawasan sekitarnya.

Memandangkan projek ini memerlukan peruntukan yang besar, maka kerajaan negeri hanya membina ampong jajar dan dua *causeway* tersebut bagi mengatasi masalah banjir kilat dan banjir akibat air pasang. Pada masa yang sama, projek ini juga dapat menyelesaikan masalah lumpur ke kawasan Pantai Santubong dan Damai. Kedua-dua *causeway* yang dibina juga berfungsi sebagai lintasan untuk menghubungkan Kuching dengan kawasan industri Demak Laut. Selepas pembinaan ampong jajar siap pada tahun 1997, hampir semua kejadian banjir yang diakibatkan oleh air pasang besar telah dapat diatasi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Datuk Douglas Uggah Embas: Maka tuduhan Yang Berhormat menyatakan banjir ini berlaku akibat pembinaan ampong jajar dan *causeway* adalah tidak tepat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini soal...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, ini soal belanja di Kuching. Ini Kuching Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat. Nak daftar kehadiran pun boleh juga Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat perkara banjir ini sering berlaku di negara kita bukan saja di Kuching Yang Berhormat, tapi juga berlaku di Johor pada seketika yang lalu dan ia berpanjangan dan di Sabah pun mengalami masalah banjir ini. Adakah pihak kementerian Yang Berhormat bercadang untuk meletakkan telemetri di setiap kawasan yang dikenal pasti yang

selalu banjir ini dan adakah peruntukan yang tersedia daripada pihak kementerian supaya perkara telemeter ini dapat diinstall di kawasan-kawasan yang perlu, yang boleh memberi amaran kita lebih awal soal kebanjiran di kawasan yang selalu dilanda banjir.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Putatan. Memang Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang kita telah kesan semasa kejadian banjir baru-baru ini adalah di beberapa sungai di Sarawak tidak mempunyai satu sistem pemantauan ataupun amaran awal banjir ataupun dinamakan sebagai telemetri. Oleh demikian, ada permohonan daripada pihak kerajaan negeri bahawa sistem ini dikaji dan kemudian ditimbang oleh Kerajaan Persekutuan dan kementerian saya telah pun sedang mengkaji segala permohonan ini kerana bagi kita sistem ini adalah penting untuk kita memberi amaran kepada penduduk-penduduk supaya mereka dapat bersedia apabila banjir datang di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, banjir besar yang berlaku pada tahun 2003, 2004 dan 2009 adalah disebabkan oleh hujan lebat berpanjangan dan turun serentak dengan air pasang besar. Banjir yang berlaku pada tahun ini tidak saja melibatkan kawasan Kuching malah akan turut melanda di kebanyakan bahagian di Sarawak. Pada tahun 2003, kajian Sungai Sarawak *Flood Mitigation Option Study* dengan izin telah dijalankan oleh JPS untuk mengkaji semula kaedah-kaedah tebatan banjir yang telah dicadangkan di dalam kajian-kajian yang dijalankan terdahulu dan juga untuk mengenal pasti kaedah yang paling sesuai bagi menangani masalah banjir di Sungai Sarawak khususnya Bandaraya Kuching.

Hasil kajian didapati gabungan beberapa opsyen dikenal pasti dapat mengatasi masalah banjir di Bandaraya Kuching dan kawasan sekitarnya. Kaedah yang paling sesuai adalah dengan pembinaan saluran pintasan banjir selebar 250m dan sepanjang 8km. Pembinaan ampang jajar yang merentangi Sungai Sarawak, *bund, rockfill dam closure* dengan izin *tidal gate* merentasi saluran pintasan banjir jambatan dan jalan masuk. Saluran lencongan banjir yang dicadangkan akan dibina berhampiran dengan Kampung Paroh dan mengalir ke Batang Salak. Dengan adanya saluran pintasan banjir dan ampang jajar yang merentangi Sungai Sarawak, maka pengaliran banjir daripada kawasan tadahan di bahagian hulu Sungai Sarawak tidak akan mengalir melalui Bandar raya Kuching tetapi sebaliknya akan dilencongkan ke Batang Salak.

Walau bagaimanapun, pada musim biasa, pengaliran Sungai Sarawak akan mengalir seperti sedia kala dengan permukaan pintu-pintu ampang jajar. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Fasa Satu RTB Bandaraya Kuching yang merangkumi kerja-kerja pembinaan terusan lencongan banjir sepanjang 2km berhampiran Kampung Paroh untuk menyalur air dari Sungai Sarawak ke Batang Salak telah bermula pada 1 September 2008 dan dijangka siap pada 28 Februari 2010 dengan kos sebanyak RM148.8 juta. Selain daripada projek Rancangan Tebatan Banjir Bandaraya Kuching, JPS juga turut melaksanakan projek tebatan banjir di Pekan Bau, Rempangi dan Sungai Bintangur.

Bagi Bandar Sibu dan kawasan sekitarnya, pembinaan tetambak pencegah banjir yang dilengkapi dengan pintu air pasang surut dan sistem pam merupakan komponen utama projek tebatan banjir yang paling sesuai untuk mengatasi banjir di kawasan tersebut. Fasa Satu RTB Sibu yang merangkumi kerja-kerja meninggikan jalan sedia ada untuk bertindak sebagai ban, menaik taraf parit tepi jalan, pembinaan tiga buah pintu air pasang surut dan dua buah stesen pam telah bermula pada 9 Februari 2009 dan dijangka siap pada 8 Februari 2012 dengan kos sebanyak RM137.15 juta. Pegawai-pegawai...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Silam.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ini orang Sibu?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kebetulan ketika Sibu dilanda banjir juga, banjir melanda beberapa kawasan di kawasan Parlimen Silam. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, oleh sebab kita melihat bagaimana pihak kerajaan biasanya macam seolah-olah dia hanya akan menyelesaikan masalah itu apabila sudah berlaku masalah.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah cadangan di masa akan datang terutamanya Sungai Segamat berhampiran dengan Sungai Kinabatangan untuk perancangan pembinaan tebatan banjir ataupun bagi memastikan supaya perkara-perkara banjir ini walaupun kita tahu ia keadaan semula jadi dan di luar kawalan manusia tetapi sebagai perancangan pihak kementerian, adakah di masa akan datang pihak kementerian bercadang untuk membina empangan ataupun tebatan banjir di seluruh negara bagi kawasan-kawasan yang selalu telah dikenal pasti dilanda banjir. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan yang diambil oleh kementerian adalah bukan hanya kita membina projek selepas sesuatu kejadian itu berlaku. Sebenarnya kita ada satu perancangan di mana seperti saya sebut tadi, kita berpandu kepada satu kajian yang telah dibuat pada 2003 dulu yang telah pun mengenal pasti sekurang-kurangnya lebih daripada 9% daripada kawasan di Malaysia ini adalah satu kawasan yang berisiko tinggi akan kena banjir dan menggunakan kajian itu kita merancang program-program tebatan banjir dan kita juga sekarang sedang menyediakan peta-peta untuk mengetahui dan memberitahu kepada pihak-pihak berkenaan bahawa manakah kawasan-kawasan di seluruh negara kita yang berisiko tinggi untuk kena banjir.

Mengenai cadangan Yang Berhormat, kerajaan memang daripada semasa ke semasa memang merancang tapi kadang-kadang kita juga menghadapi masalah had daripada segi peruntukan, maka itulah sebabnya ada beberapa tempat belum dapat dijalankan projek ini.

■2020

Pegawai-pegawai telah meluluskan projek ini dan JPA Sarawak juga merancang untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan di beberapa tempat di Batang Rajang dan di muara Sungai Seduan, Sungai Merah berhampiran bandar Sibul. Kerja ini kita harap dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, itulah sahaja perkara-perkara yang telah saya dapat jawab mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh kementerian saya. Jadi apa-apa perkara yang saya tidak jawab akan dibagi jawapan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ini rekod. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

8.21 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian. Insya-Allah semuanya akan diberikan perhatian.

Pertama sekali kepada Yang Berhormat Batang Sadong mencadangkan supaya kementerian membantu wanita luar bandar yang miskin dengan cara mewujudkan sebuah institusi bagi membolehkan wanita luar bandar bergiat dalam produk ekonomi. Yang Berhormat turut mencadangkan supaya institusi ditempatkan di Simunjan di bawah Parlimen Batang Sadong, Sarawak.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan, namun buat masa ini Yang Berhormat, tumpuan utama kementerian adalah terhadap aspek keupayaan ekonomi wanita melalui penyediaan latihan kemahiran di institusi yang sedia ada, yang wujud di bawah kementerian.

Sebagai contoh pada tahun 2008, Jabatan Pembangunan Wanita ataupun JPW telah berjaya melatih lebih 20,000 orang wanita di bandar dan luar bandar menerusi program-program kemahiran seperti jejari bestari, Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ataupun IKIT, Home Managers, Inspirasi Kreatif dan juga Pengimaran Rumah Nur. Program Jejari Bestari misalnya berkonsepkan *outreach*, di mana program tersebut dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen termasuklah di kawasan Parlimen Batang Sadong sendiri.

Yang Berhormat Batang Sadong juga mencadangkan supaya kementerian mewujudkan Akta Gangguan Seksual iaitu undang-undang yang khusus bagi kes-kes seperti rogol dan cabul, manakala Yang Berhormat Ampang ingin tahu status Akta Gangguan Seksual yang telah lama diuar-uarkan kepada masyarakat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Akta Gangguan Seksual memang belum diwujudkan, namun ini tidak bermakna kerajaan tidak memberi perhatian serius mengenai isu ini terutamanya terhadap wanita dan kementerian turut memberi perhatian serius mengenai perkara ini. Kes-kes gangguan seksual pada masa ini ditangani dengan menggunakan peruntukan di bawah kanun keseksaan selain itu juga menggunakan Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 juga boleh diguna pakai untuk kesalahan gangguan seksual.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja bagi sektor swasta telah diwujudkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 1999. Bagi sektor awam pula, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan garis panduan mengendalikan gangguan seksual di tempat kerja dalam perkhidmatan awam pada tahun 2005 dan untuk meningkatkan usaha mencegah gangguan seksual ini, Kementerian Sumber Manusia sedang di dalam proses meminda Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 untuk memasukkan peruntukan khusus mengenai gangguan seksual.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat Ampang.

Puan Noriah Kasnon: Gangguan seksual?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya tidak diganggu seksual. Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa, Timbalan Menteri mengatakan dan membacakan semua akta seksual di bawah Akta Pekerja dan sebagainya, tidakkah kementerian sendiri ingin membuat dan menggubal satu dasar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sendiri untuk membela nasib wanita dengan menggunakan akta yang spesifik untuk wanita yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sendiri dan saya difahamkan bahawa bercakap tentang kemalangan rogol dan data purata yang diterima *average*, saya difahamkan bahawa kementerian menggunakan data yang dikeluarkan oleh Rumah Nur iaitu hanya melaporkan lebih kurang 1.7 wanita dirogol setiap hari, manakala fakta yang sebenarnya adalah di antara 8.3 wanita dirogol satu hari.

Jadi ini bukanlah angka yang sebenarnya yang telah dicanangkan oleh kementerian dan ini cuba menyorokkan keadaan yang serius yang sebenarnya. Jadi dengan adanya keadaan sedemikian sudah tiba masanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memperuntukkan satu undang-undang khas untuk wanita agar mereka tidak ada gangguan seksual di tempat kerja atau di mana-mana mereka berada.

Jadi sudah masanya, sudah 10 tahun, 15 tahun lepas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menguar-uarkan hal ini sampai seminggu lepas barulah Timbalan Menteri bangkitkan lagi sekali, tetapi sampai sekarang tidak ada usaha yang khusus,

yang tegas untuk diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan Akta Gangguan Seksual ini terus diterapkan di perundangan kita.

Puan Noriah Kasnon: Ya, saya faham Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat yang cukup prihatin. Sebenarnya kita berkongsi keprihatinan Yang Berhormat, cuma saya menimbulkan semula isu ini kerana kementerian juga sangat sensitif tentang gangguan seksual ini khususnya kepada wanita sama ada di tempat kerja ataupun di luar sama ada secara lisan atau perkataan mahupun perbuatan.

Walau bagaimanapun kami mengumpulkan pandangan-pandangan, cadangan dan input dan selama ini kita berurusan dengan beberapa kementerian secara kolektif Yang Berhormat dan bukan kita tidak mahu untuk mewujudkan secara bersendirian akta ini, tetapi kerana melalui perbincangan telah terdapat beberapa akta yang terpakai dan apabila menteri juga berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia, mereka memaklumkan kepada kami bahawa mereka sedang memantapkan lagi kandungan Akta Kerja, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 yang saya nyatakan tadi, maka kami berfikir untuk mengelakkan pertindihan.

Kita lihat dahulu cadangan ataupun pindaan yang hendak dilaksanakan dan kita terus memberi input yang sewajarnya Yang Berhormat. Kalau masih lagi terdapat lompong ataupun yang masih diskriminasikan wanita, maka insya-Allah dalam jangka masa panjang Yang Berhormat, kita akan terus berjuang untuk akta ini secara khusus. Kita ambil perhatian itu semua Yang Berhormat.

Saya rasa keprihatinan Yang Berhormat lebih-lebih lagi keprihatinan kementerian Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak tambah lagi sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma khuatir kerana perkara ini telah diperkatakan penggal demi penggal, tetapi tidak ada tindakan yang tegas oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Menteri tukar menteri, timbalan tukar timbalan tetapi kerjasama tidak lakukan apa pun terhadap wanita. Jadi ini kita rasa haruslah mengambil kira pandangan kami dari sebelah sini agar kita sama-sama menggesa Kerajaan BN yang ada untuk memperjuangkan hak wanita, kita kena *go across the board* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Puan Noriah Kasnon: Memang Yang Berhormat itu sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat, sebab kita melampaui fahaman politik tentang perjuangan hak-hak wanita ataupun untuk memantapkan lagi pembangunan ke atas wanita ini dan saya kira pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah Barisan Nasional juga melebihi saya rasa, kalau tidak sama pun melebihi daripada keprihatinan Yang Berhormat sendiri dan bukan bermakna apabila kita bertukar menteri, bertukar timbalan menteri maknanya perkara ini terhenti atau bermula balik semua, tetapi apabila melalui perbincangan Kementerian Sumber Manusia memang ingin memantapkan Akta Kerja dengan memasukkan peruntukan khusus bagi

menangani masalah gangguan seksual ini Yang Berhormat dan kami sama-sama secara kolektif Yang Berhormat. Kita bekerja sama dahulu Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Satu soalan terakhir saya tidak mahu gangguan kepada Timbalan Menteri. Bilakah tarikh agaknya Timbalan Menteri boleh tetapkan yang akan melakukan perkara ini atau tahun bila, tahun 2010, 2013, berapa, bila boleh?

Puan Noriah Kasnon: Saya bukan di peringkat yang akan membawa undang-undang itu di Parlimen Yang Berhormat.

■2030

Jadi, saya tidak berani hendak beri komitmen tetapi mungkin kita boleh sama-sama berjumpa dengan Menteri Sumber Manusia ataupun Timbalan Menteri Sumber Manusia yang juga seorang wanita yang saya yakin lebih prihatin juga mengenai perkara ini. Mari kita sama-sama ajukan dan dapatkan pengesahan kes ini, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak dicatatkan di dalam Hansard bahawa...

Puan Noriah Kasnon: Dalam Hansard masuk, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya akan *follow-up*, kita akan *follow-up*...

Puan Noriah Kasnon: Kita sama-sama *follow-up*.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...dengan pihak kementerian untuk memastikan perkara ini dilakukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ampang, saya faham. Semua faham, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, tolong. Saya hendak pastikan bahawa perkara itu dicatatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini bukan soalan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Sebab ia melibatkan banyak kementerian, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Jadi Parlimen Wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon: Seterusnya, Yang Berhormat Seremban tidak ada dalam Dewan. Walau bagaimanapun beliau membangkitkan mengenai permohonan beliau yang dibawa ke Pejabat Kebajikan Masyarakat tetapi tidak mendapat maklum balas sewajarnya. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memberi perhatian kepada semua aduan dan permohonan yang diterima di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD). Setiap aduan dan permohonan yang diterima akan diteliti dan dikaji

sebelum diberikan pertimbangan bantuan yang bersesuaian. Bagi permohonan bantuan, sesi siasatan dan lawatan ke rumah akan dijalankan dan Pegawai Kebajikan Masyarakat sebelum kelulusan diberikan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dalam proses siasatan kadangkala terdapat klien yang tiada di rumah semasa sesi lawatan dijalankan atau klien tidak datang ke pejabat apabila diminta untuk sesi temu duga. Ini merupakan antara sebab kelewatan dalam proses kelulusan bantuan dan bukannya tiada maklum balas diberikan. Terdapat juga banyak kes di mana klien tidak membekalkan PKMD alamat lengkap dan ini turut menyebabkan surat maklum balas tidak sampai ke tangan klien. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai kes-kes khusus yang telah dirujuk tetapi masih belum mendapat jawapan silalah berhubung kembali dengan PKMD ataupun membuat aduan di talian Nur 15999 juga boleh, Yang Berhormat.

Untuk makluman, kalau dikatakan di Seremban langsung tiada maklum balas, Yang Berhormat. Melalui data Projek Cari, untuk Seremban dari bulan Oktober hingga Februari sebanyak 344 kes telah diproses dengan 235 kes telah diluluskan, 85 kes sedang menunggu kelulusan dan kita tolak 24 kes kerana didapati memiliki pendapatan lebih daripada kelayakan. Manakala 300 kes lagi sedang rancak diproses.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuantan mendakwa ibu kepada seorang anak OKU pula memohon bantuan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuantan melalui borang Projek Cari yang ditandatangani oleh Yang Berhormat tetapi tidak diterima oleh pegawai dan perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang.

Untuk makluman, Projek Cari yang mula dilaksanakan oleh kementerian pada bulan Oktober 2008 merupakan satu inisiatif baru kementerian untuk mengesan mereka yang masih tersisih tetapi layak menerima bantuan kebajikan untuk diberikan bantuan yang bersesuaian. Walau bagaimanapun tanpa Projek Cari mahupun tanpa borang Projek Cari atau sokongan orang-orang tertentu, Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya boleh pada bila-bila masa merujuk terus kes-kes tertentu kepada mana-mana PKMD. Talian Nur juga boleh terus digunakan oleh Yang Berhormat untuk merujuk kes-kes tertentu dengan memberi butiran lengkap dan JKM akan menghantar pegawai untuk menjalankan siasatan.

Yang Berhormat Kuantan juga mencadangkan supaya undang-undang tuntutan nafkah anak dan bagi isteri yang diceraikan dipinda misalnya dibuat melalui potongan gaji ataupun...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum terus hal yang lain. Berkenaan dengan borang Projek Cari tadi, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab isunya. Isunya ialah borang itu ialah borang yang dipaparkan di laman web kementerian. Ia seharusnya boleh digunakan oleh sesiapa. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa boleh guna borang mana-mana tetapi tidak menjawab persoalan kenapa borang itu ditolak apabila diguna oleh Ahli Parlimen pembangkang.

Puan Noriah Kasnon: Sepatutnya tidak ditolak, Yang Berhormat, dan diterima.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang sepatutnya tidak ditolak tetapi perkara ini sudah berlaku dan ia konsisten berlaku. Oleh kerana itu pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mesti siasatan. Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab terhadap dasar tetapi Kerajaan Barisan Nasional tidak boleh guna agensi kerajaan untuk kepentingan parti Barisan Nasional.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, sebenarnya tidak boleh ditolak kerana... dengar penjelasan

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Ya, tetapi saya dengar maklum balas daripada pegawai sendiri.

Puan Noriah Kasnon: Okey, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat boleh dapatkan saya nama pegawai saya boleh...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Saya boleh dapat dan saya ada maklumat tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kena seorang, seorang bercakap, Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon: Kita sudah berdialog, Yang Berhormat. Okey, saya jawab. Yang Berhormat, untuk membolehkan saya menyiasat saya minta Yang Berhormat berikan nama pegawai dan juga kes ataupun nama-nama pemohon Yang Berhormat hantar. Yang Berhormat, yang terpenting di sini adalah nama-nama Yang Berhormat hantar itu kita proses dan kita berikan bantuan sekiranya mereka layak.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Puan Noriah Kasnon: Dan Yang Berhormat, kita tidak boleh terlalu politikkan borang, Yang Berhormat. Saya pun boleh mengatakan terdapat juga kerenah di kerajaan-kerajaan negeri Pakatan Rakyat. Apabila kerajaan negeri...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Itu bukan isunya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Noriah Kasnon: Lebih kurang sahaja isunya, Yang Berhormat, tetapi saya menyatakan di sini bahawa borang Projek Cari boleh diajukan oleh sesiapa sahaja dan proses biasa akan dilakukan oleh PKMD. Macam inilah, Yang Berhormat, saya jawab habis di sini untuk semua. Kalau ada masalah bagi saya nama pegawai, bagi saya senarai pemohon untuk saya buat siasatan terus ke bawah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit penegasan di sini mengenai Projek Cari itu. Saya minta mungkin selepas ini semua Ahli Pembangkang di sini – Pakatan Rakyat, kita ada borang yang sedemikian, kita berikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memproses. Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri buat kerja memproses untuk wakil-wakil rakyat Pembangkang, alhamdulillah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya tolak cadangan.

Puan Noriah Kasnon: Saya tolak.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya...

Puan Noriah Kasnon: Saya tidak kata saya yang akan memproses. Yang Berhormat jangan memutarbelitkan ataupun memerangkap saya di sini. Saya kata boleh serahkan kepada saya borang-borang ataupun nama-nama pemohon kalau sudah dihantar dan saya akan siasat di peringkat mana status permohonan tersebut. Kalau betul ditolak bagi balik kepada saya tetapi prosesnya saya akan kembalikan ke PKMD di mana pemohon tinggal.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi, Yang Berhormat?

Puan Noriah Kasnon: Sudahlah. Saya ingat sudah jelas.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon Ahli-ahli Parlimen lelaki tidak melabelkan Parlimen ini sebagai Parlimen Wanita. Sepatutnya Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat lelaki juga mengambil peranan sebab wanita ini adalah ibu, isteri dan anak-anak kita semua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kami amat mengikuti perkembangan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa insiden yang juga saya kira perlu saya sampaikan di sini untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada beberapa bulan yang lalu sewaktu berlakunya insiden tanah runtuh di Bukit Antarabangsa. Yang Berhormat Ampang pada masa itu berada di Mekah. Jadi saya telah mewakili beliau untuk membuat beberapa kerja di sana.

Pada masa itu juga Yang Berhormat Menteri Keluarga dan Wanita berada di luar negara dan apabila dia balik telah melawat ke dapur di mana sebuah sekolah kebangsaan, kalau tidak silap saya suda lupa namanya, di situ digunakan sebagai dapur untuk memasak. Apa yang dimaklumkan kepada saya oleh pegawai-pegawai kebajikan sendiri dan juga pegawai-pegawai sukarelawan daripada Bulan Sabit Merah mengatakan Yang Berhormat Menteri mengatakan,

“*Saya mahu ini semua yang daripada PKR dan juga PAS ini keluar. Jangan ada di dapur ini*”, sedangkan mereka inilah kumpulan yang daripada awal membantu memasak untuk 1,000 orang petugas-petugas dan juga penduduk-penduduk kadang-kadang lebih daripada pagi, tengah hari dan malam. Malah saya ingin merakamkan bahawa kumpulan-kumpulan wanita UMNO daripada Gombak juga ada datang membantu.

Jadi, ini menunjukkan diskriminasi yang mungkin di dalam Parlimen dia kata tidak ada tetapi ini adalah kata-kata daripada menteri. Memanglah saya tidak dapat buktikan sebab saya tidak rakam tetapi inilah yang dikatakan. Jadi, saya bercakap kerana saya yakin apa yang saya cakap ini betul. Jadi, saya harap perkara ini tidak berlaku. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih, Yang Berhormat Titiwangsa. Sebenarnya semasa lawatan pertama Menteri sebaik sahaja kembali daripada luar negara saya juga ada bersama walaupun itu bukan lawatan pertama saya, dan saya pun ikut ke dapur, Yang Berhormat. Akan tetapi saya pun tidak dengar ungkapan itu daripada mulut Menteri dan saya pun tidak nampak penyokong-penyokong Pakatan Rakyat memakai *vest* atau sebagainya. Yang saya nampak mereka memakai jaket lambang Bulan Sabit Merah.

■ 2040

Saya di dalam taklimat bersama menteri pun, seorang ADUN daripada PAS pun kalau tidak salah saya ada turut bersama dalam taklimat itu dan kita tidak menghalang ataupun tidak menyuruh pun dia keluar daripada taklimat, mengikut daripada awal, malah Yang Berhormat Menteri turut memberi penghargaan kepada beliau kerana turut bersama.

Dalam isu-isu *disaster* ataupun bencana, Yang Berhormat, kita pun terbukalah fikiran, kita merentasi fahaman politik, kaum ataupun sewajarnya, Yang Berhormat. Yang penting kita bersama tetapi jangan ada tanggapan-tanggapan atau prasangka negatif.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan.

Puan Noriah Kasnon: Isu apa Rantau Panjang?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Isu berkaitan dengan tidak menyalahgunakan politik ini dalam isu pembahagian bantuan. Berkaitan isu yang sama sebab saya juga menyentuh dalam ucapan saya. Terima kasih Timbalan Menteri dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan iaitu kita lihat berlaku seolah-olah ketidakadilan.

Banyak kes berlaku juga di Kelantan. Sebagaimana saya sentuh dalam ucapan saya sebelum ini, pernah satu ketika Yang Berhormat Menteri datang ke Kelantan untuk satu program khusus di Kelantan, peringkat awal jemputan kepada Exco Wanita Kelantan tetapi sehari sebelum program itu berjalan, telefon daripada pejabat JKM negeri supaya Exco tidak datang dalam majlis tersebut. Ini adalah satu perkara yang cukup memalukanlah. Pihak kita seharusnya di sinilah jalinan antara hubungan kerajaan negeri dan Pusat kalau kita betul-betul hendak memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Begitu juga bagaimana Pengarah JKM Negeri turun ke kawasan saya. Tidak ada pun sedikit makluman sehingga saya tahu selepas program itu dilaksanakan. Begitu juga kita mendapat makluman bahawa kita ingin juga penjelasan daripada pihak kementerian, apakah peruntukan-peruntukan melalui JKM kepada Ahli-ahli Parlimen dalam satu-satu Parlimen sebab kita dimaklumkan ada juga peruntukan khusus JKM melalui Ahli Parlimen sedangkan tidak ada pun pemberitahuan kepada kami, Ahli Parlimen, yang memang berkhidmat untuk rakyat. Jadi saya minta perkara ini tidak berlaku dalam keadaan kita mengatakan kita tidak mempolitikkan peruntukan untuk rakyat. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya tidak maklum tentang program di mana Yang Berhormat Menteri berkunjung dan kemudian Exco tidak dibenarkan datang. Yang Berhormat kalau boleh tulis suratlah terus kepada menteri. Saya tidak maklum, tetapi kita tidak pernah mendiskriminasikan negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat.

Untuk makluman, di negeri Kelantan di bawah Projek CARI ini pun antara yang tertinggi yang kita menerima dan memproses borangnya, Yang Berhormat. Janganlah kita isukan siapa yang memberi sokongan, siapa yang tandatangan borang tetapi yang penting kumpulan yang tersisih itu, kumpulan yang layak untuk kita bantu, menerima bantuan selayaknya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maran.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Maran. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hari ini petang ini merasa sekali lagi kecewa dengan keadaan yang berlaku. Saya kalau saya hendak lihat bantuan-bantuan yang diberi oleh kerajaan, terutamanya daripada kementerian ini, tidak pandang politik. Kawasan saya, cukup banyak. Inilah persepsi yang cukup negatif yang dibawa oleh mereka. Saya minta tolonglah kalau rasa kita hendak bina rakyat kita, hendak bina orang miskin, jangan di bawah.

Saya dalam dua, tiga, empat hari ini ada ceramah dibuat di Pahang dan sebagainya, semuanya menghentam kerajaan. Tidak pernah berterima kasih kepada kerajaan, tetapi bila kita menghadapi masalah kurang peruntukan, saya hendak cerita ikhlas. Ada sahabat saya daripada Kuantan telefon saya minta peruntukan saya. Tanya Ahli Parlimen sendiri! Janganlah bila kita susah, kita hendak ini, tetapi tidak pernah berterima kasih dengan kerajaan. Tolonglah Yang Berhormat. Ini bukan masa kita hendak melarang kerajaan pada masa ini. Fikir bersama.

Puan Hajah Zuraida Kamarudin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Ini bila apa dari segi bantuan...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Maran ini tidak tahu apa-apa dia cakap ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh mencelah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Saya tahu. Saya sudah kerja dengan kerajaan sudah lama.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Jangan hendak fikir tipu saya. Ini semua kata...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia hendak jadi Menteri itu... [Ketawa]

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ...Tidak adillah, kerajaan tidak adil, Barisan Nasional tidak adil tetapi apa yang kita dapat, tidak nampak. Terima kasihlah kepada kerajaan sedikit. Yang kelemahan itu kita betulkan. Ini tidak, semua tidak betul. Tidak usah bagilah, Yang Berhormat. Bagi orang yang baik-baik.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahajalah layanan saya untuk tajuk Cari ini ya. Kita tidak pernah mendiskriminasikan. Kumpulan yang layak memang kita bantu. Kalau hendak tengok negeri kedua tertinggi yang kita proses, yang kita terima borang adalah Kedah. Kedah adalah negeri Pakatan Rakyat. Kita tidak tolak, kita proses. Begitu juga dengan Perak, sebelum ini di bawah Pakatan Rakyat. Angka yang saya terima adalah daripada kerajaan yang sebelum ini.

Jadi janganlah kita politikkan. Saya menyatakan di sini bahawa bantuan kerajaan adalah merentasi fahaman politik. Mana yang memang susah, kita bantu. Yang mana memang tidak layak, kita tolak.

Puan Hajah Zuraida Kamarudin [Ampang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ampang bangun, Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon: Kalau hal CARI lagi, sudahlah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamarudin [Ampang]: Saya hendak cakap sedikit hal CARI pasal tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap soal...

Puan Noriah Kasnon: Ampang pun ada *figure* nya, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamarudin [Ampang]: Bukan masalah Ampang, Kedah, Selangor ataupun Kelantan. Masalahnya yang dapat di Kedah, Ampang, Kelantan, negeri-negeri Pakatan Rakyat, adalah orang-orang UMNO.

Puan Noriah Kasnon: Buktikan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamarudin [Ampang]: Yes. Sebab itu borang-borang yang kami tandatangan tidak diterima, telah ditolak. Itu isunya, bukan isu masalah tidak berterima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, saya...

Puan Hajah Zuraida Kamarudin [Ampang]: Masalahnya diskriminasi yang terjadi.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya mencelah sedikit.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya mencelah sedikit. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya wakil Pakatan Rakyat ini bukan hendak beri kepada orang yang menerima itu. Dia hendak nama dia yang memberinya... *[Disampuk]* Itu yang masalahnya. Jadi oleh kerana nama yang dia hendak, jadi kalau orang lain beri, dia rasa bukan jadi...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Mohon tarik balik ya. Tarik balik ya.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tidak hendak tarik balik. Itulah hakikatnya. Dia hendak tandatangan, dia hendak cari ini orang yang dia bawa sebab dia hendak nama. Bukan dia hendak beri bantuan kepada penerima. Kita berkira siapa yang patut terima, terimalah. Itulah masalahnya... *[Disampuk]* *Standard* apa? Inilah kehendak Pakatan Rakyat. Yang kita hulur, inilah yang dicacinya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *Ada chance, ada chance.*

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Noriah Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Balik Pulau hendak mencelah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dengan izin, sedikit sahaja. Saya memohon kalau boleh, Yang Berhormat Speaker, kalau setakat kita hendak berbahas di sini memberi tuduhan-tuduhan liar seperti ini, saya tidak berminat, membuang masa Dewan. Betul saya cakap begini. Kalau setakat isu terima kasih, itu membuang masa Dewan. Kita membincang kepada isu yang pokok. Jadi saya mohon kebijaksanaan, saya mohon sangat, ini isu penting, isu wanita ini, saya berminat untuk dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon: Okey, Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, sekejap, Yang Berhormat. Kita tidak boleh halang orang daripada berucap apa jua yang dibahaskan itu adalah hak dia untuk berbahas, Yang Berhormat. Jadi kalau ada yang tidak suka atas perbahasan seseorang, Yang Berhormat boleh bangun dan mencelah dan perbaiki mengikut sudut pandangan Yang Berhormat. Sebab itu kita ada ruang untuk mencelah dan kita tidak boleh, tidak ada kebijaksanaan saya untuk menghalang seseorang daripada mengeluarkan pendapat mereka masing-masing. Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Tuan Speaker. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi sekali lagi saya menekankan di sini, kerajaan tidak pernah mendiskriminasikan sesiapa. Ia merentasi fahaman politik dalam memberikan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini

terbukti melalui data-data penerima yang kita terima setiap tahun. Saya menyatakan sekali lagi bahawa semua orang boleh menghantar permohonan tidak kira menggunakan borang CARI, menggunakan borang biasa, melalui talian NUR ataupun datang berkunjung sendiri dan kalau ada masalah, boleh tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri ataupun kepada saya sendiri dan kita akan turun membuat siasatan sekiranya ada salah laku dan diskriminasi...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat,.

Puan Noriah Kasnon: Sudah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat, boleh?

Puan Noriah Kasnon: Isu apa, Yang Berhormat?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Isu tadi, cara penyampaian ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat, yang kita hendak bagi ini ialah kumpulan sasaran, orang miskin, orang yang kurang upaya dan sebagainya. Jadi saya hendak respons kepada pembangkang tadi. Kita tidak perlu beri borang kepada pembangkang. Yang penting ialah kumpulan sasaran yang kita hendak beri. Jadi setakat ini Ahli Parlimen Barisan Nasional boleh lagi *sign* dan kita boleh memberi kepada orang ini, tidak payah kepada mereka. Janji kumpulan sasaran kita mendapat faedah daripada bantuan ini. Terima kasih...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sebagaimana saya katakan tadi, yang penting golongan sasaran yang layak menerima, kita bantu. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuantan mencadangkan supaya undang-undang tuntutan nafkah bagi isteri yang diceraikan dipinda. Misalnya dibuat melalui potongan gaji atau potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti yang diamalkan oleh mahkamah konvensional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang mengenai tuntutan nafkah bagi isteri yang diceraikan dan nafkah anak melalui potongan gaji telah diperuntukkan di bawah Undang-undang Keluarga Islam.

■2050

Perkara ini tertakluk di bawah perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dan ia adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing dan tertakluk kepada permohonan masing-masing. Mengenai cadangan pemberian nafkah melalui potongan KWSP pula, ia adalah cadangan yang baik tetapi adalah juga tertakluk kepada undang-undang berkaitan dengan KWSP iaitu Akta KWSP 1991.

Yang Berhormat Kuantan seterusnya meminta penjelasan mengenai maklumat di dalam laman web kementerian yang memaparkan Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Kebangsaan adalah Y.Bhg. Dato' Seri Shahrizat yang berstatus sebagai Menteri Pembangunan,

Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini dan kementerian telah membuat pembetulan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Kuantan meminta penjelasan mengenai pengerusi-pengerusi majlis pembangunan wanita dan keluarga yang terdiri daripada Ahli Exco yang bertanggungjawab ke atas portfolio wanita. Akan tetapi di negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat ia terdiri daripada Ketua-ketua UMNO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keanggotaan MPWK Penggal 2008 - 2009 adalah di atas lantikan Pengerusi MPWK Kebangsaan iaitu Y. Bhg. Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Penasihat Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Sosial kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sementara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan urus setia sahaja bagi MPWK di peringkat pusat manakala di peringkat negeri, urus setia MPWK adalah terdiri daripada Jabatan Pembangunan Wanita, JPW dan juga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Yang Berhormat Rantau Panjang memohon penjelasan mengenai statistik golongan miskin di kalangan ibu tunggal, anak yatim dan warga emas...

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Mohon sebentar. Saya hendak bertanya soalan berkenaan dengan yang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa lantikan Pengerusi MPWK di peringkat Parlimen ialah oleh Penasihat iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Shahrizat sedangkan di laman web mengatakan atas lantikan Menteri Besar. Jadi, saya mohon penjelasan tersebut. Exco pula adalah Pengerusi kepada Majlis Pembangunan Wanita di peringkat negeri dan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab. Jadi saya mohon penjelasan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Sama, sedikit sahaja. Isu yang sama. Saya ingin penjelasan, apakah urus setia Pembangunan Wanita, saya bagi contoh di negeri Kelantan dilibatkan dalam jawatankuasa ini sebagai bukti ketelusan kepimpinan Kementerian Wanita.

Puan Noriah Kasnon: Saya sudah sebut sebenarnya Yang Berhormat tadi di mana keanggotaan ataupun organisasi MPWK Penggal 2008 – 2009, ia tahunan Yang Berhormat adalah atas lantikan Pengerusi MPWK Kebangsaan. Mungkin apa yang dipaparkan di dalam laman web itu adalah sebelum 2008, sebelum sesi baru. Lantikan adalah di atas budi bicara Pengerusi MPWK Pusat dan urus setia di peringkat negeri adalah JPW dan juga LPPKN.

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas maklum balas tersebut. Jadi saya harap dapat diperbetulkan laman web sebab sudah lebih satu tahun tidak diperbaiki dan tidak *diupdate*. Sedikit lagi sebelum Yang Berhormat

Timbalan Menteri maju ke hadapan. Saya nampak bahawa di sini, saya cuba hendak baca di sebalik kata-kata Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa tiada diskriminasi dan bahawa bantuan akan diberikan kepada semuanya.

Saya pohon pihak kementerian menjalankan siasatan. Saya mendapat maklumat jelas bahawa arahan ini adalah daripada kementerian sendiri dan maklum balas ini daripada jabatan di bawah kementerian bahawa arahan ini daripada pihak kementerian. Ini berkenaan dengan Borang Cari dan sebagainya tadi. Maka saya tidak mahu beri nama kerana saya takut pegawai tersebut akan diambil tindakan disiplin. Jadi, saya sudah pun memberikan nama tersebut kepada Pengarah.

Saya sudah pun memberikan nama tersebut kepada Pengarah JKM dan saya minta kalau boleh pihak kementerian, pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri buat siasatan sebab aduan yang saya terima ini adalah arahan daripada pihak kementerian sendiri dan jangan *for the integrity* dengan izin. *For the integrity of your kementerian and for the integrity of you, yourself as a Menteri*, tolong siasat dan tolong jangan jadikan agensi kerajaan ini sebagai wadah politik mana-mana parti. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, kalau ada buatlah aduan hitam putih Yang Berhormat. Sama ada kepada Menteri ataupun kepada saya. Insya-Allah saya akan ambil perhatian mengenai perkara ini dan sebagaimana saya katakan, banyak cara permohonan boleh diajukan. Ia bukan semestinya Borang Cari sahaja. Yang Berhormat Rantau Panjang mohon penjelasan mengenai statistik golongan miskin di kalangan ibu tunggal, anak yatim dan warga emas dan ingin tahu bilakah mereka menerima bantuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada semua golongan miskin dan yang berkeperluan termasuk ibu tunggal, anak yatim dan warga emas berdasarkan kriteria dan kelayakan yang ditetapkan. Setakat bulan September 2008, kumpulan penerima ibu tunggal menerima skim di bawah bantuan kanak-kanak, bantuan geran pelancaran dan bantuan am, semuanya seramai 34,599 orang dengan jumlah kewangan RM65,553,887. Bagi anak-anak yatim iaitu di bawah bantuan kanak-kanak, seramai 28,932 orang melibatkan RM68,450,124. Bagi warga emas pula, skim bantuannya adalah bantuan orang tua melibatkan 27,231 orang melibatkan RM64,095,530. Itu adalah di peringkat Persekutuan.

Yang Berhormat Ledang menyarankan supaya kementerian turut memberi perhatian kepada golongan wanita yang tidak bekerja, yang usianya telah lanjut tetapi bukan warga emas, tidak berkeluarga, tidak bersuami kerana mereka juga memerlukan pembelaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak pernah menyisihkan mana-mana golongan yang berkeperluan untuk diberi bantuan dan sebagainya. Bagi golongan wanita tersebut, mereka boleh dipertimbangkan di bawah bantuan am yang sedia ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sekiranya golongan wanita tersebut mempunyai keperluan lain,

kementerian sedia membantu untuk memberi khidmat nasihat serta program-program kemahiran untuk membantu mereka. Yang Berhormat Parit meminta supaya satu langkah konkrit...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit, sedikit Yang Berhormat Batu Gajah kacau ini.

Puan Noriah binti Kasnon: Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maksud saya begini, kalau kita ajukan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka akan lihat dari sudut taraf kesihatan, keupayaan wanita berkenaan. Berbeza dengan lelaki. Lelaki ini biasanya dia mampulah untuk berdikari. Akan tetapi bukan soal diskriminasi, memang dia ini iaitu wanita yang saya maksudkan tadi dia tiada pekerjaan. Sudahlah tidak berkeluarga, tidak ada pekerjaan dan tidak mampu hendak menyara diri. Datang berjumpa kita tetapi dia bukan dalam kategori yang tidak kuat bekerja cuma dia tiada pekerjaan.

Akan tetapi oleh sebab dia wanita, kepada saya mesti ada satu jalan untuk kita membantu mereka. Biasanya JKM akan tolak kerana alasannya ialah mereka mempunyai kudrat yang membolehkan mereka bekerja sedangkan mereka tidak ada peluang pekerjaan. Ini mungkin bantuan yang segerakan sebelum kita latih mereka dengan latihan kemahiran dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sebagaimana saya katakan tadi, bantuan segera kepada kumpulan yang tidak bekerja, tidak warga emas tetapi tidak mempunyai pendapatan dan tidak ada keluarga. Ini kita boleh pertimbangkan Yang Berhormat di bawah bantuan am negeri. Kadarnya adalah mengikut kadar di setiap negeri masing-masing. Untuk tahun 2007 sahaja hampir 100,000 yang menerima di bawah kategori ini dan tidak layak di bawah kategori-kategori bantuan Persekutuan dan melibatkan lebih 150 juta juga Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Batu Gajah. Silakan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu kedudukannya peruntukan bantuan khas yang sebelum ini setiap Ahli Parlimen diperuntukkan RM30,000. Bantuan khas kepada penghuni-penghuni apabila timbul masalah bencana, untuk pesakit kronik dan ibu-ibu tunggal. *One-off*, sebelum ini ada diberi tetapi apabila kita kemukakan permohonan dalam masa kurang dua minggu, pejabat kebajikan akan menghubungi meminta Ahli Parlimen pergi ambil *cheque* dan serahkan secara terus kepada pemohon ini.

■2100

Jadi, saya hendak tahu apa kedudukan RM30,000 ini? Apakah diteruskan sebab apabila kami pembangkang di sini rajin membantu mereka, kumpulan sasar ini, pihak jabatan memerlukan permohonan sekarang terpaksa dihentikan. Semua ini akan dihantar ke Putrajaya dan selepas itu kita tidak dengar khabar lagi. Jadi, saya hendak tahu kedudukan RM30,000 apakah ada diteruskan lagi? Jika ya, mengapa pihak pembangkang ini tidak menerima bantuan ini?

Puan Noriah Kasnon: Ini bantuan yang mana ini Yang Berhormat? Saya kurang maklum. RM30,000 melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, ya di mana setiap Ahli Parlimen ada diperuntukkan RM30,000 yang di simpan oleh Jabatan Kebajikan. Apabila kita mengemukakan permohonan dengan terusnya kurang dua minggu, kadang-kadang seminggu. Kami di minta ambil cek untuk serahkan kepada pemohon ini.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, mungkin di negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat juga boleh mewujudkan skim yang serupa. Ini adalah untuk Ahli-ahli Parlimen tetapi yang penting sekali lagi Yang Berhormat, yang penting adalah ketelusan kita menyerahkan bantuan kepada golongan sasar. Kenapa kita mesti bertelagah tentang siapa yang mesti memberi, siapa yang kena turun padang? Bukankah yang penting, kalau Yang Berhormat mempunyai kumpulan sasar tersebut, *submit* nama dan kemudian kita serahkan. Adakah itu salah Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak salah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri itu kuat lagi bekerja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ada tanya sebelum ini diberi kepada semua Ahli Parlimen. Selepas itu dihentikan kepada Ahli Parlimen Pembangkang. ni persoalannya. Yang Berhormat, sebelum ini saya bangkit berkenaan isu membantu orang miskin, pernah kata dalam Dewan ini, kita ada projek, jom cari kita semua. Semua mesti bekerjasama.

Apabila sekarang kita ada Ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Kuantan mengemukakan permohonan tetapi ditolak. Jadi, Yang Berhormat jangan berpusing sini sana.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Menyampuk]*

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kami mempunyai niat baik untuk membantu. Saya tanya dengan baik, apakah kedudukan RM30,000? Kalau tidak tahu, cakap tidak tahu, cukup.

Puan Noriah Kasnon: RM30,000 untuk tahun ini saya tidak tahu Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak payah. Cukup, cukup. Kalau tidak tahu, cakap tidak tahu, cukup.

Puan Noriah Kasnon: Kenapa marah Yang Berhormat? *[Dewan riuh]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Janganlah marah. Apa fasal apa marah itu?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Apa fasal apa marah itu?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Apa fasal apa becok itu?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini Yang Berhormat tidak mahu bekerjasama. Yang Berhormat kata hendak bekerjasama tetapi dalam Dewan ini Yang Berhormat yang berpolitik.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, saya tanya baik-baik tadi. Ini peruntukan yang mana, RM30,000 melalui JKM? Yang Berhormat terus melenting.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Menyampuk][Dewan riuh]*

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Siapa yang membangkitkan bahawa yang penting ialah kumpulan sasar? Kami bangkitkan adalah berkenaan prosesnya.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, malulah Yang Berhormat. Wanita dengan wanita kita bertelagah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat yang patut malu, Yang Berhormat yang patut malu.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, kalau *statement* tidak betul, jangan buat.

Puan Noriah Kasnon: Kenapa malu Yang Berhormat? Ketelusan kami adalah menyerahkan bantuan kepada kumpulan sasar. Tidak kira kepada melalui siapa Yang Berhormat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat Parit meminta supaya satu langkah konkrit segera diambil untuk membatu golongan ibu tunggal yang berpendapatan rendah serta kehilangan pekerjaan akibat kegawatan ekonomi dan terpaksa menanggung keluarga sama ada melalui pemberian wang tambahan atau pun geran perniagaan bagi menghadapi situasi sebegini.

Kementerian melalui JKM tidak mempunyai program khusus untuk membantu wanita khususnya ibu tunggal yang hilang pekerjaan akibat kegawatan ekonomi. Walau bagaimanapun, JKM menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada semua golongan miskin yang berkeperluan termasuk ibu tunggal khasnya yang mempunyai tanggungan sebagaimana saya nyatakan tadi. Manakala Jabatan Pembangunan Wanita, JPW pula menyediakan...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya simpati dengan ibu tunggal ini.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tidak sekampung saya, sebab di kawasan boleh kata di peringkat negeri dan daerah ada Persatuan Ibu Tunggal. Saya sering dihubungi, bukan maknanya jumpa saya. Oleh sebab saya kenal dia orang ini ramai, sebab ibu

tunggal ini ramai sangat. Kalau seorang-seorang mungkin lain cerita dia. Jadi, apabila jumpa dengan kita Yang Berhormat, ia melahirkan masalah mereka.

Mereka kerja bagus, *team work* dia bagus tetapi peruntukan tidak ada. Saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak kementerian perhatikan balik supaya kalau ada peruntukan khas yang boleh kita salurkan kepada ibu tunggal ini untuk mungkin mereka menjalankan program di samping sokongan yang diberikan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional, pembangkang memang tidak berilah. Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ampang.

Puan Noriah Kasnon: Sama?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Mike, mike.*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegur sedikit tentang sikap Yang Berhormat Maran yang selalu bersangka jahat.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat, saya tidak beri laluan Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak apa, sebab saya tanya Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat Maran ini selalu bersangka jahat.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Untuk makluman semua, pihak kementerian mempunyai geran peruntukan khas perbendaharaan yang mana boleh dipohon oleh persatuan-persatuan, Persatuan Ibu Tunggal misalnya, Pertubuhan Sukarela Kebajikan atau pun pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan pembangunan wanita atau pun kesejahteraan keluarga. Boleh dipohon lagi Yang Berhormat, buat kertas kerja dan mesti berdaftar syarat utamanya, dan hantarlah ke kementerian seberapa segera yang boleh sebelum kita adakan mesyuarat untuk kelulusan.

Mengenai latihan-latihan kemahiran, JPW turut memberikan atau pun mengadakan program-program kemahiran untuk membangunkan kapasiti wanita termasuk ibu tunggal yang berpendapatan rendah serta hilang pekerjaan akibat kegawatan ekonomi. Di samping itu, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia juga menyediakan pelbagai program untuk mereka yang hilang kerja akibat kegawatan ekonomi seperti program latihan semula. Begitu juga dengan dana-dana dan pinjaman keusahawanan yang ditawarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Program-program ini boleh dimanfaatkan bersama oleh ibu-ibu tunggal berkenaan.

Pihak kementerian juga mempunyai satu program dialog keusahawanan wanita yang mana kita akan melibatkan pembiaya-pembiaya ini untuk turun bersama dalam program kita bagi

memudahkan, dapat taklimat dan terus siapa yang berkeperluan menerima atau pun disediakan borang-borang oleh AIM, Yayasan TEKUN, Institut Keusahawanan dan lain-lain.

Yang Berhormat Parit juga mencadangkan supaya kementerian memainkan peranan proaktif agar wanita sentiasa bersedia dan peka dengan perubahan persekitaran semasa kerana sama ada wanita itu berkerjaya atau pun suri rumah, semuanya berperanan sebagai pengurus kewangan dalam rumah tangga. Sebagai mana saya nyatakan awal tadi, kementerian melalui JPW menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan bagi mengupayakan wanita termasuk golongan yang bekerja, suri rumah, wanita luar bandar, wanita bandar, wanita kurang upaya, siswazah wanita dan sebagainya.

Program-program pengupayaan dan perkhidmatan yang disediakan ini bermatlamat untuk mencapai tiga objektif utama iaitu membangunkan ekonomi wanita, membangunkan kapasiti wanita dan meningkatkan kualiti hidup wanita. Ketiga-tiga aspek ini sebenarnya saling berhubung antara satu sama lain kerana usaha pemerkasaan dan peningkatan kualiti hidup wanita sebenarnya amat berkait rapat dengan kestabilan ekonomi diri dan keluarga.

Pembangunan-pembangunan kapasiti wanita seperti latihan kemahiran dijalankan bagi melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan bukan sahaja untuk dimanfaatkan bagi diri sendiri dan keluarga, malah boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti ekonomi dalam bidang perniagaan, keusahawanan dan perkhidmatan bagi menjana pendapatan. Antara program latihan yang disediakan yang terbaru adalah *Home Managers*, Jejari Bestari dan Pengimarah Rumah Nur.

Selain daripada itu, JPW turut mengadakan program pengurusan kewangan untuk wanita dan keluarga yang dijalankan melalui pejabat-pejabat pembangunan wanita negeri. Yang Berhormat Ampang memohon penjelasan tentang bila dasar wanita negara akan dikaji dan dilaksanakan serta berapa peruntukan yang diperlukan. Dasar wanita negara yang digubal pada tahun 1989, telah mula dikaji semula pada tahun 2007 dan sekarang berada di peringkat akhir pengemaskinian. Dasar wanita negara yang telah dikemas kini berserta pelan tindakan pembangunan wanita dijangka dikemukakan untuk kelulusan kerajaan pada pertengahan tahun 2009.

Manakala, jumlah peruntukan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan program dan aktiviti yang digariskan di dalam pelan tindakan pembangunan wanita akan dipohon oleh agensi pelaksana kepada Kementerian Kewangan kelak dan kementerian tidak menyediakan sebarang peruntukan kewangan kecuali bagi program-program yang dilaksanakan oleh kementerian sendiri.

Yang Berhormat Ampang juga menimbulkan terdapat pelarian Rohingya di kawasan Ampang di mana kanak-kanak tidak bersekolah dan ibu bapa pula tidak bekerja yang mendatangkan masalah sosial di kawasan tersebut dan mempersoalkan peranan CRC yang menetapkan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapat pendidikan. Selaras

dengan konvensyen mengenai hak kanak-kanak atau CRC, hak kanak-kanak untuk akses kepada pendidikan adalah diiktiraf oleh Malaysia sebagai sebuah negara pihak CRC. Dalam hal ini kanak-kanak Rohingya boleh menghadiri sekolah yang dikendalikan oleh pihak swasta atau pertubuhan bukan kerajaan. Dalam erti kata lain, semua kanak-kanak termasuk warga negara asing tidak dinafikan hak untuk mendapat pendidikan di negara ini.

Walaupun bagaimanapun, kemudahan menghadiri sekolah di bawah kelolaan kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran kepada kanak-kanak warga negara asing hanya diberi kepada mereka yang mempunyai dokumen yang sah sahaja. Kepada mereka yang tidak mempunyai dokumen yang sah, yang diperakui oleh Kerajaan Malaysia, kemasukan mereka ke sekolah kerajaan adalah tidak dibenarkan dan tindakan ini tidak bertentangan dengan CRC kerana kerajaan masih mempunyai *reservesi* ke atas perkara 28(1)(a) CRC iaitu berkaitan penyediaan pendidikan rendah yang wajib dan percuma kepada semua.

■ 2110

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang juga mohon penjelasan mengenai mengatasi masalah diskriminasi gender di mana seorang wanita yang diterima untuk jawatan guru sandaran tidak terlatih atau GSTT tetapi telah terbatal dengan alasan hamil. Sebenarnya kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Pelajaran pada 13 Februari tahun 2009 dan kami telah dimaklumkan bahawa sebenarnya surat tawaran belum dikeluarkan kepada pengadu Yang Berhormat dan oleh itu kami telah dimaklumkan bahawa dakwaan tawaran ditarik balik tidak berbangkit, cuma Kementerian Pelajaran Malaysia telah kami maklumkan bahawa perkara ini perlu diberi perhatian serius selaras dengan artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa tidak boleh ada pembezaan terhadap warga negara disebabkan oleh jantina dan ini juga selaras dengan obligasi negara terhadap konvensyen penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan kami telah mohon agar dikaji peraturan-peraturan pelantikan guru termasuklah guru sandaran tidak terlatih ini sekiranya ada unsur-unsur diskriminasi ke atasnya. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ampang bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih ya Timbalan Menteri. Timbalan Menteri menyatakan tadi kes GSTT Nor Fadilah itu tidak ada bukti surat tawaran. Kalau Timbalan Menteri *go through* dengan izin, *email, correspondence* dengan MOE dan Kementerian Pembangunan semua terkepil surat-surat itu Timbalan Menteri. Jadi, mungkin Timbalan Menteri kena menyiasat perkara ini dan tolong mengatasi masalah Nor Fadilah ini.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya juga sebenarnya menerima kertas makluman hasil daripada perbincangan dengan bahagian dasar kementerian kami dan juga Kementerian Pelajaran dan itulah yang telah dilaporkan dalam laporan bertulis ini.

Cuma antara lain yang juga menjadi perhatian kami bahawa memang terdapat sedikit sebanyak unsur-unsur diskriminasi ke atas syarat-syarat pengambilan GSTT ini kerana antaranya adalah tidak ada peruntukan cuti khas, guru sandaran tidak boleh diganti dengan guru ganti. Maksudnya kalau guru bersalin terpaksa diganti dengan guru ganti baru yang memerlukan penerangan semula dan ini saya kira memang menjadi pada kami juga terdapat unsur-unsur diskriminasi dan memang kita telah meminta Kementerian Pelajaran untuk melihat semula dan setakat ini kita belum menerima jawapan daripada pihak Kementerian Pelajaran. Akan tetapi perbincangan awal sudah diadakan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sedikit lagi. Terima kasih Timbalan Menteri kerana mengakui tentang diskriminasi itu. Jadi esok Nor Fadilah akan ke sini untuk membuat satu PC lagi. Saya minta Timbalan Menteri turut bersama agar dapat menyelesaikan masalah dengan tuan punya badan *straight away*, terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Yang Berhormat Ampang, penyelesaian ini saya kira bukan di bawah tanggungjawab kementerian. Akan tetapi, kami menyokong sekiranya terdapat unsur diskriminasi. Ini kita telah minta Kementerian Pelajaran untuk memberi perhatian serius dan kalau boleh meminda peraturan-peraturan yang memberi diskriminasi kepada wanita. Akan tetapi apa yang dimaklumkan kepada saya, surat tawaran belum dikeluarkan dan isu penarikan balik tidak timbul. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja antara isu-isu yang ditimbulkan semasa perbahasan Titah Diraja. Semua pandangan, saranan dan cadangan serta sokongan tetap diberikan perhatian dan diucapkan jutaan terima kasih, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

9.14 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Dewan Rakyat kali ini. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi senantiasa peka terhadap situasi semasa dalam memastikan agar segala program dan projek berkaitan pembangunan usahawan dan koperasi, pembangunan modal insan, pemilikan aset bumiputera dan pembasmian kemiskinan bukan sahaja dapat memberi impak yang positif melalui sistem penyampaian yang baik, bahkan ia dapat membantu rakyat menghadapi kelembapan ekonomi masa kini. Sehubungan dengan ini perkara-perkara atau isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Titah Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini adalah meliputi lima perkara iaitu;

- (i) latihan keusahawanan dan kemahiran;

- (ii) pembiayaan perniagaan;
- (iii) pembangunan premis perniagaan di luar bandar;
- (iv) pendidikan dan
- () pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama, pelaksanaan program latihan keusahawanan dan penubuhan dana khas kepada golongan yang diberhentikan kerja dan siswazah yang menganggur. Kementerian mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Gombak agar golongan yang diberhentikan kerja ketika ini yakni akibat kelembapan ekonomi negara diberikan latihan keusahawanan sebagai langkah persediaan menceburi bidang perniagaan. Melalui INSKEN yakni Institut Keusahawanan Negara, kementerian akan memperbanyakkan siri latihan asas perniagaan untuk mendedahkan golongan yang diberhentikan kerja ini dengan dunia keusahawanan dan merancang untuk melaksanakan kursus-kursus yang bentuk dengan izin, *hands on* kepada golongan-golongan ini supaya mereka dapat memulakan perniagaan apabila tamat mengikuti latihan. INSKEN juga akan menganjurkan kursus-kursus pendedahan peluang perniagaan dan pemasaran dengan menggunakan kemudahan Internet dan perniagaan berbentuk dengan izin, *small office home office* atau SOHO.

Pelaksanaan program-program ini akan menggunakan peruntukan yang sedia ada di kementerian. Di samping itu INSKEN juga telah memohon peruntukan tambahan di bawah pakej rangsangan ekonomi untuk melaksanakan kursus-kursus berpakej bagi melayakkan mereka mendapat pembiayaan perniagaan untuk memulakan perniagaan. Di samping itu, kementerian juga telah diberikan peruntukan sebanyak RM52.4 juta melalui pakej rangsangan yang lalu untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan program latihan kemahiran *cluster* yang meliputi bukan sahaja ilmu kemahiran bahkan ilmu keusahawanan serta jati diri melalui lima institut latihan kemahiran swasta bumiputera yang telah dilantik oleh kerajaan. Seramai 4,000 peserta disasarkan untuk dilatih melalui program kemahiran yang telah dirancang. Di antaranya...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Saifuddin bin Abdullah: ...bidang pertanian, kecantikan, hiasan diri, elektrik dan elektronik, perhotelan dan penyediaan makanan. Sehingga Februari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Habiskan ayat...

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya, saya habiskan ayat. Sehingga Februari 2009, seramai 1,952 peserta yang terdiri daripada golongan yang telah diberhentikan kerja lepasan sekolah dan siswazah telah mula dilatih melalui institut latihan kemahiran swasta bumiputera tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sehubungan dengan perancangan MECD untuk melahirkan usahawan-usahawan, saya telah menerima aduan daripada beberapa peserta iaitu berkenaan dengan program pembangunan usahawan anjuran Hadhari Cattle Industry Sdn. Bhd di mana syarikat ini telah pun menghubungi pihak MECD untuk mengadakan satu usahawan di mana kira-kira 120 orang peserta yang berminat untuk melibatkan diri dan pihak Hadhari Cattle Industry Sdn. Bhd telah pun mengutip wang paling kurang RM10 ribu seorang untuk menyatakan komitmen mereka dan sehingga hari ini nampaknya program ini tidak dapat dilaksanakan dan peserta-peserta mendapati bahawa seolah-olah mereka telah tertipu tetapi jawapan oleh pihak Hadhari Cattle Industry Sdn. Bhd ini mengatakan bahawa pihak MeCD telah mengubah pendiriannya daripada membantu, sekarang ini tidak membantu. Jadi saya hendak tahu kedudukan macam mana, terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Memang pihak kementerian ada membantu pihak Hadhari Cattle Industry Sdn. Bhd melalui MARA dan juga melalui TEKUN. Akan tetapi saya tidak maklum tentang isu kutipan RM10,000 seorang dan ada masalah tentang kutipan wang telah dibuat tetapi tidak berlaku apa yang telah dijanjikan oleh pihak Hadhari Cattle Industry Sdn. Bhd. Akan tetapi saya janji dengan Yang Berhormat saya akan siasat perkara ini dan akan maklumkan kemudian.

■2120

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri surat berkenaan perjumpaan di antara MECD dan Hadhari Cattle Industry Sdn. Bhd. setelah dipanggil dan ditandatangani oleh Timbalan Ketua Setiausaha MECD sendiri. Kalau boleh saya sebut namanya Datuk Mohd. Hashim bin Abdullah yang bertarikh pada 13 Oktober dua kali, tetapi dibatalkan. Dan ini merupakan satu hal yang menimbulkan rasa kecewa di kalangan peserta, sebab saya difahamkan bahawa ada peserta yang menyumbang RM50,000 ada peserta yang menyumbang RM30,000 dan ramainya yang menyumbang RM10,000. Jadi angka ini cukup besar dan ini mematikan semangat anak-anak muda kita untuk melibatkan dalam bidang industri ini. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu saya tadi mengatakan memang saya tahu ada kerjasama antara kementerian dengan pihak Hadhari Cattle Industry Sdn. Bhd. tetapi maklumat tentang ada masalah ini, yang ini saya perlu menyiasat dan akan saya laporkan kepada Yang Berhormat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Putatan bangun Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya, sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat menyentuh soal Institut Kemahiran Bumiputera ini dan Yang Berhormat juga menyebut 1,952 peserta terdiri daripada golongan yang diberhentikan kerja, lepasan sekolah dan lain-lain.

Saya ingin bertanyalah berapa agaknya peserta dari Sabah ini dan bila agaknya pihak kementerian mewujudkan ibu Pejabat MARA di Sabah? Ini kerana ada pernah dua tiga kali pegawai MARA berjumpa dengan saya minta bantu mencari tanah. Saya sudah sediakan tapak sampai sekarang belum ada berita. Minta penjelasan daripada kementerian. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang Kursus Institut Latihan Kemahiran Swasta, ini sebenarnya bukan di bawah kementerian, tetapi kami membantu institut-institut tersebut yang berjumlah lima buah untuk mereka mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan program ini.

Saya tidak dapat menyatakan berapakah jumlah peserta daripada Sabah, tetapi sekiranya Yang Berhormat berminat akan kita jawab dengan secara bertulis tentang itu. Soal Ibu Pejabat MARA yang itu insya-Allah akan kita segerakan. Tuan Yang di-Pertua sementara itu dalam usaha menggalakkan siswazah menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya membantu mengatasi masalah pengangguran.

Kementerian melaksanakan dua program utama, iaitu Skim Usahawan Siswazah dan Program Francais Siswazah. Melalui Skim Usahawan Siswazah latihan keusahawanan diberikan kepada siswazah dan dana pembiayaan disediakan di bawah Tabung Usahawan Siswazah di bawah SME Bank. Dari tahun 2000 hingga 2009 seramai 1,071 orang siswazah telah menyertai latihan keusahawanan yang disediakan melalui 25 kursus yang telah dijalankan. Manakala sehingga Februari 2009 seramai 95 orang siswazah telah menyertai latihan keusahawanan ini. Daripada jumlah ini seramai 18 orang siswazah telah memohon pembiayaan di bawah Tabung Usahawan Siswazah dengan dua orang siswazah berjaya mendapatkan pembiayaan berjumlah RM179,000.

Manakala di bawah Program Francais Siswazah pula sehingga Februari 2009 kementerian telah melatih seramai 203 orang siswazah dan telah memberi pembiayaan sebanyak RM14.6 juta kepada 67 orang siswazah, sejak program ini dimulakan pada tahun 2006. Kini kementerian telah mula mengambil pendekatan baru, iaitu menyediakan pinjaman bersyarat kepada para siswazah yang sedang mengikuti pengajian di IPTA dengan syarat mereka menyediakan rancangan perniagaan dan menyertai program-program pembudayaan dan latihan keusahawanan seperti Program Pembangunan Usahawan Siswa, Latihan Keusahawanan Siswazah dan Kursus Asas Keusahawanan Siswa. Kementerian juga tidak menyenaraihitamkan sebaliknya membenarkan siswazah yang belum membayar balik pinjaman sama ada di bawah MARA ataupun PTPTN bagi membolehkan mereka membuat pinjaman perniagaan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tenggara agar kementerian menubuhkan dana khas kepada golongan yang diberhentikan kerja agar mereka boleh menceburi bidang perniagaan, kami tidak berhasrat untuk berbuat demikian pada saat ini. Ini memandangkan dana-dana sedia ada yang disediakan kepada usahawan telah mencukupi. Bukan sahaja di bawah kementerian ini bahkan juga di bawah kementerian dan agensi-agensi yang lain. Sehingga kini terdapat sebanyak 111 dana yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional melalui pelbagai kementerian dengan 33 daripada dana tersebut terletak di bawah kementerian kami. Dalam perkara ini apa yang penting bukannya dana, tetapi access dalam mendapatkan pembiayaan.

Kementerian sentiasa berusaha untuk mempermudah usahawan mendapat pembiayaan. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:-

- () menyelaraskan syarat-syarat pinjaman antara agensi-agensi misalnya dari segi kadar faedah dan sebagainya;
- () mengarahkan agensi-agensi agar memberikan sebab terhadap permohonan yang ditolak;
- () menubuhkan jawatankuasa rayuan dan mudah biaya di peringkat kementerian untuk menimbang semula permohonan yang gagal;
- () menurunkan kuasa sehingga ke peringkat akar umbi bagi memastikan kelulusan pinjaman dapat dibuat pada kadar yang lebih segera;
- () memberikan pembiayaan 100% kepada usahawan dengan cagaran 10% dipegang oleh agensi berasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman keusahawanan di kalangan siswazah; dan
- (vi) memberi peluang kedua dengan izin, *second chance* kepada usahawan yang gagal dalam perniagaan yang disebabkan oleh faktor-faktor luar kawalan serta menyediakan pembiayaan untuk mereka memulihkan perniagaan mereka.

Isu yang kedua pembinaan lot-lot kedai di simpang-simpang jalan strategik di luar bandar. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat akan cadangan Yang Berhormat Pontian agar kementerian membangunkan lot-lot kedai di simpang-simpang strategik di luar bandar dalam usaha menggalakkan pembangunan usahawan di desa-desa.

Untuk makluman Yang Berhormat MARA telah diberi peruntukan sebanyak RM7 juta untuk membangunkan tujuh buah kompleks kedai rakyat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu di Bandar Baru di Kedah, di Sungai Tiang di Kedah, di Lenggong di Perak, di Masjid Tanah, Melaka, di Sungai Koyan, Pahang, di Besut, Terengganu dan Sanglang Perlis.

Kedai-kedai rakyat ini sedang dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan ekonomi kawasan luar bandar dalam rantai nilai yang lebih tinggi serta memperluaskan pasaran bagi produk dan perkhidmatan. Setakat ini status pelaksanaan pembangunan rangkaian kedai rakyat

tersebut masih di peringkat pembinaan. Kompleks kedai-kedai rakyat ini dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung 2010. Memandangkan pembangunan kedai-kedai ini dapat merancakkan lagi ekonomi di kawasan luar bandar...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya mohon penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan pinjaman bersyarat. Boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan institusi yang dibenarkan untuk para pelajarnya membuat pinjaman dengan MARA.

Yang kedua, berapa lamakah biasanya pihak kementerian akan memproses pinjaman yang dibuat oleh pihak siswazah untuk mendapat kelulusan supaya mereka dapat memulakan usaha mereka.

Yang ketiga berhubung dengan lot-lot kedai saya melihat di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah.

Lot-lot kedai ini masih lagi sama sekali boleh dikatakan tidak wujud, jadi kalau untuk negeri Sabah bilakah perancangan kementerian untuk melaksanakan lot-lot kedai ini. Sebab saya melihat potensi untuk kita membangunkan lot-lot kedai ini terutamanya di kawasan luar bandar, kalau dari segi pesisiran jalan di kawasan negeri Sabah ini kalau menghalau daripada Kota Kinabalu sampai ke Pantai Timur memang banyak aktiviti-aktiviti perniagaan ataupun usaha perniagaan daripada masyarakat luar bandar yang perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian.

■2130

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya menggerakkan bas bergerak ataupun kenderaan bergerak ke kawasan-kawasan luar bandar bukan hanya di negeri Sabah tetapi di seluruh negara bagi memastikan dapat maklumat sebenar tentang perwujudan lot-lot kedai ini sebab ini adalah baik supaya apabila kementerian merancang untuk membina lot-lot kedai ini keadaannya lebih strategik dan ada penduduk yang boleh menyebabkan perniagaan itu berjalan dengan lancar. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab yang ketiga dahulu sebab itu kebetulan saya hendak sebutkan tadi. Oleh kerana pembangunan kedai-kedai MARA di luar bandar ini nampaknya mendapat sambutan kita akan perluaskan lagi termasuklah juga di Sabah dan sebab itu kementerian sebenarnya telah diberikan tambahan peruntukan sebanyak RM50 juta di bawah pakej rangsangan ekonomi bagi menambah bilangan premis-premis tersebut yakni di kawasan luar bandar dan ini sedang kita uruskan dengan cepat bagi membantu usahawan-usahawan merancang kegiatan-kegiatan perniagaan mereka.

Tentang soalan yang pertama dan yang kedua oleh Yang Berhormat Silam ada dua agensi yang khusus untuk siswazah. Yang pertama ialah SME Bank yang di bawahnya ada tabung usahawan siswazah di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan diperuntukkan sebanyak RM100 juta dan yang kedua ialah di bawah PNS, Perbadanan Nasional Berhad yakni program francais siswazah. Akan tetapi di samping dua agensi di bawah kementerian kami itu terdapat juga agensi lain seperti Bank Rakyat, MARA, TEKUN yang juga sebenarnya tidaklah mengehendkan untuk tidak memberi sebarang pembiayaan kepada siswazah.

Yang dimaksudkan dengan kelulusan bersyarat begini. Kalau dahulu seorang mahasiswa yang aktif berniaga semasa di universiti dia perlu menamatkan pengajiannya dahulu. Perlu lulus peperiksaan tahun akhirnya dahulu baru dia boleh dibenarkan untuk memohon apa-apa pembiayaan perniagaan di bawah mana-mana agensi di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Akan tetapi sekarang kita benarkan mereka untuk membuat permohonan itu semasa mereka di tahun akhir dan sekiranya rancangan perniagaan mereka itu *viable* dengan izin kita akan berikan mereka kelulusan dahulu tetapi dengan syarat dia mesti lulus peperiksaan tahun akhirnya. Itu maksud lulus bersyarat.

Berapa lama masa diambil ini bergantung lain agensi lain masanya. Ada yang dalam masa 14 hari, ada dalam masa 40 hari, 45 hari dan sebagainya tetapi saya bagi jaminan Yang Berhormat kita berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan piagam pelanggan dipenuhi yakni proses dipercepatkan. Saya tahu bahawa ada sungutan, ada rungutan yang terdapat dalam kes-kes tertentu di mana permohonan itu mengambil masa yang terlalu lama untuk diluluskan. Yang ini sedang kita ambil tindakan yang sewajarnya supaya ia tidak berlaku lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ingin minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Izinkan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan yang dikatakan tadi pelajar universiti diberi kesempatan untuk melakukan aktiviti keusahawanan walaupun masih lagi di universiti. Cuma saya hendak mohon penjelasan kerana ada satu model yang dibuat di MIT yang dipanggil *Legatum Centre for Development and Entrepreneurship* dengan izin yang mana ditawarkan geran kepada pelajar bukan sahaja untuk membangunkan keusahawanannya tetapi dikaitkan satu kriteria bagaimana keusahawanan tersebut mampu membuat program-program memberi impak kepada masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri saya mohon penjelasan mengenai matlamat pakej pelajar tersebut.

Adakah hanya untuk mengajar mereka untuk menjadi seorang usahawan kerana saya merasakan peringkat itu dua aspek perlu iaitu aspek keusahawanan dan juga aspek kemasyarakatan. Jadi saya mohon penjelasan apakah rasional di sebalik pakej itu. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Asalnya memang program latihan keusahawanan untuk mahasiswa itu adalah untuk mereka berniaga dalam konsep keusahawanan biasa iaitu bawah sistem kapitalis biasa untuk dengan izin *maximization of profit*, memaksimumkan keuntungan. Memang dalam kerangka itu kita benarkan terutamanya apabila AUKU telah dipinda ada IPTA yang dahulunya agak perlahan, saya tak kata tak benarkan. Agak perlahan dalam membenarkan mahasiswa berniaga tetapi sekarang lebih cergas. Malahan hampir di setiap IPTA sudah ada gerai-gerai ataupun kedai-kedai mahasiswa yang bajetnya disediakan oleh kementerian ini dan mahasiswa berniaga dengan menubuhkan syarikat ada yang secara *enterprise*, ada yang secara sendirian berhad dengan izin pihak Hal Ehwal Pelajar dan ada yang melalui koperasi universiti ataupun koperasi pelajar. Jadi nampaknya semakin rancak.

Yang Berhormat timbulkan di MIT persoalan ini belum kita mulakan tetapi ada dua proses yang sedang berjalan. Yang pertama ialah melalui program yang dipanggil SIFE dengan izin *Student in Free Enterprise*. Ini adalah program peringkat antarabangsa yang melibatkan lebih 1,000 universiti daripada lebih 100 buah negara. Program ini meminta sekumpulan mahasiswa, tidak boleh seorang untuk melaksanakan projek keusahawanan tetapi yang terletak di kawasan yang melibatkan bantuan kepada akar umbi.

Sebenarnya apa yang dilakukan oleh SIFE lebih tepat lagi menggunakan istilah *social entrepreneurship* dengan izin, keusahawanan sosial. Bezanya keusahawanan sosial dengan keusahawanan biasa ialah keusahawanan sosial itu meletakkan proses menyelesaikan masalah itu di depan tetapi pada waktu yang sama organisasi yang melakukan keusahawanan itu masih mendapat *profit*, masih mendapat keuntungan. Sebenarnya sudah ada beberapa universiti yang mengajar subjek keusahawanan sosial misalnya Universiti Malaysia Kelantan dan kita telah pun minta maktab kerjasama Malaysia untuk memulakan mata pelajaran baru keusahawanan sosial ini kerana ia adalah satu dimensi baru keusahawanan. Dunia keusahawanan yang perlu dikembangkan yang amat rapat saya fikir dengan ciri-ciri Islam dan juga ciri-ciri masyarakat timur.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga ialah kemasukan pelajar Tingkatan 1 ke MRSM, Maktab Rendah Sains Mara. Kementerian mengambil maklum terhadap adanya pelajar cemerlang UPSR tahun 2008 daripada Ranau yang mendapat 5A tetapi tidak mendapat tempat di MRSM seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ranau. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini kapasiti 40 buah MRSM di seluruh Malaysia hanya mampu menempatkan seramai 5,876 pelajar tingkatan satu dan kita menggunakan polisi 70% pelajar dari luar bandar yang diambil dan 30% pelajar daripada bandar.

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat pada tahun ini terdapat sebanyak 16 permohonan yang telah diterima daripada pelajar yang mendapat 5A UPSR nya dari kawasan Ranau. Namun begitu setelah diproses hanya seramai lapan orang telah berjaya dipilih untuk masuk ke Tingkatan 1 MRSM. Manakala tujuh orang tidak berjaya dipilih kerana mendapat

tawaran ke sekolah berasrama penuh dan seorang lagi tidak memenuhi syarat. Untuk makluman juga syarat kemasukan ke MRSM kini bukan sahaja dinilai dari segi pencapaian akademik semata-mata tetapi dinilai juga dari segi kokurikulum dan latar belakang pendapatan dan ekonomi keluarganya.

■ **2140**

Isu yang keempat, mewujudkan mata pelajaran baru di sekolah menengah dalam bidang keusahawanan. Merujuk cadangan Yang Berhormat Pontian agar kerjasama dibuat di antara MECD dan Kementerian Pelajaran bagi mewujudkan mata pelajaran Keusahawanan di peringkat sekolah menengah, kementerian ini memang berusaha untuk menjadikan keusahawanan sebagai sebuah kerjaya pilihan melalui pelbagai pendekatan dan strategi termasuk pembudayaan keusahawanan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Ini dilaksanakan melalui pelbagai program dan aktiviti dengan melibatkan kerjasama dengan semua agensi kerajaan.

Pandangan Yang Berhormat berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan *syllabus* mata pelajaran baru di sekolah kepada pelajar tingkatan satu hingga lima berkaitan ilmu keusahawanan adalah sangat dihargai. Kementerian ini mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat dan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Pelajaran berhubung dengan perkara ini. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum bahawa di sekolah telah sedia ada mata pelajaran Kemahiran Hidup yang ada unsur-unsur keusahawanan di dalamnya dan juga mata pelajaran Perdagangan bagi pelajar-pelajar sekolah menengah. Bagaimanapun, di samping itu kita akan teruskan dua program yang sedia ada di sekolah di bawah kementerian kami yakni program Usahawan Muda dan juga program-program koperasi bagi membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Isu yang kelima dan terakhir ialah laluan khas teksi dari Rantau Panjang ke Thailand. Merujuk cadangan Yang Berhormat Rantau Panjang agar diadakan laluan khas perkhidmatan teksi dari Rantau Panjang ke Thailand. Kementerian akan membuat kajian berhubung perkara ini memandangkan ia melibatkan perkhidmatan merentasi sempadan Malaysia-Thailand. Walau bagaimanapun bagi mengurangkan kes teksi Thailand mengambil penumpang dari Malaysia ke Thailand, kementerian mengambil maklum akan masalah ini dan akan mengadakan lebih banyak pemantauan berhubung dengan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sikit.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang telah diberi. Menyedari nasib pemandu-pemandu teksi ataupun kereta sewa. Dalam saat kegawatan ekonomi ini kita lihat bagaimana susahnyanya mereka untuk mendapatkan sedikit rezeki untuk menyara keluarga mereka. Jadi apa yang kita lihat pekan Rantau Panjang adalah satu pekan

yang sangat kecil yang mana kita lihat pendapatan mereka sangat terhad. Persaingan berlaku apabila ada lagi perkhidmatan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Di tambah pula dengan kemasukan perkhidmatan kereta-kereta daripada luar negara masuk ke negara kita.

Jadi, inilah yang menjadi keluhan Persatuan Pemandu Kereta Sewa yang sudah lama mereka merasakan bahawa mereka cukup tertekan dengan fenomena yang berlaku. Jadi saya harapkan satu tindakan tegas perlu dibuat supaya tidak membenarkan kereta-kereta daripada luar negara berkhidmat menghantar penumpang dalam negara kita. Begitu juga kajian yang dibuat supaya tambahan perkhidmatan bas itu jangan terlalu banyak menyebabkan penumpang lebih suka menaiki bas kerana mungkin dari segi kosnya lebih jimat tetapi kesannya sangat besar kepada pemilik-pemilik kereta sewa yang kehilangan penumpang. Jadi dalam soal ini saya harap pihak kementerian mengambil satu inisiatif yang tertentu untuk membela nasib golongan pemandu-pemandu kereta sewa ini. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Tentang teksi itu, sebagaimana yang saya katakan tadi kita akan memantau terutamanya tentang kemasukan teksi Thailand yang masuk beroperasi di Malaysia. Ini kita bekerjasama dengan pihak JPJ dan polis khususnya. Cuma saya kurang faham keluhan Yang Berhormat tentang kalau ada bas kemudiannya akan menyebabkan pemandu-pemandu teksi ini merasakan yang periuk nasi mereka agak tergugat. Sebenarnya saya fikir kita harus berlaku adil kepada rakyat dan bukan pemandu teksi ataupun pemandu bas. Kita memberi pilihan. Ini soal keusahawanan. Ada pengusaha yang ingin mengusahakan bas dan ada pengusaha yang ingin mengusahakan teksi dan kita memberikan mereka lesen dan permit seadanya dan sekiranya berlaku perlumbaan antara orang hendak naik teksi dan orang hendak naik bas, saya fikir itu adalah pilihan yang dibuat oleh rakyat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Macam rakyat memilih Barisan Nasionallah di peringkat kebangsaan.

Ini bukan Rantau Panjang, tetapi sahabat. Tidak apalah. Bagi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak tanya soalan yang berkaitan dengan rancangan untuk mengatasi kegawatan ekonomi pada peringkat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Walaupun perkara ini tidak saya bangkitkan secara langsung, tapi ada di antara rakan-rakan Parlimen yang menyebut tentang peranan koperasi untuk dimainkan sekurang-kurangnya kerana kapasiti penyertaan ahli-ahli dalam koperasi ini banyak. Kita tahu ada 800 lebih. Setakat ini 600 lebih dan jangkaan 800 lebih koperasi hendak ditubuhkan atau diwujudkan sebagai enjin jana ekonomi. Dalam keadaan sekarang ini kita tengok stok *share market* kita pun agak mengalami masalah penurunan yang begitu ketara. Sudah tentu keadaan pembayar dividen kepada koperasi juga agak terjejas.

Saya hendak tanya kalau boleh atau dibenarkan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri cadangan kementerian untuk membawa koperasi ini kepada satu tahap yang lebih baik sebab kita tengok daripada tahun 2004 sehingga 2008, dalam masa empat tahun ini, transaksi pun tidak ada bertambah sangat. Sebagai contoh kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, tahun 2004 jumlah transaksi keseluruhan sebanyak 660 koperasi, transaksi ini bernilai RM22,000,940. Ini bukan keuntungan, cuma transaksi. Pada tahun 2005 sebanyak RM22,000,950. Pada tahun 2006 sebanyak RM22,000,949. Pada tahun 2007 angka yang sama juga iaitu RM22.942. Maknanya daripada tahun 2004 sampai ke tahun lepas iaitu 2008, koperasi ini boleh dikatakan gagallah kalau keadaan macam ini. Itu transaksi. Bukan dari segi keuntungan.

Jadi saya kuarir kalau kedudukannya di tahap ini, kita takut jaminan untuk menjadikan koperasi ini sebagai alternatif untuk mendatangkan bantuan kewangan kepada ahli-ahli yang menyertai koperasi itu kita takut gagal. Saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga merasa bimbang kepada fenomena ini dan kalau boleh dalam masa yang singkat ini agaknya cadangan yang lebih baik untuk mengangkat koperasi ini kepada tahap yang kita cadang dan janjikan dulu. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat yang nampaknya membuat *homework* tentang jumlah transaksi koperasi daripada satu tahun ke satu tahun. Akan tetapi apa yang ada pada saya menunjukkan sebaliknya. Secara puratanya kalau kita lihat dari segi nilai modal dan jumlah aset yang terkumpul dari satu tahun ke satu tahun, kalau dari segi modal pada tahun 2006 ialah sebanyak RM7.3 bilion. Ini telah meningkat kepada RM7.8 bilion pada tahun 2007 dan pada suku ketiga tahun 2008 sudah meningkat kepada RM8.2 bilion. Begitu juga dari segi jumlah aset. Meningkat daripada RM37.5 bilion pada tahun 2006 kepada RM49.8 bilion pada suku ketiga tahun 2008.

Jadi nampaknya kita mempunyai angka yang berbeza. Akan tetapi tidak mengapa, Yang Berhormat. Yang pentingnya ialah saya berterima kasih kerana Yang Berhormat menunjukkan minat yang tinggi terhadap perkembangan koperasi. Kita mencuba. Kita cuba untuk meningkatkan.

■2150

Saya terima hakikat bahawa sumbangan gerakan koperasi secara keseluruhannya kepada KDNK negara masih kecil. Masih pada tahap 1%, itu pun kalau diambil kira Bank Rakyat yang paling besar daripada satu. Bagi saya habiskan dahulu Yang Berhormat.

Di samping itu, yang paling banyak itu kerana Bank Rakyat. Sukacita saya sebutkan bahawa Bank Rakyat sebagai agaknya koperasi, bukan agaknya memang betul koperasi Yang Berhormat yang paling berjaya sebab ia adalah Bank koperasi. Baru-baru ini telah mencatat keuntungan yang pertama kali dalam sejarahnya keuntungan sebelum cukai dan sebelum zakat

sebanyak lebih daripada RM1 bilion dan dijangka akan dapat memberikan dividen yang lebih baik daripada tahun-tahun yang sebelumnya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Langkah-langkah yang kita lakukan, misalnya yang pertama menubuhkan KOBERA (Koperasi Bela Rakyat) di setiap Dewan Undangan Negeri dan yang paling penting ialah untuk meningkatkan kualiti koperasi. Kualiti koperasi ini bergantung sekurang-kurangnya kepada 2 iaitu Ahli Lembaga Koperasi dan Ahli Koperasi itu sendiri. Dalam konteks ini Maktab Kerjasama Malaysia yang memang merupakan maktab latihan koperasi yang terulung di rantau ini, bukan sahaja menjalankan program-program kursus pendek seperti yang telah dibuat selama ini dan juga diploma. Malahan sekarang ini pada tahun ini atau tahun lepas lebih tepat lagi, kita telah mula mengambil pelajar pertama untuk mengikuti kursus Ijazah Pentadbiran Perniagaan yang memberi tumpuan khas kepada koperasi yang dibuat dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia. Kita berharap kita dapat meningkatkan profesionalisme di kalangan Ahli Lembaga Koperasi dan Ahli-ahli Koperasi.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat saya minta ringkaskan persoalan Yang Berhormat. Kalau kita hendak berbahas Yang Berhormat makna kita mengulangkan cerita lama Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya berminat untuk membantu kementerian atau sahabat saya berkenaan dengan *specific* bidang koperasi sebab banyak kali seperti yang diingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Memang koperasi ini agak menjadi harapanlah dalam keadaan situasi sekarang ini sebab ia lebih merakyatkan aktiviti ekonomi. Ini kita tidak boleh nafikan. Walau bagaimanapun, kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya setuju dan memang ada maklumat mengatakan ratusan bergantung (*comparison*) dengan izin kepada GDP kita terlalu amat rendah. Walhal kita memang mensasarkan kalau boleh koperasi ini menjadi enjin kedua selepas *structural engine* yang kita letakkan dalam ekonomi kita.

Saya hendak cadangkan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh oleh kerana banyaknya bilangan koperasi kita yang menjana transaksi yang begitu rendah kalau dibandingkan dengan nilai aset dan sebagainya tidak sampai kepada 0.31%. Maknanya ini terlalu rendah dan terlalu tidak *justify* dengan keupayaan sebenar koperasi secara keseluruhan. Barangkali masalah berpunca daripada pengurusan kewangan yang agak lemah sebab saya mendapat tahu setakat ini koperasi-koperasi yang ada di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri masih belum ada satu sistem *centralised auditing* dengan izin.

Sepatutnya kalau berdasar pada pengalaman negara-negara yang *established* dalam kooperatif seperti negara **Scandinavian**. Mereka meletakkan semua keselarasan koperasi ini

bawah satu aspek pengawalan audit sama ada dalaman atau luaran secara *centralised* dengan izin secara berpusat, dengan itu kita boleh kawal serta kita boleh pastikan perjalanan koperasi ini akan mengikut susunan yang betul dan memenuhi matlamat. Sekarang ini, oleh kerana koperasi di duduk bawah kementerian adalah lebih baik kalau kementerian mempunyai *upper hand* dengan izin untuk mengawal penjana terutama dalam bentuk laporan audit supaya masalah pergerakan yang strata, yang tidak *developing*, tidak membangun seperti yang disasarkan tidak lah akan berulang untuk masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Pendek saja, tiga perkara. Pertama saya setuju memang kita perlu tingkatan sebab masih majoriti di kalangan koperasi kita ialah koperasi tradisional, koperasi pinjam-meminjam. Walaupun kita telah mula sejak tahun lepas mengadakan *ranking* koperasi meletakkan seratus yang terbaik di atas dan kita uar-uarkan supaya menjadi contoh tauladan sebagai koperasi yang baik dan yang boleh dijadikan ikutan oleh koperasi-koperasi yang lain.

Kedunya ialah soal kita sedang menggalakkan koperasi di seluruh negara supaya benar-benar berniaga dan tidak hanya menjadi koperasi pinjam-meminjam. Ketiga, soal audit dan juga soal pemantauan. Saya fikir itu di antara sebabnya kita adakan akta yang baru di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Ia lebih terselaras dan insya-Allah saya akan mengambil kira soal memperbaiki sistem pengurusan perniagaan. Ia bukan sahaja soal audit tetapi juga keseluruhan sistem kewangan termasuk *spam management* dengan izin yang perlu diamalkan mengikut *best practices* amalan terbaik di setiap koperasi. Terima kasih.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini terutama yang berkaitan dengan cara terus dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Insya-Allah kita akan cuba memperbaiki prestasi kerja kita dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Menteri di Kementerian Kerja Raya.

9.56 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berbagai perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan menjunjung kasih ke atas Titah Diraja. Saya akan menjawab dan memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya berkaitan dengan isu-isu tol.

Seperti yang telah Menteri memaklumkan kepada sidang Dewan yang mulia ini pada 7 Mei 2008 yang lalu. Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Kadar Tol yang berperanan untuk menjalankan kajian terperinci bagi menangani isu kenaikan kadar tol. Jawatankuasa tersebut diketuai oleh Pengerusi Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan dianggotai oleh Pegawai Kanan Lembaga dan Kementerian Kerja Raya.

Jawatankuasa ini telah mengkaji isu-isu kenaikan kadar tol ini dalam pelbagai aspek dan telah mencadangkan beberapa alternatif serta strategi jangka panjang dan jangka pendek bagi menangani isu tersebut. Lanjutan daripada itu pihak juru perunding iaitu PPMG *Business Advisory*, Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan dengan izin (*Institute Research for Development and Commercialization*), Universiti Teknologi Mara, dan Amin Yap *Company* telah dilantik oleh LLM untuk mengkaji segala aspek bagi mengurangkan beban tol. Kajian tersebut juga bertujuan untuk menangani isu kenaikan kadar tol dan mencari alternatif terbaik untuk tidak menaikkan tol ataupun merundingkan semula bayaran pampasan dari aspek kewangan, operasi dan perundangan. Kajian yang dijalankan adalah merangkumi unjuran trafik hasil kutipan tol dan cadangan yang diberikan dipastikan tidak menjejaskan aliran tunai syarikat konsesi dalam tempoh yang panjang.

■2200

Dalam pada itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Julai 2008 telah bersetuju supaya Kementerian Kerja Raya mengadakan perbincangan ataupun *consultation* dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya dan mengkaji kemungkinan, mengurangkan kadar bayaran tol untuk meringankan beban rakyat. Lanjutan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 30 Julai 2008 tersebut, Jawatankuasa Kajian Tol telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan rundingan dengan pemegang konsesi berhubung cadangan mengurangkan kadar tol di lebuh raya.

Hasil daripada rundingan tersebut, pihak pengurusan beberapa lebuh raya telah memberikan maklum balas positif, berhubung hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar tol. Hasil kajian menunjukkan bahawa beberapa syarikat konsesi, telah menunjukkan prestasi kewangan yang memberangsangkan dan kukuh sepanjang tempoh yang dianalisa.

Manakala ada juga lebuh raya yang tidak boleh menurunkan kadar tol, kerana syarikat konsesi menghadapi masalah kewangan, mempunyai jumlah trafik yang rendah atau konsesi ini baru mula beroperasi dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kementerian mengambil maklum akan bebanan yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya, berikutan kenaikan kos sara hidup. Sehubungan itu, kementerian senantiasa berunding dan menggalakkan pemegang konsesi melaksanakan program *Corporate Social Responsibility*, dengan izin. Langkah ini diharap sedikit sebanyak dapat mengurangkan bayaran tol yang ditanggung oleh pengguna-pengguna lebuh raya.

Sebagai contoh, syarikat konsesi *PLUS Expressways Berhad*, telah pun mengemukakan cadangan balas yang tidak melibatkan sebarang pampasan tunai kepada kerajaan iaitu, Program

Insentif Perjalanan PLUS. Program ini merupakan program *Corporate Social Responsibility* PLUS, dan Lebuh Raya Utara-Selatan Hubungan Tengah atau ELITE, dalam usaha untuk mengurangkan bebanan pengguna kerap atau *regular user* dengan izin, lebuh raya tersebut.

Program tersebut merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) pengurangan kadar tol sebanyak 10%, setiap pengguna kelas satu di luar waktu puncak atau di antara pukul 12.00 tengah malam hingga 7.00 pagi, bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2010.
- (i) pengurangan kadar tol tambahan sebanyak 10% bagi setiap pengguna kelas satu di luar waktu puncak di antara pukul 12.00 tengah malam hingga 7.00 pagi, pada Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas, bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2010. Diskaun terkumpul ini akan diberikan dalam mana-mana antara 7 hari sebelum dan 7 hari selepas satu-satu musim perayaan.
- (ii) rebet sebanyak 5% bagi pengguna lebuh raya yang membayar melalui *electronic toll collection* dengan izin, dibayar royalti program, tertakluk kepada penggunaan minimum sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2010.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada itu Menteri Kerja Raya akan terus berunding dengan syarikat-syarikat konsesi lain yang berdaya maju, yang turut melaksanakan program *Corporate Social Responsibility* masing-masing.

Selepas pendedahan...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Pendang Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya nak tahu tentang penggunaan minimum RM 400 sebulan ini yang diberikan rebet sebanyak 5% tu. Bagaimanakah cara PLUS, ataupun syarikat konsesi ini nak tahu kita menggunakan RM 400, adakah kita membeli *Touch 'n Go* sejumlah RM400 pada satu bulan, ataupun *collection* itu dihimpun ataupun dikumpulkan semasa kita hendak *mengtop-up* kita punya *card* itu. terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini tertakluk kepada pengguna kad sahaja, ini memang ada dalam sistem elektronik, memang dia tahu berapa jumlah diguna, RM200 sebulan bukan RM400, minimum lah. Selepas pendedahan perjanjian konsesi lebuh raya bertol, terdapat banyak pihak yang mencadangkan supaya kerajaan mengambil alih, atau membeli Lebuh Raya Utara Selatan serta lebuh raya-lebuh raya yang lain.

Ia merupakan satu cadangan yang boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun kerajaan memerlukan masa untuk mengkaji dengan lebih teliti dan mendalam, aspek-aspek dari

segi kos dana, modal dan kaedah pembayaran hutang tersebut. Pada masa yang sama, imej dan kredibiliti kerajaan dari perspektif pelabur asing, dan tempatan perlu diambil kira, kerana kerajaan akan dilihat gagal memenuhi komplikasi di dalam pelaksanaan penswastan dan dasar pembangunan negara.

Oleh sebab mengambil alih lebuhraya tol oleh kerajaan akan melibatkan peruntukan kewangan yang tinggi, maka adalah lebih wajar sekiranya kerajaan menggunakan peruntukan kewangan ini untuk tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan serta infrastruktur yang boleh meningkatkan sosial pembangunan kawasan luar bandar, pendidikan, menaik taraf sistem pengangkutan awam dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Kota Melaka Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoon Seng: Nanti. Sebagai langkah atau bukti bahawa kerajaan amat prihatin akan keperluan majoriti rakyat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, semasa saya bahas dalam Titah Diraja ini saya ada buat satu pertanyaan tentang *PLUS Expressways Berhad* yang dikatakan bahawa tadi jawapan oleh Dewan yang mulia ini, tadi tahun 2001 hingga tahun 2008, untung selepas cukai RM 3940.3 juta.

Keuntungan ini saya juga difahamkan bahawa melebihi 70% pemegang saham iaitu di atas tangan syarikat atau GLC. Boleh saya tanya adakah lebih baik kalau kita dapat kaji semula tentang syarat-syarat yang dikatakan, tidak berat sebelah, yang tidak menjaga kepentingan kerajaan atau kementerian ini.

Bolehkah kita kaji semula tentang syarat-syarat ini, sebab kita tadi GLC ini, melebihi 70% pemegang saham di atas tangan GLC. Bukankah kita boleh mendahului inferens oleh kerajaan, atau kementerian untuk mengkaji semula tentang syarat-syarat ini.

■2210

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka. Apa yang telah ditangani dalam konsesi yang ia perlu dihormati jugalah, kita tidak boleh tukar semuanya, kita perlu menjalankan perundingan dengan pihak mereka, mesti hendak kedua-dua belah pihak setuju. Kalau tidak kita ambil langkah satu unilateral pun tidak boleh, ada peluang kita boleh bincang dengan dua pihak.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit tambahan, adakah ini bermakna bahawa masih ada kontrol atau kawalan oleh pihak kementerian tentang PLUS Expressway ini, iaitu dengan GLC-GLC yang berkenaan ini ada wakil duduk sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Adakah ini bermakna bahawa kementerian masih ada kawalan atas keputusan PLUS Expressway ini?

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak sedar yang PLUS ini adalah GLC atau tidak. Saya perlu meneliti. Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat boleh saya tanya sedikit sebab terdapat dalam laporan ini yang paling 30 pemegang saham yang dikandungkan dan nampak yang keempat yang atas ini ialah UEM, GLOB Berhad, EPF, Khazanah Nasional Berhad. Adakah ini sebagai GLC, saya hendak minta tanya.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini *shareholder* sahaja. PLUS bukan segalanya GLC, ada GLC dalam *shareholder*, *shareholding* nya.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Soalan saya iaitu empat ini sudah dapat 70% lebih sebagai pemegang saham yang terbesar di dalam PLUS Expressway ini. Bukankah kementerian ada kawalan atas keputusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Lembaga Malaysia?

Dato' Yong Khoon Seng: Kita... [Ketawa] Sebenarnya saya tidak tahu bagaimana hendak jawab soalan ini, kerana ini memang *shareholder* sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat soalan daripada Kota melaka itu oleh kerana konsesi beri kepada syarikat, yang mana GLC *control majority share*, bukankah ada peluang untuk kerajaan kontrol GLC oleh kerana kita majoriti *shareholder*, jadi itulah persoalannya. Ataupun kita memang sudah 100% sudah tertakluk kepada *agreement* ataupun surat yang kita tandatangani di antara konsesi *holder* dengan kerajaan itu?

Dato' Yong Khoon Seng: Ini memang tertakluk pada perjanjian itu. Kita boleh *influential* kalau ada peluang kita boleh *influential*. Akan tetapi kita perlu juga kedua pihak untuk bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kerajaan adalah terikat melaksanakan kadar tol seperti yang terkandung di dalam perjanjian konsesi. Langkah kerajaan mengurangkan kadar tol akan memberikan implikasi kewangan yang besar.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah, tolong tunggu sampai habis paragraf ini dahulu.

Dato' Yong Khoon Seng: Kepada pihak kerajaan kerana ianya melibatkan pembayaran pampasan kepada syarikat konsesi. Namun begitu atas keprihatinan kerajaan terhadap sektor pelancongan dan sektor pengangkutan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan pembentangan belanjawan pada 29 Ogos 2008 yang lalu, kadar tol bagi bas dikurangkan sebanyak 50% di kesemua lebuhraya kecuali lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura, Link Kedua Tambak Johor dan Bukit Kayu Hitam. Pengurangan kadar tol bas ini akan berkuat kuasa untuk tempoh dua tahun iaitu bermula pada 15 September 2008 sehingga 14 September 2010. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah atau Yang Berhormat Kota Melaka Yang Berhormat ?

Dato' Yong Khoon Seng: Yang Berhormat Rasah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri, saya ada satu soalan spesifik mungkin kalau tidak boleh jawab mungkin boleh bagi jawapan bertulislah. Soalan saya ialah untuk penumpang ataupun pengguna PLUS ini daripada Seremban ke Kuala Lumpur. Kita membayar kadar tol kita di Sungai Besi, Plaza Tol Sungai Besi tetapi bayaran yang dibayar oleh pengguna daripada Seremban ke Kuala Lumpur bayaran tol itu juga termasuk perjalanan di antara Plaza Tol Sungai Besi sampai ke Lapangan Terbang Lama Sungai Besi iaitu kerana PLUS ini dia mengutip bagi pihak Metramac. Saya hendak tahu apakah *arrangement* di antara PLUS dan Metramac butir-butir tersebut. Kutipan tol di antara Plaza Tol Sungai Besi dengan lapangan terbang lama itu. Mungkin itu butiran-butiran terperinci itu boleh diberikan secara bertulis. Terima kasih

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat saya akan berikan jawapan bertulis. Yang Berhormat Kota Melaka saya ingat saya ambil pandangan Yang Berhormat...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bukan yang tadi lagi, saya hendak tanya atas..

Dato' Yong Khoon Seng: Bukan *shareholding* lagi?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bukan *shareholding*. Tadi dikatakan PLUS ini ada bagikan kekurangan dan saya hendak tanya atas dikatakan *offer* atau tawaran oleh PLUS ini, adakah pihak kerajaan masih terpaksa membayar ganti rugi kepada konsesi ini sebab selalu saya nampak alasan oleh kerajaan terpaksa membenarkan PLUS naikkan kadar tol kerana kalau tidak kena bayar ganti rugi sebab terikat dalam perjanjian konsesi ini. Sebab itu saya nampak kita kementerian memang ada kawalan atas keputusan PLUS ini. Saya hendak tanya tadi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tentang PLUS memberikan mula dari 1 Januari 2009 - 31 Disember 2010 adakah semua tawaran ini ada ikat dengan ganti rugi dibayar oleh pihak kementerian atau kerajaan?

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini PLUS menjalankan *corporate social responsibility*. Mereka kurangkan, bagi diskaun. Ini adalah satu diskaun diberi oleh pihak PLUS tidak ada berkaitan dengan pampasan dari kerajaan dia bagi diskaun. Kalau kerajaan tidak mengikut perjanjian, tidak membenarkan kenaikan tol, kalau kadar tol pada masa itu perlu dinaikkan tidak dinaikkan ianya perlu dibayar pampasan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Jika ini sebagai sumbangan kepada masyarakat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat jangan buat macam ini Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Jika ini sebagai sumbangan kepada masyarakat dikatakan tidak perlu kerajaan atau kementerian membayarkan ganti rugilah ini hanya diskaun yang di *offer* oleh PLUS. Saya ingat kementerian

sudah ada kawalan ke atas keputusan ini. Kalau ada mengapa dahulu semua terpaksa membayar berjuta-juta sebagai ganti rugi?

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua kerajaan masih perlu bayar pampasan. Ini adalah diskaun diberi oleh pihak PLUS untuk pengguna jalan. Okey, saya harap dia faham.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit sahaja. Cuma saya ingin penjelasan sebab kita dapat makluman memang banyak duit yang digunakan untuk kerajaan membayar pampasan atau ganti rugi, cuma kita sebagai rakyat biasa tidak faham apa jenis kerugian ini yang dialami ini? Sebab setiap kali orang lalu kena bayar duit. Apa yang dia ruginya? Jadi minta kerajaan, minta penjelasan betul-betul sebab ini adalah melibatkan rakyat keseluruhannya.

■2220

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini memang terkandung dalam perjanjian, di mana lima tahun sekali mereka perlu dibenarkan naik kadar tol. Kalau tidak dinaikkan, dia akan kira unjuran trafik. Dari segi ini kerajaan perlu bayar pampasan. Itu memang, kalau dia naik tol tidak bayar jugalah. Kalau kita tidak benarkan dia naik tol, kita bayar apa yang *different...*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta sedikit Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita lihat di sini, dasar yang dibuat ialah kepentingan syarikat lebih diutamakan daripada kepentingan rakyat sendiri.

Dato' Yong Khoon Seng: Kerajaan tidak benarkan kenaikan tol kerana kita prihatin kepada rakyat. Kerajaan perlu bayar pampasan kerana ianya termaktub dalam perjanjian konsesi. Ini memang satu sistem yang kita telah pun ada manterai dalam perjanjian tersebut. Kita perlu juga mengikut apa yang terkandung dalam perjanjian. Itulah kerajaan prihatin kepada rakyat. Kita tidak benarkan pihak syarikat menaikkan tol.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Yong Khoon Seng: Mungkin dia tidak setuju. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dato' Yong Khoon Seng: Saya belum fikir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Buat dia senang sikit faham Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sikit sahaja. Saya pun kesian juga hendak tanya dekat dia, kepada Yang Berhormat. Akan tetapi malanglah Menteri patut mari jawab, tetapi Menteri sibuk kempen, saya tahu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut bahawa ada potongan 5% sebelah malam selepas daripada pukul 12.00. Ya, tapi bila hendak naik, dia naik 10%. Bila kenaikan tol 10%, dia kurang 5%. Akan tetapi saya hendak sebutlah bahawa ini menggambarkan, apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat ini menggambarkan bahawa

perniagaan paling untung dalam dunia ini di Malaysialah. Ini perniagaan jamin untung Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kalau naik, kita kena bayar.

Tidak naik pun kena bayar juga kepada dia. Ini perniagaan jamin untung. Jadi sebab itu saya hendak tanya berkaitan dengan pengumuman baru ini. Mula umum kata hendak naik, besok umum kata turun. Selepas daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dua minggu dulu kita buat keputusan hendak naik, tetapi oleh kerana dua minggu dulu itu pada waktu itu suasana ekonomi kita tidak seperti mana sekarang. Jadi seolah-olahnya dua minggu selepas itu baru sedar kata ekonomi ini main menurun sedangkan, saya percaya semua pakar ekonomi sudah boleh membaca, membuat unjuran bukan hanya dua minggu tetapi membuat unjuran untuk tempoh dua tahun.

Jadi saya tidak tahu, bagaimana proses membuat keputusan yang dibuat oleh kerajaan terlalu lemah sebegini rupa. Ini proses membuat keputusan. Sudah banyak proses membuat keputusan yang menggambarkan lemah. Dalam isu IJN umpamanya, dalam isu LCCT umpamanya, proses membuat keputusan yang menggambarkan terlalu kerajaan dalam hendak membuat keputusan. Jadi saya minta Yang Berhormat supaya memberikan penjelasan. Apa masalah sebenarnya dalam hendak membuat satu-satu keputusan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh jawab sekali tidak sikit? Kalau boleh jawab sekali gus adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju, kita lupakan sahaja jalan bertol ini. Biarlah dia hendak bayar tol berapa naik tetapi jalan JKR, jalan alternatif ini dinaikkan taraf kepada dua lorong jadi empat lorong, jadi orang tidaklah bising. Kalau kita boleh fokus jalan alternatif, jalan JKR seperti taraf jalan lebu raya daripada dua lorong kepada empat lorong. Pedulikan dengan lebu raya tol ini, hendak naik atau turun. Jadi orang tidaklah bising. Sekian, terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Yang Berhormat ini memang sangat prihatin dan dia ada juga tegur bagaimana kita buat keputusan dua minggu boleh ubah dan cadangan yang itu lebih baik. Cadangan untuk memperbaiki jalan JKR supaya perlu tidak perlu semuanya pakai...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini lagi satu keputusan baru. *[Ketawa]*

Dato' Yong Khoo Seng: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Dato' Yong Khoo Seng: Okeylah saya akan teruskan, banyak lagi. Saya terpaksa potonglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa panjang jawapan Yang Berhormat? Boleh habis dalam masa 5 minit?

Dato' Yong Khoo Seng: Saya akan habis dalam 5 minitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hah, boleh habis.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak dapat jawab sepenuhnya, sebab ramai Ahli Yang Berhormat telah pun menimbulkan status jalan pembangunan, projek-projek di kawasan masing-masing dan ini sangat spesifik dan saya akan memberikan jawapan bertulis dengan *details*. Ini saya ingat itu lebih baiklah. Setiap orang yang timbulkan di dalam perbincangan kita akan jawab. Sudah sedia jawapan, kita akan bagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbincang dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menangani isu kegawatan ekonomi global, kerajaan boleh untuk tidak menaikkan atau mengurangkan kadar tol. Namun langkah ini akan menyebabkan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan. Saya sudah jawab ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, isu pengelasan semula perjanjian konsesi lebuhraya-lebuhraya yang sedang beroperasi juga sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sejak kebelakangan ini.

Sehubungan ini bagi membuktikan ketelusan kerajaan dalam membuat perjanjian dengan syarikat-syarikat konsesi, maka Mesyuarat Jemaah Menteri yang telah bersidang pada 17 Oktober 2008 telah bersetuju supaya perjanjian konsesi lebuhraya yang sedang beroperasi dikelaskan semula selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Sebanyak 23 buah syarikat konsesi lebuhraya telah bersetuju secara bertulis mengenai pengelasan semula perjanjian konsesi. Walau bagaimanapun Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya sehingga kini masih belum memberi persetujuan ke atas pendedahan perjanjian. Sehubungan dengan ini bermula 2 Januari 2009 yang lalu, orang ramai termasuk ahli-ahli politik daripada ahli-ahli pembangkang telah mengunjungi dan menyemak perjanjian-perjanjian konsesi tersebut di bilik yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya. Sejumlah 237 pengunjung yang terdiri daripada ahli politik, wartawan, orang awam, ahli perundangan, syarikat persendirian, ahli dewan perniagaan, syarikat konsesi, pegawai bank dan pelajar telah melihat dan menyemak perjanjian konsesi lebuhraya tersebut.

Kementerian Kerja Raya juga mengambil maklum akan beban yang ditanggung oleh pengguna lebuhraya di Lembah Klang terutama daripada golongan pekerja berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan mengambil langkah berani dan bertepatan dengan masa, iaitu memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol PJ S2 arah Kuala Lumpur, Lebuhraya Baru Pantai pada 13 Februari 2009. Seterusnya memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol Salak Jaya, Lebuhraya Sungai Besi bagi kedua-dua arah pada 24 Februari 2009 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan dan kesungguhan kerajaan dalam menangani peningkatan kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat terbukti apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Februari 2009 untuk memutuskan bahawa kenaikan kadar tol bagi tahun 2009

untuk lima lebuhraya ditangguhkan selama setahun iaitu sehingga 31 Disember 2009. Lebuhraya-lebuhraya yang terlibat adalah Lebuhraya Utara Selatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, berapa lama lagi Yang Berhormat hendak habis?

Dato' Yong Khoo Seng: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis? Habis.

Dato' Yong Khoo Seng: Kecuali Tambak Johor dan Bukit Kayu Hitam, Jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Bertingkat Ampang -Kuala Lumpur dan Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat, Lebuhraya Sungai Besi dan Lebuhraya Baru Pantai.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah katakan bagi projek-projek di kawasan masing-masing, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Cantiklah Yang Berhormat. Pukul 10.30 malam. Terima kasih Yang Berhormat dan pagi esok kita jemput Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi hari Rabu 4 Mac 2009. Selamat malam Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.